

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 44

Rabu

9 November 2016

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2017

Jawatankuasa:

Jadual:

Maksud B.10, B.11 dan B.12 (Halaman 30)
Maksud B.27 (Halaman 111)
Maksud B.20 (Halaman 188)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 27)

Usul Anggaran Pembangunan 2017

Jawatankuasa:

Maksud P.10 dan P.70 (Halaman 30)
Maksud P.27 (Halaman 111)
Maksud P.20 (Halaman 188)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 9 November 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan usaha untuk melonjakkan gaji pekerja kerana dilaporkan gaji median pekerja adalah *stagnant* dan menurun jika mengambil kira kenaikan kadar inflasi.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), penengah gaji atau *median wage* dan upah bulanan yang diterima pada tahun 2015 meningkat dengan kadar 6.5 peratus setahun kepada RM1,600 berbanding RM1,500 pada tahun 2014. Manakala purata gaji dan upah bulanan pula meningkat kepada RM2,312 berbanding RM2,193 pada tahun sebelumnya dengan kadar 5.3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya tidak timbul isu gaji median pekerja adalah *stagnant*. Tidak timbul isu gaji median pekerja adalah *stagnant* dan menurun seperti yang dibangkitkan. Namun bagi memastikan dasar gaji minimum sentiasa selaras dengan kedudukan ekonomi negara Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan membuat kajian semula perintah gaji minimum setiap dua tahun sekali seperti diperuntukkan dalam Akta Majlis Perundingan Gaji Negara iaitu Akta 732.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya struktur ekonomi kita telah dipacu oleh dengan izin *low income labor intensive industries*. Asasnya walaupun gaji median kita RM1,600 seperti yang disebut oleh Menteri tadi tetapi pada tahun 2015, sebanyak 88 peratus daripada pekerjaan yang telah disediakan adalah sebenarnya

pekerjaan asas di mana gaji mediannya sekitar RM1,000 sahaja. Sementara kalau kita lihat pekerja-pekerja ini kadar pertumbuhan dia pula turut menurun daripada 5.2 peratus kepada 2.6 peratus sahaja walaupun kerajaan kita begitu komited sekali dalam RMKe-11, dalam MBE, dalam ETP untuk mewujudkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

Dalam masa yang sama, pertumbuhan produktiviti pekerjaan itu juga menurun daripada 2.8 peratus kepada 1.2 peratus sahaja. Sementara sumbangan pendapatan pekerja kepada GDP kita hanyalah 34.8 peratus sahaja berbanding dengan 42 peratus kepada negara maju ke atas. Ada negara China sampai 50 peratus.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua apakah sebenarnya tindakan secara holistik oleh kerajaan bagi merungkai masalah-masalah yang sedang kita hadapi terutamanya apabila kita mahu mencapai pada ketika ini GNI per kapita *income* kita sebenarnya kita hanya mencapai sebanyak RM36,000 sahaja ataupun USD8,400 ataupun 67 peratus sahaja daripada sasaran sepatutnya kita mesti capai untuk sebuah negara maju sebanyak USD12,475. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Angka yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin bagi kita tidak begitu tepat. Saya menyatakan demikian kerana mengikut *indicators* ekonomi berhubung gaji minimum beliau telah menyebutkan penurunan dari segi produktiviti *rate*. Akan tetapi mengikut *indicators* ekonomi yang ada pada kita mengenai gaji minimum saya sebut di sini pada tahun 2013 tahap produktiviti Malaysia atau *productivity rate* adalah 70,523 lepas itu dia naik pada tahun 2014 kepada 73,091 dan pada tahun 2015 dia telah meningkat kepada 75,538.

■1010

Ini bererti Tuan Yang di-Pertua ini menunjukkan peningkatan tahap produktiviti sebanyak 3.3 peratus Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu saya telah tangkap daripada soalan-soalan yang telah diajukan tentang *inflation rate*. *Inflation rate* atau kadar inflasi Indeks Harga Pengguna Malaysia iaitu ia sebenarnya telah menurun. Kalau pada tahun 2016, kadar inflasi atau *inflation rate* adalah 1.6 peratus, ia telah menurun kepada 2.1 peratus. Ia menurun lagi pada tahun 2014 kepada 3.2 peratus. Dalam tahun 2015 ia telah menurun sebanyak 2.1, peratus Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lama tak nampak Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini Yang Berhormat Kepong boleh.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Saya melihat angka tunjuk produktiviti yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tidak nampak menjelaskan hubung kait antara kenaikan gaji dan produktiviti. Pengalaman saya, Malaysia mempunyai tahap produktiviti yang rendah oleh sebab terdapat kurang peningkatan kemahiran. Jadi pengukuran produktiviti pekerja itu jika diasaskan kemahiran, barulah kita dapat mengukur angka tunjuk-angka tunjuk yang diberikan oleh Menteri. *[Tepuk]*

Boleh tak Yang Berhormat Menteri terangkan apakah langkah-langkah yang sekarang dibuat oleh kerajaan demi meningkatkan peningkatan produktiviti kerja?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah jawab sebentar tadi, *productivity rate* di negara kita sebenarnya telah meningkat dengan peratusan 3.3 peratus dari tahun 2013 sehingga tahun 2015. Bagi pihak MPGN atau Majlis Perundingan Gaji Negara, kita sedang berusaha untuk memastikan bahawa gaji medium atau *median wage* dan *median wage* adalah gaji yang mampu dibayar oleh majikan kepada pekerja. Kita telah mengambil iktibar, kita telah mengambil tindakan agar *median wage* iaitu gaji yang mampu dibayar oleh majikan hendaklah dibayar kepada para pekerja.

Dengan demikian sebenarnya Tuan Yang di-Pertua itulah sebabnya kementerian kita mengenai inisiatif kita sendiri, kita telah menerbitkan sebuah buku iaitu buku '*Panduan Gaji Permulaan*' yang merangkumi 160 pekerjaan terpilih berasaskan kemahiran. *[Sambil menunjukkan sebuah buku]* Buku ini walaupun ia terkandung dalam sebuah buku tetapi ia ada dalam bahasa Malaysia dan sebelah belakangnya adalah dalam bahasa Inggeris.

Buku kajian ini kita akan buat setiap dua kali iaitu selaras dengan kita mengkaji semula gaji minimum. Kita harus *review* atau yang kita harus membuat kajian setiap dua tahun. Sekian terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, adakah kononnya lonjakan gaji dan buku panduan juga untuk tujuh juta orang atau 10 juta orang pekerja asing dengan dan tanpa izin yang menghantar berbilion ringgit balik ke negara asal? Adakah sistem yang berlainan untuk pekerja asing?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong telah menyebutkan perkataan 7 bilion. Saya tidak tahu dari mana beliau mengambil angka tujuh bilion itu. Untuk pengetahuan dan saya menegaskan di Dewan yang mulia ini di negara kita, kita hanya mempunyai *documented foreign workers* 1.9 juta orang sahaja. Maka angka tujuh juta orang itu tidak akan wujud sama sekali. Dari mana dia ambil angka itu saya tidak tahu. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini,

kerajaan telah menetapkan bahawa maksimum pekerja asing yang boleh digaji di Malaysia adalah tidak melebihi 15 peratus daripada keseluruhan para pekerja di seluruh negara.

So, saya tidak berhajat untuk menjawab kerana dia telah menyebutkan perkataan 7 juta. Padahal pekerja di seluruh Malaysia hanya 14 juta orang. *Where do you get a 7 million or 10 million?* Minta maaf. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri bukan marah tetapi itu cara Yang Berhormat Menteri. Ada cara tersendiri Menteri Sumber Manusia.

2. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta Perdana Menteri menyatakan status terkini mengenai ratifikasi *ratification Rome Statute (International Criminal Court Statute)* dan *Arms Trade Treaty* yang telah lama tertunda.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat tengah melihat saya walaupun soalnya dari Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi Yang Berhormat Ipoh Barat tengok saya. Semalam dia sudah tanya soalan ini kepada Yang Berhormat Muar. Soalan sama dan ini banyak kali dia sudah tanya. Jawapan sudah pun dibekalkan.

Akan tetapi walau bagaimanapun saya menghormati Yang Berhormat Ipoh Timur. *[Dewan riuh]* Saya jawablah. Sabar Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya duduk dekat sana Taman Merdeka. Yang Berhormat, kita ceriakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan, pagi-pagi ini mahu gurau senda. Mahu ceria-ceria. Ya sila, sila.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Kenapa serius sangat? Nanti cepat tua Yang Berhormat. Kita teruskan. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Pertanyaan yang sama telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat kawan saya dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan telah pun dijawab oleh rakan seperjuangan saya Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat Ipoh Timur, Malaysia telah menandatangani *Arms Trade Treaty* pada 26 September 2013. Walau bagaimanapun kita hanya bersedia untuk menjadi negara anggota *treaty* tersebut atau meratifikasikannya sebaik sahaja proses pelaksanaan segala kerangka

perundangan, dasar dan hal ehwal pentadbiran yang berkaitan diselaraskan sepenuhnya dengan peruntukan *treaty* tersebut oleh Kementerian Luar Negeri.

Dengan nasihat daripada AG's Chambers. Pada prinsipnya, Malaysia menyokong penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa ataupun International Criminal Court sebagai tribunal jenayah antarabangsa tetap yang pertama untuk memastikan jenayah antarabangsa yang serius seperti *genocide*, jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan dengan izin *crimes against humanity* dan jenayah pencerobohan, *crimes of aggression* dibawa ke muka pengadilan.

Namun bagi maksud Malaysia menjadi negara pihak kepada *Statute Rome* tersebut, pemerhatian dan implikasi daripada segi undang-undang adalah seperti berikut. Pertama, keberkesanan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya selaras dengan prinsip *complimentary* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah artikel 1 *Statute Rome* perlu dipastikan.

■1020

Ini adalah berdasarkan pemerhatian bahawa kes-kes Mahkamah Jenayah Antarabangsa yang melibatkan situasi di Kenya dan Libya gagal mengambil kira prinsip *complementarity* tersebut iaitu pendakwaan di peringkat domestik oleh Kenya dan Libya masing-masing perlu diberi keutamaan terlebih dahulu sebelum kes dibawa ke peringkat Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Dalam erti kata lain, pemakaian prinsip ini dalam kes-kes sedia ada tidak menunjukkan bahawa ia dilaksanakan dengan efektif. Artikel 27, Rome Statut memperuntukkan bahawa kekebalan imuniti atau peraturan-peraturan khas yang terpakai bagi seseorang semasa menyandang jawatan rasminya di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa tidak boleh menghalang Mahkamah Jenayah Antarabangsa daripada melaksanakan bidang kuasanya ke atas orang sedemikian. Inilah masalahnya Yang Berhormat, penerimaan terhadap artikel ini merupakan salah satu aspek penting kerana ia menyentuh isu kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu di bawah Fasal (1), Perkara 32, Fasal (2), Perkara 181, Perkara 182 dan Perkara 183 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, apa-apa pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan hak keistimewaan dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu selaras dengan Fasal (4), Perkara 38, perlembagaan tersebut. C – Malaysia boleh mempertimbangkan untuk membenarkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa melaksanakan bidang kuasanya ke atas suatu kesalahan sekiranya ia berlaku di Malaysia walaupun tidak menjadi negara pihak. Hal ini diperuntukkan dalam Artikel 12(3), Statut Rome yang membolehkan negara-negara bukan pihak memasukkan suatu deklarasi *ad hoc* dengan Mahkamah

Jenayah Antarabangsa bagi maksud tersebut tetapi kedua-dua negara yang terlibat mesti ada *mutual consensus*, dengan izin.

Perkara utama yang menjadi persoalan adalah berhubung kebebasan Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Artikel 13(b), Statut Rome antara lain memperuntukkan bahawa Mahkamah Jenayah Antarabangsa boleh melaksanakan bidang kuasanya terhadap jenayah antarabangsa iaitu *genocide*, jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah pencerobohan sekiranya rujukan dibuat oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang bertindak di bawah Bab 7, Piagam PBB. Dalam hal ini, diperhatikan bahawa terdapat pengaruh Majlis Keselamatan PBB terhadap kebebasan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Peruntukan-peruntukan tersebut secara langsung membenarkan negara-negara ahli majlis keselamatan yang tetap dan tidak tetap, yang bukan negara pihak kepada Statut Rome, mengambil tindakan untuk merujuk sesebuah negara bukan pihak ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Pada masa ini, tiga daripada anggota tetap Majlis Keselamatan PBB iaitu Amerika Syarikat, China dan Rusia adalah bukan negara pihak kepada Statut Rome. Selanjutnya, berdasarkan situasi-situasi yang telah dirujuk ke Majlis Keselamatan PBB setakat ini, konteks keputusan yang diambil adalah tidak jelas.

Contohnya, situasi Sudan dan Libya, dirujuk ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa, manakala situasi di Iraq ketika Operation Iraqi Freedom 2003, dengan izin, mahupun situasi di Palestin telah tidak dirujuk. So, tidak ada konsistensi dari segi pelaksanaan. Justeru, penyertaan Malaysia dalam Statut Rome perlu dikaji dan diberikan pertimbangan yang sedalam-dalamnya oleh kerajaan dan agensi peneraju kerana ia menyentuh perkara-perkara yang mempunyai implikasi undang-undang yang serius seperti kedaulatan Malaysia dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong. Pemerhatian yang berterusan perlu dibuat terhadap perkembangan kes di luar negara yang dibawa ke hadapan Mahkamah Jenayah Antarabangsa seperti Sudan dan Kenya untuk melihat keberkesanan dan kebebasan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya bagi memastikan Mahkamah Jenayah Antarabangsa ini dilaksanakan sebagai satu mahkamah yang adil dan bebas. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan beliau. Seperti mana yang Timbalan Menteri telah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kedua-dua statut ini telah pun ditandatangani lama dan hanya satu ratifikasi sahaja yang belum dapat dijalankan. Atas APP, saya tidak nampak apa halangan Malaysia sekarang

daripada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Malaysia telah menunjukkan dan memberikan komitmen tinggi di antarabangsa mengatakan komitmen Malaysia untuk meratifikasikan APP tersebut. Malah, kami telah menganjurkan satu *regional conference* pada tahun 2015 dan kemudiannya mantan Menteri yang lalu, Yang Berhormat Batang Sadong telah pun memberi komitmen bahawa Malaysia akan meratifikasikan APP tersebut. Jadi, kami tidak faham, jikalau di antarabangsa, kami mengatakan kami akan jalan ratifikasi tersebut tetapi kenapa di dalam Dewan ada pula masalah.

Kedua, saya hanya nak sentuh satu sahaja. Atas jawapan Timbalan Menteri saja mengatakan Malaysia, kita boleh mempertimbangkan untuk rujuk kepada ICC secara *ad hoc*. Akan tetapi Timbalan Menteri sendiri tahu itu memerlukan konsensus daripada kedua-dua pihak. Jadi, seperti kes MH17, laporan JIT yang baru-baru ini mengatakan *nuke missile* itu datang daripada Rusia. Jadi, kalau Rusia tidak setuju, kami tidak boleh rujuk kepada ICC yang mana telah menyebabkan kematian lebih daripada 300 orang penumpang MH17 tersebut. Jadi, janganlah lagi kita terlepas peluang ini untuk menjadikan kes-kes ini, mendapatkan satu keadilan kepada *family*, keluarga mereka yang telah terkorban dalam nahas tersebut. Adakah Malaysia, kerajaan telah memberikan komitmen nyata, jelas, terang tetapi tidak ingin meratifikasikan? Hanya Kabinet *approval* sahaja yang diperlukan sekarang. Itu sahaja. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, jawapan Menteri dah panjang, soalan pun panjang-panjang.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya akan jawab dengan pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Pertama, kesediaan Malaysia sudah pun tertera, sudah diberitahu, cuma lunas-lunas dan juga perincian perjanjian itu perlu dikaji betul-betul sebelum ditandatangani. Saya dah beritahu dalam jawapan tadi di peringkat pertama dan saya setuju bahawa kesan-kesan kepada keluarga itu begitu mendalam. Itu sebab pada awalnya Kabinet telah bersetuju dan bila dihantar balik kepada kementerian dan AG, maka ada perkara-perkara yang perlu dihalusi lagi. Setelah betul-betul dihalusi, kalau sekiranya keadilan itu nampak seluruh dari peringkat antarabangsa itu, boleh kita ratifikasikan perjanjian ini. Saya tidak mahu, saya mengakui bahawa kita tidak mahu menjadi *vulnerable*, dengan izin. Dalam keadaan tertekan untuk tandatangan dan kedaulatan negara tergadai. Itulah prinsip yang digunakan tetapi secara khususnya, kita bersedia dengan ratifikasi ini. Cuma tunggu untuk dilunaskan. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Menteri, 231 juta orang rakyat Malaysia terkorban abad ke-20 sebab senjata, sebab utamanya pemerdagangan senjata. Menurut SIPRI iaitu *Stockholm International Peace Research Institute based in Sweden*, kebanyakan senjata yang dijual, 80 peratus adalah negara-negara yang menjadi anggota majlis keselamatan. Jadi ironinya, orang yang jual senjata ini yang nak *regulate*. Jadi, soalan saya kepada Menteri, saya minta kerajaan supaya berhati-hati dalam kita meratifikasi ini dan melihat pasti senario di dalam tandatangan TT ini supaya kita tidak terjebak dalam usaha-usaha kita yang dilakukan, umpamanya macam berlaku di Ukraine, MH17. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

■1030

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah sebabnya saya balik kepada konsep tadi. Kalau kita *double standard* untuk negara maju dan juga untuk negara kita, maka kedaulatan kita terabai dan akan diperdagangkan. Itu sebabnya kita tengok senario di Iraq, Kenya, Libya yang saya katakan tadi di mana kalau kita gunakan lunas-lunas adil untuk membicarakan semua di peringkat ICC, maka boleh kita terima dengan senang tetapi ada juga berat sebelah. Kadang-kadang untuk kepentingan domestik, untuk *domestic policy, foreign policy* dikompromi.

Itu sebabnya kita kena lihat betul-betul siapa dan siapakah yang akan mengawasi ICC? Adakah kuasa-kuasa terbesar atau ada satu *fraternity* yang betul-betul adil dalam melaksanakan ini? Saya setuju reaksi daripada Yang Berhormat Ipoh Barat adalah kerana MH17 yang telah membawa kepada penderitaan tetapi kita akui, dalam kita simpati tetapi perjanjian ini satu yang begitu besar sekali, implikasinya besar. Kita kena betul-betul melihat dulu sebelum kita buat. Kita setuju *double standard* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada lagi? Semalam pun dah panjang. Pagi ini pun dah panjang. Manis senyuman Yang Berhormat Ipoh Barat, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun sangat sedap untuk didengar tetapi ada banyak *inconsistency*. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu mula dengan katakan saya adalah setiausaha untuk *Parliamentarians for Global Action* di mana pengerusinya adalah Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri, Ahli Parlimen Padang Rengas dan timbalan adalah Dato' Sri Hajah Nancy, Yang Berhormat Batang Sadong. Saya hendak ingatkan bahawa soalan *foreign policy compromise* untuk mengkaji, itu semua tak wujud sekarang *because the highest body of this country to*

rectify, to agree to all treaties is the Cabinet. Kalau Cabinet sudah membuat keputusan pada 2011, who are others to ask any question in this country?

Seorang Ahli: Semalam sudah cakaplah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ha, itu sudah cakap. Bila kita cakap sampai semalam, sampai hari ini, 12 tahun *in* Parlimen saya ada bangkitkan perkara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cadangkanlah *there are many intricacies on this matter*. Jangan kita ubah Tuan Yang di-Pertua, pada 7 Jun 2010, apa Dewan Rakyat buat? Ada satu sesi *emergency* untuk dua hari. Untuk apa? Untuk merujuk Israel ke *International Criminal Court*. Kita cadangkan menggunakan *...International Criminal Court* melalui Turki. Resolusi Nombor 7 diterima oleh Parlimen. Bukankah perkara ini satu perkara di mana kita telah kaji sedalam-dalamnya? Pada waktu sekarang, mengkaji dan kaji itu semua di sekolahlah Yang Berhormat, *with the highest respect*.

Saya kata selepas Cabinet membuat keputusan dan dua hari sebelum ini Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa perkara itu telah dirujuk kepada Peguam Negara untuk Peguam Negara membuat dokumentasi untuk menyerahkan kepada United Nation. Itu sahaja, *that is automatic*. Tidak ada soalan boleh ditanya, *there is no more question. Who can question the Cabinet? Can you question the Cabinet? No*. Cabinet tidak bagi apa-apa arahan untuk mengkaji.

Saya haraplah Yang Berhormat kalau boleh tolong. Saya pohon agar Yang Berhormat boleh mengadakan satu perbincangan dengan *Parliamentarians for Global Action* di mana saya, setiausaha dengan Ahli-ahli Parlimen dengan *AG Chambers* kerana *in this twelve years, many people have come and gone in AG Chambers* tapi saya lagi sini ada. Tuan Yang di-Pertua, *on the all the issues* yang Yang Berhormat Senator Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy *with respect*, yang bangkitkan, *I can answer one after another*. Kalau Jordan an Islam country *absolute monarchy can become members, no reason for Malaysia...*

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Ipoh Barat, *I will give you an answer, Sir*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *So, can you at least arrange with the committee supaya perkara ini dapat difacilitate. Thank you.*

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya terharu dengan emosi kerana *he is involved* dalam benda ini dah lama, *I know*. Dengan izin, *he is very involved in this mechanism to make sure he is very passionate about it* cuma *if a Cabinet decision is made Sir* dengan izin, *there is always these things of making sure that the legal clauses are very made perfect because this is very- you*

know, it is very ambiguous when you write, you must make sure it's done and I agree with you, saya akan bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Dengan izin, Yang Berhormat.

Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu supaya perbincangan ini boleh dilakukan. Saya akan bincang dengan bos-bos, *your bosses, Sir. So you can talk to them. You* kawan sendiri, pergi bincanglah dengan dia. Mesti boleh dimudahcarakan, *where are the problems?* Akan tetapi *going to the bigger picture, how do you reconcile, dengan izin, the constitution powers that we in this Dewan luluskan for the King? When that is the crossroad, we have to find answers first.* Itulah sebabnya *but anyway this can be done. Thank you,* terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan punca gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di kawasan perbandaran Sandakan dan cara-cara untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Batu Sapi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya mengambil maklum akan kekerapan gangguan bekalan elektrik yang berlaku di bandar-bandar utama di negeri Sabah. Ini termasuk Sandakan yang mencatat bacaan *System Average Interruption Duration Index* ataupun SAIDI tertinggi di antara bandar-bandar utama di Sabah iaitu 316.32 minit setiap pengguna sehingga 30 September 2016. Punca utama yang telah dikenal pasti menyebabkan gangguan-gangguan tersebut ialah kilat, kerosakan peralatan dan kerosakan kabel bawah tanah.

Bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik ini di peringkat negeri dan juga di Sandakan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama-sama dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah menubuhkan pasukan kerja yang dikenali sebagai Task Force SAIDI 150 ataupun TF150 yang terdiri seramai 45 orang pegawai TNB dan 15 orang pegawai SESB. Objektif penubuhan TF150 adalah memastikan SAIDI Sabah supaya kurang daripada 150 minit setiap pengguna satu tahun bagi tahun 2018 dalam tempoh 18 bulan bermula pada 17 Oktober 2016 dan mengurangkan aduan gangguan bekalan elektrik sehingga 80 peratus.

Kawasan tumpuan pelaksanaan TF150 adalah sektor satu terdiri daripada Kota Kinabalu, Sandakan, Wilayah Persekutuan Labuan dan Tawau serta beberapa kawasan

dalam sektor dua iaitu Kota Marudu, Kota Belud, Tuaran dan Papar. Setiap kawasan yang ditentukan ini telah disasarkan supaya mencapai bacaan pengurangan SAIDI sebanyak tidak kurang daripada 50 minit pengguna setiap tahun. Terima kasih.

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan. Soalan tambahan saya ialah daripada segi sasaran untuk mengurangkan gangguan atau SAIDI dengan izin *System Average Interruption Duration Index*, berapa jumlah pengurangan SAIDI yang disasarkan dan berapa bajet yang disediakan untuk tujuan tersebut? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sentuhkan tadi pada kiraan sehingga sekarang ini SAIDI bagi Sandakan adalah 319. Sasaran kita melalui *task force* 150 mengurangkan tidak kurang 150. Kami yakin, *I think* Sandakan kita boleh kurangkan tidak kurang daripada 100 untuk 12 bulan yang akan datang. Ertinya *we should be around the 200, 200 mark*. Untuk tujuan tersebut, beberapa langkah telah pun dirancang. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Sapi dan Yang Berhormat Sandakan, misalnya bagi tahun ini sehingga hari ini empat kali adalah yang SAIDI daripada disebabkan oleh kilat.

■1040

Ini pula kawasan Sandakan begitu sering kali diserang kilat khususnya bagi *network* kita yang 33kV. Dan oleh sebab juga kecurian *copper wire* khususnya di bawah *towers*, maka apabila ini terjadi kilat, maka *the earthing* tiada lagi dan itulah *tripping* begitu banyak sekali. Empat kali tahun ini, hampir keseluruhannya 35 minit adalah daripada kilat sahaja. Untuk tujuan tersebut, tindakan-tindakan seperti menambah baik *tower footing resistance*. Begitu juga dari segi pencurian ini, mereka suka mencuri *copper wire* kerana satu kilo *copper wire* mahu RM30, RM40. Pihak SESB sedang memikirkan atau merancang menggantikan *copper wire* ini dengan *carbonite steel* yang tiada nilainya.

Selain daripada itu juga, untuk memperbaiki ialah melaksanakan seperti *partial discharge, mapping* bagi kabel-kabel bawah tanah dan kerja '*info right*' *demography ultrasound scanning*, untuk memastikan mana-mana *connectors* yang perlu ditukar sebelum pun ada *tripping*. Pada masa yang sama, juga menguatkan *network* 33kV tersebut, pihak kementerian bersama SESB dalam proses membina satu pencawang masuk utama di Seguntor yang memakan belanja RM65 juta. Dan dalam perancangan tahun hadapan ada satu lagi PMU (pencawang masuk utama) di Elopura yang kosnya adalah RM123.57 juta. Keseluruhan untuk **artech...** SAIDI bagi Sandakan akan menelan belanja RM113.3 juta.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri memberi satu jawapan begitu jelas, terima kasihlah. Akan tetapi yang pentingnya, Sandakan setiap hari menghadapi gangguan elektrik. Ini bukan sejak beberapa tahun, / *think more than 10 years* pun begitu berlaku. Jadi jawapan walaupun Menteri ada memberi sebanyak bajetkah, bagaimana langkah-langkah untuk menyelesaikan tetapi, malangnya setiap hari Sandakan gangguan elektrik. Soalan saya ialah bila, berapa lama lagi Yang Berhormat Menteri boleh janji Sandakan gangguan ini ditamatkan. Ini sahaja.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Sandakan, saya telah pun jelaskan tadi bahawa usaha-usaha sedang dilaksanakan, ada sasaran SAIDI, ada sasaran masa. Dalam 18 bulan yang akan datang, saya yakin SAIDI boleh di bawah 200 pengurangannya tidak kurang 100. Untuk SAIDI Task Force 150 bagi Sabah ini, yang menelan belanja untuk maklumat tuan-tuan dan puan-puan dijangka kira-kira hampir RM300 juta keseluruhan dan Sandakan 113.

Saya telah menubuhkan satu pasukan audit Implementasi yang akan turun padang daripada ST dan kementerian dan juga pihak TNB supaya semua program ini betul-betul dilaksanakan mengikut jadual dan mengikut KPI-KPI. Jadi Yang Berhormat Sandakan, saya yakin bahawa ada impak yang besar. Nanti saya boleh Yang Berhormat untuk turun padang bagi periksa kerja-kerja ini. Sebab kalau ini kena dilaksanakan ini adalah melalui— kita menyerang SAIDI di Sabah sebab mesti dalam bentuk lebih daripada 300 *despite investment* yang melebihi RM200 bilion untuk empat tahun ini. Saya sendiri tidak puas hati. Jadi itulah, sebelum siap kerja ini kita mahu capai untuk negeri Sabah. Saya boleh bawa Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turun padang bersama-sama, bukan turun padang bermain golf ya. Turun padang kerja di bawah sana.

Minta Ahli Yang Berhormat juga membantu mengenai kecurian ini Yang Berhormat. Kes pencurian ini pihak SESB *estimate* RM46 juta setiap tahun hilang. Kita perlu kerjasama dengan komuniti. *Deal* dengan komuniti supaya sama-sama memantau.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sandakan, ini soal sesi jawab lisan, bukannya perbahasan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, nanti kita jumpa di belakang sana pun bolehlah. Okey Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin ada perubahan yang besar. Bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan tersebut boleh menghubungi pihak kementerian dan saya supaya kita pergi turun padang bersama-

sama memastikan kerja yang dirancang dan jadual yang ditentukan itu dapat dicapai. *Insyallah, thank you.*

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal gangguan bekalan elektrik ini saya nak tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah terdapat sebarang kajian yang dilakukan bagi menggunakan sumber tenaga hijau seperti penggunaan teknologi turbin angin dan solar sebagai salah satu tenaga alternatif yang mana masa hadapan, khususnya bagi negeri Sabah memandangkan negeri tersebut kaya dengan hasil semula jadi. Soalan yang secara terus kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah pernah dibuat? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah atas minat dan penelitian tersebut. Sememangnya ini antara rancangan yang telah kita laksanakan, khususnya bagi kawasan negeri Sabah yang luas. Jadi kita percaya bukan sahaja tenaga yang boleh diperbaharui itu mempunyai potensi yang banyak di negeri Sabah. Tetapi boleh menjadi satu sumber *capacity building* tenaga *on stand alone basis*.

Jadi misalnya, dua tahun ini kita memberi kira-kira 20 megawatt untuk solar satu megawatt satu. Jadi itu telah membantu untuk *supplement* khususnya di kawasan pantai timur termasuk Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Pada masa yang sama mulai tahun depan 50 megawatt juga akan telah diperuntukkan untuk negeri Sabah untuk *open bidding* termasuk di Semenanjung saya katakan sebelum ini, 200 megawatt. Jadi inilah khususnya solar PV kerana dia punya *radiant* sudah begitu tinggi. Hampir sama dengan Kedah.

Bagi sumber-sumber baharu yang lain, khususnya *biomass* dan *biogas* ini masih lagi digalakkan di peringkat negeri Sabah dan pada saat ini *biomass* sahaja melebihi 30 megawatt. Walaupun beberapa kilang atau loji ini mempunyai masalah bekalan **stuck** walaupun sawit di kawasan sawit dan *waste* daripada sawit di Sabah ini banyak. Dari segi gas pun kira-kira enam megawatt yang telah mencapai*CD* ataupun sudah COD. Jadi usaha-usaha ini akan terus berterusan.

Juga tenaga diperbaharui kita ada satu *geothermal* di Tawau dalam proses peringkat akhir untuk *final production well* dan baru saja satu kajian hampir selesai oleh Universiti Terengganu dan juga beberapa badan luar yang mengatakan bahawa negeri Sabah khususnya kawasan *northern* Sabah, Kudat sampai Kota Belud mempunyai potensi untuk *wind*, untuk angin. Satu *estimate* antara 200 sampai 300 megawatt boleh di-*harvest*. Ini dalam peringkat terakhir untuk perbincangan untuk memastikan sumber tenaga bukan sahaja yang di loji itu, bukan sahaja daripada gas atau diesel tetapi khususnya sumber-sumber yang boleh diperbaharui. Terima kasih.

4. **Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah pihak sekolah melaporkan ketidakpatuhan syarikat keselamatan pada mana-mana kontrak JPN atau PPD selaras surat peringatan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian bertarikh 20 Mac 2013 berkaitan perkara ini memandangkan dana sejumlah RM 800 juta setahun telah diperuntukkan bagi tujuan perkhidmatan kawalan keselamatan yang melibatkan 10,800 buah sekolah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada sekolah yang membuat aduan tentang ketidakpatuhan syarikat kawalan keselamatan kepada kontrak yang telah ditandatangani. Walau bagaimanapun, bagi memantapkan pemantauan oleh pihak sekolah, institusi pendidikan terhadap kontraktor kawalan keselamatan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Arahan Pentadbiran pada bulan Mei 2015 dan buku panduan Pengurusan Kontrak pada bulan Julai 2015 kepada semua sekolah, institusi pendidikan untuk dijadikan rujukan dalam menguatkuasakan kontrak.

■1050

Selain daripada itu, bagi memantau prestasi kontraktor secara keseluruhan, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengeluarkan garis panduan pemantauan prestasi pada bulan April 2016 untuk digunakan oleh pihak sekolah dan juga institusi-institusi pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada 2013 pun sudah ada masalah ini ditimbulkan dan wajar Jabatan Audit Negara mengambil kesempatan untuk mengaudit perkara kontrak mengenai dengan kawalan keselamatan sekolah. Ekoran pada itu memang ada sedikit perubahan dan seperti mana jawapan tadi mengatakan sudah ada arahan baru pada 2015. Ini menunjukkan bahawa arahan pada 2013 mungkin tidak berkesan dan perlu ada kawalan baru, arahan baru, peringatan baru pada 2015.

Namun begitu, masih ada lagi masalah berkenaan dengan kawalan keselamatan sekolah-sekolah. Ini atas fizikal *inspection* di sekolah-sekolah yang ada dan ada juga sekolah yang tidak membuat laporan. Kerana apa? Kerana ada yang mengatakan laporan tidak berkesan, tak ada yang mengambil tindakan dan juga tidak- ada sedikit persefahaman di antara pihak sekolah dan syarikat keselamatan.

Dalam keadaan ini, di sekolah-sekolah ini kadang-kadang pegawai keselamatannya, tukang kebun menjadi pengawal keselamatan. Ini bukan satu perkara

yang luar biasa. Ini memang ada di sekolah-sekolah di luar bandar. Jadi saya mengharapkan, ataupun soalan saya yang kedua inilah, setakat mana seriusnya kita, kementerian untuk menentukan kerana ini kontrak berjuta-juta, beratus juta dalam 10,000 sekolah. Mengambil tindakan supaya kontrak ini dilaksanakan mengikut penyelarasan yang ada, kriteria yang ada dan tindakan yang telah diambil dengan syarikat-syarikat keselamatan ini yang tidak menjalankan tugas mengikut panduan dan kontrak yang ditentukan. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Terima kasih kerana membangkitkan beberapa isu *pertinent* kepada soalan asal. Yang Berhormat, dalam aspek di mana Yang Berhormat katakan laporan tidak berkesan itu tidak begitu betul kerana kita telah menerima hampir 30 laporan 2015 dan 2016 daripada sekolah-sekolah dan sebagainya. Apabila laporan itu dibuat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, kita sudah tentu akan mengambil tindakan. Contohnya pada tahun 2015 dan 2016 sahaja, 24 syarikat telah diberhentikan kontrak. Daripada 24 syarikat yang diberhentikan kontrak, hampir 30 peratus daripada syarikat yang diberhentikan kontrak ini diberhentikan sebab prestasi mereka tidak memuaskan dan laporan telah dibuat pada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan sebagainya.

Kita membuat siasatan dan apabila ada kebenaran laporan dan siasatan itu benar, laporan yang benar, maka kita ambil tindakan yang sewajarnya, termasuk memberhentikan kontrak syarikat-syarikat tersebut Yang Berhormat. Kita akan terus memantau dan bagi kita di Kementerian Pendidikan Malaysia, keselamatan sekolah sangat-sangat penting. Yang pentingnya laporan itu perlu dibuat. Laporan daripada pihak PIBG, pengurusan sekolah boleh dibuat terus kepada PPD, JPN dan siasatan akan dilakukan juga. So, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil apa juga langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan tahap keselamatan dan prestasi syarikat-syarikat yang menawarkan diri mereka untuk melaksanakan tanggungjawab ini dilakukan dengan cara yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sama ada di antara langkah-langkah yang Kementerian Pendidikan sedia untuk mengambil bagi mengatasi masalah yang kita dengar sebentar tadi. Adakah di antara langkah-langkah itu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementerian Pendidikan boleh menimbang agar kuasa untuk menentukan keselamatan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang lain di peringkat sekolah itu dibuat keputusannya oleh peringkat sekolah dan PIBG itu sendiri.

Saya mendengar cerita ini seolah-olah adanya jarak di antara mereka yang membuat keputusan dan mereka yang dikehendaki memantau.

Pihak yang membuat keputusan di peringkat kementerian menunggu-nunggu laporan dan mungkin kalau kita dekatkan jarak itu, maknanya pihak sekolah dan PIBG diperkasakan untuk membuat keputusan ini mengenai dengan keselamatan, mengenai dengan kontrak makan, mengenai dengan kebersihan. Tidak payah lagi pihak atasan untuk sentiasa menunggu laporan, malahan boleh memantau secara *random*, secara tersusun kepada kuasa yang diberikan ke peringkat bawah. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perkasakan peringkat sekolah dan PIBG, kita akan dapat nilai tambahan daripada perbelanjaan dana awam dan juga akan memberangsangkan ekonomi tempatan daripada cara kita hari ini dengan membuat keputusan secara pusat di peringkat atas. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat memang merupakan di antara kaedah-kaedah pembaharuan dalam pelan pembangunan pendidikan Malaysia yang mana kita hendak memberi kuasa-kuasa ini kepada dengan izin, *decentralized decision-making process in the Ministry of Education*.

Ini di antara agenda-agenda transformasi pendidikan dilakukan buat masa ini Yang Berhormat. Buat masa ini pun Yang Berhormat, apabila syarikat-syarikat ini dipelawa untuk mengambil bahagian dalam tender, proses penilaian semua ini dilakukan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri, semua. Daripada penilaian itulah dihantarkan senarai syarikat-syarikat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan syarikat-syarikat tersebut.

Hampir 400 lebih syarikat yang terlibat dalam proses memberi kawalan keselamatan ini dan saya ambil- kita daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan hati yang terbuka menerima cadangan-cadangan ini dan kita akan pasti menilai setiap cadangan yang diterima dan akan melihat yang mana terbaik untuk memastikan kawalan syarikat dan prestasi-prestasi dapat kita menambah baikkan dari masa-masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sekijang, ringkas ya.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya, tadi Yang Berhormat Telok Kemang pun ada sebut cuma Menteri mungkin tak perasan. Saya ingat isu pengawal keselamatan ini memang agak serius kerana di beberapa tempat, ada pengawal-pengawal keselamatan yang diambil

oleh sekolah-sekolah ini ialah mereka yang bukan dalam kriteria yang sepatutnya boleh menjadi pengawal.

So, apakah kerajaan melalui JPN dan PPD berhasrat untuk mengetatkan lagi syarat pemilihan pengawal keselamatan ini supaya hanya bekas-bekas polis, tentera, warga tempatan dan had umur tertentu sahaja yang boleh dipilih untuk menjadi pengawal keselamatan dan sudah pasti mereka ini tidak akan gagal untuk memenuhi tanggungjawab mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang tidak sama sekali membenarkan pekerja-pekerja asing menjadi pengawal keselamatan. Tidak dibenarkan sama sekali. Kalau didapati ada pekerja-pekerja asing terlibat dalam proses menjadi pegawai pengawal keselamatan di mana-mana sekolah, saya harap ada laporan dibuat kepada pihak PPD, JPN. Supaya kita dapat mengambil tindakan serta-merta. Memang tidak dibenarkan dan mereka harus menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan dan sekiranya mereka tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan, kita tidak akan ragu-ragu untuk menamatkan kontrak mereka kerana kita pernah membatalkan kontrak-kontrak tersebut.

■1100

Seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, kita telah menamatkan hampir 30 peratus daripada syarikat-syarikat yang telah ada laporan. Daripada 24 laporan, 25 laporan yang kita terima, 30 peratus syarikat yang kita tamatkan kontrak ialah kerana prestasi perkhidmatan mereka tidak memuaskan dan kita akan memastikan perkara ini dipantau. Sekiranya perlu, kita akan mengetatkan lagi syarat-syarat pengambilan pengawal keselamatan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga memastikan seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi, Yang Berhormat Sekijang sebentar tadi, kita juga ingin memastikan bahawa apabila saringan tender ini dilakukan, kementerian melakukan penggiliran penilaian tender. Selain daripada itu, KPM juga menjemput penilai-penilai tender daripada agensi atau kementerian yang lain untuk membantu dalam penilaian tender dan lantikan syarikat kawalan keselamatan dilakukan berdasarkan kepada prestasi tender sebelum ini. Maka, kalau ada prestasi tidak memuaskan, mereka kemungkinan besar tidak akan layak melakukan proses keselamatan selepas ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan sejauh manakah keberkesanan fungsi EMGS dan kesan positif sejak penubuhannya, termasuk dalam aspek pengurusan dan penawaran pendidikan kepada pelajar asing dalam aspek kualiti sahiah dan keperluan akademik untuk mereka kembali berkhidmat dan menyumbang kepakaran kepada negara mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Parit atas soalan yang berkaitan dengan EMGS.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dengan izin, merupakan sebuah syarikat berhak mengikut jaminan SPMJ *guaranteed limited company*, dengan izin yang bukan berasaskan keuntungan. EMGS diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi dan pengurusan berikutan pelajar antarabangsa di Malaysia.

EMGS melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan konsisten melalui *screening* atau saringan permohonan visa pelajar antarabangsa sebelum pelajar tersebut memasuki Malaysia atau diberikan pas pelajar oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). EMGS akan memastikan semua pemohon telah mematuhi semua syarat yang dikuatkuasakan oleh agensi yang berkaitan sebelum dibenarkan mengikuti pengajian mereka di institusi pendidikan tinggi. EMGS juga berperanan dalam pengurusan dan pengoperasian permohonan visa yang lebih cekap dan konsisten.

Sehubungan itu, setiap permohonan visa kebenaran pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia perlu melalui tapisan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi telah menguatkuasakan syarat iaitu memastikan semua IPT yang menawarkan pengajian kepada pelajar antarabangsa adalah berlandaskan kepada program dan pelajar yang berkualiti dan sah. Proses saringan melibatkan beberapa perkara:

- (i) setiap IPT perlu melalui proses penilaian dan saringan sebelum diberi kelulusan untuk merekodkan pelajar antarabangsa. Surat kelulusan ini dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah mendapat syor daripada KPT;
- (ii) setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa mesti memperoleh akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi akan mengeluarkan surat kelulusan kursus pengajian setelah mendapat maklum balas daripada MQA;

- (iii) EMGS akan menyemak semua kelayakan akademik pelajar bagi memastikan pelajar yang ditawarkan tempat telah memenuhi syarat kelayakan akademik seperti yang terkandung di dalam surat kelulusan kursus pengajian;
- (iv) JIM akan mengeluarkan pas pelajar setelah permohonan mendapat surat sokongan EMGS dan pelajar didapati bebas daripada sebarang rekod jenayah dan sebagainya;
- (v) pelajar juga disyaratkan lulus pemeriksaan kesihatan dan memiliki polisi perlindungan insurans mengikut spesifikasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (vi) syarat tambahan dikenakan kepada pelajar dari negara-negara Sudan dan Iran iaitu mengemukakan surat tiada halangan atau NOC iaitu *No Objection Certificate*, dengan izin oleh badan kawal selia pendidikan negara masing-masing.

Menerusi sistem *Student Application and Registration System* (STARS), dengan izin, EMGS telah mewujudkan satu mekanisme pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia dengan cekap dan berkesan. Matlamat berkenaan dapat disalurkan oleh EMGS kepada mana-mana agensi kawal selia untuk rujukan dan tindakan serta-merta.

EMGS telah melaksanakan permohonan visa sepenuhnya atas talian dengan meningkatkan kapasiti dan kesediaan sistem aplikasi permohonan visa iaitu MyIMMs milik Jabatan Imigresen Malaysia dan STARS milik EMGS. Kemudahan ini disediakan kepada semua institusi dan pelajar untuk muat naik dokumen yang diperlukan ke dalam sistem secara atas talian. Pelaksanaan penambahbaikan ini akan memastikan kelulusan visa dengan rujukan akan diperoleh dalam masa 14 hari bekerja. Penambahbaikan ke atas proses permohonan pas pelajar antarabangsa ke IPT di Malaysia telah dilaksanakan bermula 1 Oktober 2016.

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi juga membuat pemantauan dan memeriksa IPT bagi memastikan IPT mematuhi garis panduan dan piawaian pengambilan pelajar antarabangsa. Setiap IPT perlu mengemukakan laporan pelajar antarabangsa setiap suku tahun empat kali setahun kepada KPT. Manakala bagi IPTS pula, sekiranya didapati melanggar syarat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa, KPT akan mengesyorkan kepada KDN untuk menarik balik *license* kelulusan yang diberikan kepada IPTS berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang telah menjawab soalan tadi. Soalan

tambahan saya, berapakah statistik terkini kemasukan pelajar asing ke IPTA dan IPTS yang telah direkodkan oleh EMGS? Benarkah ada dakwaan yang mengatakan bahawa ada daripada pelajar-pelajar antarabangsa ini yang terlibat dengan kerja-kerja jenayah? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Saya tidak ada statistik yang diberi yang berkaitan dengan pelajar asing tetapi saya boleh bagi bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia as of 30 Jun 2016 adalah seramai 153,328.

Soalan yang kedua berkaitan dengan kes jenayah dan pelajar yang terlibat dalam kes jenayah akan dirujuk kepada KDN. Sekian, terima kasih.

■1110

6. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah motosikal yang berdaftar berada di jalan raya sekarang. Dari jumlah ini berapa pula penunggang yang tidak mempunyai lesen untuk menggunakan motosikal. Sedarkah kerajaan ramai penunggang tidak mahu mengambil lesen kerana sistem yang terlalu menyusahkan dan kos yang terlalu tinggi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod perangkaan data Jabatan Pengangkutan Jalan, jumlah motosikal berdaftar sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 12,089,747 buah motosikal. Dianggarkan 1.2 juta penunggang motosikal tidak memiliki lesen berdasarkan 8 peratus hingga 10 peratus daripada 15 juta penduduk yang layak iaitu lebih kurang separuh daripada 30 juta penduduk Malaysia.

Mengikut data, hanya 7.6 juta penduduk yang memiliki lesen motosikal. Ini bermakna lebih kurang 50 peratus yang berumur 16 tahun ke atas memiliki lesen motosikal.

Kerajaan amat menitikberatkan isu berhubung keselamatan jalan raya termasuk aspek, prosedur dan pelesenan pemandu. Kaedah latihan dan penilaian calon pemandu yang dilaksanakan pada masa ini merupakan kaedah asas dalam menilai tahap kompetensi bakal pemandu terutamanya mengenai kemahiran pemanduan, kefahaman undang-undang dan peraturan keselamatan jalan raya serta sikap pemandu selamat.

Pelaksanaan sistem latihan pemanduan di negara ini adalah selaras dengan amalan sistem pelesenan bagi pengambilan lesen memandu di peringkat antarabangsa seperti Australia, Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura. Bagi meringankan beban rakyat, kerajaan melalui program Satu Komuniti Satu JPJ ataupun SKSJ yang

dikendalikan sepenuhnya oleh JPJ, sentiasa membantu dan memberi peluang kepada orang ramai yang kurang mahir dalam penggunaan komputer termasuk penduduk luar bandar dan warga emas untuk mendapatkan lesen memandu. Melalui program SKSJ ini, kos bagi mendapatkan lesen memandu bagi setiap calon adalah dianggarkan tidak melebihi RM200.

Selain itu, JPJ dengan kerjasama institut memandu melaksanakan program myLESEN yang merupakan satu usaha dan komitmen berterusan kerajaan bagi membantu rakyat terutama pelajar-pelajar sekolah, anak-anak muda untuk mendapatkan lesen memandu pada kadar diskaun iaitu tidak melebihi kadar siling RM299. Kerajaan yakin bahawa pendekatan program myLESEN ini akan dapat memupuk kesedaran mengutamakan keselamatan jalan raya kepada bakal penunggang motosikal ke arah mencapai sasaran kerajaan dalam mengurangkan kecederaan dan kematian akibat nahas jalan raya di Malaysia.

Berdasarkan kawalan harga siling yang ditetapkan adalah diperhatikan kos pengambilan lesen bukanlah faktor utama golongan remaja terutama pelajar menunggang tanpa lesen, tetapi lebih kepada sikap dan tahap kesedaran mereka mengenai bahaya menunggang tanpa lesen serta kepentingan keselamatan diri semasa di jalan raya yang perlu ditangani melalui program advokasi dan penguatkuasaan yang lebih berkesan. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedarkah Timbalan Menteri bahawa walaupun kos siling yang dikata tadi myLESEN itu RM299, tetapi di luar di sana banyak sekolah memandu yang masih lagi *charge* pengguna-pengguna *average*-nya di antara RM500. *Average*, ada yang lebih daripada itu. Saya sudah melawat beberapa sekolah, lebih daripada itu. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, sedarkah juga Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bila kita kurung budak-budak ini untuk hendak ambil lesen ini, dia kena *spend* 15 jam. Kursus teori, kursus bagaimana hendak jaga motor, hendak jaga minyak motor, hendak buang tayar motor, akhir sekali budak-budak ini Tuan Yang di-Pertua, dia duduk tiga jam sahaja, yang lain itu dia belah sudah, sebab dia jemu. Saya juga melihat di sekolah memandu, ada sekolah memandu yang mengajar untuk berhenti kena tunjuk *sign* tangan. Mana ada orang dekat Malaysia ini dalam *sign* tangan tunjuk, tidak ada. Sebab itu saya kata Timbalan Menteri kena kaji balik. Saya rasa isu budak-budak tidak ambil motor khususnya ambil lesen ini, kerana yang pertama sekali dia rasa terlampau remeh, renyah sangat hendak ambil lesen ini, susah sangat. Kedua, kos.

Ketiga Timbalan Menteri, kita ada program contohnya program SKSJ yang diusahakan oleh JPJ. Akan tetapi saya tulis dekat JPJ Kedah dua tahun hendak minta buat di tempat saya Sungai Petani, apa jawapan dia? Pertama kena tunggu KP. KP *free* tidak *free* untuk buat. Hendak tunggu KP datang rasmi. Kedua, wakil rakyat berebut *free* tidak *free*. Saya kata, “*Eh, Sungai Petani fasal apa kalau tidak free?*”, “*Oh, Dato’ punya pembangkang, saya kena cari yang hak kerajaan punya*”. Saya rasa ini tidak betul. Sebab yang mati ini bukan sahaja di Merbok, pengguna-pengguna yang banyak mati juga di Sungai Petani. Jadi saya rasa kena ubahlah *attitude* itu, tidak kira di manalah.

Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak kira, pembangkang pun mati, UMNO pun mati.

Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Pembangkang pun mati, UMNO pun mati atas jalan. Jadi saya rasa tiga perkara itu Tuan Yang di-Pertua, kena tengok betul-betul. Pertama tentang kos, kedua tentang sistem kurung budak-budak 15 jam dalam *classroom* dan juga lapangan ini dan ketiga juga tentang bagaimana Pengarah JPJ Negeri ini haruslah membuka SKSJ bukan sahaja di kawasan-kawasan Barisan Nasional, tetapi juga seluruh negaralah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai apa yang dibangkitkan yang mengenakan caj melebihi daripada harga siling, saya minta Yang Berhormat Sungai Petani boleh laporkan kepada pihak JPJ dan kita akan ambil tindakan kepada institut memandu yang telah melanggar perjanjian dan peraturan ini. Kita boleh mengambil tindakan yang tegas kepada institut memandu yang tidak mengikut peraturan kerajaan. Boleh maklum pada JPJ.

Kedua mengenai apa yang dibangkitkan kurung 15 jam ini, saya ingat perkara ini kurang tepat. Dia dalam kursus ini memang kita keseluruhan 22 jam, tetapi ia tidak dibuat dalam satu waktu. Dia dalam satu masa yang panjang dan dibahagi-bahagikan. Untuk makluman, di Malaysia kita paling sikit 22 jam. Kalau di Singapura 42 jam dan kalau di negeri China 72 jam. Itu tahap hendak memastikan penunggang motosikal benar-benar memahami peraturan dan perundangan jalan raya supaya mereka dapat berhemah di atas jalan raya.

Seterusnya mengenai program JPJ ini, ia buat di kebanyakan di peringkat daerah dan ia terbuka. Ia tidak kata orang itu mengehendkan penyokong parti ini tidak boleh, penyokong parti ini boleh, tidak ada. Ia open. Jadi semua program JPJ tidak mengehendkan peserta untuk menyertainya. Terima kasih.

Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedarkah kerajaan bahawa lebih kurang 4,203 orang maut dalam kemalangan penunggang motosikal ataupun 62 peratus

daripada 6,706 orang yang mati di jalan raya tahun 2015. Jadi soalan tambahan saya, saya ingin tahu statistik suku ketiga tahun 2016. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dan kerajaan untuk memastikan bahawa kemalangan mengakibatkan kematian atau maut di jalan raya ini dapat dikurangkan?

Saya cukup sedih melihat rakyat Malaysia, orang yang tidak bersalah kadang-kadang maut di jalan raya. Walaupun mati itu takdir dari Allah, tetapi kematian itu amat mengerikan. Kalau dia mati dalam peperangan tidak apa, itu mati syahid. Akan tetapi mati di jalan raya ini, ini kematian terlalu ngeri.

■1120

Jadi, apa langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurang, membendung sebab rakyat Malaysia ini, mereka cukup berhemah berbudaya tetapi apabila di jalan raya, mereka hilang akal, hilang arah. Jadi apa antara lain yang boleh mendorong mereka supaya tidak hilang kawalan, tidak hilang akal, nafsu tidak tinggi semasa di jalan raya? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi [Timbalan Menteri Pengangkutan]: Tuan Yang di-Pertua, ini diakui lah apa Yang Berhormat Kinabatangan maklumkan tadi memang kematian akibat kemalangan, Malaysia salah satu negara yang tertinggi. Boleh dikatakan purata 18 kematian setiap hari. Dalam program ini kerajaan memang senantiasa tidak berhenti-henti membuat advokasi, membuat program keselamatan jalan raya dan membuat penguatkuasaan. Tetapi kita lihat sendiri anak-anak muda di Malaysia ini kebanyakan cenderung untuk melanggar undang-undang dan seperti kejadian mat rempit yang berlaku saban minggu dan polis, JPJ senantiasa membuat penguatkuasaan.

Jadi dalam program ini pihak kerajaan memang tidak berhenti melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Kita dalam kerajaan kita ada satu jabatan yang dipanggil Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan tugas Jabatan Keselamatan Jalan Raya ini hanya untuk memastikan penunggang-penunggang motosikal dapat mengikut peraturan jalan raya supaya kita dapat mengelakkan kemalangan ini. Jadi kita, saya mohon semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama menjaga anak-anak muda kita di kawasan agar mematuhi peraturan undang-undang jalan raya. Terima kasih.

7. **Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan syarat-syarat yang dikenakan untuk mengeksport sarang burung tanpa proses ke luar negara dan setakat ini berapa kuantiti dan ke negara mana yang sarang burung tanpa proses telah dieksportkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Gajah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar membenarkan mana-mana pihak yang ingin mengeksport sarang burung walet belum bersih iaitu *raw unclean*, dengan izin ke luar negara. Secara umumnya syarikat pengeksport perlu mematuhi keperluan dokumen serta syarat-syarat negara pengimport sebelum dapat mengeksport.

Contoh dokumen yang diperlukan bagi pengeksportan dari Malaysia ke luar negara adalah permit eksport dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia iaitu MAQIS, permit import negara pengimport dan juga sijil kesihatan veterinar dari Jabatan Veterinar Malaysia. Pengeksportan sarang burung walet mentah belum bersih dari Januari sehingga September tahun ini yang telah direkodkan adalah sebanyak 77,933 kilogram. Negara-negara pengimport sarang burung walet mentah belum bersih adalah Hong Kong, Indonesia, Jepun, Macau, Singapura, Taiwan, Cambodia, Sri Lanka, Thailand, Myanmar, Laos dan Vietnam. Sekian, terima kasih.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya juga ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi. Tahniah saya juga ucapkan pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China, Kerajaan China telah bersetuju akan mempercepatkan mengimport sarang burung walet tanpa proses dari Malaysia. Ini akan membantu pengusaha-pengusaha sarang burung walet di negara kita dan menawarkan masa depan lebih cerah untuk industri sarang burung walet.

Yang Berhormat, untuk memperluaskan lagi pasaran sarang burung walet ke negara-negara lain dan juga ke seluruh dunia, Yang Berhormat soalan tambahan saya ialah adakah kementerian menggalakkan usahawan-usahawan untuk mengeluarkan produk sarang burung secara produk-produk tambah nilai? Sekian, terima kasih.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah atas soalan tambahan. Ya, memang kementerian menggalakkan usahawan-usahawan sarang burung walet untuk mengeluarkan dengan izin, *value added product* menggunakan sarang burung walet. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kementerian menggalakkan usahawan yang berkecimpung dalam industri burung walet dan meningkatkan standard serta mutu hasil sarang burung walet keluaran syarikat masing-masing. Pengenalan NKEA Pertanian, EPP 2, pengeluaran sarang burung walet yang diperkenalkan sejak 2011 adalah antara langkah kementerian bagi menggalakkan pengeluaran *value added product*, dengan izin dalam industri berkenaan.

Berdasarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Burung Walet yang dibangunkan selaras dengan EPP 2 sasaran pengeluaran produk sarang burung walet adalah seperti berikut:

- (i) *raw unclean 50 percent;*
- (ii) *raw clean 25 percent;* dan
- (iii) *Processed product 25 percent.*

Antara projek yang dilaksanakan di bawah NKEA EPP2 adalah seperti berikut:

- (i) menambah baik pemantauan dan pelaksanaan Skim *Good Animal Husbandry Practice* dan juga *Good Manufacturing Practice* untuk premis burung walet dan kilang memproses dengan memperkenalkan sistem pengesanan.
- (ii) menambah pembuatan produk hiliran dan pembersihan sarang burung walet di dalam negara dengan menjalankan aktiviti penyelidikan untuk pemrosesan dan pembangunan produk.

Bagi memastikan sarang burung walet yang berkualiti dan mengikut spesifikasi, Jabatan Veterinar Malaysia bersama *Centre of Excellence on Swiftlet*, Universiti Putra Malaysia juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan R&D dalam industri sarang burung walet di mana ianya melibatkan penyertaan para penyelidik daripada juga universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti luar negara. Pada masa ini memang semestinya sudah ada syarikat-syarikat tempatan yang menggunakan *extract*, dengan izin ekstrak sarang burung walet untuk menghasilkan produk-produk hiliran seperti kopi burung walet, coklat burung walet dan juga produk kecantikan dan juga produk-produk ini sekarang sudah semua ada di pasaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri memberi peluang. Di sini saya hendak tanya, selain dari negeri China menerima burung walet kita, negara mana yang menerima burung walet kita? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri ada burung walet ya?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tak ada. Kawasan sahaja ada.

Tuan Nogeh anak Gumbek: Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Bukan menerima burung walet, menerima sarang burung walet. *[Ketawa]* Ada statistiknya negara-negara yang memberi seperti yang saya telah baca tadi. Bukan sahaja negeri

China, Hong Kong, Jepun, Macau, Singapura, Taiwan dan Cambodia tetapi juga Amerika Syarikat dan negeri-negeri yang lain. Sekian, terima kasih.

8. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan data statistik lengkap masalah kemiskinan, pengangguran dan pengangguran belia, gejala sosial, keciciran pendidikan, masalah memenuhi keperluan harian, kebersihan persekitaran dan kesihatan Orang Asli di tiga penempatan di Daerah Batu Pahat yang kelihatan menghadapi fenomena keterbiaran serta langkah-langkah yang telah dilaksana menangani isu tersebut dan keberkesanannya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan nombor lapan daripada Yang Berhormat Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang diperoleh, dari jumlah 645 ketua isi rumah, masyarakat Orang Asli di Daerah Batu Pahat, didapati seramai 79 atau 12.25 peratus berada pada kadar kemiskinan ya. Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengurangkan bebanan sara hidup seharian seperti bantuan pengangkutan pelajar, bantuan wang saku, bantuan yuran sekolah dan pengajian, bantuan kebajikan dan kesihatan dan lain-lain lagi. Semua program ini dijalankan sepanjang tahun dan termasuk juga pelbagai bantuan termasuk *one-off*.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran masyarakat Orang Asli di Daerah Batu Pahat secara puratanya berada pada tahap yang rendah.

■1130

Ini kerana daripada 645 ketua isi rumah, 90.6 peratus daripada keseluruhannya mempunyai pekerjaan iaitu 3.41 peratus KIR bekerja di sektor kerajaan, 34.57 peratus di sektor swasta, dan selebihnya 53.79 peratus bekerja sendiri. Tuan Yang di-Pertua, masalah gejala sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli di daerah Batu Pahat masih di peringkat yang boleh dikawal. Sehingga ke hari ini tiada kes yang serius dilaporkan di seluruh daerah Batu Pahat khususnya daripada pihak berwajib seperti pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keciciran di kalangan pelajar Orang Asli masih berlaku tetapi telah menunjukkan penurunan. Ini sesuai dengan KPI kementerian iaitu mengurangkan kadar keciciran pelajar daripada 20 peratus kepada 18 peratus pada tahun 2016. Malah daerah Batu Pahat antara penyumbang kepada kemasukan pelajar Orang Asli ke IPTA yang tertinggi di negeri Johor, ini di kalangan masyarakat Orang Asli.

Setakat ke hari ini seramai 13 daripada 32 iaitu 40 peratus pelajar Orang Asli yang memasuki IPTA adalah terdiri daripada masyarakat Orang Asli Batu Pahat tahun

ini. Oleh sebab di seluruh negeri Johor ada 60 buah kampung Orang Asli. Di dalam daerah Batu Pahat ada tujuh buah kampung.

Tuan Yang di-Pertua, tidak wujud fenomena keterbiaran seperti yang didakwa. Masyarakat Orang Asli khususnya di daerah Batu Pahat telah mendapat manfaat daripada beberapa program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antaranya termasuklah Program Pembangunan Ekonomi dan Penyusunan Semula Kampung. Sebagai contoh ialah Desa Seri Banang dan Kampung Orang Asli Bumiputera Dalam, Rengit di Batu Pahat.

Selain daripada itu pihak kerajaan melalui JAKOA senantiasa memantau dan mengikuti perkembangan di perkampungan Orang Asli, masyarakat Orang Asli dan banyak program yang telah dan akan dilaksanakan di perkampungan Orang Asli di Daerah Batu Pahat. Antaranya melalui program pendidikan, kesihatan, pelajaran, kemahiran dan lawatan sambil belajar kepada penduduk kampung. Semua program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi dalam dan luar kementerian termasuklah Jabatan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Baiklah Yang Berhormat selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin]:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Khamis, 10 November 2016.”

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh ini selalu tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Saya berdiri atas 26(1)(p) mengenai usul dengan hak-hak kebebasan serta kejadian itu berlaku dan saya percaya bahawa Ahli-ahli Parlimen perhatian ditarik mengenai satu warkah terbuka dibuat oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM yang memberi ditunjukkan antara lain kepada Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat-Yang Berhormat, termasuk Ahli-ahli Parlimen dan Institusi Parlimen yang bahawa mereka janganlah agar tidak mengkhianati amanah rakyat.

Beliau memberi peringatan supaya tidak mengaburi mata rakyat dengan cerita dongeng dan dalam pada masa sama mengambil rasuah. Dia kata dalam warkah baru, *“Jangan hanya mahu didendang dan dijulang di persada takhta sedang dalam pertimbangan dan kepentingan dibiarkan alpa. Hentikanlah membuat para marhaen dengan ciptaan dan dongengan yang mengaburi kebenaran sedang jari-jemarimu terus rakus meragut habuan”*.

Saya tidak tahu siapa yang dia tujukan sama ada Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tetapi kita daripada Pakatan Rakyat kita rasa inilah *take offence* dan ini satu penghinaan kepada Institusi Parlimen ini. Oleh sebab itu hal mustahak semasa negara dikenali sebagai global kleptokrasi bagaimana kita boleh ada satu penghinaan yang dibuat sehingga bahawa kita dianggap sebagai *corrupt*. Adakah Ahli-ahli Parlimen *corrupt*? Adakah Institusi Parlimen *corrupt* dan saya cadang bahawa beliau perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan *[Tepuk]*. Namakan siapa *corrupt*? Adakah Menteri *corrupt*? MO1 *corrupt*? Menteri-menteri yang *corrupt*? Mana kita boleh diam dalam perkara ini institusi dicemarkan dan saya harap bahawa, saya cadang bahawa...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Gelang Patah termasuk Yang Berhormat Bagan, termasuk Yang Berhormat Bagan sebut nama Yang Berhormat Bagan sekali.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ada *corrupt*, ada *corrupt*, mengakui, ada Ahli Parlimen *corrupt*. [*Dewan riuh*] Duduk, duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Termasuk Yang Berhormat Bagan, sebut nama Yang Berhormat Bagan sekali.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Duduk, duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan tuding jari dekat orang. Jangan tuding jari kepada orang lain. Sendiri mahu ingat. Jangan tuding jari kepada orang lain.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ini kita mahu bersihkan nama Parlimen. Dia terima, dia boleh terima apa yang Ketua Pengarah kata.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Lagi seorang *corrupt*, lagi seorang *corrupt*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ada pula tuduh orang *corrupt*, sendiri sedar dahulu siapa *corrupt*. Jangan tuduh orang *corrupt*.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Okey, penyamun *corrupt*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau saya penyamun kamu bapa penyamun.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Membersihkan nama Parlimen baru orang-orang Ahli-ahli Parlimen *corrupt* tidak mahu bersihkan nama Parlimen. Tidak mahu rujuk Ketua Pengarah kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, itulah cadangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Sebenarnya dia mencadangkan dan memberi pandangan untuk mencadangkan tetapi tiada usul lagi yang hendak dikemukakan dan sekiranya Yang Berhormat Gelang Patah berminat untuk membuat usul sila buat secara bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Minta Yang Berhormat Menteri buat usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” **[Hari Kedua]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.10, B.11 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk di bahas.

Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

11.39 pg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat tidak ada orang yang minat tadi.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yalah, ini yang saya tengok ini pagi ini tengok lebih minat dengan *U.S Election* rasanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa yang kita tetapkan adalah 10 minit juga.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey saya akan mengambil dua, tiga minit sahaja. Pendek sahaja tentang B.10 – Perbendaharaan (*Treasury*). Saya ingin merujuk kepada butiran 010100 iaitu dalam Pengurusan Am, kod 10000 iaitu isu tentang Emolumen.

■1140

Saya perhatikan bahawa gaji ataupun emolumen disediakan adalah RM79 juta pada tahun 2016.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Nampaknya gaji ini meningkat besar sekali ke RM126 juta pada tahun 2017. Ini merupakan kenaikan sebanyak RM47 juta. Akan tetapi bilangan jawatan pekerja-pekerja adalah sama iaitu 598 untuk tahun 2016 dan juga 598 untuk tahun 2017. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapakah adanya naik 60 peratus isu emolumen padahalnya bilangan jawatan itu sama dengan tahun 2016.

Saya juga merujuk kepada butiran yang sama tetapi pada kod 20000 iaitu kod Perkhidmatan dan Bekalan. Kenapa pula emolumen naik banyak tetapi untuk perkhidmatan dan bekalan, dia jatuh daripada RM283 juta ke RM130 juta. *This is more than 50 peratus* jatuh dia. Jadi kalau boleh saya hendak minta Yang Berhormat Menteri beri butiran-butiran yang terperinci supaya kita boleh lihat apakah sebenarnya potongan tentang bekalan dan juga perkhidmatan. *[Disampuk]* Ya, boleh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Kelana Jaya, adakah Yang Berhormat Kelana Jaya berhajat untuk bertanya juga Yang Berhormat Menteri. Bila sebut tentang emolumen ini adakah termasuk juga mungkin ada pegawai-pegawai kontrak? Pegawai kontrak yang digaji dalam kementerian ataupun beberapa sektor yang tidak dijelaskan di sini. Adakah mereka ini bermaksud termasuk dalam golongan ini? Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, itu saya kalau boleh masukkan dalam soalan saya. Ini adalah satu isu yang penting sebab selama ini kita tidak berapa faham sama ada perkhidmatan itu adalah satu kontraktor ataupun tidak. Kalau kontraktor itu jatuh, kenapa jatuh sebanyak separuh.

Jadi, saya juga merujuk kepada Butiran 010600 butiran kod Emolumen juga dan juga Butiran 010700 iaitu merujuk kepada Sabah dan Sarawak.

Saya hendak tanya kenapa pula emolumen bagi Sabah dan Sarawak ini tidak naik 60 peratus? Pada pengurusan *headquarters* naik 60 peratus, bilangan jawatan yang sama. Di Sabah dan Sarawak tidak naik 60 peratus, bagi Sabah naik satu peratus sahaja. Jadi Ahli-ahli Parlimen dari Sabah ini boleh *pick up on the matter* baguslah. Lagi teruk Sarawak jatuh *one percent*. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah polisi emolumen bila kita naik 60 peratus untuk satu *group*, kita jatuh satu

peratus untuk *group* lain? Semua dalam *in the Treasury. All belongs to the Treasury. What is the policy position regarding emolument* dengan izin? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

11.43 pagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja. Pertamanya, saya pergi kepada Butiran P.70 sebanyak RM2 bilion. Inilah sebenarnya untuk simpanan luar jangka yang kita jadikan sebagai *contingency*. Pada setiap tahun kerajaan memperuntukkan jumlah yang sama bagi memastikan supaya kita dapat menyediakan satu peruntukan luar jangka yang merupakan sebagai SafetyNet apa juga masalah-masalah untuk mendepani sebarang kemungkinan yang tidak dijangkakan.

Jadi, sebenarnya berdasarkan rekod kita tiga tahun yang lalu iaitu dari tahun 2013 sehingga tahun 2015, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan bagaimanakah kita membelanjakan peruntukan tersebut pada setiap tahun? Adakah ada apa-apa baki daripada wang tersebut? Adakah baki tersebut kita jadikan sebagai satu angka yang *accumulated* yang kita masukkan semula kepada tabungan kita ini? Ini kerana saya bercakap sedemikian, kerana satu ketikanya semasa kita menghadapi satu banjir besar yang menelan belanja berbilion-bilion, selain daripada wang *contingency* yang kita gunakan ini, kita terpaksa menggunakan wang-wang yang lain. Sepatutnya apa juga *contingency* wang tidak digunakan, wang ini dibawa terus ke depan.

Keduanya, saya pergi kepada Butiran 010900 iaitu tentang pelaburan strategik sebanyak RM7,282,400 dan juga syarikat pelaburan kerajaan sebanyak RM5,135,000. Jumlah ini terlalu kecil kalau kita hendak katakan sebagai satu pelaburan. Jadi saya hendak tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri apakah sebenarnya perbelanjaan yang kita anggarkan ini untuk tujuan apa? Sama ada untuk tujuan pelaburan ataupun untuk tujuan emolumen? Terima kasih.

Seterusnya kita dapat lihat bahawa kita sedang berhadapan dengan pelbagai masalah. Selain daripada daya saing kita menurun dan akaun dagang kita cukup menurun, kalau dulu daripada menyusut 16.1 peratus daripada RM23.6 bilion kepada RM19.8 bilion. Begitu juga FDI kita menurun. Jadi antara kesan yang kita akan terima sekarang pada ketika ini selain daripada permintaan luar yang lemah, pelaburan kita menurun dan penggunaan persendirian kita mengecil dan banyak masalah penutupan syarikat dan juga kehilangan pekerjaan. Kita menjangkakan bahawa kutipan GST juga akan juga turut menurun kerana *retail business* juga menurun.

Jadi saya hendak tanya apakah jalan-jalan lain untuk kerajaan meningkatkan pendapatan kita bagi memastikan supaya kita dapat tidak ada lagi pengurangan daripada perbelanjaan kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

11.46 pg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.10, Butiran 020000 – Perkhidmatan Perakaunan. Saya melihat bahawa pendetailan di dalam hasil negara amat *detail* dalam laporan Anggaran Hasil Kerajaan sama ada duti kastam, duti eksais, cukai jualan dan sebagainya. Saya lihat di situ ada cukai-cukai yang kita panggil *sin tax* ataupun cukai dosa ini yang termasuk dalam minuman keras, *beer*, tembakau, cerut, rokok, keretek, *wine* dan sebagainya.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah cukai-cukai ini sebenarnya hasil daripada cukai perkara-perkara yang terlarang ini? Belum lagi masuk cukai daripada hasil pendapatan perjudian misalnya. Dalam perkhidmatan perakaunan ini saya merasakan bahawa sudah tiba masanya kita mengasingkan kutipan-kutipan yang tidak syarie ini dan digunakan untuk membayar faedah hutang negara dan sebagainya.

Sekurang-kurangnya kita cuba mengasingkan daripada wang terkumpul ini supaya emolumen-emolumen yang kita bayar kepada kakitangan kerajaan termasuk Ahli Parlimen dan sebagainya adalah daripada sumber yang bersih dan halal. Saya kira ini bukanlah satu perkara yang begitu susah hendak buat. Oleh sebab saya tengok kod-kodnya semua sudah ada, boleh didapati dengan mudah dan kita berakad bahawa pendapatan tidak halal ini, tidak syarie ini kita guna untuk perkara-perkara yang juga tidak syarie. Jadi kita membersihkan pendapatan rakyat secara tidak langsung.

Kedua, saya ingin bertanya tentang pengurusan wang yang tidak dituntut. Apa yang kita buat termasuk dalam dana wang terkumpul negara kita? Saya agak khuatir sebab sesetengah wang itu tidak boleh tuntutan. Saya bagi contoh, adalah pekerja-pekerja asing yang duduk di sini dan mereka disebabkan masalah dokumentasi dan sebagainya, saya ada pengalaman sendiri bila mereka meninggalkan negara ini dan tidak dapat masuk semula wang mereka di dalam bank itu tidak dapat dikeluarkan oleh sesiapa sahaja. Jadi bagaimana kita cuba untuk membersihkan— makna mungkin dia tidak redha, dia tidak dapat mengambil balik wangnya.

Seterusnya saya ingin menempuh Butiran 040000 – Perkhidmatan Kastam. Saya sangat *concern* sebenarnya tentang penjualan arak dan juga *beer*. Kita tahu dia ada dua

komponen di sini. Satu adalah *distilled liquor*, lagi satu adalah *malt beer* daripada *ferment malt*.

■1150

Jadi kita lihat yang perlu mendapat lesen mengikut Akta Kastam dan Eksais ialah *wine* ataupun *distilled liquor* yang perlu melalui pejabat daerah dan sebagainya. Akan tetapi bir dan sebagainya tidak perlu mendapat lesen. Jadi inilah yang kadang-kadang menjadi persoalan di kalangan orang Islam, umat Islam apabila bir terdapat agak merata dan di situ juga ada syubhah-syubhahnya apabila umat Islam, pekerja-pekerja Islam yang bekerja di 7Eleven kah, di mana-mana terpaksa *deal* dengan perkara-perkara ini ataupun menjual minuman-minuman ini termasuk rokok sebenarnya.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ini adalah satu perkara yang kalau boleh saya ingin mencadangkan, dalam jangka masa panjang, kepada kerajaan supaya perkara-perkara atau barangan-barangan yang haram ini kita asingkan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita asingkan dan hanya dijual di premis-premis tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, bagi.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Kalau keperluan orang ramai seperti minyak, gula kita tarik subsidi kerana kesihatan, apakah Yang Berhormat Kota Raja bersetuju dengan saya bahawa perkara seperti rokok, arak dan sebagainya perlu dicukaikan dengan lebih tinggi kerana dari sudut manfaatnya?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ada tempat yang saya setuju. Saya kata setuju dan tidak setuju sebab begini. Saya tengok cukai rokok itu memang sudah meningkat. Saya tidak tahu cukai arak dan sebagainya kerana orang Islam tidak boleh tetapi orang bukan Islam boleh. Jadi kalau kita meningkatkan, ia akan menyusahkan orang bukan Islam.

Dari segi kesihatan, rokok ini sah. Itu sebab saya minta tadi supaya kita asingkan. Kita ada premis-premis di mana dia jual semua perkara-perkara yang dilarang. Jadi dari segi penguatkuasaannya lebih mudah. Sekarang ini amat susah untuk PBT-PBT untuk menguatkuasakan jualan arak ini. Jadi kalau kita ada premis-premis yang khusus untuk menjual arak, rokok dan sebagainya, kita khususkan di situ.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun, Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sambung daripada apa yang Yang Berhormat Kota Raja katakan tadi.

Yang Berhormat Kota Raja, ada di negara-negara barat termasuklah di New Zealand contohnya, bukan sahaja di barat tetapi di New Zealand, malah bir juga tidak dijual di *outlet-outlet* begini. Bir. Bukan sahaja bir tetapi untuk membeli itu kena tunjuk IC atau IDnya. Kalau sekiranya dia bawah *legal age*, dia tidak akan jual. Maknanya dia betul-betul kontrol. Kemudian, waktu berniaga juga dihadkan. Jadi nampaknya ketatnya begitu sekali supaya hendak memastikan masyarakat itu terkawal daripada elemen-elemen. Setujukah Yang Berhormat Kota Raja supaya ini juga diimplementasikan di Malaysia? Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, saya bersetuju kerana ini bukan asas Islam atau tidak tetapi kita tahu bahawa *availability* apabila kedapatan bahan-bahan ini dengan begitu mudah, begitu senang dan boleh dapat di mana-mana tempat, ia akan menyebabkan rakyat— kita susah hendak kawal.

Saya hendak balik dari segi penguatkuasaan. Misalnya, bir-bir ini yang dijual, boleh kita katakan kesemua kedai runcit ada. Walaupun kita ada Akta Eksais yang mengatakan hanya sejumlah yang boleh jual tetapi saya rasa dari segi penguatkuasaan amat sukar dan PBT tidak begitu mempunyai penguatkuasaan yang baik dan ramai. Maka, biasanya ia dipandang ringan. Umat Islam terpaksa membuat bangkangan-bangkangan, misalnya sekiranya dalam 7Eleven atau kedai-kedai tertentu dalam kawasan majoriti Melayu Islam, maka mereka terpaksa membuat bantahan kepada PBT-PBT.

Saya tadi balik kepada cadangan sahabat kita daripada Pengkalan Chepa mengenai dari segi kesihatan. Sebenarnya kalau ikut itu, memanglah kita hendak haramkan, tak nak jual tetapi kita juga kena melihat kepada keperluan tertentu terutamanya dalam minuman keras. Tetapi bila rokok itu, saya ada sedikit— orang yang menghisap rokok... [Disampuk] Bukan emosional. Saya rasa macam rakyat kita terpaksa membayar untuk kita merawat di hospital-hospital kerajaan akibat rokok yang ada ini, sama ada seseorang itu *passive smoker* ataupun *active smoker* akibat kalau dapat barah, penyakit-penyakit paru-paru yang kronik dan sebagainya, akhirnya mereka ini terpaksa dirawat di hospital kerajaan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Kota Raja, sikit. Sikit.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Maknanya yang hendak kena bayar ialah rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Sikit, sikit.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Sikit sahaja, Tuan Pengerusi. Kedua-dua rokok dan alkohol ataupun arak, dia sangat jelas dalam mana-mana *textbook* perubatan bahawa ia mendatangkan terlalu banyak mudarat dan ia bukan makanan untuk orang Islam ataupun orang-orang bukan Islam kerana ia tidak memberi manfaat. Yang paling penting sekali apabila arak-arak yang murah dan sebagainya dari sudut penguatkuasaannya dijual di mana-mana dengan mudah dan murah, ini yang menyebabkan makin teruk. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya ingin masukkan ucapan Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga di dalam ucapan saya. Jadi setakat itu sahaja. *Time's up*. Saya minta maaf.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada orang hendak berucap itu, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sekijang.

11.57 pg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh dua perkara sahaja berkenaan Butiran 110000 – Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah Sabah/Sarawak.

Saya hendak tanya dengan pihak kementerian, adakah Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah ini hanya untuk Sabah dan Sarawak? Untuk Semenanjung adakah tidak disertakan sama?

Berkenaan dengan perkara yang sama juga, saya ingin memanjangkan permohonan daripada pihak Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank (NUBE) dalam memperjuangkan dan memudahkan pekerja-pekerja bank yang berpendapatan

sedehana dan juga rendah untuk mampu memiliki rumah. Mereka minta supaya kementerian boleh memberikan saranan kepada bank-bank tempatan terutamanya dalam negara kita ini supaya dapat diberikan peratus faedah pinjaman itu kepada kosong peratus kerana mengikut kenyataan yang dimaklumkan kepada saya, bahawa kadar faedah pinjaman kepada pelanggan sekarang telah turun kepada satu digit iaitu lebih rendah berbanding dengan kadar yang dikenakan kepada kakitangan. Justeru, permohonan daripada pihak NUBE supaya faedah ini dapat diberikan kepada kosong peratus.

Mereka juga minta supaya pinjaman perumahan yang boleh diberikan kepada pekerja-pekerja bank ini di bawah RM500,000 diberikan pinjaman 100 peratus dan bukan seperti pada kadar sekarang. Jika boleh, diketepikan juga yuran guaman dan juga menyerap MRTA.

Kedua ialah berkaitan dengan Butiran 022300 – Sumbangan kepada NGO. Saya tidak pasti sumbangan NGO ini adakah diberikan kepada semua NGO yang berdaftar dalam negara kita boleh mendapat sumbangan ini. Ini kerana saya dimaklumkan permohonan-permohonan NGO ini biasanya dihantar terus kepada pihak kementerian tetapi ada beberapa NGO yang masih menunggu lagi proses kelulusan permohonan-permohonan sumbangan ini. Saya hendak tahu, kriteria NGO bagaimana yang telah mendapat sumbangan? Adakah yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan sahaja ataupun semua NGO layak memohon sumbangan-sumbangan ini? Terima kasih.

■1200

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

12.00 tgh.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, tiga perkara saya hendak bangkitkan tentang Butiran 021000 – Bantuan Kewangan Kepada Indah Water Konsortium Sendirian Berhad (IWK). Sebanyak RM150 juta diperuntukkan. Saya hendak tahu tentang butiran ini, bagaimana kerajaan sampai sekarang masih memberi bantuan kewangan kepada IWK? Memandangkan kita pun mengutip wang daripada pengguna terutama kediaman dan juga yang buat *business* kedai-kedai. Saya hendak tahu setakat ini, berapakah kutipan yang berjaya dikutip melalui kediaman-kediaman, perumahan-perumahan dan juga *business* kedai-kedai? Berapakah jumlah yang gagal dikutip? Apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk membawa mereka ke mahkamah?

Walaupun IWK telah pun mengadakan banyak promosi atau banyak iklan supaya menyuruh rakyat Malaysia, supaya mereka boleh membayar caj IWK ini tetapi sampai sekarang saya tidak nampak ada usaha-usaha yang dijalankan kerajaan. Sampai sekarang masih memperuntukkan sebanyak RM150 juta kepada IWK ini.

Kedua, Butiran 021700 – Kuala Lumpur International Airport Berhad, peruntukan sebanyak RM2 bilion. Saya hendak tahu butiran itu, mengapa kita hendak memberi RM2 bilion kepada Kuala Lumpur International Airport Berhad ini? Ini kerana setahu saya Kuala Lumpur International Airport Berhad ini ia mengutip cukai atau *airport tax*. So, saya rasa berapakah cukai atau *airport tax* yang berjaya dikutip setakat ini? Mengapa kita masih perlu untuk membelanjakan RM2 bilion? Adakah RM2 bilion ini untuk membeli kapal terbang baru?

Ketiga, tentang Butiran 0300100 – Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Saya hendak tahu, apakah kriteria yang dimainkan, disetkan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta? Ini kerana di negeri Selangor banyak *property* di mana kalau hendak *convert* dari kediaman untuk kegunaan *business*. Kerajaan negeri berpandukan kepada jadual yang diberi kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Contoh, saya hendak bagi satu contoh di Petaling Jaya. Untuk sebuah kediaman 9,000 persegi, premium tambahan yang perlu dibayar, ini mengikut penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dari Kementerian Kewangan.

Premium yang dibayar perlu sebanyak RM277,000 dan banyak orang awam terutamanya dan juga parti politik UMNO selalu serang Kerajaan Negeri Selangor kata hartanah ataupun tanah premium di Selangor sangat mahal. Akan tetapi mereka tidak tahu negeri hanya berpandu kepada angka-angka yang diberi daripada Kementerian Kewangan. So, saya hendak tahu, apakah kriteria ataupun semakan-semakan diambil oleh Kementerian Kewangan? Mengapa tanah-tanah premium di Selangor ini diset begitu tinggi? Sampai penduduk tidak mampu untuk bayar premium ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa.

12.04 tgh.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara sahaja. Pertama mengenai Butiran 090000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Butiran 090100 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin tahun 2016 sebanyak RM10 juta dan tahun 2017 sebanyak RM100 juta. Saya hendak tanya pihak

kementerian, apakah yang menyebabkan peningkatan 10 kali ganda ini? Apakah bentuk sumbangan ataupun pemberian yang diberikan kepada pelajar miskin ini? Adakah pada tahun 2016 tidak ramai dan kali ini peningkatannya 10 kali ganda menyebabkan peruntukan ini diletakkan begitu tinggi? Itu pertama.

Kedua ialah mengenai Butiran 140000 – Kumpulan Wang Amanah Dana Automatif Bumiputera. Butiran 140100 – Kumpulan Wang Amanah Dana Automatif Bumiputera tahun 2016 sebanyak RM50 juta dan kemudian diturunkan kepada RM5 juta. Saya hendak tanya pihak kementerian, apakah menyebabkan dana ini diturunkan sebanyak 10 kali ganda? Adakah ia tidak efektif ataupun tidak digunakan, ataupun ia tidak *efficiently* digunakan bagi maksud dana ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya terpandang dulu Yang Berhormat Bukit Mertajam Yang Berhormat ya.

12.05 tgh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara di bawah Bekalan 11 Butiran 021600 – di bawah Program Kemudahan Projek Khas yang pada tahun ini ataupun tahun 2017 diperuntukkan sebanyak RM526 juta.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri sebab pada hari Isnin yang lepas semasa ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II di peringkat dasar beliau telah menjawab persoalan saya tentang beberapa *shortfall* ataupun kekurangan perbelanjaan di kementerian-kementerian lain dan item-item lain yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan semasa ucapan bajet beliau. Beliau kata *shortfall* tersebut akan dibayar ataupun dibiayai melalui peruntukan di bawah butiran ini. Di antaranya termasuklah – ini *shortfall* yang bukan sedikit termasuklah subsidi-subsidi benih padi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM210 juta, satu.

Keduanya, perbelanjaan untuk pembangunan kampung-kampung baru yang sepatutnya berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, *shortfall*-nya RM2 juta itu beliau kata akan dibiayai melalui peruntukan ini juga.

Ketiganya adalah Program Mammogram dan juga Vaksinasi HPV yang asalnya berada di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan kini telah dimansuhkan di bawah kementerian tersebut walaupun telah diumumkan RM30 juta oleh bajet Yang Amat Berhormat Pekan. Maka Yang Berhormat Menteri Kewangan II berkata bahawa RM30 juta ini akan datang daripada peruntukan ini juga. Soalan saya

ialah, apakah justifikasi kerajaan terutamanya kementerian merancang untuk membiayai program-program ini yang sepatutnya berada dan sepatutnya telah ada peruntukan di kementerian masing-masing? Oleh sebab saya tengok ia macam satu tindakan yang amat rawak ataupun *random* sekali.

Contohnya untuk pembangunan Kampung Baru, RM48 juta diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini merupakan pengurangan hampir 50 peratus, lebih RM41 juta daripada tahun lepas. Sudah dikurangkan di Jabatan Perdana Menteri tiba-tiba tambah pula RM2 juta bukan di Jabatan Perdana Menteri tetapi di bawah peruntukan pemberian Kemudahan Projek Khas iaitu butiran yang saya sebut tadi. Jadi ia macam satu perkara yang amat rawak sekali, amat *random* sekali tidak ada sistem ataupun tidak bersistematik. Jadi saya hendak tanya, apakah justifikasi kerajaan mengambil program-program ataupun butiran-butiran di kementerian lain. Sesetengah dikurangkan, sesetengahnya telah dimansuhkan kemudian masukkan ke bawah projek ini.

Soalan kedua ialah apakah kriterianya untuk kementerian-kementerian lain tersebut apabila mereka menghadapi *shortfall*, apakah kriteria mereka untuk *apply* ataupun memohon menggunakan dana tambahan daripada peruntukan ini? Sila jelaskan kriteria-kriterianya termasuk tiga contoh yang saya bagi tadi. Untuk subsidi benih di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, untuk Program Mammogram dan juga Vaksinasi HPV di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga program pembangunan Kampung Baru di bawah Jabatan Perdana Menteri.

■1210

Ini hanyalah tiga contoh tapi saya minta Menteri untuk menyatakan kriterianya, bagaimana kementerian-kementerian tersebut atau jabatan-jabatan tersebut boleh memohon untuk mendapatkan dana daripada butiran ini?

Soalan tiga saya ialah apakah terma rujukan secara amnya untuk perbelanjaan di bawah butiran ini, pemberian kemudahan projek khas. Apakah *terms and reference*, terma rujukan bagi perbelanjaan di bawah butiran ini?

Soalan keempat adalah soalan terakhir, saya minta Menteri untuk menyenaraikan semua projek-projek di bawah Butiran ini bagi tahun-tahun lepas mengikut tahun dan saya inginkan maklumat projek, butiran projek berserta dengan kos setiap projek itu. Siapakah pelaksananya, agensi-agensi atau syarikat-syarikat pelaksana? Saya minta satu laporan yang lanjut sebab ini merupakan satu dana yang saya rasa begitu *general* ataupun am sekali. Tidak ada satu penggunaan yang spesifik.

Justeru, tadi saya minta terma rujukan tetapi saya hendak juga tahu apakah projek-projek, saya tidak— saya minta tidak hanya diberikan contoh, sebab tahun-tahun lepas pernah memohon di dalam Dewan yang mulia ini, senaraikan projek di bawah dana-dana sedemikian iaitu dana yang tidak ada penggunaan yang spesifik. Dana yang saya kira sebagai *slush fund* iaitu dana pembiayaan yang boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa terikat kepada program-program ini.

Jadi, saya hendak minta senarai semua program ataupun projek-projek yang dibiayai dengan kosnya sekali, dengan agensi pelaksana serta syarikat-syarikat yang dilantik untuk melaksanakan, jika ada. Untuk butiran ini, untuk peruntukan atau dana ini tahun-tahun yang lepas, tahun 2015, tahun 2016. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

12.12 tgh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya merujuk kepada B.10, Butiran 040000 – Perkhidmatan Kastam, 040200 – Perkastaman/GST, 040300 – Pematuhan/Penguatkuasaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tuan Pengerusi ketika ini Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Sorry.* Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah meningkatkan peruntukan untuk perkara Butiran yang saya sebut tadi. Ini adalah penting untuk pemerkasaan GST yang telah dilaksanakan. Satu usaha kerajaan yang sangat tepat, satu usaha yang sangat proaktif, satu usaha yang sangat bertanggungjawab walaupun dikatakan tidak popular dan dicemari oleh kata-kata ataupun pemikiran yang meleset oleh sesetengah orang yang mengatakan berbagai persepsi negatif. Akan tetapi bajet yang dikenalkan ini adalah satu perkara yang sangat baik kerana ini akan meningkatkan lagi dana daripada GST dan juga ini juga akan menyebabkan pematuhan yang lebih serius.

Tuan Pengerusi, GST yang kita tahu akan mengelakkan ketirisan. Ini perkara yang sangat-sangat penting, mengelak ketirisan. Oleh kerana ada banyak syarikat-syarikat besar yang sekian lama telah lari daripada tanggungjawab dengan SST ataupun yang belum lagi mendaftar, yang ini kita perlukan penguatkuasaan. Itu sebab peningkatan bajet tambahan ini adalah sangat penting. Memandangkan GST yang diamalkan di negara kita adalah yang terendah yang meliputi banyak barangan tetapi

mengecualikan banyak untuk golongan miskin B40 dan juga memberikan penekanan kepada perkara-perkara asas seperti kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya melihat dalam perbahasan minggu lepas, ada di antara pembahas yang mengatakan, dengan izin, *despite of the economic turn down, despite of the economic slowness*, kerajaan masih lagi hendak kutip sehingga RM40 bilion melalui GST. Dikatakan kalau macam ini, setiap warganegara terpaksa membayar hingga RM1,333. Kalau satu rumah itu ada lima orang, makna terpaksa bayar RM6,500. Ini mana punya fikiran cakap macam ini? Ini fikiran yang macam mana cakap— macam mana boleh jadi begini? Oleh kerana kita lihat GST adalah cukai kepenggunaan. GST adalah bergantung pada, dengan izin, *basket of consumption*, raga penggunaan. Maknanya, orang miskin sudah tahu sudah, orang itu sudah biasa beli barang-barang memang tidak kena dan orang-orang biasa dengan makan mewah, hidup mewah dan sebagainya, ini akan kena. Maka, apa yang dilakukan ini adalah satu bentuk tindakan yang sangat kemas untuk memperkasakan dana negara, untuk memberi bantuan kepada rakyat miskin, B40 itu.

Jadi Tuan Pengerusi, itulah saya hendak tanya Menteri ini, betul kah saya dengar ini daripada sini, di negara ini hisap darah rakyat. Saya hendak tanya ini, hisap darah rakyat ini. Apabila GST kita dapat kutip ini untuk membantu negara menyelesaikan masalah di sebalik negara dunia hari ini *economy slowdown*. Di sebalik kita dapat memantapkan kita punya KDNK, menurunkan defisit fiskal, di sebalik kita dapat memberikan BR1M dan menambahkan BR1M kepada golongan yang memerlukan. Hisap darah kah ini, saya hendak tanya Menteri? Hisap darah kah ini? Betul kah ini rakyat menderita ataupun kata-kata...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Bagan Serai, sahabat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa, saya boleh urus Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Pengkalan Chepa?

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Sama profesional.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, biar *Speaker* yang urus Yang Berhormat. Bangun sahaja kemudian kita urus. Hendak bagi jalan Yang Berhormat Bagan Serai?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagilah.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak tanya sikit sahaja. Oleh kerana kita berhadapan dengan ekonomi dunia yang lembap, komoditi dan semua faktor-faktor ekonomi yang agak merudum, apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa kalau GST ini menjadi satu kebanggaan kepada Yang Berhormat Bagan Serai, apakah Yang Berhormat Bagan Serai akan dalam keadaan ekonomi sekiranya ekonomi tidak capai, *revenue* tidak capai. Apakah kebanggaan Yang Berhormat Bagan Serai ini akan mengajukan kepada Yang Amat Berhormat Pekan untuk menaikkan lagi GST ini kerana ia satu produk kebanggaan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Pengkalan Chepa ini memanglah ketinggalan, saya sudah cakap banyak kali sudah perkara ini. Yang Berhormat Pengkalan Chepa kena dengar betul-betul perbincangan ini.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Saya tanya *in future*.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, kita tengah cerita tentang kerajaan buat bagus, enam *percent* yang terendah antara yang terendah di dunia, ada orang fikir disebarkan dengan media kata adakah kerajaan akan naikan. Ini semua usaha untuk menakutkan rakyat, memberi persepsi yang membimbangkan. Rakyat takut di sana, rakyat takut di sana kerana siapa? Bukan kerana GST, kerana ada puak-puak yang pelik ini yang mengatakan kerajaan akan menaikkan, akan kutip banyak duit, akan hisap darah. Itu sebab saya hendak tanya kepada Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang pelik, yang sokong GST.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: GST adalah perkara yang terbaik yang telah dilakukan, patutnya rakyat puji sebab kita bagi kepada rakyat yang memerlukan. Bantu hendak bina hospital, sekolah, universiti dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, cerita lapan *percent* ini saya tidak setuju. Silakan

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tadi Yang Berhormat Bagan Serai menyatakan Yang Berhormat Pengkalan Chepa sama ada mahu dinaikkan lagi kah tidak. Akan tetapi dalam keadaan sekarang ini Kementerian Kewangan melalui **MK2** telah membuat kenyataan dan begitu juga KSP, Ketua Setiausaha Perbendaharaan

telah membuat kenyataan bahawa *effective rate of GST* dalam negara ini adalah 3.35 peratus sahaja sekarang ini. Ini disebabkan oleh beribu-ribu barang yang telah dikecualikan dan kerajaan telah kehilangan RM5 bilion daripada itu. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiawangsa ini orang yang mendengar, yang meneliti. Inilah orangnya yang patut kita dengar. Oleh sebab apa, sebab banyak barang telah di-*zero-rated*-kan, telah dikurangkan hingga menjadikan keberkesanan tiga *percent* lebih sahaja, bukan kata-kata hendak naikkan, hendak naikkan, itu kata-kata...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Untuk menakutkan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, tidak bagi sudah, ada tiga minit. Tuan Pengerusi, terima kasih banyak Yang Berhormat Pengkalan Chepa, terima kasihlah.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tidak, saya rasa Yang Berhormat Bagan Serai tidak memahami soalan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini masa *injury* saya ini, jangan main-main ini.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tidak faham soalan, saya tanya Yang Berhormat kenapa cepat...

■1220

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, saya tidak benarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Cukai merupakan perkara penting dalam negara kita ini, kerana cukai, melalui cukai, kita dapat membantu rakyat. Itu menjadi pendapatan utama negara. Jadi memperlebarkan cukai ini dan mengelakkan ketirisan. Semalam saya kata, apabila susah payah sangat hendak memburuk-burukkan GST, susah payah sangat hendak mengatakan kerajaan hisap darah. Adakah mereka ini sahaja yang cuba mempertahankan orang-orang yang nak lari daripada pembayaran cukai?

Saya bimbang itu sahaja. Itu yang terfikir di kepala saya. Mengapa bersungguh-sungguh sangat. Sedangkan rakyat, saya kira tidak menderita. Kemiskinan kita *less than one percent* sekarang ini dan kerajaan sedang berusaha untuk memberikan yang terbaik. Penarafan antarabangsa memberikan 'A' *minus*, memberikan kebaikan setelah kita membentangkan bajet. Jadi bagaimana dapat butiran begini?

Tuan Pengerusi, ada beberapa persoalan dah. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan perlu membuat insentif kepada jawatankuasa kampung umpamanya atau pun kepada masyarakat setempat untuk melaporkan penipuan-penipuan? Kalau sah penipuan ini, bagi sahaja insentif. Bagi dia hadiah sedikit. Satu lagi saya hendak tanya, berapa jumlah syarikat besar yang tidak mendaftarkan GST dan juga kalau mereka ini terlepas lari. Kita buat laporan, bagi insentif kepada orang yang buat laporan itu kerana dia peka dan dia mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan akan memperluaskan lagi barang-barang yang tertentu? Buatlah kajian, tengoklah barang-barangan yang dipakai oleh orang-orang yang miskin B40 yang banyak dipakai. Ini kita keluarkan, ini kita *zero rated* kan. Barang-barang yang takut terlepas, yang tidak di *zero rated*kan tetapi dipakai oleh orang-orang yang kaya dan sebagainya, ini mesti dikenakan GST.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah melaksanakan apa yang terbaik untuk menjayakan negara kita ini ke arah negara maju yang kita lihat hari ini, banyak negara di luar sana yang maju dan amat membangun telah melaksanakan GST, telah memberikan kebaikan pada rakyat. Saya tidak nampak lagi negara yang mengamalkan GST yang merosakkan, yang menyebabkan rakyat menderita. Ini satu fikiran yang pelik dari puak-puak pembangkang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.22 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di KLCC, air kencing pun kena GST. *[Ketawa]* Hendak terkencing, *mai* dari Jerlun bawa rombongan, tengok-tengok hendak terkencing, takut *berhambur, pi, pi* masuk dalam GST. Allah. Apa boleh buat? *[Ketawa]*

Baik, terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh dahulu B.12 iaitu Butiran 080000 – Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana Kementerian Kewangan memantau pengurusan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini kerana wang itu diserahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Jadi siapakah Lembaga Pengarah dalam Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini? Apakah dia dilantik oleh Kementerian Kewangan atau pun diserahkan kepada KBS?

Sebab antara menjadi isu kehilangan wang dalam KBS RM100 juta itu ialah wang sebahagian besarnya daripada wang Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara yang *diparking* di Majlis Sukan Negara dan kemudian pembiayaannya itu langsung tidak menggambarkan sesuatu unsur ketulusan. Contoh saya hendak beri yang sebelum daripada ini, di mana Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini juga telah menyediakan sebelum ini, jumlah pinjaman kepada macam ahli-ahli sukan dan sebagainya kepada Alexander Charles Yoong Loong, Alex Yoong, bekas pelumba F1 RM4.3 juta. Kemudian kepada Rizal Ashram Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli, bekas MB Perak, Jejai anak dia — RM2.5 juta. Saya tidak tahu dia ini ahli sukan apa. Wallahualam. Kemudian Muhamed Fairuz, pelumba kereta RM5 juta.

Ini mengikut penyata Kumpulan Wang Amanah Sukan yang berakhir 31 Disember 2015. Ini tunggakan yang masih belum dibayar, yang pinjaman ini diambil daripada tahun 2001 lagi. Jadi sehingga tertunggak sekarang ini, kalau jumlah keseluruhan yang saya lihat ini ada RM15.4 juta, yang masih tertunggak, yang belum dibayar. Jadi bagaimana wang ini hendak didapatkan balik oleh Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara? Saya difahamkan sekarang ini sudah dihentikan bentuk pinjaman ini kepada ahli sukan. Malah saya lihat kalau Jejai ini, saya tidak nampaklah sama ada dia itu ahli sukan atau pun tidak. Tiba-tiba kita boleh luluskan kepada dia sebanyak RM2.5 juta pada tahun 2003.

Kedua ialah bagaimana pengendalian dalam Majlis Sukan Negara ini tiba-tiba boleh menerima arahan daripada bahagian kewangan KBS ini untuk bayar, sehingga tidak ada prosedur. Dia bayar sahaja, sehingga bayar kepada perbelanjaan perolehan peralatan pejabat Yang Berhormat Menteri KBS pun, dibayar? Saya lihat dalam ini, bayaran-bayaran yang dibuat untuk keperluan pejabat dan juga program-program Pejabat Menteri, dibayar oleh Majlis Sukan Negara yang sebahagian besarnya menggunakan duit daripada Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, sebanyak kepada GPO Sendirian Berhad — RM21 juta. Gapa Jitu Sendirian Berhad — RM20 juta, Anchornic Corporation Sendirian Berhad — RM19 juta.

Jadi bagi saya, takkan tidak ada peruntukan di KBS yang peruntukan khas untuk Pejabat Menteri itu sendiri? kenapa perlu guna duit yang diperuntukkan untuk Majlis Sukan Negara yang sepatutnya Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara ini duit itu diperuntukkan untuk memajukan dan membangunkan sukan. Ini sampai buat majlis Hari Raya pun guna duit Majlis Sukan Negara. Jadi, saya kira ini satu benda yang tidak betullah bukan? Tidak betul. Majlis Hari Raya takkan lawan makan? Takkan pertandingan lawan makan?

Jadi ini satu yang tidak sewajarnya. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Bagaimana pengurusan kewangan ini dikendalikan oleh Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab menyediakan peruntukan ini? Kedua, yang terakhir sekali ialah B.10 Butiran 011300 – Syarikat Pelaburan Kerajaan dibaca sekali dengan B.10 Butiran 010900 – Pelaburan Strategik. Saya hendak dapatkan penjelasan berkaitan satu pelaburan strategik yang dibuat oleh syarikat kerajaan berkaitan dengan pelaburan untuk mewujudkan program projek solar di Kuala Ketil, Kedah yang dikendalikan sebelum itu oleh 1MDB bersama syarikat yang di belakang itu adalah kepentingan Obama iaitu DuSable.

Jadi saya hendak minta penjelasan sekarang ini, DuSable itu telah pun jual saham dia. 1MDB telah pun beli dan membayar —berapa Yang Berhormat Kelana Jaya? RM300 juta kepada DuSable oleh 1MDB, bayar —ambil alih. Projek tidak ada apa lagi. Projek kosong tetapi 1MDB telah bayar kepada syarikat Amerika Syarikat ini, syarikat Obama ini, RM300 juta.

Jadi bagi saya ini sesuatu yang menjadi tanda tanya apa keuntungan yang telah diperolehi? Sedangkan kita hendak buat kerjasama antara 1MDB dengan syarikat daripada Amerika Syarikat yang dimiliki oleh Obama. Jadi, sekarang ini pula syarikat daripada 1MDB ini melalui anak syarikat dia Edra. Syarikat tenaga ini telah jual kepentingan ini kepada negara China. Sedangkan tanah-tanah itu telah pun diperolehi. Tanah di Kuala Ketil itu dengan satu jumlah yang luas. Ini Yang Berhormat Baling tiada. Sepatutnya Yang Berhormat Baling dia boleh mengesahkan. Tanah yang luas.

Jadi saya tidak tahu bagaimana untuk kita hendak selamatkan tanah ini dalam keadaan projek tidak terbangun, sekarang ini negeri tidak terbangun. 1MDB pun sudah bermasalah, sudah pun di jual kepentingan itu kepada Edra sudah dijual kepada syarikat daripada negara China.

■1230

Jadi apa akan jadi kepada kepentingan negeri Kedah yang dulunya kita kata bahawa kita hendak buat 1MDB, hendak buat dengan syarikat Obama, 1MDB. Maknanya kepentingan 1MDB itu kepentingan negara kita itu masih ada, kita masih

dilindungi, tanah akhirnya tidak lari. Akan tetapi akhir sekarang tanah itu serah kepada syarikat daripada negara China sepenuhnya.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi, apa keuntungan yang diperoleh oleh 1MDB daripada DuSable ini sehingga kita membayar. Apa sumbangan dia kepada 1MDB yang kita kena bayar sampai RM300 juta? Apa sumbangan dia sedangkan projek tidak jalan. Adakah sekadar buat kertas kerja, dia dibayar sebanyak RM300 juta. Kemudiannya bagaimana untuk hendak menyelamatkan tanah di Kuala Ketil itu daripada terlepas kepada kepentingan daripada negara China. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

12.31 tgh.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Kementerian Kewangan peringkat Jawatankuasa. Pertamanya, saya ingin merujuk kepada Butiran 011300 – Syarikat Pelaburan Kerajaan. Di mana apabila kita lihat daripada segi butiran ini, di dalam butiran tersebut ia menyatakan usaha untuk memaksimumkan peluang pulangan pelaburan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan berlaku pengurangan kebergantungan terhadap kerajaan oleh syarikat-syarikat pelaburan kerajaan apabila pemberian peruntukan pada tahun 2017 menurun berbanding tahun 2016.

Daripada hemat saya Tuan Pengerusi, pemulangan ini merupakan satu langkah yang sangat efektif ke arah untuk memastikan syarikat-syarikat pelaburan kerajaan ini akan berdaya saing demi untuk memastikan pulangan keuntungan yang memberangsangkan dapat dijana. Sehubungan dengan itu apabila langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan, ianya demi untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada setiap program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan yang mana saya lihat antara perkara yang boleh saya nyatakan dan ingin mendapat penjelasan terutama sekali apabila kerjasama yang dibentuk khususnya oleh Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) menerusi pelancaran Dana Teknologi Bumiputera (BTF) yang saya lihat bertujuan untuk memudahkan syarikat berasaskan teknologi mengembangkan perniagaan melalui kemudahan modal kerja dan pembiayaan aset patuh syariah dengan suntikan dana berjumlah RM100 juta.

Pada hemat saya apabila inisiatif yang diperkenalkan terutama sekali oleh idea Yang Amat Berhormat Pekan ini, ianya merupakan satu usaha yang baik bagi saya untuk menarik minat lebih ramai lagi golongan bumiputera untuk terlibat dalam bidang teknologi. Baru-baru ini pun Yang Amat Berhormat Pekan telah berada di China, bertemu dengan salah seorang yang terlibat dalam perniagaan digital iaitu Alibaba Group. Saya lihat ia satu pendekatan yang sangat penting bagaimana dengan adanya inisiatif ini generasi muda terutama sekali yang mewarnai khususnya dalam konteks negara kita dapat kita kembangkan dengan budaya baru dalam usaha untuk menjadi usahawan digital negara kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya apabila kita melihat tentang butiran ini juga saya ingin melihat para penerima dana yang terlibat ini bukan hanya memfokuskan kepada usaha untuk mengembangkan perniagaan mereka sahaja bahkan harus berusaha membantu bumiputera yang lain dengan membangunkan teknologi baru berorientasikan pasaran dan menambah baik teknologi konvensional yang sedia ada bagi meningkatkan daya pengeluaran dengan berorientasikan kepakaran di dalam negara. Ini penting Tuan Pengerusi kerana pada hemat saya apabila graduan-graduan yang dikeluarkan daripada IPT sama ada di peringkat teknikal dan juga akademik sudah tentu pemikiran mereka harus diterjemahkan dengan menjadi pencipta pekerjaan bukan mencari pekerjaan.

Saya fikir dengan inisiatif yang menggunakan teknologi ini, sudah tentu akan memberikan satu penjenamaan kepada usaha kerajaan untuk mengoptimumkan budaya usahawan digital khususnya dalam negara kita. Malaysia boleh menjadi habnya terutama sekali apabila Yang Amat Berhormat Pekan mengetengahkan idea sewaktu Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN iaitu *ASEAN Economic Committee* yang saya fikir sangat penting untuk generasi muda menggunakan idea teknologi ini untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga bila melihat tentang butiran ini, penggunaan teknologi moden dan sumber secara optimum akan dapat meningkatkan produktiviti, pendapatan dan daya kemapanan. Ianya seiring dengan usaha kerajaan menuju ke arah pelaksanaan revolusi industri keempat walaupun skalanya negara kita masih lagi kecil kalau kita bandingkan dengan negara maju yang lain seperti Jepun, Jerman dan Amerika Syarikat.

Menurut *World Economic Forum Annual Meeting 2016* di *Davos, Switzerland*, konsep revolusi industri keempat yang berlangsung adalah membabitkan penggunaan pelbagai teknologi terutamanya teknologi komunikasi maklumat ICT, sains fizikal dan biologi bagi mencorakkan operasi industri pada masa hadapan. Di sini saya ingin menyarankan agar pihak kementerian menjadi pengantara ataupun fasilitator kepada

syarikat yang telah berjaya mendapatkan dana teknologi bumiputera ini dengan pihak MIMOS yang sememangnya mempunyai kepakaran setanding dengan luar negara di dalam aspek teknologi.

Ini kerana saya lihat dalam teknologi usahawan yang akan datang banyak penceritaan dan juga penulisan yang berkaitan tentang ekonomi berasaskan platform. Saya fikir ini sangat penting dengan adanya inisiatif yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan ini sudah tentunya perkongsian pintar bagi kedua-dua pihak ini akan meningkatkan lagi pembudayaan dan juga pembangunan usahawan teknologi dan membangunkan hubungan yang mesra untuk menjana percambahan bilangan syarikat-syarikat berasaskan teknologi yang mempunyai potensi global. Saya amat yakin generasi muda akan mengambil idea ini untuk mereka turut bersama terlibat menjadi usahawan digital pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada butiran yang berkaitan dengan Butiran 081100 – UTC. Saya menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Pekan iaitu mewujudkan UTC di negeri Selangor. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar ada sebuah lokasi yang mungkin merupakan antara lokasi yang boleh ditambah baik iaitu di Shah Alam dinamakan Anggerik Mall yang kini dijadikan *digital mall* oleh pihak KKLW boleh difikirkan untuk dijadikan UTC. Ini kerana pada hemat saya bila menyebut tentang konsep UTC ini, ianya menjadi satu daya tarikan terutama sekali bagi rakyat untuk mendapatkan segala bentuk perkhidmatan kerajaan di bawah satu bumbung.

Mungkin dari segi penambahbaikan ialah saya melihat bahawa apabila pelbagai inisiatif terutama sekali oleh pihak kerajaan mengutarakan pelbagai bantuan dan geran untuk memupuk keusahawanan dan membantu usahawan. Mungkin UTC di Selangor ini boleh dijadikan sebagai satu idea ataupun *catalyst* untuk meletakkan semua agensi yang memberikan bantuan dan juga perkhidmatan keusahawanan sama ada pinjaman dan juga geran seperti TEKUN, SME Bank, SME Corp termasuk juga agropeneur muda di bawah Kementerian Pertanian boleh diletakkan di bawah satu bumbung yang mana UTC yang di Selangor yang dicadangkan ini boleh menjadi satu hab baru terutama sekali bagi memupuk semangat khususnya di kalangan warga tempatan untuk meminati khususnya dalam konteks keusahawanan.

Ini saya rasa sangat penting kerana Anggerik Mall ini terletak di Shah Alam dan saya fikir ia sebuah tempat yang sangat strategik yang boleh difikirkan oleh pihak kementerian khususnya Kementerian Kewangan dalam mewujudkan UTC di Selangor ini iaitu di Shah Alam di Anggerik Mall kerana bangunan itu sedia ada.

Kedua, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 022500 – Inisiatif-inisiatif di bawah NBOS. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, inisiatif bagaimanakah khususnya yang saya fikir bagi kita merancakkan lagi semangat NBOS ini? Ini kerana bagi hemat saya ini idea yang sangat praktikal terutamanya dalam untuk memastikan bahawa dengan izin *low investment high impact* program itu dapat digerakkan dan diterjemahkan di kalangan rakyat.

Saya melihat ianya telah dilakukan di Kuala Selangor dan mungkin dapat ditambahkan lagi kerana saya lihat respons rakyat begitu baik terutama sekali apabila inisiatif NBOS dapat diterjemahkan bukan hanya dalam konteks bandar semata-mata tetapi dapat diterjemahkan juga dengan program-program di peringkat luar bandar.

■1240

Mungkin daripada segi *community building* itu juga boleh kita terapkan kerana pada hemat saya, ini merupakan inisiatif yang sangat bermakna lebih-lebih lagi di kalangan masyarakat, khususnya mereka yang terlibat dengan perniagaan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, yang terakhir. Saya juga melihat tentang Butiran 022300 – Sumbangan kepada NGO. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya peruntukan yang ada ini untuk kita menggerakkan di samping apa yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan daripada segi TN50, mungkin dengan peruntukan ini juga boleh menjana khususnya pemahaman TN50 di kalangan NGO-NGO yang ada di negara kita. Ini kerana yang paling penting semangat di bawah satu bumbung Malaysia itu harus diterjemahkan dalam usaha untuk memperkukuhkan Malaysia. Akhir kata, sekian, saya Kuala Selangor menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

12.41 tgh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara sebagai menyambung apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor mengenai UTC. Tumpuan dan perhatian diberikan kepada UTC kelihatannya seolah-olah semacam kita akan bergerak untuk menjadikan UTC sebagai alternatif kepada semua pejabat lain. JPJ misalnya, LHDN mungkin, Imigresen, boleh semua duduk di dalam bawah satu bumbung. Jadi kalaulah UTC ini merupakan satu konsep yang boleh mengintegrasikan perkhidmatan bawah satu bumbung dan dikendalikan oleh satu jumlah kakitangan yang juga dilatih untuk menggerakkan urusan *integrated* ini, maka kita lihat kita boleh menyahut apa yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mersing semalam apabila bercakap mengenai saiz perkhidmatan awam yang begitu besar, 1.6 juta.

Beliau mencadangkan supaya teknologi dimanfaatkan semaksimumnya supaya kerja-kerja yang dahulunya adalah *labor intensive*, dapat digantikan dengan *technology intensive*. Ini juga mengikut pandangan beliau dapat membuatkan *right sizing* kepada perkhidmatan awam. Yang Berhormat Mersing tidak mengatakan *downsizing*, tetapi *right sizing*. Jadi, apakah pandangan Kementerian Kewangan ataupun kerajaan sama ada UTC ini akan mengambil alih semua urusan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada yang sekarang ini bergerak secara berasingan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya menyentuh di bawah B.11, Butiran 020500 di bawah Subsidi dan Bantuan Tunai yang diperuntukkan RM12.7 bilion. Tidak diperincikan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan ini tetapi saya merasakan ia adalah antaranya untuk BR1M, bantuan tunai mungkin dan juga subsidi harga barang bagi setengahnya. Saya ingin bertanya kepada kementerian, subsidi ini sedang melalui proses rasionalisasi. Ia bermakna satu masa ia akan ditarik dan rakyat mesti berbeban dan berkemampuan untuk memperoleh keperluan mereka, barangan mereka tanpa dibantu oleh subsidi.

Apa yang timbul pada sehari dua ini ialah kesan daripada penarikan subsidi terhadap minyak masak. Sampai hari ini, berita tadi pun masih lagi menyebut tentang masalah yang dihadapi apabila kesan daripada penarikan ini, minyak masak tiada di pasar-pasar ataupun di kedai-kedai. Ini menyebabkan kesusahan kepada masyarakat. Saya tidak nampak kesan daripada penurunan subsidi ini berlaku kerana ada minyak masak yang di dalam kempit, dalam plastik masih lagi di subsidi. Apakah tidak akan menjadi tumpuan *smugglers* ataupun orang yang menyeludup keluar bahan ini untuk menumpukan kepada minyak masak yang dalam bungkusan tersebut?

Jadi isunya bukan saya hendak mencadangkan dihapuskan terus subsidi tetapi ada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal perairan kita, sempadan kita daripada aktiviti penyeludupan ke luar negara ini nampaknya lalai sehingga berlaku kebocoran dalam kawalan kita dan menyebabkan barangan-barangan subsidi ini terlepas ke negara asing. Kalau kita mengambil tindakan untuk menghapuskan subsidi supaya tidak ada suatu kelebihan bagi orang untuk menyeludup barang, maka kesannya terlalu besar kepada rakyat. Jadi, saya harus mencadangkan di sini supaya kerajaan mengambil kira aktiviti kawalan penyeludupan ini supaya dalam masa yang sama rakyat boleh menikmati subsidi tetapi orang-orang yang tidak sepatutnya daripada negara asing menikmati subsidi yang sama.

Kita juga dimaklumkan contohnya subsidi diesel yang dikendalikan untuk nelayan-nelayan oleh LKIM misalnya, pun mengalami masalah yang sama. Sudah ada cadangan supaya urusan yang diamanahkan kepada LKIM ini dikaji semula. Jadi saya tidak tahu kaji semula itu ertinya kita akan serahkan kepada pihak lain yang lebih berwibawa untuk menguruskan subsidi diesel untuk nelayan ataupun cadangannya untuk menghapuskan subsidi itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak ada yang bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak ada, saya diminta untuk mengalu-alukan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Boleh saya mencelah sekejap? Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Pengerusi, saya ingin mencelah untuk mengalu-alukan beberapa orang *student leaders* daripada beberapa universiti, mahasiswa kita yang berada di dalam Dewan ini. Selamat datang, terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, selamat datang. Terima kasih kerana sudi mendengar. Harap bersabar ya. Kalau rasa tak puas hati, masuk Parlimen berbahas.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Mohon celahan sedikit Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya baru nak menyambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi berkait dengan kehadiran pelajar-pelajar. Antaranya kalau Yang Berhormat Kuala Krai ingat, dalam sesi lepas kita dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan bahawa belanjawan tambahan termasuklah untuk biasiswa pelajar-pelajar JPA bakal dipotong kerana begitu tinggi kosnya yang terpaksa diharung oleh Kementerian Kewangan. Maka saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat, memandangkan Malaysia juga meneruskan pemberian dana kepada Universiti Oxford iaitu satu peninggalan yang diwarisi oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi satu ketika dahulu, dana lebih kurang RM65 juta. Bagaimanakah kita mampu memastikan anak-anak muda kita ini dapat terjamin masa depan khusus bila berkait dengan program biasiswa untuk pelajar terbaik di Malaysia? Mohon pandangan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih. Sekejap. Ya, sila-sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Kuala Krai, juga berkenaan dengan biasiswa JPA. Saya tidak sempat untuk bahas dalam peringkat

Jabatan Perdana Menteri semalam. Sebab saya lihat dalam Butiran 030600 di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, Pembangunan Modal Insan. Peruntukan untuk tahun lepas ialah RM1.6 bilion dan ini merupakan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang dalam JPA. Akan tetapi tahun 2017, peruntukannya ialah kosong. Maksudnya tidak ada sebarang peruntukan untuk biasiswa JPA ini. Saya hendak tanya, tumpang Yang Berhormat Kuala Krai tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, ke mana pergikah peruntukan ini dan bagaimanakah biasiswa JPA ini ditampung kalau tanpa peruntukan untuk pembangunan modal insan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga Yang Berhormat Seremban. Saya semalam juga ingin untuk berbahas tetapi tidak ada peluang. Memang isu pembangunan modal insan yang menerima penurunan yang sangat mendadak, lebih RM1 bilion dipotong, tidak ada langsung, kosong. Ada satu tinggal RM31.3 million, kosong. Jadi bagaimana kita nak mengharapkan para pelajar kita untuk menikmati satu pendidikan yang lebih baik kalau urusan biasiswa ini yang menjadi satu tunggak dalam proses pembangunan modal insan kita ditiadakan.

■1250

Apakah kita berada dalam keadaan begitu daif sekali sampai ditiadakan peruntukan ini. Jadi saya serahkan kepada Menteri untuk menjawab dan begitu juga kepada...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Kuala Krai boleh mencelah.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bagi Yang Berhormat Klang jalan dulu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat mengenai peningkatan kos sekarang dan juga berkaitan dengan isu minyak masak. Saya telah balik kawasan Klang minggu lalu dan berjumpa dengan beberapa peniaga yang menggunakan minyak. Mereka telah mengatakan bahawa dengan peningkatan kos ini maka mereka terpaksa tutup kedai mereka. Mereka terpaksa tutup kedai mereka sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya masa Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: So, oleh kerana itu apakah kerajaan mesti buat untuk mengatasi masalah-masalah tersebut? Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi sedikit sahaja Yang Berhormat Kuala Krai, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sedikit apa lagi Yang Berhormat masa sudah habis.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sedikit sahaja. Soalan saya adakah Yang Berhormat Kuala Krai bersetuju dengan saya daripada bajet yang telah ditarik ini tanggungan untuk pengisian perbelanjaan itu ditanggung oleh emak bapa dan penjaga. Apa Yang Berhormat Kuala Krai bersetuju dengan saya, beban bahu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya saya bersetuju dengan pandangan-pandangan tersebut dan juga Yang Berhormat Klang. Penderitaan akan berlaku, saya khuatir peniaga-peniaga kecil ini akan bertindak macam sahabat kita di...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu.
12.51 tgh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Oh! Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Yalah Tuan Yang di-Pertua pun namanya, Tuan Pengerusi. Tidak macam Yang Berhormat Kuala Krai dia sudah lari kepala. Semalam sepatutnya dicerita fasal hari ini. Saya ingin bercakap sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sepuluh minit Yang Berhormat ya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sepuluh minit, okey. Butiran 040200 iaitu Perkastaman/GST. Bila bercakap fasal GST ini, sudah fobia sudah. Sebelah sanalah, sebelah sana.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu bagi Yang Berhormat Bagan Serailah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini sebab kita tidak fobia sebab kita faham apa itu GST. Diperuntukkan RM400 juta lebih kepada pihak kastam ini untuk tujuan pengutipan GST. Saya rasa perkara sama berlaku sebenarnya atas kutipan cukai ini tetapi caranya mungkin berbeza sebab itu peruntukan diberi lebih. Jadi saya

hendak katakan bahawa bila sebut GST ini, ramailah bercakap fasal naik sahaja barang, tidak turun-turun. Tidak ada barang turun rupanya. Sebelah sanalah biasa bercakap, naik sahaja tidak habis-habis tetapi tidak naik pun. Macam Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena memang tidak naik pun.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Apa barang yang sudah turun?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti dahulu saya cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Setiu duduk dalam gua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti saya belum habis bercakap lagi pun. Inilah dia, dia tidak boleh terima bila kita hendak cakap fasal barang turun dia tidak hendak terima. Saya akan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri selepas ini.

Kalau mengikut petikan *The Star* 11 Mei 2015, pihak kastam mengatakan bahawa dia menyenaraikan lebih kurang dalam 255 barang sepatut turun. Sepatut turun. Ini sebab dia kata kerana adanya sebelum ini sebenarnya sudah ada cukai-cukai tersembunyi yang 10 peratus tadi. Cukai tersembunyi 10 peratus ini sudah ada asal-asalnya tetapi mereka sembunyikan dan campur dengan enam peratus. Itu yang jadi naik barang. Itu yang masalah yang berlaku. Kalau dahulu macam barang-barang dalam tin zaman dahulu, SST, barang dalam tin, dalam kotak, apa semua dalam plastik, perabot dan sebagainya. Semua sudah naik sebenarnya, mereka sudah berniaga itu sudah disembunyikan dalam harga itu.

Sekarang kena sebut enam peratus maka nampak kenaikan. Ini yang masalah berlaku sekarang. Kalau kita hendak kira sebenarnya harga ini sepatut dikurangkan, sepatut akan berkurang bila pihak peniaga ini bersedia. Dia bersedia untuk apa? Dia untuk memindahkan penjimatan kos membuat atau *pass down the cost saving*. Ini sebenar sepatut berlaku. Jadi lanjutan daripada tuntutan cukai input ke atas pembelian bagi tujuan perniagaan, sepatut benda ini berlaku tetapi tidak berlaku yang masalah mungkin.

Jadi kenaikan harga barang ini sebenarnya pada lazimnya bukan setakat kerana cukai GST. Dia atas permintaan sebenarnya. Ini yang ramai tidak faham kerana penawaran, permintaan di pasaran, jadi harga akan naik. Tidak kiralah GST kah, SST pun benda yang sama berlaku. Ini yang saya cuba hendak terangkan. Walaupun saya

tidak pandai mengira tetapi saya boleh kira. Bukan macam sesetengah akauntan dia kira lain nanti saya akan tanya selepas ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Macam mana sebagai seorang akauntan mengira sebenarnya GST ini.

Saya lihat bahawa bila GST diperkenalkan ini, sudah tentulah ada pihak-pihak peniaga ini mengambil kesempatan. Kesempatan untuk menaikkan harga barang, sudah tentu akan berlaku kerana mereka katakan GST ini penyebabnya. Kita sebenarnya kalau hendak kira dalam kita memperkenalkan GST, kita sudah ada Akta Pencatutan, Akta Kawalan Harga dan penubuhan Majlis Harga Negara, semua sudah ada dibuat. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat mana pelaksanaan sepenuhnya ini kepada akta-akta ini dan juga Majlis Harga Negara ini? Itu pertanyaan pertama saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya difahamkan juga bahawa hasil daripada GST ini sebenarnya dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Fahaman saya kalau dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dalam keadaan apa pun negara kita berlaku, maknanya wang tersebut masih dapat digunakan. Kalau contoh kalau hakim ataupun Yang di-Pertuan Agong, mereka masih dapat dalam keadaan mana berlaku kepada negara kita. Jadi hari ini disalurkan kepada rakyat, disalurkan balik kepada rakyat. Maknanya rakyat akan menerima juga walaupun apa keadaan pun berlaku. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana hasil daripada GST yang dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan tadi digunakan untuk orang awam. Itu soalan saya. Adalah banyak benda BR1M dan sebagainya.

Terakhirnya ada tiga minit lagi yang saya hendak kata akauntan yang bukan profesional akauntan. Macam Yang Berhormat Menteri kita profesional akauntan, lebih tahu pengiraannya dalam keadaan mana. Ini sebab rakyat dikelirukan sekarang. Saya tidak terkeliru sebab saya tahu pengiraan itu salah. Pengiraan macam mana? Budak Darjah 6, budak Darjah 6 ini boleh kira. Pendapatan dibahagi dengan penduduk, maka keluarlah perkataan RM19 sehari rakyat kena bayar. Bermakna sekarang kalau GST lebih lagi, bermaknanya kena bayar lebih lagi daripada RM19. Dikata pula BR1M, 14 sen sahaja sehari tetapi sudah naik sedikit RM1,200 lebih sedikitlah. Akan tetapi ini perkiraan-perkiraan yang cuba mengelirukan rakyat.

Jadi inilah tugas saya kata Yang Berhormat Menteri yang mempunyai kelulusan akauntan, profesional akauntan yang hendak cuba supaya rakyat faham tidak dikelirukan lagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh celah?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya faham...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Boleh celah Yang Berhormat Setiu?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sudah, sudah ini. Saya cuba hendak habiskan ini. Boleh tanya dengan pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat duduklah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalah sekarang ini saya rasa bukan sebab apa. Mereka membuat perkara macam ini sebab mereka rasa takut. Bila GST ini berjaya jadi apa yang mereka katakan sebelum ini bahawa GST tidak baik, tidak bagus, menganiaya rakyat dan sebagainya. Bila berjaya mereka tidak boleh cari makan. Bila bertanding esok rakyat kata, "*Ini apa ini? Wakil rakyat cakap pun tidak serupa bikin*". Jadi maknanya itulah sebab dia orang sebenar takut. Jadi saya minta supaya Menteri betul-betul beritahu dengan Dewan ini apa keadaan sebenar GST ini. Lebih memberi keuntungan kepada rakyat atau merugikan rakyat. Terima kasih saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Seremban.

2.32 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 010800 berkenaan dengan cukai. Satu perkara yang khusus yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua Yang Berhormat Titiwangsa ialah berapakah pendapatan cukai perjudian setiap tahun

terutamanya daripada 4D. Ini kerana setahu saya setiap RM1 yang diperjudikan dalam empat ekor ataupun 4D, 10 peratus diberikan kepada kerajaan sebagai cukai.

Akan tetapi saya tengok dalam Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan ini setiap tahun saya baca dalam Buku Anggaran Hasil ini walaupun *sin tax* yang lain seperti minuman keras, seperti rokok dan sebagainya ada tertera dan dipecahkan, ada item-item khusus berkenaan dengan berapa jumlah cukai yang dikutip daripada minuman keras, rokok dan sebagainya. Akan tetapi dalam sektor perjudian khususnya 4D tidak ada dalam Buku Anggaran Hasil ini.

Ini menyebabkan kita tidak tahu berapa jumlah cukai perjudian yang dikutip oleh kerajaan setiap tahun kerana ini adalah satu statistik yang sangat penting. Tanpa data tersebut, tidak tahu berapakah jumlah sebenarnya yang diperjudikan oleh rakyat Malaysia setiap tahun. Ini kerana mungkin akan memudaratkan ataupun memberikan kesan dari segi bagaimana kita menggubal dasar-dasar untuk mengurangkan perjudian dalam negara kita. Saya berharap bahawa pihak Kementerian Kewangan boleh mewujudkan satu kod hasil khas untuk sektor perjudian khususnya untuk 4D supaya kita tahu berapa jumlah cukai perjudian yang dikutip setiap tahun.

Satu perkara yang khusus yang saya telah banyak kali bawa dalam Dewan yang mulia ini. Baru-baru ini saya bersama dengan Yang Berhormat Kluang pun ada menghantar satu memo kepada Yang Berhormat Titiwangsa berkenaan dengan satu isu berkenaan *special draw* ataupun cabutan khas. Saya membaca dalam satu *website* perjudian yang memberikan definisi *special draw* begini, "*Special draw falls on Tuesday and it is indeed special because this draw need to be approved and granted by the Government of Malaysia. The total number of special draw approved per year now is 22 and one of the main reason for this special draw is to increase government coffers*", dengan izin Tuan Pengerusi.

Pertamanya, 22 hari setiap tahun dibenarkan *special draw*. Maksudnya sekarang ialah hampir setiap bulan ada dua kali *special draw*. *Special draw* ini diadakan pada hari Selasa. 4D ini dalam negara kita ini dibenarkan oleh kerajaan sejak berpuluh tahun yang lalu ialah setiap hari Rabu, Sabtu dan Ahad, tiga hari dalam seminggu ada empat ekor, ada cabutan empat ekor. Akan tetapi sekarang ini kerajaan tambah 22 hari lagi iaitu setiap bulan puratanya dua hari ada cabutan khas pada hari Selasa. Umpamanya dalam November Selasa pertama dan Selasa terakhir. Bulan Disember Selasa pertama dan Selasa terakhir. Kalau masuk bulan ada Tahun Baru Cina, setiap minggu hari Selasa ada *special draw*. Ini seolah-olah kerajaan hendak menggalakkan rakyat berjudi dengan lebih banyak.

Saya mendapat banyak aduan daripada rakyat di kawasan saya terutamanya daripada masyarakat Tionghoa yang merupakan banyak yang bertaruh dalam 4D ini. Mereka juga meminta kerajaan kurangkan, walaupun mereka ini berjudi ada main empat ekor ini. Akan tetapi mereka meminta kerajaan kurangkan *special draw* ini. Lebih baik batalkan *special draw* ini. Jangan diadakan *special draw* dan kurangkan hari pertaruhan daripada tiga hari kepada dua hari. Apakah kerajaan kita ini begitu *desperate*, tidak ada cukai yang mencukupi sehingga kita hendak menambah cukai kerajaan melalui *special draw*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ya Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kita, balik ke-10 tahun yang dahulu atau 15 tahun yang dahulu. Berapakah kerap *special draw* ini dilaksanakan dan dibandingkan dengan sekarang? 10 dan 15 tahun yang dahulu. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya boleh jawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri. *Special draw* ini dia bermula dari tahun 1999 apabila ada nipah virus dekat Negeri Sembilan. Dahulu tidak ada *special draw*. *Special draw* ini diadakan oleh kerajaan khusus untuk mendapatkan cukai tambahan dan cukai ini bukan dikutip oleh kerajaan. Cukai ini diambil untuk membantu mangsa-mangsa nipah virus di Bukit Pelanduk di Negeri Sembilan. Akan tetapi selepas itu kerajaan khususnya Kementerian Kewangan menjadikan *special draw* ini merupakan satu sumber tambahan kepada tabung kerajaan. Ini yang sepatutnya tidak boleh diadakan, *special draw* ini patutnya *special purpose*. Kalau cukai perjudian itu, *special draw* itu hasilnya perlu diperuntukkan untuk satu kegunaan yang khas mungkin dalam bencana dan sebagainya. Akan tetapi ini seolah-olah sekarang ini kerajaan menjadikan ini sebagai salah satu tambahan sumber kepada kerajaan. Yang Berhormat Rantau Panjang boleh.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat tentang isu judi. Kita nampak di sini semakin banyak lesen-lesen judi yang telah diluluskan termasuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat, termasuk *special draw*. Sebelum ini pimpinan pihak parti kerajaan mengatakan bahawa judi ini diberi ruang kerana untuk orang bukan Islam. Akan tetapi kita lihat daripada apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat bahawa orang bukan Islam pun tidak suka judi. Jadi sebenarnya di mana sebenarnya kedudukan sebagai pimpinan DAP mungkin- apa komen terhadap isu yang mengatakan orang Cina itu suka judi. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seremban sebelum jawab nanti *I'll give you second*. Saya cadangkan supaya dalam perbahasan yang begini pendek kalau boleh jangan lagi minta penjelasan daripada Yang Berhormat yang berhujah kerana tidak adil bagi Yang Berhormat berhujah itu. Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya rasa memang kita rasakan bahawa adalah tidak betul dan tidak tepat kalau mana-mana pihak yang mengatakan bahawa perjudian itu merupakan budaya kaum Cina. Itu bukan budaya kaum Cina. Memang kita pun mengharapkan bahawa perjudian ini dapat dikawal. Walaupun kita tidak mengambil satu pendekatan drastik meminta kerajaan batalkan semua perjudian tetapi sekurang-kurangnya mengurangkan hari-hari perjudian ini supaya kita kurangkan.

Ini kerana bagi orang-orang yang berjudi ini terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah kalau ada hari perjudian mereka hendak beli hutang, kalau tak nak beli, kalau tidak bertaruh pada hari itu mungkin hati mereka pula tidak senang. Takut mereka beli nombor itu setiap kali mereka beli kalau pada hari Selasa itu ada cabutan khas mereka tidak beli nanti keluar. Nanti kena pula maka mereka ini, sikap mereka ini ataupun dari hati mereka ini mereka tetap akan bertaruh kalau ada cabutan khas.

Jadi, tidak tepat kepada mana-mana pihak. Katakanlah cabutan khas ini dapat membantu untuk mengurangkan *illegal betting*. Saya pernah dengar hujah daripada Yang Berhormat Kota Belud dahulu dia kata kerajaan bagi kerajaan bagi cabutan khas ini supaya mengawal *illegal betting*, tidak betul.

■1440

Saya setuju dengan hujah Yang Berhormat Titiwangsa dalam *Malay Mail Online* bahawa kalau ada *betting* ini dibenarkan oleh kerajaan, *illegal betting* akan berjalan secara serentak. Pada hari Selasa cabutan khas apabila syarikat-syarikat nombor ramalan ini diberikan lesen untuk cabutan khas, mereka yang *illegal betting* itu juga akan berjalan. Jadi memang dari segi hujah ini saya bersetujulah Yang Berhormat Titiwangsa ini lebih pandai daripada Yang Berhormat Kota Belud.

Kedua, saya juga hendak menyentuh kenyataan Yang Berhormat Titiwangsa. Saya baca dalam satu kenyataan hari ini dalam *Malay Mail Online* berkenaan dengan *sports betting* khususnya kepada lesen judi bola. Yang Berhormat Titiwangsa telah membuat satu kenyataan bahawa Yang Berhormat tidak setuju dan kerajaan tidak akan membenarkan ataupun meluluskan lesen perjudian bola ini ataupun *sports betting* kerana Yang Berhormat Titiwangsa merasakan bahawa ini bukan satu caranya untuk menyelesaikan *match griefing* yang berlaku dalam bola sepak.

Sekarang ini banyak sindiket telah bermula daripada Singapura telah berpindah ke Malaysia dan Yang Berhormat Titiwangsa mengatakan bahawa kerajaan tidak bersetuju tetapi itu kenyataan di luar Dewan. Saya berharap Yang Berhormat Titiwangsa boleh membuat satu kenyataan secara tegas memberi satu kepastian di dalam Dewan yang mulia ini. Ini merupakan bukan sahaja pendirian peribadi Yang Berhormat Titiwangsa tetapi ini merupakan pendirian Kementerian Kewangan dan Kerajaan Malaysia bahawa lesen perjudian bola sepak tidak akan dibenarkan di Malaysia ini.

Saya harap ini dapat diberikan satu kepastian dan dijawab oleh Yang Berhormat Titiwangsa nanti. Ini kerana bagi kita memang perjudian bola sepak ini beberapa tahun lepas pernah dibahaskan, telah dibincangkan. Pada tahun 2010, memang ada ura-ura bahawa kerajaan akan memberikan lesen judi bola sepak kepada sebuah syarikat yang dimiliki oleh Tan Sri Vincent Tan tetapi akhirnya kerana bantahan daripada semua pihak daripada pembangkang, daripada pihak *backbenchers* dan juga ramai badan bukan kerajaan, maka kerajaan tidak membenarkan lesen perjudian bola sepak ini diluluskan.

Maka saya harap pendirian ini dapat diteruskan kerana kita tidak mahu nanti kalau ada lesen perjudian bola sepak walaupun ada hujah yang mengatakan ini boleh memberikan hasil lebih kepada kerajaan. Akan tetapi apabila ia dibenarkan ataupun di*legalize*kan, ia akan memberikan satu mesej yang cukup salah kepada generasi muda kita, seolah-olah kita berjudi bola sepak ini sesuatu yang dibenarkan. Suatu perkara yang dibenarkan dari segi undang-undang. Jadi saya harap pendirian Yang Berhormat Titiwangsa itu boleh diulang semula dalam Dewan yang mulia ini supaya pendirian itu mewakili pendirian Kementerian Kewangan dan Kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

2.42 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hendak membahaskan sama tentang bajet di Kementerian Kewangan. Pertama B.10. Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan. Hendak minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan ada berapa cukai yang dikenakan sama ada kepada orang ramai dan juga badan berkanun, syarikat-syarikat yang ada di Kementerian Kewangan dan berapakah jumlah cukai yang telah dikutip untuk tahun 2016. Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak bercakap di bawah B.11, Butiran 021600 – Pemberian Kemudahan Projek Khas yang mana peruntukan pada tahun 2016 sebanyak RM575,970,400 manakala pada anggaran untuk 2017 sebanyak RM526 juta yang mana

saya tidak berapa memahami tajuk yang berkenaan tetapi saya mempunyai anggapan bahawa pemberian kemudahan projek khas kemungkinan projek-projek yang diminta oleh daripada lain-lain kementerian bila berlaku hal-hal yang istimewa seperti contoh tempat saya, bila gajah mula menyerang dalam kawasan-kawasan perkampungan. Cumanya kaedahnya saya berpandangan kalau hendak dibantu cara penyelesaian yang pertama wujudkan *sanctuary* gajah. Kedua, kalau tidak boleh lagi *sanctuary* gajah, kita buat pagar gajah untuk menghalang kawasan-kawasan yang boleh dimasuki oleh pihak gajah.

Perkara yang ketiga yang saya hendak cakap ialah Butiran 022000 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT. Dilihat kalau boleh pihak kerajaan kekalkan pada tahun sudah RM130 juta, tahun 2016. Tahun 2017 pun RM130 juta. Saya berpendapat PBT ataupun Majlis-majlis Daerah di kawasan luar bandar masih memerlukan kawasan lampu luar bandar. Maka diharapkan terutama dilihat Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan juga Majlis Daerah Gerik boleh mendapat sedikit pertambahan pembayaran untuk lampu jalan.

B.12, Butiran 010000 – Kumpulan Wang Rizab Negeri yang mana pada tahun 2016, RM580 juta manakala untuk tahun 2017 sebanyak RM650 juta. Persoalan saya macam mana bantuan ataupun Kumpulan Wang Rizab Negeri ini diberikan kepada negeri-negeri. Bagaimana pihak kementerian mengagihkan RM650 juta pada tahun hadapan pada tiap-tiap negeri dalam bentuk yang macam mana. Bolehlah minta pihak Kementerian Kewangan menyatakan dengan jelas.

Begitu juga seterusnya Butiran 090100 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Kalau kita lihat tahun 2016 sebanyak RM10 juta tetapi pada tahun 2017 sebanyak RM100 juta. Ini menggambarkan tidak ada manipulasi seolah-olah kerajaan tidak membantu pelajar-pelajar miskin mungkin dalam bentuk bantuan biasiswa ataupun bentuk bantuan pinjaman. Bolehlah minta pihak Kementerian Kewangan menjelaskan kedudukan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Sama juga dengan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, apakah pelajar-pelajar yang dikategorikan miskin untuk mendapat kedua-dua kumpulan wang amanah tadi. Dengan ini, Tuan Pengerusi saya menyokong dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rantau Panjang.

2.47 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan maksud P.10 hingga P.12 Kementerian Kewangan. Pertama sekali saya ingin menyentuh

berkaitan dengan peruntukan yang diperuntukkan di bawah Kementerian Kewangan melibatkan kos RM32.19 juta yang mana belanja pembangunan semakin menyusut, sekarang ini hanya RM501 juta sahaja. Jadi saya ingin tahu apakah pemotongan ataupun penjimatan yang telah dibuat sehingga menyebabkan bajet dalam keadaan bajet yang semakin menyusut dan sejauh mana kementerian ini mencapai misinya untuk mengurus kewangan dan ekonomi negara dengan cekap, telus dan berkesan untuk mencapai matlamat pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkaitan dengan maksud Butiran 010800 iaitu berkaitan dengan perkhidmatan kewangan dari sudut cukai. Jadi saya ingin tahu juga sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu berapakah jumlah cukai yang diterima pada tahun lepas dan bakal akan terima pada tahun ini. Begitu juga cukai-cukai daripada syarikat-syarikat judi, berapa jumlah syarikat judi yang telah diberi lesen oleh kerajaan sehingga kini dan berapakah jumlah hasil daripada syarikat-syarikat ini telah menyumbang cukai kepada kerajaan. Begitu juga cukai dari kilang-kilang arak dan penjualan arak begitu juga cukai daripada hasil rokok.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana kewangan negara kita disimpan ke dalam akaun syariah secara Islam sebab saya dimaklumkan sebelum ini di dalam Dewan, akaun yang disatukan disimpan secara konvensional. Jadi sejauh mana perkara ini kerajaan melihat untuk mengasingkan akaun halal dan haram supaya hasilnya lebih berkat untuk kita tidak bercampur antara pendapatan haram dan pendapatan yang halal terutama bagi menyara kos-kos emolument kakitangan kerajaan.

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan Butiran 010900 – Pelaburan Strategik. Saya ingin tahu apakah pelaburan-pelaburan strategik yang akan dilaksanakan untuk tahun 2017 dan juga pelaburan strategik yang telah dilaksanakan pada tahun 2016.

■1450

Sejauh mana penglibatan negeri-negeri dari sudut pelaburan strategi ini, untuk kerajaan memastikan imbangan jurang ekonomi yang tidak jauh antara negeri terutama sebelah pantai timur dan barat, untuk memastikan pelaburan strategik dapat limpahan kepada negeri-negeri, supaya negara kita dapat seimbang pembangunan Malaysia Timur dan Malaysia Barat.

Begitu juga saya ingin tahu tentang program ataupun perancangan kerajaan dalam mengurus pinjaman kerajaan. Oleh sebab kita tengok di antara matlamat peranannya di bawah Kementerian Kewangan ini ialah untuk mengurus pinjaman Kerajaan Persekutuan dan mengurus dasar pembiayaan Kerajaan Persekutuan secara berhemah. Kalau kita lihat daripada bajet yang dibentangkan perbelanjaan negara untuk

hutang negara meningkat setiap tahun dan pada tahun 2017, meningkat pada RM21.22 bilion. Ini perbelanjaan kerana hutang negara. Kalau kita bahagikan lebih kurang RM1.76 bilion sebulan. Setiap hari negara kita terpaksa membelanjakan wang sebanyak lebih kurang RM59 juta sehari. Ini adalah bayaran untuk belanja hutang negara sahaja.

Jadi, apakah langkah-langkah strategik yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan hutang negara dan beban negara yang sekali gus membebankan rakyat seluruhnya. Oleh sebab rakyat yang terpaksa membayar hutang ini menggunakan wang daripada cukai-cukai yang dibayar oleh rakyat.

Saya ingin menyentuh juga Butiran 022300 – Sumbangan kepada NGO. Di mana pada tahun 2016, sebanyak RM30 juta telah diberi peruntukan dan tahun 2017 sebanyak M20 juta. Saya ingin tahu apakah NGO, senarai NGO-NGO mendapat manfaat daripada pinjaman ini? Apakah program keutamaan yang diluluskan oleh kerajaan? Apakah syarat-syaratnya untuk NGO ini memohon peruntukan di bawah Kementerian Kewangan?

Saya ingin juga menyentuh Butiran 030300 – Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC). Jadi daripada data kementerian, saya ingin tahu berapakah pemilikan hak milik bumiputera terutama di pusat bandar di sekitar Lembah Klang, dari sudut pemilikan hartanah, begitu juga dari sudut berapa jumlah bangunan ataupun strata yang usang dan tidak disewa, yang mungkin ini memberi kesan yang negatif kepada ekonomi. Sejauh mana secara perbandingan indeks harga rumah antara bandar dan luar bandar dan juga antara negeri-negeri seluruh negara termasuk dengan Wilayah Persekutuan?

Saya ingin juga penjelasan Butiran 040000 – Bayaran Ganti, Pulangbalik dan Hapuskira. Di mana kita melihat dalam Butiran 040300 mempamerkan tahun 2016 sebanyak RM60 juta, tahun 2017 sebanyak RM25 juta. Jadi syarikat manakah yang telah dihapus kira? Apakah syarat-syaratnya? Apakah justifikasinya kerajaan menghapus kira pinjaman ini? Sedangkan kita dalam keadaan menanggung hutang yang semakin besar.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang Butiran 040300, peruntukan di bawah penguatkuasaan kastam terhadap ketirisan hasil. Kita berbangga dan mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan pihak kastam untuk mengutip hasil dan cukai untuk kepentingan dan masa depan ekonomi perbelanjaan negara kita. Dan kita sangat bersimpati ada pegawai kastam yang bergadai nyawa semata-mata mencegah penyeludupan dan sebagainya sebagaimana pernah berlaku satu kes di dalam Parlimen saya sendiri.

Jadi, dengan ini saya ingin penjelasan sejauh mana kebajikan para pegawai kastam ini diambil kira, terutama yang bertugas sampai ke malam. Begitu juga apakah

tindakan proaktif bagi pihak kerajaan untuk memastikan dari sudut kita menambahkan hasil cukai melalui kutipan oleh kastam penguatkuasaan ini, supaya tidak mengancam nyawa rakyat. Banyak kes yang berlaku, contohnya, sebelum ini di mana ada yang kemalangan kerana berkejar dengan kereta terlalu laju membawa kepada maut. Beberapa kes telah berlaku. Jadi mungkin ada teknik yang lebih baik supaya nyawa tidak terancam. Jadi perkara ini sejauh mana diberi perhatian.

Saya ingin menyentuh juga tentang Butiran 080000 – “*One-Off*”. Di mana peruntukan RM208.723 juta diperuntukkan. Jadi saya ingin tahu apakah program yang telah diperuntukkan di bawah peruntukan *one-off* ini dan yang sebelum ini tidak diperuntukkan pada tahun 2016. Jadi saya ingin butiran jelas dan terperinci apakah program-program yang dilaksanakan. Saya mengharapkan supaya apa yang dijelaskan ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tenom.

2.55 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh iaitu di bawah P.10 berkenaan dengan Butiran 70112 – Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah. Di mana pada tahun hadapan Tuan Pengerusi, bahawa kerajaan akan menganggarkan sebanyak RM12.5 juta yang telah diperuntukkan kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah.

Saya ingin tanya kepada pihak kementerian terutama Yang Berhormat Menteri sendiri, Menteri Kewangan yang ada pada hari ini. Sebanyak sejumlah wang yang telah diperuntukkan selama ini, apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Ekonomi Sabah? Ini kerana saya percaya di bawah Kementerian Kewangan saya fikir seperti di kawasan saya Tuan Pengerusi sebuah badan yang telah memberi modal kepada usahawan-usahawan kecil-kecilan terutamanya kepada kaum wanita yang di bawah seliaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang mana program ini begitu baik sekali kepada usahawan-usahawan kecil terutama suri rumah untuk diberi sedikit pinjaman untuk membantu mereka melaksanakan usahawan di rumah.

Saya fikir di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah, saya meminta daripada pihak kementerian menjelaskan bagaimanakah program yang telah dilaksanakan selama ini. Ini kerana sebelum ini ia telah diberi peruntukan sebanyak pada tahun ini sahaja RM3.54 juta berbanding pada tahun depan satu peningkatan yang begitu tinggi sekali. Saya kira bukan saja 100 peratus, tetapi melebihi daripada jumlah tahun ini.

Saya fikir ini satu jumlah yang besar. Saya fikir ingin mengetahui Tuan Pengerusi bahawa program-program ini perlu juga diceritakan tentang *successnya* bagaimana peruntukan ini dapat dibelanjakan bukan saja di kawasan bandar tetapi kepada masyarakat-masyarakat luar bandar. Saya fikir itu saja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Lumut.

2.57 ptg.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.11 Butiran 020000 berhubung dengan pemberian kepada kerajaan negeri. Ini ada kaitan juga dengan Lampiran E, Jadual Pemberian Sebenar Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2015.

Saya lihat pemberian-pemberian penyelenggaraan jalan negeri kepada negeri Perak pada tahun dalam rekod itu tahun 2015 setakat RM600 juta sahaja. Terbukti bahawa peruntukan yang diberikan itu tidak mencukupi untuk menyelenggarakan jalan-jalan di negeri Perak. Untuk itu saya mohon supaya pihak kementerian dapat menimbang dan menambah peruntukan tersebut memandangkan Yang Berhormat Taiping pun telah melaporkan negeri Perak ini kedua termiskin di Malaysia Tuan Pengerusi. Jadi untuk itu kami rakyat negeri Perak merayu kepada Kementerian Kewangan supaya dapat membantu memberi tambahan kepada pemberian penyelenggaraan jalan negeri sekurang-kurangnya RM1 bilion mungkin kita dapat selenggara semua jalan negeri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

2.59 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Pembekalan 2017 di Peringkat Jawatankuasa.

Pertamanya saya, ingin membahaskan Butiran 040000 – Perkhidmatan Kastam. Yang mana saya melihatnya bajet hampir mencecah RM1 bilion. Kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah dapat mencapai satu bajet yang berimbang pada keadaan suasana seperti yang berlaku pada hari ini. Memang rakan-rakan kita sebentar tadi ada bercakap soalnya adalah semuanya daripada membantu, yang membantu melonjakkan pendapatan dan meningkatkan

pembangunan negara adalah hasilnya daripada GST. Disebabkan oleh hari ini harga minyak yang amat teruk menjunam harganya,

■1500

Maka inilah salah satu yang dapat kita laksanakan seperti yang telah berlaku di dalam dunia sebanyak lebih 160 buah negara melaksanakannya. Perkara ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada salah seorang pihak pembangkang, saya tidak ingat tapi saya pernah dengar, percukaian GST ini hendaklah diberikan kepada peringkat negeri. Maknanya, saya nak beritahu di sini di peringkat negeri, di peringkat sebelah sana menerima hasrat yang telah kita laksanakan GST ini. Jadi GST ini merupakan salah satu sumber hasil yang memberi pulangan yang sangat baik sekali. Walau bagaimanapun, saya rasa masih mempunyai ruang-ruang kekosongan dari segi pelaksanaan. Mungkin ini disebabkan oleh kita baru melaksanakannya sudah pastilah penambahbaikan pelaksanaan GST ini kita dapat laksanakan bersama, bersepadu daripada pihak kastam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lipis, kasi laluan untuk dia.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sebenarnya *just* hendak *clarify* sebab sayalah yang kata bahawa GST perlu dikongsi dengan pihak negeri. Saya harap Yang Berhormat boleh setuju tetapi saya juga kemukakan lima syarat yang lain semasa saya berucap begitu dan nampaknya sampai sekarang tidak ada satu yang dilaksanakan oleh kerajaan lagi. Bukan kerana saya setuju tetapi saya kata kena laksanakan lima syarat ini dulu, termasuklah hasil perkongsian GST dengan kerajaan negeri. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih di atas penjelasan tersebut dan sekurang-kurangnya pihak sana dapat menerima. Walaupun dia kata lima syarat yang perlu dilakukan tetapi sekurang-kurangnya daripada pelaksanaan kerajaan ini telah dapat kita membuktikan yang kita ini melaksanakan perkara yang terbaik untuk kepentingan rakyat itu sendiri.

Jadi saya berharap supaya yang saya katakan kelemahan-kelemahan yang ada sudah pastilah ada. Khususnya daripada pihak kastam sendiri ataupun daripada pihak KPDNKK. Maka tenaga-tenaga ini masih sangat diperlukan untuk melaksanakan menjadikan ia lebih baik dalam pelaksanaan GST ini. Khususnya daripada pihak kastam sendiri, daripada pihak KPDNKK yang melaksanakan tanggungjawab sebagai penguatkuasaan tetapi ia berhubung kait dengan kastam itu sendiri.

Saya hendak mengambil contoh, baru-baru ini saya menerima satu *WhatsApp* daripada orang kawasan saya yang mana resit tersebut yang bertanda "Z" ada tidak dikenakan GST dan bertanda "S" adalah yang kena GST. Tetapi malangnya bertanda

“Z” ini telah dimasukkan ke dalam bil tersebut. Dua perkara sahaja dia beli, iaitu minyak masak dan garam ketika itu dan berlaku “Z” ini dimasukkan di dalam bil itu. Maka saya minta supaya perkara ini dapat diselesaikan. Inilah yang dikatakan masalah yang tidak dapat kita selesaikan, masalah GST ini. Ini yang menyebabkan rakyat marah. Rakyat ingatkan semua item kena GST sedangkan GST ini banyak barangan yang tidak dikenakan. Tetapi malangnya pihak-pihak tertentu ini sanggup melakukan sedemikian rupa.

Saya percaya mungkin dalam Parlimen ini sendiri, dalam Dewan yang Mulia ini sendiri mungkin ada di antaranya akan bertanya kepada kita adakah kita mahu resit ataupun tidak mahu resit apabila kita membayar sesuatu perkara. Tetapi kita sebagai yang bertanggungjawab ini sepatutnya kita mesti menerima resit, sebab di dalam resit itu dikenakan GST. Ini perlu penguatkuasaan yang lebih kuat lagi supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini dan kita dapat juga menambahkan hasil yang baik. Sebab melalui GST inilah mempunyai rangkaian ataupun mempunyai link-link tertentu yang boleh membawa kepada sumber-sumber lain untuk menambahkan hasil pendapatan negara.

Saya percaya Menteri Kewangan yang dipimpin oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan dibantu oleh Menteri Kewangan II kita saya tengok beliau menjawab soalan-soalan ketika perbahasan dalam keadaan yang tenang, yang cukup baik sekali, cukup berhemah, tidak mempunyai sifat yang boleh mendatangkan kemarahan. Dalam ketenangan itu beliau boleh menjawab satu persatu walaupun diserang secara bertubi-tubi yang tidak boleh langsung memberi ruang kepada beliau untuk bercakap. Itu adalah satu strategi sebenarnya, Menteri Kewangan II sabar sahaja. Maknanya serangan untuk membalas daripada jawapan-jawapan tersebut supaya mereka tahu yang Menteri Kewangan II tidak boleh menjawab, sedangkan Menteri Kewangan II boleh menjawab dengan baik sekali.

Jadi ini saya mengharapkan supaya kita melakukan pelaksanaan ini yang cukup bijak, kita mesti *smart* dalam melakukan sesuatu perkara. Kita mesti daripada pihak kastam ini sendiri mestilah memeriksa perkara tersebut selepas saya berbahas ini saya boleh tunjuk resit tersebut yang mana kedai tersebut telah melakukan penipuan yang sangat besar kepada masyarakat di Parlimen Lipis. Saya boleh bagi, saya ada simpan resit itu yang saya katakan yang “Z” tersebut dikenakan cukai GST. Kena ambil tindakan yang tegas. Saya tahu kedai ini besar, kedai ini kaya raya, mungkin kaya raya disebabkan salah satunya penggunaan kesilapannya seperti ini. Maka saya minta supaya perkara ini mesti kita mengatasi dengan begitu baik sekali.

Saya melihat dalam butiran 020500 - Subsidi dan Bantuan Tunai. Tuan Pengerusi, saya melihat subsidi dan bantuan tunai bertambah daripada tahun 2015 kepada tahun 2016. Bertambah daripada RM10 bilion kepada RM12 bilion. Ertinya bertambah RM2 bilion pada tahun ini untuk subsidi sahaja. Saya minta supaya pihak kementerian mestilah perlu menyenaraikan semua barang yang dapat diberi subsidi ini. Supaya rakyat tahu, rakyat hendaklah mengetahui apa yang kerajaan bantu, satu persatu.

Contoh, minyak masak sekarang sedang dimainkan isu yang begitu besar sekali, sedangkan kita dalam proses penyelesaian yang mungkin dapat lakukan dengan baik. Kita ada kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini, sudah pasti ia dapat melakukan perkara-perkara ini dengan terbaik. Saya hendak supaya kita hendaklah melakukan penyenaian tersebut waima daripada 'A' sampailah 'Z'. Mungkin tidak terjawab oleh Menteri Kewangan kalau nak senaraikan 'A' sampai 'Z'. Tetapi sekurang-kurangnya kita meletakkan satu senarai-senarai yang telah disaksikan oleh pihak kerajaan, kepada kita sebenarnya. Kita berharap supaya dengan ada kekuatan yang dibantu oleh Menteri Kewangan II kepada Menteri Kewangan dapat melaksanakan perkara itu dengan berjaya sekali.

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada satu tajuk lain yang agak menarik. Saya tengok butiran 96000 – Padang Bola Sepak Tiruan. Sebab padang bola sepak tiruan ini saya tengok angkanya juga mencecah agak banyak jadi saya mohon kalau ada kesempatan padang utama di tempat saya ini supaya Menteri Kewangan pertimbangkan pasang rumput tiruan ini. Supaya nampak lebih kelihatan cantik dan untuk menaikkan semangat supaya anak muda boleh bersukan.

Untuk akhirnya, saya tengok butiran 022300, saya ada lebih kurang tiga puluh saat lagi. Butiran 022300 - Sumbangan Kepada NGO. Itu pun saya minta supaya kita dapat meneliti senarai tersebut kerana sekarang ini sumbangan NGO ini sudah banyak dapat sesetengah tempat. Datangnya daripada - yang pihak pembangkang pun bersetuju supaya kita melihat benar tak benar sumbangan daripada George Soros. Ini Menteri Kewangan mesti jawab benar atau tidak benar sumbangan daripada George Soros ini. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih memberi saya hujahan tersebut dan saya nak mengucapkan selamat datang kepada anak-anak murid saya daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Setiawangsa Kuala Lipis. *[Tepuk]*

3.09 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi Kapar ruang untuk membahaskan B.10 hingga B.12 Kementerian Kewangan.

■1510

Ada tiga isu sahaja yang saya ingin sentuh. Pertama adalah mengenai perkhidmatan kastam iaitu Butiran 040200 – Perkastaman/GST dan dibaca sekali lagi dengan Butiran 040300 – Pematuhan/Penguatkuasaan. Saya ingin menarik Dewan yang mulia ini tentang mekanisme yang digunakan oleh Kementerian Kewangan untuk membawa sesiapa yang melarikan diri daripada membayar cukai GST. Saya mengucapkan tahniah mekanisme yang digunakan menarik dan banyak kes yang telah dibawa ke muka pengadilan ke mahkamah. Berkaitan dengan itu, saya ada dua isu yang perlu dibangkitkan. Pertama adalah, setakat ini berapa kes yang telah dibawa ke mahkamah?

Kedua, mengapa kerajaan juga tidak mengadakan satu mekanisme yang sama untuk mengawal kenaikan harga barang? Bila kita ada satu mekanisme untuk mengenal pasti peniaga-peniaga yang melarikan diri daripada membayar cukai GST, saya rasa kerajaan juga berkemampuan untuk datang dengan satu mekanisme untuk mengawal harga barang. Semasa perdebatan GST, semasa ia dibawa ke Dewan Parlimen ini, ada komitmen daripada kementerian terutamanya Kementerian Kewangan bahawa Kementerian Kewangan ada mekanisme untuk mengawal harga barang dan boleh mengawal selia peniaga-peniaga supaya tidak akan menaikkan harga barang atas adanya cukai GST.

Akan tetapi hari ini saya amat terkilan apabila beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menekankan bahawa peniaga-peniaga perlu disalahkan kerana mereka menaikkan harga barang. So, saya pulang balik kepada Kementerian Kewangan, komitmen mereka untuk semasa GST dibawa dan dibahaskan, diusulkan di Parlimen yang mulia yang sama. Ada komitmen daripada kementerian mengatakan bahawa peniaga akan dikawal selia, GST tidak akan menyebabkan kenaikan harga. Hari ini kita mengambil jalan yang pintas, menyalahkan peniaga, saya rasa itu tidak memuaskan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Isu kedua yang saya ingin tekankan adalah berkaitan dengan Butiran 070300 – Sewaan dan Penyelenggaraan di mana tahun lepas tidak ada apa-apa butiran oleh kerana ini adalah dasar baru dan ada peruntukan sebanyak RM48 juta diberikan. Saya ingin menanyakan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang pertama adalah apakah sewaan dan penyelenggaraan yang akan dilakukan sebagai dasar baru ini? Kedua, adakah kementerian telah membuat imbalan kos di mana kita tidak membeli tetapi kita menyewa? Adakah ini *cost effective* dan adakah ini patut dilaksanakan dengan jumlah wang yang amat besar?

Ketiga Tuan Pengerusi, adalah berkaitan dengan Butiran 96000 – Padang Bola Sepak Tiruan. Dua persoalan yang saya ingin menuntut penjelasan daripada Kementerian Kewangan adalah yang pertama sekali mengapa Butiran 96000 tidak diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tetapi diletakkan di bawah butiran Kementerian Kewangan? Kedua adalah, saya inginkan penjelasan di manakah padang-padang bola sepak tiruan ini dibina dan berapa banyakkah perancangan kerajaan untuk membina padang bola sepak tiruan ini? Sekian, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Kuantan.

3.14 ptg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin berbahas satu sahaja butiran di bawah Bekalan B.11 iaitu Butiran 021600 – Pemberian Kemudahan Projek Khas, yang mana dalam penggulungan bahas Bajet 2017 di peringkat Dasar, Menteri Kewangan telah pun mengatakan bahawa peruntukan sebanyak RM30 juta untuk *mammogram* dan vaksin HPV diletakkan di bawah peruntukan Butiran 021600. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan *mammogram* ini.

Tuan Pengerusi, di antara pembunuh wanita yang utama ialah kanser payudara dan kanser serviks. Jadi, peruntukan khas ini amat dialu-alukan kerana cara untuk membanteras kanser payudara yang paling efektif ialah dengan pengesanan awal. Jadi, apabila Menteri Kewangan mengumumkan bahawa ada peruntukan khas di bawah Butiran 021600 ini, saya menerimanya dengan amat baik sekali memandangkan kita tidak peruntukkan pada tahun lepas.

Akan tetapi persoalannya, bagaimana implementasi tersebut kerana saya dapat maklumat daripada persatuan *radiologist* Malaysia bahawa selalunya *mammogram* itu tidak dikepilkan ataupun tidak disekalikan dengan *ultrasound scan*. Ini kerana banyak cases di mana dalam keadaan, dengan izin, *where the breast is dense*, *mammogram* tidak akan dapat kesan ketumbuhan di peringkat awal. Jadi, kadang-kadang, ini doktor-doktor radiologi beritahu, kalau ada nota di situ menyuruh membuat *ultrasound scan*, kadang-kadang oleh sebab mereka terpaksa membayar dan tidak termasuk di dalam subsidi, maka mereka tidak pergi.

Wanita-wanita ini tidak pergi untuk mendapatkan *ultrasound scan* dan kemudian *six months down the road*, enam bulan kemudian, yang ketumbuhan yang kecil tadi sudah pun menjadi besar, *stage 3*, *stage 4* dan sudah tidak dapat dibantu lagi. Kita seharusnya bercakap tentang pencegahan. Seboleh-bolehnya ini, *mammogram*

disekalikan dengan *scan*. Ini yang cadangan saya. *Mammogram* disekalikan dengan *scan* dan peruntukan mesti diberi bukan sahaja untuk *mammogram* tetapi sekali untuk *mammogram* dan *scan*.

Sebelum ini, peruntukan ini, peruntukan untuk *mammogram* dan vaksin HPV ini di bawah LPPKN. Saya difahamkan bahawa untuk wanita yang mana pendapatan isi rumahnya di bawah RM10,000 ke bawah, perkhidmatan ini boleh diberikan percuma oleh LPPKN. Akan tetapi ramai di antara wanita takut, segan, malu dan sebagainya untuk mendapatkan ujian awal ini. Jadi, bagaimana kita hendak *reach out*. *It's a program of reaching out especially on the high risk*. Maksudnya, kalau ada wanita yang ibu dia pernah mati disebabkan kanser, adik saudara, adik-beradik dia yang terkena kanser dan selalunya *detected at stage 3, stage 4* di mana begitu sukar untuk merawat dan *chemo make it worst*.

Jadi, bagaimana hendak bantu mereka yang *high risk* ini walaupun LPPKN mengatakan bahawa mereka yang *high risk* ini boleh mendapat subsidi apabila ujian dilakukan pada umur 35 tahun. Umur 35 tahun sudah boleh pergi dah *for screening mammogram* dan sebagainya. Akan tetapi perlu kira fikir dan cari jalan bagaimana kita hendak *reach out, reach out to as many women*. Bagaimana kita hendak buat kempen, bawa wanita pergi buat ujian macam di Selangor. Di Selangor ada bas yang diatur daripada kampung-kampung untuk bawa wanita ke klinik-klinik untuk diadakan *mammogram* dan *ultrasound scan* sekali. Sebab ada satu kes yang saya tahu, wanita ini dia malu, dia segan tetapi kawan dia ajak dan kawan yang mengajak itu, kawan yang mengajak, *encourage* orang yang pergi itu, yang *encourage* itu dapat tahu bahawa dia *stage 3*, dapat tahu bahawa ada ketumbuhan *stage 3*. Jadi apabila ia didapati *in stage 3, stage 4 it is very devastating*, dengan izin Tuan Pengerusi. So, macam mana kita hendak *encourage* walaupun peruntukan ini nanti ada?

Lagi satu, bagaimana pula dengan MAKNA? Saya difahamkan bahawa MAKNA ada *digital mobile units*. Bagaimana kita boleh kerjasama, Ahli-ahli Parlimen boleh bekerjasama dengan MAKNA, dengan *mobile units* ini untuk buat kempen kesedaran di kawasan kami.

■1520

Bagaimana pula peruntukan? Kalau boleh diatitkan peruntukan sebab ada sekali itu saya hendak buat kerjasama dengan MAKNA pun, pejabat saya kena— ada *some cost*. Ada kos sedangkan kita sedang cuba untuk membantu untuk *create awareness*, Tuan Pengerusi. Sebab *prevention* dalam kes kanser payudara dan *cervical cancer* ini, *prevention, early detection is the key*, dengan izin. Jadi, bagaimana pula peruntukan itu boleh disalurkan?

Tuan Pengerusi, saya pohon sangat-sangat supaya peruntukan ini dimasukkan semula kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah LPPKN *as it used to be*. Saya rasa *I maybe wrong*, Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya rasa *it is an afterthought*, hendak masukkan bawah Butiran 021600 selepas ia jadi isu yang besar berkenaan tidak ada peruntukan untuk *mammogram*. Jadi, *it is an afterthought*, masuk di bawah Butiran 021600.

Apa pun saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun *it is an afterthought*, ada peruntukan RM30 juta tetapi cuma begitulah persoalan-persoalan saya, bagaimana kita hendak *create awareness*, gabungkan sekali *ultrasound* dengan *mammogram*, bagaimana kita hendak *reach out to the high risk group* yang ada *family history of death from cancer*. Bagaimana kita hendak lindungi wanita kita daripada *discover at a late stage? Stage three, stage four* di mana pada ketika itu keadaannya begitu menyedihkan dan begitu *devastating for the family*. Bukan sahaja kepada wanita itu tetapi *for the whole family*.

Jadi, itu yang saya pohon penjelasan daripada Butiran ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

3.22 ptg.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Alhamdulillah. Wassola tuwassala mu'ala rasulillah.* Dalam maksud Bekalan B.12 Butiran 070000 – Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi. Pada tahun 2016, peruntukan ini adalah RM100 juta dan untuk tahun hadapan, 2017, diturunkan kepada RM50 juta. Saya rasa kurang 50 peratus ini saya rasa terlampau banyak. Saya hendak tahu, daripada RM100 juta yang kita peruntukkan tahun ini, sebanyak mana sudah dipinjam atau dikeluarkan kepada koperasi? Kalaulah wang yang dibekalkan itu kurang daripada RM50 juta, maka mungkinlah pada tahun depan itu kita boleh letakkan RM50 juta untuk tahun depan. Akan tetapi kalau kita ingin memajukan koperasi dan kita tahu banyak koperasi. Beribu-ribu koperasi yang ada di keliling kita, perlukan pada modal pusingan untuk pembangunan koperasi ini, maka kita perlu kekalkan atau tambahkan lagi peruntukan ini.

Jadi, saya mencadangkan kalau boleh dinilai kembali sama ada kita boleh kekalkan RM100 juta atau ditambahkan lagi peruntukan untuk koperasi-koperasi supaya *insya-Allah* ia akan menjadi pemangkin kepada ekonomi kita pada masa akan datang. Perkara kedua ialah Maksud B.12 Butiran 040100 – Tabung Bantuan Bencana Negara.

Ini diperuntukkan RM50 juta sahaja. Kita tahu bahawa dalam keadaan dunia yang cuacanya tidak menentu, dalam suasana manusia yang rakus, dosa-dosa yang banyak yang dilakukan oleh manusia, kerosakan di muka bumi ini sudah pasti akan bertambah. Itulah *nature* alam ini.

Apabila banyaknya maksiat dan dosa, maka akan banyak lagi bencana-bencana yang akan menimpa di dunia ini. Jadi, peruntukan yang diperuntukkan hanyalah RM50 juta. Saya rasa mungkin ini terlalu sedikit. Jadi, saya ingin tahu juga berapa banyak sudah dibelanjakan untuk tahun ini? Saya rasa peruntukan mungkin RM500 juta lagi adalah lebih berpatutan untuk Tabung Bantuan Bencana ini. Kita letak di sana. Kalau tidak guna tidak apa. Kita berjaga-jaga. Kita bersiap sedia untuk menghadapi suasana-suasana bencana ini.

Walau bagaimanapun, persiapan yang paling penting ialah saya rasa kita kurangkan maksiat di kalangan kita, kita kurangkan dosa-dosa, kita kurangkan rasuah di kalangan kita, kita kurangkan kerosakan-kerosakan kepada alam sekitar kita. Maka, *insya-Allah* bencana-bencana ini akan berkurangan. Kalau kita ingin kekalkan RM50 juta juga, kita kena *compensate* dengan usaha-usaha yang lain untuk mengurangkan bencana yang ditentukan oleh Allah SWT. Perkara ketiga ialah B.12 juga dalam Butiran 130000 – Kumpulan Wang Tabung Bantuan Perubatan. Diperuntukkan hanyalah RM40 juta. Saya rasa ini terlalu sedikit memandangkan kepada ramainya– saya tahu ramai mereka yang memerlukan bantuan perubatan ini. Jadi, ini terlalu sedikit sangat. Saya tidak tahulah takut ada di sana tabung-tabung yang lain atau peruntukan yang lain yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu, khususnya mereka di bawah B40, di bawah itu yang perlukan bantuan apabila mereka sakit. Banyak juga kita lihat di sana itu keperluan-keperluan yang tidak disediakan oleh hospital dan mereka perlu kepada bantuan daripada mana-mana NGO, mana-mana individu yang dermawan.

Akan tetapi saya rasa kerajaanlah yang sepatutnya paling dermawan kerana kerajaanlah yang paling kaya dengan wang yang berbilion-bilion. Secara individu mungkin kita tidak banyak duitnya tetapi kerajaan mempunyai duit yang begitu banyak. Saya rasa RM40 juta tidak mencukupi. Kalau kita lihat kepada seorang yang *accident* misalnya, perlu kepada *prosthesis* dan sebagainya. Mereka terpaksa beli satu-satu *prosthesis* yang berharga RM5,000 hingga RM10,000 yang perlu kepada pembedahan mereka itu. Kalaulah pembedahan kepada jantung lagi, banyak juga diperlukan. Jadi, semua ini perlu kepada peruntukan yang lebih banyak. Jadi, saya rasa RM40 juta ini terlalu sedikit dan saya harap pihak kerajaan boleh mengangkatnya kepada RM500 juta misalnya.

Seterusnya, perkara P.10. Ini saya tertarik dengan Butiran 70103 - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana mengangkat sedikit. Saya tidak tahu. Daripada RM3.58 juta pada tahun ini, akan diberikan tahun depan RM12.5 juta. Ini suatu peningkatan yang begitu banyak yang diberikan kepada PKINK. Saya hendak tahu dalam bentuk apa? Dalam bentuk pinjaman atau bentuk geran? Kalau boleh beritahu sedikit berapa banyak hutang sebenarnya PKINK kalau ada, kepada Kerajaan Pusat yang perlu langsaikan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Walau bagaimanapun, saya ingin ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana memberikan peruntukan yang lebih banyak untuk tahun hadapan.

Mungkin yang akhir sekali, sebab ada empat minit. Secara ringkas dan isu ini memang suatu isu yang diminati oleh ramai, khususnya Yang Berhormat Bagan Serai iaitu Butiran 040000 – Perkhidmatan Kastam. Saya tengok dalam *figure* yang diberikan oleh pihak kementerian, emolumen iaitu gaji yang diberikan kepada pegawai-pegawai di kastam, saya percaya ini. Pegawai di jabatan ini tidak bertambah sebenarnya iaitu 7,978 orang petugas. Tahun ini dan tahun depan, bilangannya sama.

Akan tetapi apabila kita lihat kepada emolumen, tahun 2016 - RM335 juta tetapi pada tahun hadapan - RM394 juta. Bermakna berapa itu? Lebih kurang RM60 juta pertambahan dalam masa satu tahun kepada pegawai yang sama, jabatan yang sama tetapi gaji diangkat, kenapa? Terlalu banyak diangkat ini. Selalunya kita naik mungkin RM100 atau RM200. Sedemikian sahaja tahunan. Kalau cemerlang sangat pun mungkin RM200 untuk seorang tetapi ini saya rasa mungkin terlalu banyak. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Kenapakah gaji mereka ini meningkat begitu rupa, daripada RM335 juta pada tahun ini akan meningkat kepada RM394 juta.

Saya rasa itulah sahaja pemerhatian saya kepada bajet ini. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri.

3.29 ptg.

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan jawab semua soalan. Sekiranya ada yang tertinggal dan sebahagian besar daripada statistik yang diminta tidak sampai kepada saya, saya akan jawab secara bertulis.

■1530

Pertama, Yang Berhormat Kelana Jaya. Mengapakah emolumen di bawah pengurusan Butiran 010100 meningkat tinggi? Mengapakah emolumen untuk Pejabat

Persekutuan Sabah dan Sarawak tidak meningkat berbanding pengurusan am? Begitu juga sama ada emolumen kakitangan kontrak termasuk dalam emolumen Butiran 010000.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan di bawah emolumen Butiran 10000 adalah untuk membiayai perjawatan tetap sahaja dan tidak termasuk *contract staff*. Peruntukan untuk kakitangan kontrak adalah di bawah Butiran 20000. Emolumen yang disediakan kepada semua aktiviti termasuk perbendaharaan Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan perjawatan di bawah aktiviti tersebut sahaja. Kenaikan emolumen di bawah pengurusan am yang disebut oleh Yang Berhormat ini adalah kerana terdapat penambahbaikan 252 skim perkhidmatan. Contoh Gred 17 kepada Gred 22, Gred 1 kepada Gred 11, ini *one-off*, yang telah diumumkan pada tahun 2016 dan terpaksa dibayar pada tahun 2017.

Kenaikan dua kali gaji tahunan iaitu pada tahun 2016 memberi kesan kepada peningkatan emolumen pada tahun 2017. Kemudian...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan kalau boleh.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ini baik ini, memang baik. Ini kerana saya suka *style* dia terbuka dan juga ganas. [Ketawa] Okey, tapi saya hendak tanya ini, kalau naik pun walaupun dia *perform last year*, kenapa boleh naik 60 peratus? Ia tidak masuk akal langsung Yang Berhormat Menteri. Boleh bagi kalau boleh bertulis lebih baik. *Can you give the proper breakdown*, sebab saya tidak nampak ini. Kalau orang *perform* baik pun 20 peratus sahaja.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ini bukan fasal masalah dia *perform* atau tidak *perform*. Ini bukan masalah *normal increment*. *This is the scheme, adjustment of scheme to raise the anomaly of the basic pay of the government* yang diumumkan pada tahun 2016.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, ya memang, saya faham. Akan tetapi saya tidak pernah Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri adalah pegawai korporat dulu, *famous*. Saya tidak pernah tengok *increment* atau apa pun melibatkan 60 peratus *increase*, terlalu banyak itu. Jadi kalau boleh itu bagi butiran.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey, *all right*. Ini bukan untuk Kementerian Kewangan saja ya, *general of the* kakitangan kerajaan.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, *but it doesn't involve* Sabah dan Sarawak punya orang. Tuan Yang di-Pertua dari Sabah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Kakitangan Sabah dan Sarawak ialah mengikut jumlah *number of* pekerja. *Anyway, I will give you the detail.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, ya, nampaknya nombor jawatan dan bilangan jawatan ini tidak berubah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *I'll give you the detail.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Thank you very much.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Syarikat pelaburan kerajaan, Yang Berhormat Kuala Selangor. Syarikat pelaburan kerajaan, kerajaan telah mewujudkan pelbagai dana untuk usahawan *digital technology* melalui pelbagai perkongsian pintar dengan syarikat kerajaan. Menyarankan MOF menjadi fasilitator antara usahawan dengan syarikat kerajaan untuk mendapatkan dana pembangunan usahawan teknologi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, butiran yang dirujuk oleh Yang Berhormat merupakan peruntukan untuk pengurusan dan pentadbiran bahagian di MOF untuk menguruskan syarikat-syarikat pelaburan kerajaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan sememangnya menyediakan pelbagai dana untuk usahawan melalui berbagai program di bawah kementerian-kementerian. Sebagai contoh di bawah MOF, dana permulaan perniagaan di bawah Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., dana perkembangan perniagaan juga di bawah MTDC, *Cradle Investment Programme* di bawah Cradle Fund Sdn. Bhd.

Seterusnya Yang Berhormat Kuala Selangor juga mencadangkan untuk menubuhkan UTC di Anggerik Mall, Shah Alam juga dikenali sebagai Mara Digital Mall. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor atas cadangan tersebut. MOF akan melalui Unit Strategik Nasional (NSU) akan mengadakan tinjauan kepada tapak tersebut untuk melihat kesesuaian lokasi.

Kemudian, Yang Berhormat juga minta pertimbangan penambahan program NBOS di luar bandar. Pada tahun 2017, sebanyak tiga buah RTC akan ditubuhkan di Selangor, Sabah dan Sarawak. Selain RTC, program jelajah kawasan luar bandar juga melalui *mobile* UTC dan *mobile* perkhidmatan utama kerajaan akan turut dilaksanakan sebanyak 70 program.

Kemudian, UTC untuk Yang Berhormat Kuala Krai, UTC dikendalikan di bawah satu bumbung. Adakah UTC akan mengambil alih perkhidmatan sedia ada dan teknologi dimanfaatkan sepenuhnya? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penubuhan UTC tidak melibatkan penambahan kakitangan. Justeru, terdapat agensi yang memindahkan operasi ke dalam UTC dan ada juga yang membuka cawangan baru di UTC. MOF bersama-sama JPA dan MAMPU sudah mengkaji program *multitasking* untuk

menggunakan teknologi tertinggi bagi memastikan bahawa kecekapan dan produktiviti kakitangan kerajaan meningkat.

Kemudian Yang Berhormat Kota Raja bertanyakan berapakah jumlah cukai yang terlarang yang dikutip tidak berlandaskan syariah? Ini bagi memastikan kutipan yang diterima daripada sumber yang halal. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pungutan hasil minuman keras pada tahun 2016 adalah sebanyak RM1.516 bilion. Jika dibandingkan pada tahun 2015, sejumlah RM1.473 bilion. Kerajaan telah menstrukturkan semula duti eksais minuman keras berkuat kuasa mulai 1 Mac yang melibatkan perubahan pada 33 baris kod tarif minuman keras manakala kadar duti eksais rokok juga telah distrukturkan semula pada bulan November 2015 kepada 40 sen sebatang rokok.

Kadar cukai rokok tersebut adalah lebih kurang 52 peratus daripada harga rokok. Peratusan kadar ini adalah selaras dengan saranan *World Health Organization* (WHO) supaya kadar cukai rokok adalah sekurang-kurangnya 75 peratus daripada harga rokok. Kerajaan dari semasa ke semasa akan mengkaji untuk menyemak kadar hasil *sin tax* ini mengikut keperluan semasa. Penstrukturkan semula kadar duti eksais bagi produk minuman keras ini telah diselaraskan daripada 15 kadar yang berbeza kepada lima sahaja.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Raja juga bertanyakan apakah yang dilakukan terhadap dana terkumpul daripada wang yang tidak dituntut termasuk wang yang tidak dapat dikembalikan kepada pekerja asing yang telah kembali ke negara asal kerana masalah dokumentasi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua wang yang tidak dapat dikembalikan kepada empunya mengikut kategori wang tidak dituntut yang diserahkan oleh syarikat firma kepada pejabat pendaftar akan diakaunkan dalam akaun amanah dan akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan selepas 15 tahun. *Within 15 years*, dia masih boleh menuntut tetapi selepas 15 tahun sudah tidak boleh menuntut.

Bagi akaun amanah pula akan dilaburkan dalam bentuk simpanan tetap dan faedah pelaburan dimasukkan ke akaun hasil untuk tujuan perbelanjaan negara. Walau bagaimanapun tiada had masa untuk empunya untuk membuat tuntutan semasa wang tersebut berada dalam kategori wang yang tidak dituntut sebelum ianya diserahkan ke pejabat pendaftar.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Raja juga bertanya jumlah hasil daripada percukaian, cadangan supaya ada pengasingan antara hasil yang mengikut syarie dan juga yang tidak patuh syarie. Contohnya emolomen dibayar daripada hasil syarie manakala hutang kerajaan dibayar pada sumber hasil. Pada masa ini hasil yang

diterima diakaunkan mengikut jenis hasil yang dikutip oleh kementerian, jabatan pada tahun 2015. Hasil yang dikutip adalah seperti berikut:

- (i) hasil cukai sebanyak 75.5 peratus;
- (ii) hasil bukan cukai sebanyak 30.5 peratus;
- (iii) terimaan bukan hasil sebanyak 0.5 peratus; dan
- (iv) hasil Wilayah Persekutuan sebanyak [*Tidak jelas*].

Pada masa ini tiada pengagihan yang dibuat berdasarkan hasil patuh syarie dan tidak patuh syarie. *Insyah-Allah* ini Yang Berhormat, itu merupakan satu cadangan yang bagus. Nanti saya akan cuba berbincang dengan pihak pengurusan Akauntan Negara untuk memisahkan kutipan-kutipan hasil daripada arak dan judi ini ke dalam akaun yang berasingan dengan *taxes* yang lain.

■1540

Kemudian seterusnya Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Setiawangsa Kumpulan Wang Amanah Miskin. Kenapa melibatkan peningkatan sehingga RM100 juta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan RM100 juta ini adalah merupakan peruntukan yang diperlukan. Manakala tahun lepas, kita cuma memperuntukkan RM10 juta kerana tabung tersebut mempunyai baki hampir RM190 juta.

Oleh sebab itu, baki itu masih ada. Oleh sebab itu kita perlukan *only* RM10 juta. Akan tetapi sekarang ini, bakinya tinggal— saya hendak bacakan sedikit. Baki Tabung Wang Pelajar Miskin ini baki tahun ini tinggal RM32.9 juta. Oleh sebab itu kita letak RM100 juta. Sebelum itu ia mempunyai RM100 juta lebih. Sebab itu kita letak cuma RM10 juta.

Kemudian Yang Berhormat Setiawangsa juga menyentuh soal Dana Automotif Negara Butiran 140100. Kenapa diturunkan 10 kali? Adakah ia tidak efektif? Sebenarnya kalau kita tengok Butiran 09— Dana Automotif ini. Sebelum ini kita telah ada baki sebanyak RM5.9 juta. Sekarang kita tambah RM50 juta. Soalan Yang Berhormat kata apa? Daripada RM100 juta kepada RM50 juta? Ini sebab mungkin kerajaan tidak ada duit.

Jadi sebenarnya macam ini. Saya ingat duit yang kita peruntukkan tahun lepas, kita lihat bahawa penggunaannya automatif ini RM50 juta ini, kita nampak ia industri yang kita hendak minta mereka gunakan ini tidak banyak *application*. Jadi masih ada lagi yang tertinggal ini RM5.9 bilion. Banyak industri yang datang untuk automatif ini tidak lebih menjurus kepada *downstream* ataupun *manufacturing activities*. Ia lebih kepada *trading*. Jadi *trading*, ia tidak *falls under this*. Akan tetapi kita masih memperuntukkan RM50 juta untuk kita teruskan Tabung Amanah ini, okey?

Yang Berhormat Sekijang, pinjaman perumahan Sabah dan Sarawak hanya untuk Sabah dan Sarawak sahaja. Dana ini sebenarnya khusus untuk membiayai rumah panjang di Sabah dan Sarawak yang mana nilai pinjaman serendah RM10,000. Manakala, dana ini diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membantu pemilik rumah panjang yang mana sukar untuk mendapat pinjaman kerana nilai yang rendah dan tidak mempunyai pendapatan tetap serta tiada hak milik individu. Bagi bantuan pemilikan rumah kepada pelbagai golongan yang lain seperti yang sedia ada yang kita sedia maklum, kerajaan telah menyediakan pelbagai skim seperti skim yang dikendalikan oleh syarikat perumahan negara PR1MA, PP1M, PPR dan PPRT.

Kemudian Yang Berhormat Sekijang memudahkan kerja bank untuk memiliki rumah, memberi saranan agar bank tempatan dapat memberi faedah pinjaman lebih rendah daripada faedah pelanggan kepada staf. Pinjaman perumahan kepada pekerja-pekerja bank diberikan 100 peratus bagi rumah berharga RM500,000. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sekijang, pinjaman perumahan bagi kakitangan bank perdagangan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan bagi bank-bank tersebut.

Meskipun institusi perbankan perlu memastikan amalan pemberian pinjaman adalah konsisten dengan keperluan undang-undang dan pengawalan keputusan pinjaman adalah berdasarkan polisi dalaman institusi perbankan masing-masing. Pegawai-pegawai institusi perbankan yang diberi kuasa untuk meluluskan pinjaman adalah tertakluk kepada skop kelulusan yang ditetapkan di bawah polisi dalaman institusi perbankan merangkumi had maksimum kelulusan, syarat-syarat kelulusan dan lain-lain peraturan memberi pinjaman.

Soalan seterusnya bagaimana kriteria NGO yang mendapat NGO yang boleh mendapat sumbangan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tuan Pengerusi, Sekijang.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak bertanya dengan pihak kementerian, adakah Menteri Kewangan berupaya untuk menasihati bank-bank perdagangan ini supaya boleh memberikan jumlah faedah itu kepada kosong peratus. Ini kerana kalau melihat kepada permintaan daripada NUBE ini, mereka mencadangkan supaya bank-bank boleh memberikan kepada semua pekerja bank ini kosong peratus. Mereka mencadangkan perkara ini kerana mereka yakin bank-bank perdagangan tempatan ini boleh memberikan *percentage* yang macam itu. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Saya boleh bagi nasihatlah tetapi sama ada bank itu ikut atau tidak kita tidak tahu. Ini kerana bank mengendalikan duit

public. Jadi kalau dia mengendalikan duit *public*, dia bergantung kepada saiz bank tersebut. Kalau lebih besar bank itu dan lebih *comfortable*, mungkin ia lebih kompetitif. Akan tetapi kalau bank itu adalah bank yang kecil dan kurang saiz ataupun dana pemegang sahamnya, maka ia juga tidak akan menjadi kompetitif. Walau bagaimanapun, saya ambil maklum dan saya akan cuba panjangkan persoalan Yang Berhormat ini.

Bagaimana kriteria NGO untuk mendapatkan sumbangan. Peruntukan ini disediakan khusus bagi membantu NGO-NGO yang tidak diliputi di bawah lain-lain kementerian. Seperti mana banyak kementerian lain mereka pun ada NGO yang datang spesifik kepada kementerian. Maka mereka akan datang mohon peruntukan untuk buat program. Akan tetapi ada juga NGO-NGO yang tidak *very general* dia punya *roll* tetapi dia buat program spesifik untuk rakyat. Kita juga akan bantu di Kementerian Kewangan.

Mana-mana NGO boleh memohon. Jika aktiviti yang dicadangkan sesuai, kerajaan akan sediakan peruntukan itu melalui kementerian yang berkaitan dan juga termasuk MOF. Peruntukan ini hanya akan digunakan bilamana aktiviti tersebut tidak diliputi di mana-mana kementerian ataupun ia tidak mencukupi.

Seterusnya Yang Berhormat Jasin, mengapakah kerajaan memperuntukkan simpanan di luar jangka RM2 bilion setiap tahun. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jasin, ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan P.70 - Simpanan Luar Jangka ini disediakan bagi membiayai perbelanjaan luar jangka yang melibatkan projek-projek pembangunan yang tidak dimasukkan dalam mana-mana kementerian ataupun dimasukkan dalam bajet tahunan. Setiap duit yang dipakai ini adalah tertakluk kepada seksyen 42 dan seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 iaitu sebarang penggunaan dana daripada simpanan luar jangka ini akan dibentangkan semula di dalam Dewan yang mulia ini melalui Usul Anggaran Perbelanjaan Tambahan dalam Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

Every dollar that you used this RM2 billion mesti bawa balik dalam Dewan ini pada Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

Kemudian Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah perlu kerajaan buat insentif kepada JKK kampung atau masyarakat untuk melaporkan mereka yang lari dari membayar GST. Secara amnya, tiada insentif khas disediakan kepada pemberi maklumat jika ada salah laku GST. Namun, jika ada kes terbukti boleh didakwa di mahkamah terdapat insentif yang disediakan oleh Kastam. Insentif memberi maklumat ini juga diberikan kepada kes-kes lain yang berkaitan dengan duti kastam juga.

Berapa jumlah syarikat yang lari dari GST? Secara asasnya, syarikat yang patuh daftar GST hanyalah sebanyak 250,000 buah syarikat sahaja. Akan tetapi apabila GST

dilaksanakan, bilangan syarikat yang berdaftar adalah melebihi sasaran yang dijangkakan. Sehingga kini hampir 420,000 entiti telah mendaftar GST. Kastam akan terus menjalankan program untuk memastikan syarikat yang patut daftar GST kena daftar dan jumlah jualan tahunan mestilah melebihi RM500,000.

Adakah kerajaan akan memperluaskan senarai barang *zero rated* yang digunakan oleh golongan B40? Pada masa ini, bilangan atau jenis barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST tidak akan berubah. Walau bagaimanapun kajian akan terus dijalankan untuk menilai sama ada terdapat keperluan untuk tambah ataupun kurangkan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST.

■1550

Yang Berhormat Pengkalan Chepa, adakah kadar GST akan dinaikkan. Kadar GST semasa iaitu 6 peratus ditetapkan berdasarkan berbagai-bagai faktor. Antaranya, sumbangan kepada hasil negara, impak kepada ekonomi, GDP, beban cukai, perbelanjaan isi rumah dan lain-lain lagi. Buat masa ini, tiada rancangan untuk menaikkan kadar GST.

Yang Berhormat Setiu, pandangan GST yang menyatakan rakyat perlu bayar RM19 sehari. Saya ucapkan terima kasihlah Yang Berhormat Setiu. Pandai juga *you* GST ya? Makna, hebat *you* daripada Yang Berhormat Pandan. *You* lagi hebat daripada Yang Berhormat Pandan. [Ketawa] Walaupun semua rakyat perlu membayar GST, namun yang membezakan adalah amaun GST yang dibayar mereka. Model GST yang dilaksanakan di Malaysia adalah bersifat progresif. Progresif bermaksud semakin tinggi perbelanjaan seseorang, maka semakin tinggilah beban GST yang perlu dibayar. Senario ini disebabkan kerana pelbagai barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST sama ada dikategorikan sebagai pembekal berkadar sifar, dikecualikan GST ataupun diberi pelepasan kepada GST.

Kadar GST di Malaysia adalah 6 peratus. Namun begitu, bukanlah bermaksud perbelanjaan setiap rakyat di Malaysia akan mengalami kenaikan sebanyak 6 peratus. Disebabkan kerana bilangan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST ini adalah besar, kadar cukai efektif. Kadar GST ini sebenarnya kalau kita lihat barang-barang yang *diexempt* dan juga disifarkan GST ini mencecah RM16 bilion. So kalau kita ambil *effective rate, it will cost me about 3.6 percent*. Kenyataan bahawa rakyat bayar RM19 satu hari ini saya ingat itu tak betul itu. Pengenal GST bukanlah bermaksud untuk mengambil semua duit rakyat. Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tan Sri. Sikit, sikit, sikit.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tan Sri...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Datuk. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat berkaitan dengan GST ini. Boleh tak kerajaan mengecualikan GST kepada tandas-tandas macam di KLCC itu sebab ini akan memberikan imej tidak baik. Seolah-olah kerajaan mengutip cukai air kencing. *[Dewan Ketawa]* Jadi, ini memalukanlah kutip cukai air kencing. Jadi kalau tak boleh pun, sebab ini untuk kepentingan orang kampung *mai* melawat Kuala Lumpur Tuan Pengerusi. *Mai* melawat Kuala Lumpur, jadi dia pergi ke situ, dia hendak buang air dan sebagainya ataupun kerajaan kena memastikan supaya menyediakan satu tempat yang tandas yang tak kena GST. Siapa hendak pergi tandas yang itu, itu tandas kena GST. Macam Yang Berhormat Bagan Serai, dia nak *pi*, dia nak *pi* kena, dia *pi* London GST. Jadi dia *pi* melepas hak tempat GST. Dia jual air kencing dia.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena, masuk *toilet* dekat KLCC bayar berapa sen? Berapa sen bayar? *[Disampuk]* Berapa ringgit? Dua ringgit? Masuk KLCC? *[Disampuk]* Mana engkau orang ini, kelentong sahaja. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Ha? Okey, okey, okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *WhatsApp* resit dia.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Nanti kalau RM2, saya pun nak masuklah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* Jadi, malu kat orang pun nak dok berniaga air kencing ini.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya, ya, ya. Ahli Yang Berhormat Seremban, Ahli Yang Berhormat Seremban...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Setiu, Setiu sikit lagi. Sebab tentang dikatakan rakyat bayar RM19 sehari itu, saya hendak lebih penjelasan. Kalau hendak bayar RM19 sehari itu, berapa banyak yang kena bayar yang dikenakan GST? Kalau yang *zero rated* itu kena bayar tak RM19 ini? Itu yang saya hendak penjelasan. Satu lagi, kalau dari segi GST dan SST ini, mana yang lebih tiris? Ketirisan berlaku di peringkat maknanya ada yang saya pernah sebut, saya kata ada pemborong hantu ini yang disokong oleh hantu-hantu. Itu yang saya minta tolong penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya tak boleh bagi penjelasan sebab saya tak tahu macam mana RM19 itu sampai. Jadi *you* kena tanya soalan itu dekat Yang Berhormat Pandan. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Seremban, bagaimana Kumpulan Wang Rizab Negeri diagihkan kepada negeri-negeri. Kumpulan Wang Rizab Negeri dicarumkan berdasarkan keputusan Majlis Kewangan Negeri setiap tahun dan disalurkan terus melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia setiap awal tahun. Ia terbahagi kepada tiga komponen iaitu

tahap berdasarkan *allocation*, defisit dan juga pendahuluan. Peruntukan tahun 2012 telah diputuskan pada tahun 2015, dua tahun sebelum. Kita sudah buat dia punya anggaran. Untuk pengetahuan seterusnya, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Lumut, pemberian kerajaan negeri. Penyelenggaraan jalan negeri di Perak tidak mencukupi.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat, saya rasa tersilap tadi. Saya tak bangkitkan soalan berkenaan pengagihan negeri, saya bangkitkan...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *You* punya judi? Ada, ada. Judi tak apa. Nanti jawab. Ini siapa tanya ini? Kumpulan Wang Rizab Negeri diagihkan dekat mana ini. Ini, itu jawapan dia.

Ahli Yang Berhormat Lumut. Pemberian kerajaan negeri, penyelenggaraan jalan negeri di Perak tidak mencukupi, mohon tambah peruntukan. Penyelenggaraan jalan negeri disalurkan berdasarkan kadar yang telah ditetapkan berdasarkan kategori dan panjang jalan di setiap negeri. Peruntukan ini disalurkan setiap tahun dan adalah mencukupi untuk menyelenggarakan jalan berdasarkan kadar yang telah dipersetujui. Biasanya prestasi perbelanjaan adalah rendah berbanding peruntukan yang telah disalurkan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di kawasan Manjung, Lumut ini, ada satu masalah besar, ialah antara satu dari jalan yang panjang dari Kampung Aceh Setiawan ke Simpang Taiping dikatakan hendak dinaiktarafkan kepada empat lorong. Sejak tahun 2008 telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada masa itu, *Tan Sri Dato' Seri Kong Cho Ha* bahawa kerajaan akan membina dan ataupun *upgrade* jalan tersebut. Oleh sebab menunggu projek besar ini, jalan tersebut, kerosakan yang berlaku ini tak ada peruntukan untuk menyelenggarakan dia dengan baik. *Every time there's a patch work* macam kain sudah rosak, *you do a patch work* sehinggakan ia tidak diselenggarakan dengan baik. So, kalau ada satu peruntukan juga diberikan untuk menyelenggarakan jalan tersebut sehingga kerajaan memang sudah hendak mulakan, *upgrading* jalan yang begitu panjang itu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, saya ambil maklum soalan Yang Berhormat ini. Nanti saya akan ajukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk memastikan bahawa mana-mana jalan yang perlu diperbaiki, kalau tak ada peruntukan, dia orang akan buat peruntukan kepada Kementerian Kewangan untuk kita lihat.

Seterusnya Yang Berhormat Pasir Puteh, berapakah bentuk bantuan Kerajaan Persekutuan melalui PKINK, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Sebanyak

tiga projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui PKINK berjumlah RM11.897 million. Senarai projek adalah 12 unit kilang IKS Pengkalan Chepa, 10 unit rumah kedai Jeli dan pembangunan semula pasar Berek 12 Kota Bharu.

Kemudian, soalan seterusnya Yang Berhormat Pasir Puteh, soalan kenapa peruntukan 2017 untuk bencana hanya RM50 juta. Peruntukan Tabung Bantuan Bencana Negara masih lagi berbaki sebanyak RM441.5 juta setakat September 2016. Maknanya banyak lagi duit itu. Walau bagaimanapun, RM203 juta adalah tanggungan perbelanjaan bagi bencana yang telah berlaku dan kita masih tak bayar *supplier*. *We are* dalam proses akan bayar. Contoh, pembinaan rumah kekal dan baru dan baik pulih rumah waktu banjir dulu. Baki keseluruhan selepas tanggungan adalah sebanyak baki RM238 juta tak masuk yang kita memperuntukkan tahun 2017.

Seterusnya Yang Berhormat Pasir Puteh, peruntukan di bawah B.12 bagi Kumpulan Wang Tabung Bantuan Perubatan sebanyak RM40 juta adalah tidak mencukupi dan dicadangkan untuk menambahkan peruntukan ekoran daripada ramai orang yang sakit tidak mampu membiayai kos rawatan seperti contohnya bagi kes-kes sakit jantung. Untuk makluman Yang Berhormat, tabung bantuan perubatan merupakan bantuan perubatan untuk membantu golongan warganegara Malaysia yang miskin atau kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau semuanya kos rawatan, peralatan perubatan, perubatan *rehabilitation* dan juga ubat-ubatan yang tidak disediakan oleh hospital kerajaan. Peruntukan sebanyak RM40 juta yang disediakan ini bagi tujuan tersebut adalah mencukupi setakat ini untuk membantu pesakit yang tidak berkemampuan.

■1600

Sebagai contoh pada tahun 2015 seramai 5,338 orang pesakit ataupun RM41.4 juta telah menerima bantuan ini. Manakala sehingga 31 Oktober 2016 seramai 4,239 orang telah menerima bantuan ini sebanyak RM32.21 juta.

Seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang. Pegawai kastam kes dilanggar tonto. Tindakan yang diambil oleh kastam ialah:

- (i) menubuhkan Pasukan Taktikal Bersenjata di seluruh Malaysia untuk menangani masalah tonto ini;
- (ii) memohon perolehan 80 buah kenderaan 4x4 untuk diguna pakai, untuk mengawas aktiviti-aktiviti tonto ini;
- (iii) memohon sumbangan kebajikan melalui Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara; dan
- (iv) meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti PDRM, JPJ dan lain-lain.

Apakah cukai dipungut di bawah MOF? Jenis-jenis cukai di bawah pentadbiran kastam ialah GST, duti eksais, duti import, duti eksport, levi kenderaan, levi keuntungan luar bandar. Setakat jumlah hasil yang dikutip dari Januari hingga Oktober 2016 kita telah mengutip RM45.8 bilion.

Seterusnya hapus kira peruntukan RM25 juta. Apakah kriteria? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peneraju Terengganu Sdn. Bhd., Perwaja Sdn. Bhd. RM10 juta dan baki pinjaman ekuiti Agrobank RM10 juta. Selaras dengan keputusan Dewan Rakyat pada 2 Julai 2009 bayaran berjadual dari tahun 2014 hingga ke tahun 2017. Seterusnya terdapat syarikat juga telah kita buat peruntukan sebanyak RM5 juta iaitu syarikat M.Y. Ikan Sdn. Bhd.. Syarikat ini telah tutup dan hutang terpaksa dihapus kira.

Yang Berhormat Lipis isu berkenaan barang yang dikenakan GST *zero* sifar dimasukkan ke dalam bil resit. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lipis di bawah GST semua peniaga yang berdaftar GST wajib mengeluarkan resit. Di dalam resit tersebut perlu menyatakan sama ada barang atau perkhidmatan yang dijual tersebut dikenakan GST enam peratus yang ditandakan dengan huruf 'S'. Dikenakan GST *zero* sifar ditandakan 'Z' dan atau denda atau tanda 'E' untuk perkhidmatan yang dikecualikan. Tanda ini sebenarnya adalah untuk memberitahu pengguna dan pengguna tahu amaun GST yang dibayar. Apa yang dibuat oleh peniaga adalah seperti yang ditetapkan oleh perundangan. Pihak kastam sedang melaksanakan pelbagai operasi dan sekiranya Yang Berhormat ada kes-kes yang peniaga yang mengenakan GST tetapi dia tidak tulis ataupun tidak tulis GST pada barang-barang yang kena GST boleh hantar maklumat tersebut kepada pihak kastam kita akan buat pemantauan.

Isu kenaikan, ini saya sudah jawab.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Ya Yang Berhormat Menteri minta laluan. Yang Berhormat Menteri selalunya apabila kita beli sesuatu barang, peniaga akan tanya sama ada hendak *invoice tax* cukai atau tidak. Jikalau hendak *invois* cukai maka kena bayar GST. Jikalau tidak mahu *invois* cukai dikeluarkan maka tidak perlu bayar GST. Macam mana keadaan ini dapat dikawal supaya tidak disalahgunakan?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini adalah merupakan satu perkara yang Kastam sedang berdepan dengan masalah ini. Ini kerana mana-mana peniaga yang memberi opsyen sama ada mahu GST atau tidak mahu GST, kalau kita mengambil benda yang tidak mahu GST bermakna syarikat itu tidak akan *declare turnover* dia. *Turnover* dia tidak akan masuk dalam buku makna apabila dia membuat pelaporan kepada Kastam ataupun pihak LHDN dia akan

bergantung kepada penjualan yang dikenakan GST. Bagi yang tidak ada GST, dia tidak akan masuk dalam buku dia. Jadi apa yang kita hendak ialah pengguna-pengguna untuk jangka masa panjang untuk memastikan bahawa tidak ada mana-mana peniaga menggunakan skim ini, kita perlu melaporkan.

Kalau kita pergi ke kedai tersebut dan banyak *enforcement* telah dilakukan sekarang ini. Kalau kita dapat maklumat kadang-kadang ramai pegawai kastam kita ada lebih kurang dalam 12,000 orang. Kita sudah arahkan kepada pegawai kastam semua kedai yang dia pergi makan, *the moment* dia pergi berdepan dengan *cashier* dia cakap, "Mahu GST atau tidak mahu GST?" Kalau dia cakap hendak GST atau kalau tidak mahu GST dia bagi *different bill* kita akan pastikan bahawa *enforcement* akan datang buat *enforce*. Banyak hari ini banyak restoran hari ini dia berdepan dengan tindakan dengan kastam sebab kita buat *backdated calculation* untuk restoran-restoran mereka ini atau kedai-kedai mereka ini. Ini mencecah hingga ber*million million* ringgit tertunggak GST. Perkara ini ada juga yang datang jumpa minta pengampunan, tidak mahu lakukan perkara ini lagi.

Kita sedang memikirkan satu mekanisme, satu sistem di mana kita boleh *taruk dongle* dekat dalam dia punya *cash register*. *So that every time when they key-in the cash register*, dia akan *link* dengan Kastam. Jadi dia tidak ada isu sama ada hendak atau tidak tetapi kita tidak boleh buat sekarang ini kepada semua kedai *because* dia *very expensive*. *So* kita buat *on the specific*. *This is a something that* kita tengah usahakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yes Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak panjangkan satu aduan oleh pelancong asing yang katakan mereka tidak tahu di manakah kaunter *refund* GST di KLIA. Semalam saya ada di KLIA2 dan saya dapati yang kaunter yang *refund* GST diletakkan dalam *ground floor* dan agak, *you know rather prominent corner*. Jadi saya cadangkan mungkin pihak kementerian haruslah juga lihat di KLIA kalau terdapat sungutan macam ini, mungkin kaunter yang *refund* GST itu di KLIA mungkin perlu dialihkan ke tempat yang lebih diperhatikan oleh pelancong asing.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Nanti saya maklumkan kepada pengurusan Malaysia Airport Holdings Berhad. Akan tetapi walau bagaimanapun kalau Yang Berhormat Seputeh pernah pergi *London Airport* hendak *claim* GST cari dekat tempat GST di tingkat tiga, atas. Kena naik lif tiga, kena bawa beg. Jadi bukanlah kita ini teruk sangat, *you know*.

Okey Yang Berhormat Petaling Jaya...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri tanya sedikit boleh tidak? Tuan Pengerusi?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yes.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ini rentetan daripada Yang Berhormat Seputeh tadi, boleh tidak, saya dapat itu kalau tidak sekarang pun kemudian. Berapakah jumlah rebat ataupun GST yang dibayar rebat di semua *outlet* seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kota Tinggi *insya-Allah* nanti saya sediakan. Kalau boleh bawakan satu soalan minggu depan untuk kita jawab di Parlimen, untuk soalan pagi.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Indah Water Konsortium. Kenapa kerajaan masih beri peruntukan kepada IWK sedangkan IWK mengutip caj daripada kediaman dan kedai? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sumber hasil pendapatan IWK bergantung kepada tarif pembedung yang telah ditetapkan semenjak pada tahun 1994. Kedudukan kewangan IWK terus meruncing disebabkan kadar tarif yang terlalu rendah berbanding dengan kos sebenar perkhidmatan pembedung yang diberikan kepada rakyat.

Kadar tarif pembedung tidak pernah disemak sejak tahun 1997. Kadar tarif komersial telah diturunkan sebanyak tiga kali iaitu sebanyak 30 peratus pada tahun 1998, lima peratus hingga 20 peratus pada tahun 1999 dan sebanyak 50 peratus pada tahun 2004. Penurunan tarif keuntungan ini memberi kesan kepada prestasi kewangan IWK kerana tidak mampu menjana keuntungan. Ini yang mana IWK terpaksa bergantung kepada bantuan kewangan daripada kerajaan untuk menampung dari segi kos.

Berdasarkan tarif semasa berikut adalah gambaran perbandingan kos sebenar yang ditanggung oleh IWK berbanding caj pembedung yang dikenakan kepada pengguna. Iaitu kita caj kepada pengguna sebanyak RM8 *flat rate*. Kos sebenar ditanggung oleh IWK sebanyak lebih kurang RM32.48, defisit kos sebanyak 24 sen hingga 48 sen. Bantuan kewangan tahunan yang diterima oleh IWK adalah merupakan pembayaran pampasan oleh kerajaan untuk rakyat yang menikmati caj pembedung yang rendah berbanding kos perkhidmatan sebenar. Berapa kutipan telah dikutip bagi kediaman dan kedai?

■1610

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah kutipan daripada caj pembedung serta jumlah tunggakan bil pembedung tahun 1997 adalah seperti berikut. Bil setiap

premis ini sebanyak RM6.8 bilion. *Total collection over the period of since 1997 is RM5.9 billion. So outstanding* yang masih tertunggak, tidak bayar ini lebih kurang *RM822 million*. Apakah tindakan yang dilakukan ke atas kediaman dan kedai yang tidak dibayar? Antara tindakan-tindakan diambil oleh IWK untuk mengurangkan jumlah tunggakan bil pembedungan adalah seperti berikut:

- (i) menghantar *letter of demand* kepada pengguna-pengguna yang gagal menyelesaikan tunggakan;
- (ii) melantik *debt collection agency* untuk mendapatkan tunggakan bil pembedungan; dan
- (iii) melaksanakan kempen kesedaran dari semasa ke semasa melalui media massa.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Menyampuk]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Berapakah sebenarnya jumlah untuk menyelenggarakan IWK kerja-kerja dilaksanakan? Setahu saya bukan jumlahnya banyak sangat. Kalau boleh kerajaan saja ambil alih IWK memandangkan ia sudah menjadi *100 percent* kepunyaan kerajaan dan memberikan khidmat percuma kepada semua. Ini kerana banyak masalah yang timbul. Walaupun melalui peguam, perbelanjaan peguam pun tidak mencukupi untuk mengutip caj yang tertunggak itu.

Jadi memandangkan kita membelanjakan berpuluh-puluh bilion, RM80 bilion untuk MRT ini, bagilah rakyat biasa menikmati sedikit daripada servis ini kepada rakyat. Saya rasa ini memang popular walaupun kita boleh jimat dari mana-mana, setahun tidak melebihi RM1 bilion.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sampai bilakah kerajaan hendak menanggung kerugian IWK ini? Adakah kita memikirkan satu kaedah bagaimana kita hendak mengutip tunggakan macam TNB ataupun air, mereka boleh potong elektrik ataupun air. Akan tetapi untuk IWK kita tidak boleh buat begitu. Adakah kita memikirkan supaya kutipan IWK ini bergabung dengan

kutipan air ataupun cara bagaimana supaya kita jangan lagi setiap tahun berbelanja jumlah yang begitu besar untuk IWK ini.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok IWK, dari segi *infrastructure* yang dia perlu buat, dia terpaksa sentiasa membangunkan *sewerage treatment plant*. So, *sewerage treatment plant* ini dia memang kalau kita hendak kira *payback of sewerage treatment plant* ini memang dia memerlukan harga yang sangat tinggi. Oleh sebab itu kalau kita hendak fikir daripada segi kos secara *immediate*, tadi saya sebut RM32 tetapi kita caj RM8. Sebenarnya walaupun kita tidak nampak servis dia tetapi dengan menyediakan *infrastructure sewerage* itu sebenarnya dia memakan berbilion-bilion ringgit dan tidak ada bank yang boleh bagi pinjam kepada IWK kerana dia tidak mempunyai *business model* yang boleh menanggung pembayaran ini kerana caj yang dikenakan cuma sedikit sahaja.

Jadi hendak jawab balik soalan Yang Berhormat tadi, macam MRT dan LRT juga konsep sama iaitu kalau kita hendak memikirkan hendak caj pengguna *based on investment* yang kita lakukan, *impossible*. Tidak boleh sebab *investment* dia begitu besar, RM30 bilion, RM40 bilion. Akan tetapi kita caj tambang untuk *ridership* cuma untuk rakyat untuk sikit saja semata-mata kerana untuk menampung belanja operasi. CAPEX tidak boleh buat apa, memang dia tidak boleh *recover* CAPEX. *It take a long time*, 50 tahun, 60 tahun. Jadi bank boleh bagi pinjam 50 tahun, 60 tahun. *So the government has to come in and build this infrastructure*.

Begitu juga IWK, kalau kita hendak dapatkan duit RM8 untuk *cover* semua *investment*, *impossible*. So, yang kita caj pengguna-pengguna ini dengan harapan bahawa *overtime* kita boleh *recover* dia punya *operating cost*. *In fact* dulu kalau kita tengok IWK ini, *government subsidies even much more than what we allocated today*. *But because now*, kita punya *efficiency in term of collection* dan saya ingat kalau boleh dimasukkan pembayaran *sewerages* ini dalam bil air lagi bagus. Akan tetapi masalahnya tidak boleh buat sebab kebanyakan daripada kerajaan negeri tidak bersetuju, jadi kita agak sukar untuk melakukannya secara holistik.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi mungkin misalan saya tidak begitu tepat. Bolehkah kerajaan anggap perkhidmatan IWK ini seperti kerajaan membina jalan yang tidak ada tol. Maksudnya kita bagi percuma dengan adanya bajet setiap tahun daripada peruntukan bajet.

Setahu saya sekarang ini memang semua pemaju diperlukan untuk membuat *contribution* kepada IWK. Jadi maksudnya kapital mungkin untuk pembinaan itu boleh kita dapat daripada pemaju-pemaju yang memang juga daripada mereka yang membeli rumah. Jadi mungkin kita peruntukkan daripada bajet, peruntukan untuk

penyelenggaraan IWK supaya masalah yang sekian lama tertunggak ini dapat diselesaikan. Saya rasa rakyat memang gembira kalau tidak ada caj ini, bukan begitu banyak juga.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita memerlukan hampir RM700 juta setahun. Jadi kalau kerajaan berada dalam keadaan yang boleh ada banyak *surplus*, saya ingat kita boleh cadangkan itu satu daripada inisiatif. Di samping itu IWK juga masih...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: ...Berhadapan dengan masalah kutipan caj selagi inisiatif *joint billing* dengan caj bekalan air tidak dilaksanakan kerana tindakan pemotongan perkhidmatan pembedaan tidak boleh diambil. Selalunya bila *you* ada *joint*, saya ingat senang sikit. Akan tetapi sekarang ini kita masih ada tertunggak ya. Yang Berhormat.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terdapat pertindihan fungsi di antara Jabatan Perkhidmatan Pembedaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan Indah Water yang mana ada projek yang berkaitan dengan sistem kumbahan dijalankan oleh agensi-agensi yang berlainan. Macam mana dikenal pasti mana satu projek dijalankan oleh JPP atau SPAN, mana satu yang dijalankan oleh IWK. Ini kerana ini saya rasa tidak adil kerana IWK yang untung, dia yang mengenakan caj, dia yang dapat wang daripada pengguna-pengguna tetapi banyak lagi projek berkaitan dengan sistem kumbahan dijalankan oleh agensi kerajaan. Sila jelaskan. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya rasa daripada segi *sewerage* ini *I think only IWK is authorized to do that. I don't see any other agency. SPAN is actually the regulator.* Akan tetapi tidak apa nanti saya tengok *the detail if there is overlapping role some of the agencies* kita akan tengok dan saya akan maklumkan kepada agensi yang berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Tenom, apakah program-program yang dilaksanakan untuk memajukan usahawan kecil di bawah peruntukan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah tahun 2017? Empat program projek yang dilaksanakan iaitu Taman IKS SEDCO, KKIP Sepanggar peruntukan sebanyak RM5 juta, Bazar Masjid Negeri Kota Kinabalu sebanyak RM2 juta, premis industri Sandakan sebanyak RM1.5 juta, kedai di Sook, Keningau sebanyak RM4 juta. Menyediakan infrastruktur kepada peniaga-peniaga kecil bagi menambahkan pendapatan pemasaran produk.

Seterusnya Yang Berhormat Gerik. Pemberian kemudahan kemajuan projek khas. Untuk makluman Yang Berhormat, program atau projek di bawah Butiran 021600 – Pemberian Kemudahan Projek Khas merupakan program atau projek yang diumumkan dalam ucapan bajet. Pengurangan peruntukan iaitu hampir RM50 juta disebabkan terdapat program atau projek yang telah tamat pelaksanaannya. Contoh Skim Perumahan Belia diperuntukkan RM48 juta pada tahun 2016 dan program ini akan tamat pelaksanaannya pada tahun 2017. Oleh sebab itu kita tidak ada membuat peruntukan seterusnya.

Selain itu pengurangan ini adalah selaras dengan kedudukan kewangan semasa kerajaan dengan Kementerian Kewangan menyusun semula *priority* keutamaan yang memastikan hanya projek atau program berimpak tinggi sahaja diberikan keutamaan.

■1620

Kemudian Yang Berhormat Gerik menyatakan bahawa butiran 21600 - Pemberian Kemudahan Projek Khas. Kenapakah terdapat perbezaan pengurangan peruntukan? Saya sudah jawab tadi untuk makluman Yang Berhormat program-program di bawah butiran pemberian kemudahan projek khas merupakan program projek yang diumumkan dalam ucapan bajet.

Saya hendak bacakan dalam projek khas ini. Dia sebenarnya bukan *afterthought*, dia sebenarnya ada dalam senarai begitu panjang. Saya bacakanlah satu-satu. Mobil CTC, RM6 juta, Bahasa Inggeris 1Malaysia RM6 juta, kemudian Volunteering of International Professional RM5 juta, Global Entrepreneurship Community under MaGIC RM10 juta, kemudian Pembangunan Infrastruktur Sektor Pelancongan dan Kebudayaan RM36 juta, Startup and SME Promotion RM5 juta, melaksanakan Program Art and Culture Agenda RM10 juta, kemudian Pengurusan Pembangunan Kampung Baru pengurusan RM2 juta, Program Vaksinasi *Human Papilloma Virus* HPV RM10 juta, subsidi *mammogram* RM20 juta, peningkatan elaun imam RM17 juta, elaun guru KAFA RM44 juta dan banyak lagi panjang *list* ini.

Jadi apa yang saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Gerik dia memang ada dalam kita punya program. Masalah gajah ini nanti kita tengokkan lah. Pengurusan gajah kasihan Yang Berhormat Gerik sahaja.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri minta penjelasan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *With that, I have you, special to answer your question.*

Yang Berhormat Lipis meminta kerajaan mempertimbangkan pembinaan padang bola sepak tiruan di Lipis, Pahang. Pembinaan padang bola sepak tiruan merupakan inisiatif di bawah bajet 2014 di bawah peruntukan disediakan oleh Kementerian

Kewangan telah membina 12 padang bola tiruan dan selebihnya diuruskan oleh KBS. Cadangan pembinaan padang bola sepak yang baharu boleh dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan keutamaan yang akan diuruskan oleh KBS. So, apa yang ada dalam bajet itu adalah inisiatif yang dibuat pada 2014 kita buat *rolling* bajet *and that to pay all the* padang bola yang telah *dicommit* oleh MOF.

Kemudian, Yang Berhormat Kuantan. Bagaimana pelaksanaan program HPV dan *mammogram* seperti yang diumumkan dalam ucapan bajet? Untuk maklumat peruntukan RM30 juta tersebut disediakan kepada LPPKN iaitu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Peruntukan ini merupakan pemberian bantuan iaitu kerajaan menampung kos RM150 seorang bagi ujian vaksinasi HPV dan kemudian kadar ujian *mammogram* antara RM50 ke RM160 seorang. Permohonan ini boleh dibuat di 60 buah klinik di LPPKN di seluruh negara. Usaha *reach out* ini merupakan inisiatif berterusan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan kerajaan menghargai pandangan Yang Berhormat supaya usaha ini akan terus diperluaskan lagi.

Yang Berhormat Rantau Panjang. Pinjaman apakah syarikat dihapuskan pinjaman— saya sudah jawab tadi ini pasal PERWAJA Terengganu. Ini adalah semua pinjaman-pinjaman yang tidak dapat dikutip kerana syarikat sudah tidak berdaya saing—hapus kira. Pemberian penyelenggaraan jalan negeri Perak tidak mencukupi mohon tambah peruntukan. Saya sudah jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Mana, Pokok Sena nanti dulu tidak habis lagi sabar Yang Berhormat Pokok Sena.

Berapakah jumlah pinjaman yang telah digunakan bagi tujuan pengurusan – Yang Berhormat Pasir Puteh pun saya sudah jawab tadi. Okey, seterusnya Yang Berhormat Kota Raja jumlah hasil daripada jumlah ini semua saya sudah sebut. Yang Berhormat Seremban, berapakah pendapatan cukai perjudian? Saya bacakan pada 2014 RM652 *million*, 2015 RM637 juta, 2016 sehingga September RM464 juta. Mohon mengurangkan 22 hari—mencadangkan supaya Kementerian Kewangan mengurangkan 22 hari setahun menggunakan *special draw* untuk menambahkan pendapatan negara.

Kementerian Kewangan mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat supaya cabutan khas pertaruhan nombor ramalan akan dikurangkan atau dihapuskan dan ia akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Okey.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Boleh Yang Berhormat Menteri bagi tahu bahawa apakah kegunaan *special draw* itu? Hasil daripada *special draw* itu sebab seperti yang saya kata dalam perbahasan kalau dulu hasil daripada *special draw* itu dia digunakan untuk satu kegunaan khas tetapi persoalan-persoalan yang saya tanya dalam beberapa tahun ini setiap kali jawapan daripada Kementerian Kewangan ia dimasukkan dalam Akaun Hasil Disatukan ia tidak diasingkan.

Jadi saya rasa kalau boleh diberikan angka-angka hasil daripada *special draw* itu setiap tahun 22 hari itu berapakah hasil diperoleh oleh kerajaan dan bagaimana kerajaan menggunakan hasil-hasil tersebut? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak ada *detail* tapi saya akan bagi. Okey, bilangan lesen perjudian setakat hari ini kita mempunyai satu kasino dan NFO— *I'm not sure this* jawab peniagaan mesin. *This figure I don't want to mention, I think something wrong, NFO 1663 cannot be, we only have six operators.*

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Unit.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Unit? *This is unit— oh, branches* dia pakai *outlet*. So, *I'm not familiar with this but I think I'll check because it cannot be licensed 1663. I think this is outlet, outlet enam operator. Anyway I'll check. I have to check this one.* Kelab 162 kelab. Dia mempunyai 91 persatuan, 71 kelab syarikat dan kemudian peniaga mesin *gaming* ada lapan. *I'll get you the detail on the NFO* tapi yang ini saya ingat ini *branches cannot be 1600*.

Lesen perjudian bola sepak tidak akan dibuat di Malaysia ulaskan. So, *you want my commitment here in the Dewan?* Setakat hari ini saya ingat kerajaan Malaysia – bukan saya ingat kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk *legalize sport online betting* ini. Itu cukup? *That's all you want to hear right?*

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Sikit lagi Tuan Pengerusi. Saya menerimalah komitmen daripada Yang Berhormat Menteri saya rasa memang pendirian itu sepatutnya dipertahankan supaya kita tidak memberikan lesen kepada mana-mana pemohon untuk lesen judi bola sepak. Cuma satu lagi perkara yang belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ialah berkenaan dengan kod hasil perjudian. Saya sudah tanya dan saya rasa ramai rakan-rakan Yang Berhormat bertanya mengapa tidak ada kod hasil khas untuk perjudian kerana kalau ada kod hasil khas untuk arak, untuk rokok, untuk tembakau, untuk *cigar*— macam-macam boleh ada tetapi perjudian tidak ada satu kod hasil.

Kita hendak tahu satu tahun berapa yang diperjudikan oleh rakyat Malaysia? Jadi mengapa susah sangat hendak perincian hasil perjudian itu dalam buku anggaran

hasil kita? Kalau tengok buku ini langsung tidak ada satu pun kod hasil untuk perjudian. Sila jawab, terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya akan *check*. *There must be historical reason why they do that but nanti I check* tapi yang saya tahu judi ini dikategorikan dalam *entertainment*. Jadi segala bentuk *entertainment* dia masuk sekali dalam satu kategori dia panggil *entertainment duty*. Nanti *I check, all right*.

Yang Berhormat Pasir Puteh saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan -- berapa bayaran untuk apa, okey. Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bukit Mertajam bertanya pemberian kemudahan projek khas kemudian subsidi sawah padi kemudian peruntukan RM30 juta. RM30 juta dalam kod 21600, B.11 tapi Yang Berhormat Bukit Mertajam sebut tadi subsidi sawah padi. Sawah padi dia tidak masuk dalam B.11 dia tidak masuk dalam kod 21600 dia termasuk dalam kod 20500. *If you check the code 020500 inside there, there is total subsidy amounting to RM12.7 bilion dalam pada RM12.7 bilion itu to be exact RM12,754,020 under 020500* dia terdapat RM210 juta subsidi harga padi, RM210 million. *Then, kalau you tengok the rest of the subsidy, ada dekat dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.*

■1630

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Muka surat apa untuk subsidi itu? Muka surat apa tadi?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang mana? Yang ini?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ya, yang tadi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *You* buka *under* Butiran 020500, *under the* subsidi dan insentif, RM12.754 bilion. Dalam itu kita ada subsidi, kita ada insentif, kita ada bantuan yang termasuk dalam RM12.754 bilion. Okey?

Saya sudah jawab dari segi peruntukan RM30 juta. Saya sudah jawab dari segi kampung baru, RM2 juta adalah termasuk dalam OE, RM48 juta *is DE*, dalam pembangunan. Kemudian, apakah justifikasi kerajaan ambil butiran lain di kementerian dan ditampung di bawah Butiran B.11?

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, subsidi-subsidi ini sebenarnya kita *control*, Kementerian Kewangan *control*. Yang mana-mana yang kita rasa *sure* yang kita hendak bagi, kita akan letak kepada kementerian. Yang mana tidak, kita akan simpan dalam MOF untuk pastikan setiap kementerian apabila dia hendak minta apa-apa tambahan, dia kena datang dan buat *justification*. Kalau tidak, kita tidak mahu nanti peruntukan-peruntukan ini akan bertukar untuk buat benda-benda lain.

Kalau kita sudah *allocate* untuk bajet subsidi, subsidi. Kalau kita sudah buat bajet untuk insentif-insentif lain, kita *limitkan* kepada spesifik program atau pun benda-

benda yang dah *definitive by that* kementerian, baru kita masuk dalam dia punya kementerian. Kalau setakat baru cadangan, baru idea, baru *proposal*, kita akan simpan dalam MOF sebab kita tidak mahu *simply allocate to any* kementerian dan kemudian dia datang nanti *with a lot of* cadangan yang tidak bersesuaian pada mula-mula kita *allocate*.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa saya hendak beri pujianlah kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha beliau untuk menjawab pelbagai persoalan dan juga cuba menjawab secara jitu. Saya rasa lebih sesuai Yang Berhormat Menteri Kewangan II ini menjadi Menteri Kewangan daripada Yang Amat Berhormat Pekan. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Dia hendak keluar Dewan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak, kita tak nak keluar Dewan. Saya difahamkan daripada ucapan tadi bahawa Kementerian Kewangan ini mengawal subsidi dan juga mengawal peruntukan-peruntukan. Akan tetapi saya tidak faham mengapa ia berlaku begitu rawak? Sebab, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sudah ada lebih RM1 bilion diperuntukkan dan itu peruntukan kepada item secara spesifik dan bukan sahaja subsidi secara meluas tetapi subsidi benih padi, subsidi huma, subsidi padi bukit. Item yang secara spesifik. Maka kalau item yang secara spesifik pun kita tidak boleh mengharap kementerian tersebut melaksanakan program yang dimaksudkan, saya tidak faham mengapa kalau benda yang secara *general*, secara am, contohnya subsidi atau pun peruntukan projek khas, kita boleh kawal.

Keduanya, saya melihat contohnya pembangunan kampung baru di bawah Jabatan Perdana Menteri pada bajet tahun 2016, peruntukannya lebih kurang RM89.5 juta. Tahun 2017, jabatan tersebut atau agensi pelaksana tersebut telah mengurangkan bajetnya kepada RM48 juta iaitu pengurangan sebanyak RM41.5 juta. Itu adalah rancangan yang telah dilaksanakan atau yang dibuat oleh pegawai-pegawai kita di dalam perkhidmatan awam. Saya tidak mempertikaikan perancangan itu tetapi mengapa tiba-tiba ada pemotongan 50 peratus? Tiba-tiba di Perbendaharaan pula disediakan RM2 juta? Mengapa RM2 juta? Mengapa bukan RM5 juta atau RM10 juta? Jadi saya tidak faham. Saya rasa ini begitu rawak atau pun *random* sekali. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau kita tengok dari segi perbelanjaan DE, dia tidak semestinya kalau kita belanja tahun 2016 RM100 juta, maka kita kena *spend* RM100 juta. Dia sebab DE. Kadang-kadang dia *can be RM100 million, the next one it can be*

RM50 million atau *RM60 million* atau *RM30 million*. Kemungkinan *RM100 million* dan kemudian *RM200 million*. *It depends on the requirement*. So in this case, RM48 juta ini adalah spesifik untuk DE. RM2 juta ini adalah lebih kepada OE iaitu ia melibatkan penyelidikan, operasi. Jadi ia tidak boleh masuk dalam kategori DE.

Saya percaya, Yang Berhormat, kalau saya duduk di sana juga, saya akan jadi *confuse*. Akan tetapi saya ingat, kita *slowly* sama-sama *go through this budget as we go*, then kita akan dapat sama-sama menghayati benda ini.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang satu penjelasan yang *make sense* tetapi soalan saya juga akan *make sense* kepada Menteri, mengapa *operating expenditure* ini tidak dimasukkan saja dalam Jabatan Perdana Menteri yang mana memang jabatan asal? Kenapa kena rujuk kepada kementerian lain?

Ini juga soalan saya kepada subsidi dan mamogram, kenapa tidak dimasukkan sahaja ke jabatan asal dan diberikan peruntukan kepada program spesifik dan *it is not lump together under general fund* yang mana memang tak ada *guarantee* langsung akan dilaksanakan? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, ini adalah satu mekanisme *control* yang kita buat kepada *spending* setiap kementerian. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mana-mana kementerian kalau kita bagi bajet RM2 bilion, dia akan habislah RM2 bilion. So, kita nak tengok apabila ada program-program yang baru yang nak diperkenalkan yang tidak menjadi *recurring program*, selalunya kita lebih menumpukan bahawa program-program ini hendaklah dikawal di pihak kementerian untuk mengagihkan bajet. Bila kita mengagihkan kewangan itu, *it doesn't mean that* Kementerian Kewangan buat program itu. Tidak. Ia kemungkinan besar akan datang daripada NGO ataupun kementerian.

Macam *in the case of mamogram* tadi, ia kemungkinan besar boleh datang daripada Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Wanita. Ia tak semestinya terus kita bagi kepada Kementerian Wanita. Kemungkinan besar program ini akan dikendalikan bersama dengan Kementerian Kesihatan. Jadi, di sinilah peranan MOF untuk pastikan bahawa *the right ministry get this money*.

So, *in the case of* bajet padi tadi, kalau kita tengok dalam Kementerian Pertanian, dia ada lebih kurang RM1,090,000,000 yang spesifik yang kita akan bagi. RM210 juta bajet subsidi padi ini ialah mekanisme yang kita *control* berdasarkan *requirement of* harga padi. Jadi, kita kena buat *this provision is actually to* pastikan bahawa kalau ada naik dan turunnya harga padi ini membantu petani-petani, *this is where the contingency of that* subsidi padi ini digunakan dalam kita punya peruntukan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Menteri. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya kalau saya kata amalan begini sebenarnya tidak menampakkan ketelusan? Sebab, kalau kita tidak ada peluang untuk bertanya ataupun kalau *missed out*, memang tidak ada orang akan tahu bahawa angka-angka ini adalah kepada perbelanjaan ini. Nombor satu.

Keduanya, saya tidak faham kenapa hanya— yang kita bagi itu tiga contohlah, sudah tentu. Kenapa tiga kementerian ini termasuk Jabatan Perdana Menteri ini, program tersebut perlu dikawal? Sedangkan, program-program lain tidak perlu ada kawalan sedemikian. Walaupun Kementerian Wanita sejak tahun 2014 dah melaksanakan program mamogram dan vaksinasi HPV, adakah sekarang Kerajaan Pusat berpendapat bahawa Kementerian Wanita tidak mampu lagi untuk memantau dan memastikan bahawa program tersebut dilaksanakan dengan baik?

Begitu juga dengan subsidi padi dan juga pembangunan kampung baru. Kenapa tidak diberikan sahaja kepada kementerian mereka? Ini juga akan memastikan bahawa bajet kita lebih telus sebab kita nampak perbelanjaan diikat kepada program-program atau butiran-butiran tertentu dan bukan seperti sekarang di mana semuanya dimasukkan dalam satu dana am yang memang kita tak nampak apa butirannya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban bangun, Yang Berhormat,

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Pengerusi, berkait juga. Saya juga ada buat celahan tadi dan belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan peruntukan untuk pelajar-pelajar cemerlang yang dapat Biasiswa JPA. Tahun lepas JPA diperuntukkan RM1.6 *million* untuk pembangunan modal insan. Tahun ini ataupun anggaran tahun 2017 ialah kosong.

Jadi persoalannya ialah bagaimanakah peruntukan untuk pelajar-pelajar JPA ini? Di manakah wangnya? Apakah agensi yang memperuntukkan biasiswa untuk pelajar-pelajar JPA ini? Terima kasih.

■1640

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya ambil maklum dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam. Cuma saya ingin bacakan kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam bahawa Butiran 020500 ini bukanlah kali pertama kita masukkan RM210 juta. Kita ada juga sebelum ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tahun 2015 kita ada RM497 juta peruntukan yang kita pegang untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kemudian tahun 2016 sebanyak RM507 juta. Jadi apa yang saya hendak tekankan ialah *is a question of mechanism how you*

record it. Akan tetapi I agree with you kalau secara spesifik *detail you* hendak tengok, ia akan nampak mengelirukan. Mungkin saya akan lihat bagaimana kita boleh buat pada masa akan datang supaya tidak mengelirukan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya harap mungkin di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri, kita boleh memastikan bahawa amalan bajet lebih telus supaya tidak ada berlaku lagi peristiwa di mana pengumuman dalam bajet tidak *tally* dengan anggaran. Oleh sebab ini akan menyusahkan Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini untuk meneliti bajet. Kita mempunyai tugas dan masa kita agak suntuk termasuk untuk berdebat, untuk menyediakan analisa-analisa. Jadi kalau perkara begini berlaku memang menyukarkan penelitian.

Jadi saya harap tahun depan kita akan ada satu amalan yang lebih telus di mana jangan dimasukkan, kalau perlu juga Kementerian Kewangan di bawah Perbendaharaan untuk kawal kementerian-kementerian yang mungkin dianggap lemah dan tidak dapat kawal perbelanjaan sendiri, mungkin kita boleh senaraikan. Jangan *lumpkan* mereka dalam satu butiran yang sama supaya lebih senang kita buat rujukan dan lebih senang kita menelitikan bajet. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi apa kata Yang Berhormat tadi ialah untuk kita bezakan *budget speech* dengan *budget*. Kalau *budget speech* kita— bagi *budget speech*, bajet yang kita bentangkan ini adalah bajet yang kita bentangkan. Akan tetapi kalau kita hendak, kita tidak benarkan kita bercerita soal dasar di peringkat *budget speech*, maka kita juga ada masalah dalam Dewan ini apabila kita berdebat di sini kerana kita tidak boleh cerita fasal DOJ, 1MDB *because* 1MDB *and* DOJ ia tidak ada dalam bajet ini. Akan tetapi kita masih duduk berbincang soal ini. Jadi soal isu ia adalah *budget speech*. Kalau *budget speech* cerita nasi *Vanggey*, 'nasi anak dara', *maybe not relevant in the future if it's what you said*.

At the same time, opposition also have to understand that when we discuss about the budget, we cannot talk something that outside the scope of the budget. But we have been answering a lot of DOJ, 1MDB and a lot of issues. But you know why, because we feel that Parliament, we have to allow people to talk the concept, the dasar yang kita hendak bincangkan. Okey.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri, satu lagi sahaja. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri salah faham. Saya bukan kata

nanti selepas ini, tahun depan diharapkan, saya doakan supaya Menteri Kewangan II boleh naik pangkat jadi Menteri Kewangan utama. Masa itu saya bukan kata Menteri Kewangan tidak boleh dalam ucapan bajetnya membincangkan tentang dasar belanjawan. Ini saya sudah jelas dalam ucapan bahas saya. Apa yang saya maksudkan ialah supaya kena ada ketelusan. Kalau disebut pun, biarlah sebut supaya kita boleh faham dari mana asal usul dan sumbernya, satu.

Keduanya ialah saya sebenarnya tadi saya maksudkan ialah anggaran perbelanjaan. Kalau kita perlu pisahkan dengan sebegini cara, biarlah dipisahkan dan disenaraikan ataupun disebut dengan jelas supaya memudahkan lagi. Ini sudah 600 muka surat. Jadi saya rasa lebih 50 muka surat ataupun lebih 100 muka surat lagi, saya rasa tidak ada masalah. Ini untuk memudahkan bukan sahaja ahli-ahli dalam Dewan ini tetapi rakyat Malaysia secara amnya dan pakar-pakar di luar itu untuk menelitikan bajet dengan lebih baik. Itu sahaja amalan bajet yang lebih telus.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Setuju Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Yang Berhormat Seremban, pinjaman biasiswa ada dalam peruntukan Butiran 20500. Saya bacakan biasiswa untuk tahun 2017 sebanyak RM1.643 bilion, Biasiswa Kecil Persekutuan RM118 bilion, Biasiswa Sukan RM1.6 juta, Biasiswa Pengurusan Persekutuan RM73.9 juta, Biasiswa Pinjaman Pelajaran RM250 juta, Biasiswa Bantuan RM208 juta, Biasiswa Derma Siswa Bantuan Pelajaran Institut Latihan Perpustakaan RM21 juta. Ada dalam ini.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Di manakah kepala peruntukan ini? Di bawah kementerian mana? Oleh sebab JPA tidak ada lagi. Adakah biasiswa JPA itu telah dipindahkan kepada Kementerian Kewangan dan JPA tidak lagi bertanggungjawab kepada biasiswa ini?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Dipindahkan di Kementerian Kewangan. *Under* Butiran 020500.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Adakah ini bermaksud bahawa JPA tidak lagi *handle* peruntukan...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: *JPA handle all the administration parts of scholarship and also the loan but the duit datang daripada Kementerian Kewangan. Okey?*

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Adakah ini satu perubahan dasar dan JPA tidak ada lagi?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Kalau...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Oleh sebab ini saya rasa kadang-kadang ini memberikan kesusahan kepada pelajar. Ini kerana difahamkan ada ramai pelajar

yang mendapat biasiswa ini dua hingga tiga bulan dia punya elaun sara hidup tidak dapat. Jadi ini memberikan kesusahan kepada pelajar-pelajar yang sepatutnya diperincikan kepada pelajar-pelajar dan menjelaskan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Seremban, kalau mana-mana pelajar yang tidak dapat *scholarship* dia, saya hendak tahu pelajar itu yang mana satu. Oleh sebab saya rasa tidak ada lagi kita bayar lambat kepada pelajar-pelajar yang ada biasiswa. Kalau ada saya hendak tahu senarainya. Saya hendak nama lebih spesifik. Kemungkinan besar mungkin ada pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menjalankan tanggungjawab dia secepat yang mungkin. Jadi saya hendak senarai. Kalau dapat bagi saya senarai yang mana tidak dapat biasiswa. Di luar sana kalau ada mana-mana anak-anak mereka yang belajar dapat *scholarship* daripada JPA tidak dapat pembayaran, maklumkan kepada saya. Saya pastikan dia akan dapat. [*Dewan riu*] Tuan Pengerusi, saya sudah habis. Kalau yang belum...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar tiga soalan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kapar, apa soalan Yang Berhormat Kapar?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tiga.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Dia orang tidak bagi sama saya Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oh! Mana boleh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena pun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa punya... kuat ini.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Nanti sekejap, nanti sekejap. Sabar, sabar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh, boleh, boleh.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena pun sabar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita *duk*...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Apa Yang Berhormat Kapar *you* punya soalan? Apa Yang Berhormat Kapar?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Butiran 040200, Butiran 040300 GST, mekanisme.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Berapakah kes yang dibawa ke mahkamah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, selepas itu mekanisme untuk mengawal harga barang dan disebabkan ada kecekapan mekanisme untuk membawa kes-kes penyelewengan...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Ia mekanisme mengawal harga barang ini KPDNKK, dia menjalankan pemantauan kepada syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga yang mengambil keuntungan berlebihan. Jadi keuntungan-keuntungan berlebihan ini saya minta Yang Berhormat Kapar dalam kita punya— KPDNKK punya kementerian nanti tanya dia betul kenapa dia tidak pergi— itu kena bawah KPDNKK. *After this will be* KPDNKK. Kes-kes yang tidak patuh GST dan ia telah dibawa ke mahkamah saya akan *in writing, number* dia berapa ramai. Okey?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Baik, *thank you*.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ada lagi dua soalan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Apa lagi?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Butiran 070300.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Apa itu?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sewaan dan penyelenggaraan. P.10 Butiran 96000 mengenai padang bola sepak tiruan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Padang bola sepak tiruan? Sudah jawablah Yang Berhormat Kapar, sudah jawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *No, I* punya soalan berbeza daripada Yang Berhormat tadi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Apa *you* punya soalan? *You* punya soalan apa? Itu padang bola sepak apa punya soalan?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berapa banyak?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Berapa banyak apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Di mana?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Sudah jawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *It's okay, I will refer back to Hansard. It's all right. With due respect, no problem. Thank you Sir, thank you.*

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena, sudah habis jawab *toilet* tadi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa dia? Bila?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tadi, *toilet*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hai, itu *toilet* lain.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Habis?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Toilet itu... [Ketawa]* Memang saya pun pergi bilik air tadi. Itu mujur *duk* di Parlimen tidak kena GST. Kalau 10 kali orang Lana Bulu *pi* KLCC *hat* kencing kerap, jenuh bayar *sekupang* sekali masuk. Pokok Sena...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ini masuk *toilet sekupang* seringgit, kalau kena GST enam *percent* baru enam sen. Takkan hendak...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, dia masuk RM2. KLCC RM2. Apa GST...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Kalau RM2 baru 12 sen.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: GST 11 duit. Kalau kena orang Lana Bulu *hat* penyakit kencing kerap, sekali melepas *sekupang* lah kena GST. Orang Lana Bulu itu orang Jerlun itu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, nanti *sat* saya dulu. Tidak habis lagi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Bagi *ladies first*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Ladies first okay*.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin respons tadi saya ada bangkitkan tentang mengenai Akta Eksais dan Kastam, cukai arak dan juga cukai kan kita ada dua jenis, satu adalah *distill alcohol and* lagi satu itu ialah bir.

■1650

Sekarang ini yang diregulasikan, diminta perlu ada permit dan sebagainya adalah alkohol tetapi *beer* tidak. So, *beer* ini boleh dijual di merata-rata tempat, hatta kedai runcit pun boleh. Jadi saya minta dibuat sedikit kajian. Bersama tadi Yang Berhormat Sungai Petani juga menyokong cadangan supaya penjualan perkara-perkara yang kita panggil arak, *tobacco*, semua ini premisnya disatukan. Maknanya *we have special premises* untuk ini supaya mudah dikuatkuasakan. Ini cadangan saya supaya dikaji bukan tujuannya untuk menyusahkan orang bukan Islam dan pengguna-pengguna bukan Islam tetapi adalah supaya pengurusannya lebih teratur dan penguatkuasaannya lebih berkesan. Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum dari segi cadangan Yang Berhormat. Cuma untuk pengetahuan Yang Berhormat mana-mana premis yang hendak menjual arak ini dia kena ada lesen. Tidak silap saya kalau *you* hendak jual *beer* kah pun kedai itu mesti ada lesen.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, Yang Berhormat Menteri tidak.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tidak ada?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Beer* tidak.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Jadi kalau...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Dia di bawah undang-undang KPKT ataupun Akta Eksais...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: So mereka tidak payah dapat lesen.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, sebab alkohol *content* dia adalah kurang daripada 10 peratus. Kalau dia *still* alkohol yang jenis *wine and all those...*

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Itu kena lesen.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...Yang itu sahaja yang lesen, yang itu dia pohon daripada pejabat daerah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang *beer* ini tidak ada lesen.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Dia *free to sell*, cuma dia tidak boleh ada dalam satu kedai itu *storage* yang tertentu. Jadi macam kawasan kita, amat teruk sekali sebab pendedatangan asing ini dia beli di kedai, dia minum di padang-padang, orang kata tanah-tanah lapang dan kawasan-kawasan rekreasi dan ini menyebabkan sangat tidak *comfortable* kepada penduduk-penduduk.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Saya ambil maklum. Nanti saya tengok dengan pihak berkuasa macam mana kita boleh lihat perkara ini. *[Disampuk]* Saya *just got your question*. Sewaan dan penyelenggaraan RM48.1 juta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kapar antara perbelanjaan yang dinyatakan di dalam peruntukan tersebut oleh Kastam ialah:

- (i) penyelenggaraan sistem MyGST yang telah tamat tempoh jaminan pada 14 Januari 2016. Kontrak penyelenggaraan tahunan adalah RM23 juta; dan
- (ii) penyelenggaraan mesin-mesin pengimbas kargo, bagasi, mesin pengimbas badan dan juga 108 unit mesin. Keseluruhan mesin ini yang diselenggarakan sebanyak RM21 juta. Jumlah keseluruhan ialah RM44 juta.

Yang Berhormat Pokok Sena, bagaimana MOF pantau Tabung Amanah Sukan Negara? *This is your question?* Akan tetapi tidak ada *toilet?* *[Dewan Ketawa]* Siapakah lembaga pengarah di dalam Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara? Untuk pengetahuan Yang Berhormat pemantauan berkaitan Kumpulan Wang Amanah Sukan

Negara dibuat melalui Surat Ikatan Amanah di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut.

Pengerusi adalah Ketua Setiausaha KBS. Kemudian Ahli-ahli Timbalan Ketua Setiausaha, wakil daripada MOF, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara, Pesuruhjaya Sukan, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Setiausaha Bahagian Kewangan, Ketua Akauntan KBS dan Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan.

Jumlah pinjaman kepada ahli sukan seperti Alex Yoong sebanyak RM4.3 juta, Rizal Ashram sebanyak RM2.5 juta dan Farriz Fauzy sebanyak RM5 juta yang belum dituntut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat pinjaman kepada semua ahli sukan yang disebut merupakan ahli sukan permotoran. Pinjaman ini diberikan bagi membantu membiayai sebahagian kos penyertaan perlumbaan ahli sukan tersebut di peringkat antarabangsa. Bagi pinjaman kepada Alex Yoong bayaran balik dibuat dalam bentuk penampilan dalam program-program Kementerian Khidmat Nasihat.

Kementerian Belia dan Sukan sedang meneliti nilai penampilan yang telah dibuat agar menyamai atau melebihi nilai pinjaman yang telah diberikan. Kementerian Belia dan Sukan juga dalam proses membuat tuntutan bayaran semula pinjaman yang telah diberikan kepada Rizal Ashram, Fairul dan Farriz Fauzy. Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan *taskforce* untuk tujuan kutipan balik pinjaman kepada ahli sukan ini. Bagaimanapun MSN membuat bayaran ini semua mengikut peraturan.

Nanti kalau Kementerian Belia dan Sukan bagi Jawatankuasa Khas nanti tanyalah *detail*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya tahu, baik-baik. Cuma Tuan Pengerusi, cuma saya hendak dapatkan penjelasan lanjut ialah tidakkan dalam tempoh tertentu bila walaupun diserahkan kepada lembaga ini bermakna bahawa apa yang saya bangkitkan tadi menunjukkan lembaga ini betul-betul tidak melaksanakan tugas secara terperinci dan tidak ada tindakan daripada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan setiap tahun menyediakan peruntukan tertentu sehingga peruntukan-peruntukan itu digunakan bukan tujuan untuk pembangunan sukan pun macam saya sebutkan tadi Majlis Hari Raya pun dia, buka puasa pun dia, untuk bayar buka puasa Pejabat Menteri. Jadi bagi saya ini satu benda yang tidak sewajarnya.

Kemudian pemilihan ahli sukan pun pada pinjaman tadi macam Rizal Ashram itu, saya pun tidak tahu, tidak pernah dengar nama dia dalam sukan permotoran ini. *[Ketawa]* Kalau Alex Yoong itu memang kita pun ada dengar nama, tetapi tiba-tiba ada nama Rizal Ashram dalam sukan permotoran. Saya pun terkejut mendengar sampai

RM2.5 juta dia pinjam, sedangkan tidak membantu pun kepada ke arah untuk meningkatkan mutu sukan permotoran pun.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena untuk pengetahuan Yang Berhormat Pokok Sena, proses pengagihan duit daripada Kementerian Kewangan kepada tabung-tabung amanah ini di kementerian-kementerian adalah dilakukan dengan mengikut peraturan. Kita ambil duit kita bagi peruntukan tabung amanah. Bila dalam tabung amanah itu, proses mengendalikan tabung amanah itu adalah terletak dalam *jurisdiction* kementerian tersebut, KBS.

Jadi saya hendak bagi baca, jadi Yang Berhormat sebut tadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ada bayaran buat beli Pejabat Menteri, jamuan Hari Raya, sebenarnya tidak ada, tidak wujud. Saya hendak bacakan bayaran perolehan peralatan Pejabat Yang Berhormat Menteri dan juga majlis jamuan raya yang dikatakan dibuat oleh Majlis Sukan Negara seperti mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah tidak berlaku di mana tidak ada perolehan peralatan pejabat dan jamuan hari raya yang dilaksanakan oleh KBS sebenarnya.

Apa yang berlaku ialah ia adalah semata-mata tuntutan palsu dan penyalahgunaan kedudukan oleh Mantan Setiausaha Bahagian Kewangan KBS. Di mana kes ini sedang dibicarakan di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur. Dia buat tuntutan palsu. Sebenarnya tidak ada. Tidak ada beli Pejabat Menteri punya *furniture*, tidak ada buat jamuan Hari Raya oleh Menteri, tidak ada. Jadi sebab itu saya tekankan bahawa mana-mana tabung amanah ini yang akhirnya yang bertanggungjawab ini KSU kementerian tersebut. Dia mesti bertanggungjawab. Tidakkah kita semua KSP hendak kena jaga. Berapa banyak ada tabung itu. Kita bagi duit untuk mereka. Setiap KSU yang menjaga kementerian tersebut mereka kena pastikan dia bertanggungjawablah memastikan peraturan diikuti, tidak ada – kena ada *check and balance, that one* dia kena buatlah. Nanti tanya lagi ya, kementerian. Boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih. Saya faham bahawa memang itu tanggungjawab kementerian, tetapi saya hendak bagi tahu kepada Kementerian Kewangan hari ini memang ini yang berlaku. Masalahnya prosedur *parking* duit inilah yang menyebabkan mudahnya berlaku penyelewengan. Bukan kata dalam Majlis Sukan Negara, dalam Majlis Belia Malaysia. Ini duit-duit yang *diparking* daripada Kementerian Belia dan Sukan melalui geran dan sebagainya.

Ini ada unsur-unsur penyelewengan. Kita pun tidak tahu sama ada tuntutan itu palsu atau memang dia bayar sungguh. Dia bayar kepada tuntutan yang dibuat oleh Pejabat Menteri itu secara palsu. Bukan dia yang buat tuntutan palsu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ini Yang Berhormat. Ini masalah ini simpan dekat MOF pun kena marah, hantar pun kena marah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Ketawa]

Datuk Johari bin Abdul Ghani: ...Macam mana ini. Kita simpan dia cakap kita hendak kontrol, bila kita bagi sudah tidak reti hendak kontrol. Jadi tidak apa, tidak apa nanti kita bincang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi? Tidak apa kita bincang, kita bincang.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: KBS, KBS datang tanya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak apa, boleh. [Ketawa]

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Menteri pagi ini saya ada tanya soalan tentang tafsiran penilaian harga tanah di Selangor ini. So, mengapa melambung tinggi?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: JPPH punya penilaian ini dia mengikut pasaran semasa. Dia tidak ada *simply* dia pergi letak harga tinggi, tidak ada. Dia mengikut *proper evaluation of* penilaian.

■1700

Kalau ada mana-mana penilaian dibuat bercanggah dengan JPPH, kita boleh ambil tindakan ke mahkamah untuk *refer* daripada segi *valuation*. Saya bagi contoh, kalau kerajaan mengambil *land acquisition* menggunakan JPPH punya penilaian. Kalau ada pihak-pihak yang tak bersetuju dengan penilaian JPPH, dia boleh mendapatkan penilaian daripada pihak swasta dan kemudian kemukakan ke mahkamah untuk mahkamah buat keputusan. Akan tetapi dalam kes ini, Yang Berhormat sebut bahawa JPPH punya nilai lebih tinggi daripada swasta. Betul? Yang itu saya hendak buat macam mana? Pasal dia cakap dia *based on the valuation*. Pasal yang swasta ini pula...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Masalah sekarang ini yang pemimpin UMNO menuduh kerajaan negeri menaikkan harga tanah. Taksiran itu daripada Kerajaan Persekutuan, bukan Selangor.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Mana punya pemimpin UMNO ini?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Banyak.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Siapa? Bahagian mana? MP mana? Bagi tahu dan kita hendak *very specific, because* saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita hendak jawab dalam Dewan ini, kalau ia *too general*, jadi kalau saya jawab sebelah sini kemungkinan salah. Akan tetapi kalau you bagi *specific case, you bring one particular case*, tanah ini di *value* oleh JPPH, katakan RM10 *million* tapi sebenarnya harganya cuma RM8 bilion. *We want to pick up that specific case why it becomes RM10 million.*

Akan tetapi *first time* saya dengar ini JPPH punya penilaian lebih tinggi daripada swasta. Selalunya tak pernah, selalunya *the other way around*.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat, boleh tak saya dapatkan senarai itu?

Datuk Johari bin Abdul Ghani: You dapatkan- tak payah senarai. Dapat satu, dua pun cukup. Kalau senarai nanti banyak kerja hendak buat. Bawa satu atau dua, *one or two examples of the land* dalam Selangor yang JPPH *value* yang you katakan tinggi, you bagi dan saya akan panggil JPPH punya pengarah, beritahu *justification why it is exceeded from the normal valuation*. Memang tak ada masalah.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Boleh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya satu lagi soalan tak jawab lagi. Satu lagi soalan yang berkaitan dengan...

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Dua kementerian lagi ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, tak. Saya dua soalan yang saya bangkit tadi, berkaitan dengan pelaburan strategik yang membabitkan syarikat kerajaan iaitu 1MDB dalam projek solar bersama dengan syarikat yang di belakang itu ialah Obama yang membabitkan tanah 260 ekar di Kuala Ketil yang diserahkan oleh kerajaan negeri melalui Darul Aman Realty, Bina Darul Aman. Akhirnya, sekarang ini projek itu pun tak jadi, 1MDB dapat berapa ratus juta? RM300 juta? Akan tetapi tak tahu apa. Jadi, masalahnya sekarang ini syarikat EDRA ini telah pun dijual kepada syarikat berkepentingan dari negara China. Jadi, isunya sekarang ini ialah bagi rakyat negeri Kedah, khususnya di Kuala Ketil itu ialah tanah itu tanah kerajaan negeri iaitu 260 ekar, kawasan Baling. Jadi, bagi saya, satu-satunya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Obama mai Baling?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, Obama mai beli.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Oh dahsyat, dahsyat. Kampung saya, saya pun tak tahu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Pokok Sena, kita dalam perbincangan Jawatankuasa. Saya tengok B.10, P.10, B.11 *and then* B.12 tak ada saya jumpa Obama dalam ini. Jadi, saya ingat macam inilah, ini karang kejap lagi kita bincang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, saya Ahli Parlimen Baling, kampung saya, saya pun tak tahu Obama datang kampung saya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Baling takkan semua tak tahu, Yang Berhormat Baling saja buat tak tahu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Kalau Yang Berhormat Baling betul tak tahu 'Obama' datang, makna Yang Berhormat Baling tak buat kerjalah. [*Dewan ketawa*]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Duit Tabung Haji habis pun dia tak tahu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Allahuakbar. Jangan, jangan, jangan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pokok Sena lagi tahu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, tak. Saya rasa isu ini serius, ini isu kepentingan untuk negeri Kedah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Dah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini tanah 260 ekar.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, boleh saya cadangkan? Sebab dalam ini tak ada, *why not you* bawa isu satu dalam MQT?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, dalam ini tak ada apa? Itu pelaburan strategik syarikat kerajaan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Ya, pelaburan strategik tetapi dalam itu tak ada Obama.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak. Memanglah tak disebut Obama tapi syarikat ini. [*Ketawa*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tadi Yang Berhormat sebut Obama. Saya pun terkejutlah.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Okey. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya ada menunjukkan bukti bahawa ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang dimiliki oleh Obama.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,735,181,000 untuk Maksud B.10, RM26,523,987,600 untuk Maksud B.11 dan

RM1,927,400,100 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,735,181,000 untuk Maksud B.10, RM26,523,987,600 untuk Maksud B.11 dan RM1,927,400,100 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM500,954,100 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM500,954,100 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]

**Maksud B.27 [Jadual] -
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2017]**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.05 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin merujuk kepada Butiran P.27 Butiran 02800 – Membaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan, Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat dan seterusnya Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan yang mana saya lihat berlaku peningkatan sebanyak RM30 juta dalam peruntukan yang diberikan pada tahun 2017. Tuan Pengerusi, bila menyentuh kepada Butiran 02800 – Membaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan, saya ingin meminta agar pihak kementerian dapat memberi tumpuan kepada rayuan saya yang mewakili 4,000 penduduk di kawasan Kampung Rantau Panjang dan Kampung Berjantai Bestari agar jambatan sepanjang 100 meter yang telah dibina sejak 70 tahun yang lalu yang menghubungkan kedua-dua buah kawasan ini yang sebelum ini telah mengalami keretakan, dapat digantikan dengan sebuah jambatan yang baru berkapasiti lebih besar dan ianya dapat mampu menampung jumlah kenderaan yang menggunakannya. Ini kerana keretakan

tersebut yang berpunca daripada hakisan tanah kerana ada berlaku kenaikan air sungai ditambah dengan kekerapan kenderaan berat yang melalui jambatan tersebut memburukkan lagi keadaan tersebut.

Untuk maklumat Tuan Pengerusi, kali terakhir tebing sungai Kampung Rantau Panjang ini dinaik taraf adalah pada 20 tahun yang lalu. Jambatan itu juga menjadi laluan alternatif kepada penduduk kerana dapat menjimatkan masa sekurang-kurangnya setengah jam daripada melalui jalan utama. Jika perkara ini tidak dapat diselesaikan dengan kadar segera, saya risau akan berlaku korban nyawa di jambatan terbabit. Oleh itu amat diharapkan jambatan terbabit dapat diberikan keutamaan dalam peruntukan tersebut. Selain daripada itu, antara jambatan lain yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian adalah jambatan dari Batu 6 ke Batu 8 Kampung Asahan dan jambatan jalan alternatif dari Pekan Jeram ke Kapar. Saya minta agar jambatan tersebut dapat dibesarkan dan diselenggarakan sebaik mungkin oleh pihak kementerian. Ini juga untuk mengelakkan korban nyawa yang semakin hari semakin meningkat di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat. Apabila merujuk kepada butiran ini, saban kali kemalangan yang berlaku di kawasan Kuala Selangor akan mengakibatkan kemalangan maut disebabkan oleh beberapa faktor. Di antaranya adalah laluan utama yang menjadi nadi perhubungan penduduk yang terlalu sesak ditambah pula ianya mempunyai banyak persimpangan kerana rumah-rumah penduduk berada di sepanjang jalan kiri dan kanan jalan utama tersebut. Pusingan U yang dibina agak berbahaya dan tidak selamat digunakan kerana *volume traffic* di laluan terbabit sangat sibuk dan kenderaan bergerak pada kadar yang sangat laju.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar persimpangan bertingkat dapat dibina di kawasan terbabit, sekali gus membina pusingan U. Sekiranya pihak kementerian meluluskan pembangunan ini, saya percaya kesejahteraan rakyat di Kuala Selangor akan pasti meningkat. Saya juga ingin merujuk kepada Jalan Asam Jawa FT54 yang semakin hari semakin sesak. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar satu jejambat ataupun persimpangan yang boleh memastikan untuk mengurangkan kesesakan di laluan Jalan Asam Jawa menghala ke bandar Kuala Selangor dapat diberikan pertimbangan.

■1710

Saya sedia maklum bahawa terdapat beberapa perkara yang akan menjadi pertimbangan pihak kementerian untuk melaksanakan apa yang saya nyatakan tadi.

Antaranya jumlah bilangan trafik untuk dikawal dan di samping itu juga Tuan Pengerusi iaitu keselamatan trafik dan kesan kepada pengguna terutamanya pejalan kaki.

Ketiga, kelewatan yang dibenarkan ataupun, dengan izin, *allowable delay* kepada trafik. Keempat, kesesuaian kawasan untuk persimpangan. Kelima, nilai statik dan kecantikan reka bentuk persimpangan dan yang keenam, kos faedah persimpangan itu. Dengan itu, saya minta agar pihak kementerian agar kajian reka bentuk dan pembinaan sedia ada di Kuala Selangor dapatlah diambil perhatian oleh pihak kementerian bagi menjamin keselamatan penduduk Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk kepada Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan. Saya ingin bahaskan butiran ini iaitu dalam konteks memperelok dan juga membaiki jalan. Saya memuji kerana pihak kementerian sentiasa mengambil perhatian terutama bagi memastikan setiap jalan dibaiki oleh pihak kementerian. Lebih-lebih lagi dengan peruntukan MARRIS dan ini juga akan memberikan satu keutamaan untuk memastikan tahap keselamatan jalan-jalan yang ada dapat diberikan perhatian.

Cuma saya ingin bertanya daripada segi auditan kepada MARRIS ini kerana saya difahamkan pihak Kerajaan Pusat ada memperuntukkan sejumlah wang untuk MARRIS bagi Parlimen ataupun daerah Kuala Selangor. Sejauh mana maklumat peruntukan ini dibelanjakan dengan sebaik mungkin di peringkat Parlimen Kuala Selangor? Ini saya rasa penting kerana lalu lintas dan juga kesesakan lalu lintas yang semakin tinggi khususnya di persimpangan dan juga di kawasan-kawasan laluan utama begitu meningkat di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, pertambahan lalu lintas ini juga ingin saya nyatakan semakin meningkat terutamanya di hujung minggu. Terutama aluan jalan di Kuala Selangor yang melalui Asam Jawa ke Tanjung Karang yang saya lihat juga menjadi alternatif kepada pengguna-pengguna jalan raya ke utara. Selain digunakan oleh lori bermuatan besar untuk mengangkut muatan sawit dan pelbagai lagi sumber ekonomi yang bermula daripada Sungai Besar, Tanjung Karang dan Kuala Selangor.

Hal ini Tuan Pengerusi, mengakibatkan jalan raya terpaksa menanggung beban yang lebih besar dan mengakibatkan berlakunya kerosakan kepada permukaan dan struktur jalan. Sehubungan dengan itu bagi memastikan jalan raya sentiasa berada dalam keadaan baik dan terpelihara, jalan haruslah disenggara secara berterusan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Di sini kelewatan dan penangguhan aktiviti penyelenggaraan akan menyebabkan kadar kerosakan meningkat dan akan melibatkan kos baik pulih yang lebih besar. Pihak yang terbabit perlu memilih kaedah

penyelenggaraan yang sesuai bagi memastikan jalan raya dapat diperbaiki secara efektif.

Sehubungan dengan itu, saya ingin meminta agar pihak kementerian dapat memberikanlah sedikit keutamaan terutama dalam memastikan auditan kepada setiap pembaik pulih jalan ini melibatkan kawasan-kawasan terutamanya dalam Parlimen Kuala Selangor. Antara jalan-jalan yang memerlukan penyelenggaraan dan baik pulih tersebut adalah yang begitu kritikal, Tuan Pengerusi:

- (i) jalan dari Pekan Ijok ke Jalan Berjantai Bestari;
- (ii) jalan Saga ke Ijok;
- (iii) jalan Ijok ke Ladang Tuan Mee
- (iv) jalan Puncak Alam ke Ladang Tuan Mee; dan
- (v) jalan Kereta api Lama Jeram ke Kampung Suarang.

Ini sangat penting, Tuan Pengerusi. Bagi khidmat saya, dengan semakin meningkat peningkatan penggunaan jalan raya tersebut saya kluatir penduduk asal di kampung atau di kawasan sekitarnya akan mengalami masalah kemalangan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memohon agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan permohonan saya ini demi memastikan kesejahteraan dan keselesaan serta keselamatan rakyat di kawasan Kuala Selangor ini. Sekali lagi saya lihat ini merupakan antara fokus yang boleh dilakukan berdasarkan jumlah peruntukan dan juga bajet daripada pihak kementerian ini.

Saya juga mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak kementerian kerana selama ini saya lihat keutamaan diberikan terutama bagi membaik pulih jalan-jalan yang rosak dan saya lihat tindakan yang dilakukan sama ada oleh pihak JKR Daerah Kuala Selangor yang begitu *hands-on*, dengan izin, untuk memastikan keselesaan penduduk amat saya hargai.

Tuan Pengerusi, saya juga mendengar sering kali saya melihat kaedah tampalan digunakan sebagai kaedah penyelenggaraan bagi jalan yang rosak. Namun demikian, masalah yang berlaku adalah acap kali jalan raya yang rosak tersebut ditampal sudah pastinya ia akan rosak kembali. Tidak lama kemudian dan akhirnya ditampal semula berulang kembali.

Perkara ini mengakibatkan peningkatan kos baik pulih yang tinggi sehinggakan mengakibatkan kerugian yang besar kepada pihak kerajaan. Ketidapatuhan terhadap garis panduan yang telah ditetapkan menjadi punca kepada masalah ini. Justeru itu saya mohon agar dengan izin, *standard operating procedure* kementerian dapat dikaji semula agar garis panduan penyelenggaraan dan baik pulih jalan yang berkualiti dapat disediakan bagi mengelakkan pembaziran yang disebabkan oleh masalah-masalah

tertentu. Menurut khidmat saya penyelenggaraan jalan raya yang baik bergantung kepada tiga aspek yang utama iaitu penyelenggaraan rutin, penyelenggaraan berkala dan juga penyelenggaraan kecemasan.

Tuan Pengerusi, yang terakhir saya ingin bertanyakan status cadangan Lebuhraya DASH sama ada ia akan diteruskan atau mendapat kelulusan atau sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor. Bagi khidmat saya, pentingnya lebuh raya ini kerana jumlah penduduk yang semakin meningkat terutamanya kawasan Saujana Utama dan juga Puncak Alam termasuk juga laluan dari Meru untuk mereka pergi ke bandar.

Sehubungan itu, saya amat berharap agar Lebuhraya DASH ini dapatlah disegerakan dalam usaha untuk mewujudkan satu lagi alternatif bagi rakyat khususnya di kawasan bandar yang ada dalam Parlimen Kuala Selangor untuk mereka memudahkan lagi mereka bekerja dan menepati masa-masa mereka untuk mereka ke pusat-pusat bandar.

Tuan Pengerusi. Justeru itu, saya amat berharap agar pihak kementerian sudilah dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Saya juga ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang telah sudi berkunjung ke Parlimen Kuala Selangor dan berbasikal di atas Lebuhraya Latar dan ini menunjukkan komitmen beliau untuk memastikan lebuh raya yang ada menghubungkan Kuala Lumpur ke Kuala Selangor adalah lebuh raya yang paling selamat digunakan.

Sehubungan itu, saya ingin mengharapkan agar perkara-perkara yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri terutama berbasikal di atas lebuh raya itu dapat dijadikan sebagai satu tarikan pelancong khususnya bagi mereka yang ingin beriadah. Di samping itu juga untuk menjenamakan salah sebuah lebuh raya selamat khususnya yang ada di Malaysia adalah Lebuhraya Latar Kuala Selangor. Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih, Yang Berhormat Kuala Selangor, menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

5.18 ptg.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa ini terutamanya berkaitan dengan Butiran 20000.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka dalam belanjawan baru-baru ini telah pun memberikan tumpuan kepada persoalan mengurus pelancong domestik yang datang ke negeri Melaka.

Untuk itu, kita sekarang ini berhadapan dengan masalah yang serius berkaitan dengan kesesakan lalu lintas. Tentunya dalam konteks ini saya bercakap masalah lalu lintas yang di laluan kawasan Bukit Katil iaitu bermula daripada Tol Ayer Keroh sehinggalah ke Pusat Bandar. Saya ingin tahu daripada kementerian berkaitan dengan sekarang ini sedang dijalankan projek persimpangan bertingkat dan jejantas di kawasan Ayer Keroh, MITC dan sebagainya.

Saya ingin tahu, bila jangkaan projek ini akan siap, dan adakah kajian yang menyeluruh bahawa dengan projek ini akan membantu menyuraikan trafik dan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut, serta jumlah kos yang telah pun dilaburkan ataupun dicurahkan untuk memastikan agar projek ini dapat dijalankan dengan baik?

■1720

Kedua ialah soal kesan daripada pembinaan persimpangan bertingkat dan jejambat ini. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, di kawasan Peringgit misalnya saya pernah bawa perkara ini ke perhatian Yang Berhormat Menteri. Apabila berlakunya projek pembinaan jalan ini, maka ia akan memberikan kesan kepada kawasan perumahan setempat. Apabila saya turun baru-baru ini ke kawasan tersebut, masih lagi tidak boleh diselesaikan masalah rumah retak akibat daripada masalah pembinaan jalan dan sebagainya.

Apabila ditanya tawaran ataupun pampasan yang dicadang diberikan oleh JKR itu tawarannya agak tidak munasabah. Tentunya dalam hal ini, penduduk-penduduk di sekitar itu membuat aduan bahawa dengan pampasan itu ia tidak mencukupi untuk mereka melakukan sama ada mencari rumah baru dan sebagainya. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memberikan perhatian kepada isu ini. Sementara kita inginkan projek pembangunan dan sebagainya, jangan memberikan kesan yang tidak boleh ditampung oleh penduduk-penduduk di kawasan berlakunya projek tersebut.

Kedua Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan berkaitan Butiran 050500 iaitu berkaitan dengan kejuruteraan awam dan struktur. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa sebelum Dewan ini bersidang, terdapat isu yang besar di kawasan Pasar Besar Melaka Sentral. Seperti mana Yang Berhormat Menteri juga sedia maklum bahawa tapak pasar di Melaka Sentral ini dirasmikan dahulu oleh Yang Amat Berhormat dahulunya Tun Abdullah Badawi sebagai Perdana Menteri. Projek itu dilaburkan wang sebanyak RM60 juta ke RM70 juta untuk membangunkan satu buah kompleks pasar dan juga Melaka Sentral iaitu tempat stesen bas dan sebagainya. Satu

projek yang agak strategik di mana diambil kira lokasinya dan kemudahan untuk rakyat pergi ke pasar dan sebagainya.

Akan tetapi baru 12 tahun projek ini dijalankan dan dengan puluhan juta yang dibelanjakan, baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu *finding*, dengan izin, oleh IKRAM yang mana menyatakan pasar itu tidak lagi selamat. Akibat daripada itu, maka mereka peniaga-peniaga yang kecil ini dibawa keluar dari pasar itu dan menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian. Apa yang menjadi masalahnya ialah apabila saya minta dengan pihak berkuasa tempatan dan sebagainya, apakah dia dapatan daripada laporan IKRAM itu? Ini kerana kalau ikut Laporan Audit yang terdahulu, mereka juga sebenarnya pernah membawa isu ini ke perhatian kementerian. Laporan Audit menyatakan bahawa terdapat isu-isu teknikal yang perlu diperhalusi. Akan tetapi baru-baru ini secara tiba-tiba Yang Berhormat Menteri, perkara ini dibawa ke perhatian peniaga dan peniaga dipaksa keluar. Sekarang ini terpaksa meniaga di luar dan dikatakan akan dibawa ke sebuah tempat yang lain yang jauh dari stesen bas ini.

Jadi saya percaya ini masalah yang agak serius kerana kita beranggapan bahawa dengan pembangunan, pembinaan yang ibarat seperti kompleks itu membantu rakyat seperti mereka naik bas pergi ke pasar, balik pasar naik bas dan pulang ke tempat masing-masing. Sekarang ini ia dipindahkan ke tempat yang lain.

Saya membaca belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka. Beliau telah meminta dengan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM50 juta lagi untuk membuat pasar baru. Jadi RM60 juta yang dahulu dalam masa 12 tahun pada masa sekarang berdepan dengan masalah. Masalah maksudnya peniaga tidak boleh berniaga. Sekarang ini Tuan Pengerusi, kerajaan negeri minta lagi RM50 juta.

Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, pertamanya ialah, adakah *finding* IKRAM ini sampaikan kita tidak boleh, dengan izin, *ratify* masalah pasar ini. Adakah RM50 juta lagi itu *viable* daripada segi *business*, daripada segi perniagaan dan juga jangka masa panjang tentang pembangunan pasar ini. Ini kerana saya bimbang kalau kata tidak diberikan tumpuan sepenuhnya daripada segi piawaiannya, daripada segi spesifikasinya bermutu tinggi dan sebagainya, kita akan berdepan dengan satu lagi masalah dalam masa 10 tahun ke-11 tahun yang akan datang. Jadi yang ini saya minta penjelasan yang agak detil kerana kita pun ada membuat usul untuk membuat laporan kepada SPRM yang kita masih lagi belum dapat maklum balas daripada mereka. Mungkin berlaku masalah penyelewengan dan sebagainya menyebabkan bangunan itu tidak boleh *sustain*. Itu yang kedua Tuan Pengerusi.

Ketiga, saya ingin bangkitkan juga tentang Butiran 061100 dan 061200 iaitu Program Pembangunan Kontraktor dan Pusat Kecemerlangan Teknologi Negara. Jadi

kedua-dua ini kita lihat pada tahun yang lalu diberikan peruntukan yang agak selesa dan banyak. Akan tetapi sekarang ini kosong, tidak ada peruntukan untuk program pembangunan kontraktor misalnya. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapakah perkara ini berlaku? Adakah kita tidak lagi ada satu program yang komprehensif untuk membangunkan kontraktor-kontraktor ataupun oleh sebab kita tidak ada dana langsung ataupun tidak ada sumber kewangan langsung menyebabkan kita terpaksa *stop* program ini yang pada saya, program pembangunan kontraktor ini tentunya akan memberikan manfaat kepada kontraktor-kontraktor kecil misalnya untuk mendapat latihan.

Ini kerana kita tahu misalnya dalam negara kita terdapat dua tiga buah agensi. Kita ada CIDB, kita ada MARA dan sebagainya. Adakah bajet itu dipotong terus dan mereka agensi yang lain ini sahaja yang mengendalikan program latihan ini atau apa. Ini kita hendak tahu kerana drastik sangat. Daripada jutaan Ringgit kita belanja dan sekarang ini kosong terus. Jadi saya fikir jawapan ini juga penting untuk kita sama-sama tahu.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan 010100, 010200. Kita sedia maklum bahawa di Melaka baru-baru ini dikejutkan dengan penangkapan ataupun pertuduhan Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka kerana menerima rasuah dan pengubahan wang haram dan sebagainya. Saya ingin tahu, susulan daripada tangkapan ini yang membabitkan jutaan ringgit yang kita tahu berlaku kebocoran, dia pun sedang berhadapan dengan pertuduhan. Cuma saya ingin tahu, adakah langkah-langkah yang telah pun dilakukan oleh kementerian agar perkara ini tidak berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Saya difahamkan pengarah itu sekarang juga masih lagi berkhidmat. *I stand to be corrected*. Masih lagi berkhidmat di Jabatan Kerja Raya Alor Gajah. Apakah perkara ini sesuai? Kalau betul-betul berlaku, apakah tindakan ini tindakan yang tepat untuk kementerian? Ini kerana pada saya apabila berlaku perkara seperti ini, tentunya kementerian perlu ada satu sistem untuk memantau agar tidak ada lagi perkara-perkara seperti ini berlaku di negeri-negeri yang lain. Misalnya di negeri Melaka, kita mahu kalau boleh pengarah yang baru ataupun *management* yang baru, pengurusan yang baru meneliti setiap inci wang ini agar tidak berlaku lagi penyelewengan-penyelewengan yang membabitkan jutaan wang rakyat dan kita dapat melaksanakan projek-projek yang saya percaya lebih memberikan manfaat kepada rakyat dan tidak berlaku ketirisan dan pembaziran. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Limbang.

5.28 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus ke Kepala B.27, Butiran 060700 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah dan Sarawak dan Labuan bersekali dengan Butiran 060900 - Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan.

Saya ingin memohon kepada kementerian supaya mengadakan audit terhadap penaiktarafan jalan dan juga penyelenggaraan yang dibuat. Ini sebab daripada pemerhatian saya di Limbang khususnya, bahawa banyak perkara itu yang telah mendapat aduan daripada pengguna-pengguna jalan. Jadi saya berharap audit dapat dibuat atas kerja-kerja senggaraan ini. Janganlah semua diserahkan sepenuhnya kepada *concessionary*, langsung selepas itu kita tidak cek apakah mereka buat ini mengikut piawaian, adakah ia mengikut standard penyelenggaraan dan juga *timing* untuk menampal lubang-lubang jalan di mana ia mesti dalam masa 24 jam?

Satu lagi ialah juga saya ingin hendak menyentuh iaitu tentang kelewatan cerun-cerun yang dibina sepanjang Lebuhraya Pan-Borneo yang ada sekarang dalam Parlimen Limbang di mana saya rasa kelewatan ini agak sudah menimbulkan keresahan kepada pengguna-pengguna jalan sebab pelbagai komen. Jadi saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan untuk mempercepatkan, untuk menyiapkan cerun-cerun ini di mana selekoh-selekoh telah pun *realign*, dengan izin. Tujuannya memang baik, tetapi hanya sanya padahal cerunnya tidak adalah macam cerun kita tengok di Plus Highway. *It is just a small* cerun sahaja.

■1730

Dan kadang-kadang timbul juga persoalan saya, adakah kontraktor-kontraktor yang hendak buat cerun ini yang di Limbang ini lah, *is it the competent contractor?* Jadi saya berharap juga perkara ini dilihatlah, tak tahulah sama ada kontraktor dari sebelah sini ke ataupun dari Sarawak, *whatever it is*. Jadi kita berharap semoga perkara ini kita kena lihat sebab akhirnya daripada segi ia lah tak sedap mata memandanglah ya dan imej kita juga lah.

Dan satu lagi ialah tentang Butiran 27030400 – Cawangan Selenggara Fasilitas Jalan. Saya juga memerhatikan iaitu saya berharap Kementerian Kerja Raya *because* di Sarawak penyelenggaraan adalah *direct* daripada kementerian bukannya daripada JKR Malaysia. Walaupun ia dibuat dilaksanakan oleh kawasan negeri tetapi ini Jalan Persekutuan. Kalau boleh saya minta diadakan auditan juga terhadap *design* itu sendiri. Adakah ia mengikut arahan teknik, mengikut ikut rim atau pun piawaian contohnya untuk membina *upgrading* keselamatan, simpang jalan dan sebagainya dia memang

mempunyai sudah ada satu *package* dah apa ciri-ciri yang mesti ada. Jadi daripada hasil pemerhatian dua hari lepas, saya telah pun kena hantar *Whatsapp* gambar malam simpanglah di Lebuhraya Pan Borneo. Memang betul jugalah satu lampu sahaja, itu bukan *upgrading* simpang jalan. Jadi kita hendak juga supaya peruntukan yang telah kita daripada peruntukan ini dapat digunakan sebaiknya dan menepati. Walaupun kita tahu ia tidak boleh menyelesaikan semua masalah, tetapi apabila ia dibuat memang betul-betul nampak berubah, nampak perubahan. Betul-betul taraf *safety* apabila dinaiktaraf itu memang betul-betul memberi impak.

Dan satu lagi Yang Berhormat Menteri ialah soalan saya setakat ini, saya ingin bertanya, jumlah peruntukan di bawah MARRIS setakat ini yang diberikan kepada negeri Sarawak? *I mean annual* lah, sepanjang tahun. Jumlah, tidak kiralah jalan PBT dan sebagainya, JKR negeri ke jalan PBT, jalan kampung tidak kira. Jumlah in *one lump sum* yang diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak daripada peruntukan MARRIS.

Akhirnya, saya ingin menyentuh iaitu tentang kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan bahawa fasa kedua Lebuhraya Pan Borneo untuk di bahagian utara Limbang, Lawas dan terus ke Sabah *insya-Allah* sudah dalam peringkat *planning* sekarang ini. Dan saya telah pun bertemu dengan, bertemulah kebetulan dengan Pengarah *Land Survey* Sarawak juga tentang *re-alignment* kepada jalan-jalan yang akan dibuat ini. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kementerian sebab kita tahu jalan yang ada sekarang ini. Lain lah kalau kita hendak memindahkan jajaran yang baharu ini lain daripada jajaran yang ada sekarang. Akan tetapi saya mencadangkan kepada kementerian, sebagaimana di sini pun ada kita tengok di negara maju pun sama juga. Bila kita bercerita tentang *dual-carriageway* ini, tak semestinya *dual-carriageway* ini mesti wajib bersebelahan. Kadang-kadang apabila jajaran itu bertemu satu *settlement*, satu perkampungan yang besar, ataupun selain daripada bukit, gunung *where you have to consult* rasanya daripada menimbulkan daripada impak sosialnya dan kehidupan rakyat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Limbang, Tuan Pengerusi, saya hendak mohon jasa baik Yang Berhormat Limbang. Di kawasan saya Sibuti, sama juga apabila *Pan Borneo* ini dibuat maka *alignment* jalan *Pan Borneo* ini mengenai sebahagian rumah panjang saya, di bawah Tuai Rumah 'Canselor Jeferson', tiga, empat pintu mestilah dirobohkan sedangkan *alignment* itu jika diubah sedikit tidak menyusahkan rakyat di rumah ini. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Tuan Pengerusi, iaitu ini lah yang saya suarakan tadi, ialah dari Lundu sampai ke Miri memang sudah dibina lah ya. Tetapi Limbang dan seterusnya ke Sabah ini belum lagi. Jadi awal-awal saya cakap di sini. *We can always separate the dual-*

carriageway. Tidak semestinya kita mesti berkembar macam itu. Jadi saya yakinlah ya bahagian *planning* kementerian melihat perkara ini semua, setelah mengira *costing*, *cost benefit ratio* dan sebagainya. Jadi saya berharaplah perkara ini harus diambil kira dalam perancangan ini, sebab selain daripada niat suci kita untuk memberikan kemudahan yang telah diimpi-impikan oleh rakyat Sarawak selama ini, tapi dalam masa yang sama kita melihat *sosial impact* ini.

Kadang-kadang *people are very nostalgic*, dengan izin, *about* perkampungan, dan sebagainya atau pun kawasan-kawasan tertentu. Kalau boleh *alignment* kita ini dapat dipisahkan, yang pergi *both ways* itu tidak semestinya. Kalau kita lihat di tempat lain, sebuah laluan sebelah bukit sini *the other way is the other side of the mountain*. Bukan semestinya mesti berkembar *all the ways*. Bukan hanya tertakluk kepada gunung atau daripada segi pembinaan tetapi juga kawasan-kawasan yang memberikan impak sosial ini perkampungan dan sebagainya, *settlement* dan sebagainya. Perkara-perkara ini harus dilihat. Dan saya berharap semua ini akan menjadi kenyataan, *insya Allah* dan akan memberi kebaikan kepada rakyat di negeri Sarawak. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi, yang pertamanya berkenaan pampasan tol. Pada tahun 2106, dalam Butiran 010400 – Pengurusan, ada RM593 juta diperuntukkan untuk membayar pampasan tol dan memang pada tahun lepas anggaran untuk membayar pampasan tol kepada lebuh raya-lebuh raya ialah berjumlah RM593 juta. Akan tetapi saya ada baca satu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri pada bulan Mac yang lepas bahawa jumlah pampasan tol yang diperlukan sebenarnya untuk tahun 2016, RM1 bilion kesemuanya.

Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk perincikan setiap lebuh raya yang dibayar pampasan tol itu, jumlah untuk setiap lebuh raya yang perlu dibayar yang berjumlah RM1 bilion itu supaya dapat diperincikan satu persatu. Dan keduanya, bagaimana kerajaan menampung tambahan pampasan itu, sebab yang diperuntukkan hanya RM593 juta, kalau RM1 bilion di manakah peruntukan tambahan tersebut?

Yang keduanya pada tahun depan 2017, Yang Berhormat Menteri juga telah menjawab persoalan Yang Berhormat Bagan bahawa pada tahun depan ada empat buah lebuh raya boleh dinaikkan kadar tol iaitu EDL, LEKAS, Senai-Desaru Highway dan juga Guthrie Corridor Express Way. Empat buah lebuh raya ini, kalau tidak dinaikkan tol dan kerajaan telah pun membuat komitmen bahawa tidak akan menaikkan tol pada tahun depan. Dan empat buah lebuh raya ini dianggarkan pampasan berjumlah RM59.7 juta. Akan tetapi persoalan saya pada tahun ini di bawah pengurusan KKR, kod 4000 itu yang berjumlah RM593 juta pada tahun 2016, hanya diperuntukkan RM285,000

pada tahun 2017. Di mana peruntukan untuk bayaran pampasan tol yang berjumlah RM59.7 juta itu? Adakah itu dibayar di bawah peruntukan di kepala yang lain? Saya harap dapat diberikan penjelasan.

Yang keduanya ialah Tuan Pengerusi, 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan. Di kawasan Parlimen Seremban ada beberapa buah jalan persekutuan yang saya berharap pihak Kementerian Kerja Raya dapat memberikan perhatian untuk membaik pulih dan menaik taraf kerana keadaan yang tidak begitu baik di jalan-jalan tersebut. Yang pertamanya, Jalan Seremban ke Mantin ini merupakan sebuah Jalan Persekutuan yang telah lama. Dulu merupakan jalan utama dari Seremban ke Kuala Lumpur, sekarang ini walaupun ada lebuh raya tetapi jalan ini masih sibuk di antara Seremban dengan Pekan Mantin. Dan jalan ini memang teruk dan saya harap pihak Kementerian Kerja Raya dapat membaik pulih dan juga menaik taraf jalan tersebut. Sekiranya boleh menambah lampu-lampu jalan di sepanjang jalan di antara Seremban dengan Mantin.

Yang keduanya ialah Jalan Seremban ke Kuala Klawang, ini juga merupakan jalan utama yang menghubungkan daerah Seremban dengan daerah Jelebu. Keadaan di jalan tersebut terutamanya jalan di antara Seremban ke pantai juga keadaannya amat teruk. Mengharapkan peruntukan dapat disalurkan untuk membaik pulih dan menaik taraf jalan tersebut.

■1740

Ketiganya ialah di antara Jalan Mantin-Pajam, dan Nilai. Ini juga merupakan jalan yang amat-amat sibuk kerana ia masuk ke persimpangan LEKAS-Pajam. Saya harap peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan di bawah Butiran 61000 itu dapat disalurkan untuk membantu membaik pulih jalan-jalan yang saya sebut tadi.

Saya juga berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan perincian dan juga penjelasan berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang telah pun digunakan untuk membaik pulih dan juga menyelenggarakan jalan-jalan yang saya sebutkan tadi. Sebab, walaupun saya tahu bahawa ada lebih kurang RM100 juta peruntukan MARRIS disalurkan ke Negeri Sembilan, tetapi jalan-jalan yang saya sebut tadi saya tak nampak ada apa-apa kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan di jalan-jalan tersebut. Saya harap pihak Menteri dapat memberikan penjelasan dan perincian bagaimanakah peruntukan MARRIS untuk Negeri Sembilan itu digunakan pada tahun 2016.

Dan bagaimanakah permohonan peruntukan MARRIS itu dapat dibuat oleh wakil-wakil rakyat? Sebab, peruntukan ini diberikan oleh pihak kerajaan negeri di Negeri Sembilan, kerajaan negeri juga menyalurkan kepada PBT-PBT, tetapi kadang-kadang masalahnya ialah *feedback* daripada Wakil Rakyat tidak diambil berat kerana kadang-

kadang projek-projek MARRIS ini kita lihat ada pembaziran. Ada jalan-jalan yang tak perlu diturap, diturap semula, yang perlu diturap dia tak turap.

Biasanya pada penghujung-penghujung tahun apabila peruntukan itu masih banyak, dia tak pakai habis, dia akan cuba habiskan peruntukan itu dan jalan-jalan yang tak perlu diturap itu akan diturap. Ini seolah-olah membazir sumber. Walaupun setiap tahun kita tahu peruntukan MARRIS itu amat banyak tetapi bagaimana kita menggunakan peruntukan itu? Saya rasa perlu dioptimumkan dan saya harap satu perincian atau penjelasan dapat diberikan. Sekian, terima kasih.

5.42 ptg.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja yang saya hendak ini. Pertamanya saya nak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya kerana negeri Sabah juga tidak dilupakan dalam melaksanakan soal-soal jalan. Cuma saya nak tanya, berapakah jumlah keseluruhan bajet pada tahun ini yang diberikan khususnya di kawasan Sandakan khususnya di kawasan Libaran?

Saya ingin menyentuh Butiran 05100 – Jalan-jalan Besar di Sabah dan juga Butiran 08260 – Naik Taraf dan Memulihkan Jalan di negeri Sabah.

Saya ingin tahu bahawa di Sandakan ini ada jalan utama iaitu Lintas Libaran di mana jalan ini adalah amat penting kepada penduduk Sandakan khususnya di kawasan Parlimen Libaran, di mana penduduk Sandakan ini lebih kurang ada 500,000 orang dan satu-satunya jalan yang digunakan ialah Jalan Labuk di mana jalan ini terlalu sesak yang digunakan hampir 30 tahun. Dan jalan Lintas Libaran ini telah dilaksanakan, kalau tidak silap saya pada tahun lalu, iaitu melibatkan ada empat fasa. Fasa 1, 2 dan 3, dimulakan fasa ke-4. Jadi saya ingin tahu, bila fasa 1, 2 dan 3 ini dilaksanakan? Kita berharap bahawa dalam tahun ini akan diteruskan fasa-fasa ini dan seterusnya boleh digunakan oleh rakyat di kawasan Sandakan termasuklah juga di kawasan Parlimen Libaran.

Dan yang keduanya, Jalan Tinusa terus ke pusat bandar Sandakan. Jalan ini juga amat penting kerana di kawasan ini ia melibatkan kawasan perumahan tradisi, taman-taman perumahan begitu tumbuh seperti cendawan dan dianggarkan penduduk di kawasan ini ada lebih kurang 30,000 orang penduduk, di mana jalan yang digunakan sekarang ini hanya menggunakan jalan *airport* ataupun Lapangan Terbang Sandakan yang terlalu sesak sangat.

Jadi saya berharap kementerian dapat melihat Jalan Tinusa ini dan saya berharap ia dapat dilaksanakan pada tahun hadapan jugalah kerana pusat bandar dan

kawasan-kawasan sekitarnya termasuklah sekolah dan juga industri-industri di kawasan ini hanya menggunakan satu buah jalan.

Ketiganya, pernah saya bangkitkan bahawa jalan daripada *airport* menuju ke Bulatan Helang, di kawasan itu dia ada empat buah persimpangan iaitu dua ke pusat bandar dan satu menghala ke Jalan Labuk. Jalan ini begitu sesak dan pada bajet tahun lalu saya sudah mengutarakan supaya dibina satu jejambat di kawasan ini. Apabila jejambat ini siap kelak, sudah tentu ia akan memudahkan perjalanan masyarakat di kawasan itu.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

5.46 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri.

Saya hendak membicarakan tentang Butiran 060200 – Bayaran Balik Pinjaman LLM. Setakat yang dimaklumkan di dalam Dewan Rakyat ini iaitu pampasan yang dibayar oleh Lembaga Lebuh Raya kepada syarikat konsesi lebuh raya ini dari tahun 1990 hingga 2015 sebanyak RM4 bilion.

Persoalan saya ialah bagaimanakah mekanisme untuk mengira pembayaran terhadap syarikat konsesi itu, pampasan yang kita bayar kepada syarikat tersebut? Keduanya ialah adakah bila laluan kereta yang melalui lebuh raya itu tidak cukup daripada segi trafiknya, maka menyebabkan kerajaan terpaksa membayar kepada syarikat konsesi tersebut? Contohnya kalau dalam perjanjian itu dianggarkan 100,000 dalam setahun, tiba-tiba kenderaan yang lalu tidak melebihi 100,000, adakah kerajaan terpaksa membayar kepada syarikat tersebut?

Isu yang keduanya adalah berkenaan dengan perkara yang saya dah sentuh, saya dah cakap kali ketiga ini. Ini ada isu baru pula. Iaitu berkenaan dengan bayaran tiga peratus yang dikenakan kepada peniaga R&R. Kebetulan Yang Berhormat Bagan Serai ini dilantik sebagai Pengerusi LLM ini, kira dekat, jiran saya. Saya harapkan pihak PLUS, kalau ada di belakang sana, tolong *concern* sikitlah masalah ini.

Baru ini pula dikena juga peraturan- saya harapkan Menteri tidak tahu. Kalau tahu, mungkin kena ambil tindakanlah. Bagaimana pihak PLUS dulu dikenakan kepada setiap peniaga tiga peratus- apabila pembeli bayar RM10, tiga sen terus PLUS ambil melalui sistem yang dikenakan. Oleh sebab dia tak puas hati, baru-baru ini pihak PLUS pula dia tetapkan, okey, gerai AA ini sebulan mesti jualannya ialah RM30,000 sebulan, tiga *percent* daripada RM30,000 kena bayar. Kamu jual boleh atau tak boleh, tiga peratus kena bayar.

Jadi saya hendak minta pengesahan adakah ini telah mendapat persetujuan daripada pihak kementerian ataupun pandai-pandai PLUS sahaja buat? Sudah ada seorang pun peniaga R&R di Bukit Gantang telah berhenti, serah balik kepada pihak PLUS kerana tidak mampu, *tension*. Saya bimbang kalau lama lagi dia meniaga mungkin dia pun sakit jantung ataupun bunuh diri. Saya bimbang ini yang berlaku. Saya harapkan benda ini ialah benda yang kalau pihak PLUS tidak tahu, kena ambil campur tangan cepat. Ini saya tak nak seolah-olah- tak cukup kah lagi makan? Kerana tol ini, PLUS untung hasil kutipan tol tahun 2014 sahaja sebanyak RM2.61 bilion yang melibatkan laluan trafik sebanyak 506 juta buah kenderaan.

■1750

Tak sepatutnya perkara ini diambil. Tiga peratus itu pun pada saya, saya minta supaya dihapuskan. Cukup dengan sekadar kenakan bayaran untuk sewa, cukup. Tiba-tiba dikenakan lagi dengan tiga peratus kepada peniaga yang meniaga di sana. Ini tidak masuk GST lagi ini. Ini disebut sebagai *point of sale*. Saya sudah bangkitkan dua tahun berturut-turut saya bangkitkan benda ini. Saya harapkan benda ini diambil kira kerana yang peraturan baru ini agak berat lagi.

Masalahnya peniaga-peniaga tidak berani bersuara. Kalau bersuara sahaja, PLUS bagi *warning*. Hendak meniaga ataupun *out*, keluar. Ini sudah ganas kita panggil, zalim.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu Yang Berhormat Bagan Serai patut sokong itu. PLUS itu. Dia sokong PLUS kah apa?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey. Isu yang kedua ialah hal berkenaan dengan naik taraf berkenaan jalan dari Simpang ke Kuala Sepetang terutamanya daripada *Matang Road* ke Kuala Sepetang. Jalan tersebut sering sangat dinaiki air terutama pada waktu air laut naik menyebabkan air melimpah naik ke atas jalan sehinggakan menyukarkan penduduk yang hendak lalu-lalang ke sana dan juga mengganggu pelancong yang datang ke Kuala Sepetang terutama mereka hendak ke Pulau Sangga yang boleh dikatakan kalau setiap hujung minggu tidak kurang daripada 1,000 lebih yang datang ke sana. Jadi, itu mengganggu. Maka saya mencadangkan supaya jalan itu ditinggikan sedikit supaya dapat mengelakkan air dapat naik ke atas jalan raya dan seperti mana juga kita maklum, kawasan ini juga terkenal sebagai kawasan mi udang. Banyak kenderaan yang keluar masuk. Kadang-kadang pada waktu air naik, mengganggu kenderaan yang lalu-lalang ke sana.

Keduanya ialah permintaan saya untuk menaikkan taraf berkenaan dengan jalan dari Batu 8 ke Batu 26 dekat Batu Hampar sana, dari Batu 8 ke Jalan Terong, Beruas, banyak kerosakan berlaku. Sedangkan situ merupakan jalan laluan utama hari ini yang

menjadi alternatif untuk mereka hendak pergi ke Kuala Lumpur hendak mengelak daripada bayar tol, banyak lalu ikut situ dan banyak juga berlaku kerosakan jalan tersebut. Kita harapkan supaya ia dapat diperbaiki oleh pihak kementerian terhadap jalan tersebut.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Besar.

5.53 ptg.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Tuan Pengerusi, izinkan Yang Berhormat Sungai Besar mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya. Sebelum itu mengucapkan terima kasih kepada Menteri kerana selepas pilihan raya, dia sempat ziarah ke Sungai Besar, menghayati *Federal Road* itu. Jadi, dia tahulah penghayatan *Federal Road* dari Kuala Lumpur ke Tanjong Karang, Sungai Besar dan seterusnya.

Saya hendak merujuk kepada Butiran 60000 mengenai naik taraf jalan semenanjung. Secara terperinci, saya hendak beri fokus kepada WCE, *West-Coast Expressway* ini iaitu jajaran Sabak Bernam-Tanjong Karang, ataupun Tanjong Karang-Sabak Bernam. Isu ini telah pun dibahaskan di peringkat dasar tempoh hari tetapi minta dibangkitkan di peringkat Jawatankuasa. Berkaitan dengan insiden ketiadaan bekalan air akibat daripada paip-paip yang pecah berpunca daripada naik taraf- gegaran-gegaran ataupun kecuai-an-kecuai-an kontraktor.

Senario yang berlaku ialah paip-paip air ini berada di laluan laju naik taraf lebuhraya tersebut, naik taraf jalan ini. Jadi kita mencadangkan adanya suatu bajet yang cukup supaya paip air ini dapat dipindahkan kerana dalam tempoh jangka masa panjang, sekiranya paip air ini tidak dipindahkan, maka naik taraf jalan yang dilaksanakan itu, gegaran demi gegaran, akhirnya akan merosakkan kualiti jalan dan akhirnya akan menyebabkan para penduduk di kawasan Sungai Besar ini akhirnya menghadapi masalah ketiadaan bekalan air.

Saya mohon respons daripada Yang Berhormat Menteri. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh.

5.55 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Sektor Infra di bawah Butiran 030100 – Cawangan Jalan.

Ada dua perkara yang saya nak sebutkan yang berkaitan dengan jalan di kawasan saya. Satu ialah Lebuhraya Timur-Barat. Lebuhraya Timur-Barat tiap-tiap hari sesak sangat kerana DBKL meluluskan semakin banyak pangsapuri di Taman Desa dan di dua belah jalan itu. Saya nak minta pihak JKR sama ada boleh menambahbaikkan persimpangan di antara Jalan Klang Lama dan Jalan Syed Putera dan juga Lebuhraya Timur-Barat itu, itu satubuah persimpangan dekat *Mid Valley* sana. Kalau boleh, *upgrade* supaya ia dibesarkan jalan di atas Lebuhraya Timur-Barat itu dibesarkan lagi supaya lebih kereta yang nak pergi ke Petaling Jaya, Klang sana, mereka ada satu lagi lorong bagi kereta untuk pergi ke sana. Jadi, ini dapat mengurangkan kesesakan.

Kedua yang saya nak tanya, sebenarnya saya pernah bangkit dalam ucapan bajet yang lepas juga iaitu apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian terhadap cadangan untuk buat terowong di antara Lebuhraya KL-Putrajaya dan Jalan Kuchai Lama dan juga Lebuhraya Sungai Besi sana? Kerana, sekarang pihak syarikat konsesi BESRAYA telah pun letakkan halangan di Lebuhraya Sungai Besi untuk menyekat kereta keluar dari Taman Salak Selatan untuk masuk ke Lebuhraya Sungai Besi dengan alasan ingin jaga keselamatan jalan raya dekat sana. Akan tetapi, ini tidak dapat membantu keadaan kerana apa yang dilakukan sekarang sebenarnya juga menyumbang kepada kesesakan di persimpangan yang saya sebut tadi.

Apa yang pihak kerajaan boleh buat ialah sebenarnya untuk buat terowong di antara persimpangan di antara Lebuhraya KL-Putrajaya, Jalan Kuchai Lama dan Lebuhraya Sungai Besi itu, sebenarnya pihak BESRAYA telah pun setuju untuk buat terowong itu tapi saya rasa kelulusan daripada pihak LLM dan juga Kementerian Kerja Raya adalah amat diperlukan supaya kesemua kerja ini boleh dipercepatkan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah kena sebut. Yang Berhormat Parit Sulong *[Dewan ketawa]*

5.58 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya nak bangkitkan yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya ini.

Terus kepada Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Ini berkaitan dengan baru-baru ini ada naik taraf jambatan di

hadapan sebuah kawasan betul-betul sebelum dari Jambatan Batu Pahat di hadapan Hospital Spesialis Putra dan juga kawasan Benteng, Peserai.

Jadinya, saya nak mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian dengan adanya naik taraf begini.

Walau bagaimanapun, saya tengok keadaannya boleh memberikan bahaya kepada pengguna yang menggunakan jalan tersebut terutamanya pada waktu malam bila kita tidak ada lampu-lampu yang boleh memberikan amaran lebih awal. Sebab, saya tengok agak gelap dan perlu untuk JKR untuk menunjukkan atau memberi amaran awal sebelum sampai ke tempat berkenaan terutamanya tempat itu memang tempat kerap kemalangan. Jadi saya harap pihak kementerian dapat mengambil tindakan mengenai perkara ini.

Keduanya pula, terus kepada Butiran 09230 – Jambatan-jambatan. Saya nak bertanya kepada pihak kementerian dan ini sudah beberapa kali saya bangkitkan iaitu mengenai kesesakan yang berlaku di Jambatan Batu Pahat itu sendiri. Sudah tiba masanya dan ia dibincangkan dalam peringkat daerah di mana perlu untuk daerah Batu Pahat mempunyai jambatan yang kedua bagi memberi laluan kepada mereka yang hendak menggunakan jambatan, sebab itu sahaja laluan kami. Jadi bila jambatan ini yang memang sama tahun lahirnya dengan saya, bermaksud sudah hampir setengah abad, dan tidak ada penambahan yang dibuat terhadap jambatan ini.

■1800

Jadi ada cadangan. Kita telah memberi *even* di peringkat daerah supaya dibuat jambatan kedua di daerah Batu Pahat. Saya pun percaya dan saya juga minta supaya pihak JKR untuk melihat semula kerana *priority* ini saya kira memang kena pada waktunya. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian bila hendak buat? Jadi ia boleh membantu setiap- dia bukan hari raya sahaja, sudah tiap-tiap minggu sesak di situ. Jambatan Batu Pahat ini berada di kawasan Parit Sulong. Jadinya bila sesak sahaja kawasan ini, Ahli Parlimen Parit Sulong yang di SMS oleh orang. Jadi saya hendak minta pengesahan ataupun kepastian daripada pihak kementerian untuk memaklumkan bilakah cadangan jambatan kedua di daerah Batu Pahat ini akan dibuat.

Saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian di atas lampu-lampu Jalan Federal yang diberikan oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, ia baru sampai sedikit. Jadinya panjang lagi yang perlu dibuat. Oleh sebab itu saya hendak bertanya kepada pihak kementerian bilakah ia akan disambung bagi membolehkan sepanjang jalan federal yang memang gelap gelita dan kerap kemalangan ini akan disambung. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tumpat.

6.01 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk bertanya dan memohon pertolongan daripada Kementerian Kerja Raya berkaitan dengan tugas-tugas kementerian ini dan saya hanya ada dua perkara yang mudah dan khusus untuk saya bangkitkan, Tuan Pengerusi.

Pertama, Butiran 21000 – Membina Persimpangan Bertingkat. Ia mungkin jatuh di bawah Butiran 80000 iaitu jalan di antara bulatan Wakaf Baru Tumpat dengan Bulatan Pasir Pekan, Tumpat. Jalan ini sentiasa sesak tanpa mengira musim dan hari. Ia adalah disebabkan oleh jalan ini melintasi laluan kereta api dan jambatan yang melalui jambatan kereta api itu daripada asalnya lagi hanya ada dua buah lorong. Saya harap bahawa pihak JKR dapat menimbang untuk membina sama ada jalan atau jambatan atau jalan bertingkat ini yang akan membolehkan laluan di antara Bulatan Wakaf Baru dengan Bulatan Pasir Pekan itu daripada dua buah laluan sekarang ini sebolehnya, sekurang-kurangnya kepada empat buah laluan ataupun setidaknya lapan, enam dan sebagainya.

Ini saya rasa adalah keperluan yang sangat mendesak kerana ia melibatkan perjalanan harian sama ada kereta, motosikal, bas dan sebagainya dari Bandar Tumpat dan Wakaf Baru kepada boleh dikatakan bandar-bandar lain. Ia juga jalan untuk ke Pengkalan Kubor dan ke negara Thailand yang dilalui oleh banyak juga pengguna sama ada warga Malaysia ataupun warga Thailand.

Perkara kedua di bawah butiran yang sama, Tuan Pengerusi, ialah jalan yang diketahui oleh seluruh masyarakat Kelantan dan disebut beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu jalan atau lebuh raya dari Kota Bharu ke Kuala Krai. Ini projek yang lama dimaklumkan, diumumkan, dijanjikan. Kerajaan negeri juga telah mencuba untuk membina laluan atau lebuh raya ini tetapi sudah tentulah ia di luar kemampuan kerajaan negeri mana-mana negeri sekalipun.

Saya harap bahawa JKR dan kementerian mengambil berat untuk menyegerakan pelaksanaan pembinaan jalan lebuh raya ini. Kalaupun tidak sepanjang Kuala Krai ke Kota Bharu sepenuhnya dalam satu projek dalam satu ketika, ia mungkin untuk lebih munasabah daripada segi kekurangan kewangan ini, dibina mengikut fasa-fasa supaya sekurang-kurangnya ada permulaan untuk membina lebuh raya untuk menjaga kepentingan seluruh saya fikir masyarakat Kelantan dan juga orang-orang yang melancong dan menggunakan jalan raya itu apabila mereka menggunakan kereta dari luar negeri. Jadi inilah harapan saya, Tuan Pengerusi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Tumpat, minta sedikit penjelasan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Tumpat. Nampaknya pembinaan lebuhraya ini sudah hilang, dengan izin, *excitement* nya apabila jalan kereta api baru hendak dibuat ini. Jadi adakah Yang Berhormat Tumpat masih mengatakan lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai-Gua Musang kemudian disambung dengan *Central Spine* ke Bentong itu lebih memberi manfaat yang segera kepada penduduk-penduduk Kelantan berbanding dengan kereta api kita. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kuala Krai. Sebagaimana yang Yang Berhormat Kuala Krai maklum dan sesiapa yang berada sepanjang saya dalam Dewan Parlimen ini maklum, hampir setiap kali ada peluang untuk menyoal atau berbahas berkaitan dengan pengangkutan, saya akan memperjuangkan kepentingan laluan kereta api kerana saya seorang peminat kereta api dan laluan kereta api.

Kita tidak menafikan kalau mungkin dan ia dapat dilaksanakan laluan kereta api sama ada yang sekarang ini sedia ada diperbaiki dan dijadikan dua buah laluan dan dilajukan lagi perjalanan kereta api itu ataupun cadangan sekarang ini melalui pantai timur hingga ke Tumpat juga sama ada ia akan dilakukan atau tidak, ini saya fikir hari ini pun akan menjadi banyak soal tanya kerana kemenangan Trump sebagai Presiden baru, mungkin pemikiran-pemikiran baru, hubungan antarabangsa baru akan menentukan laluan kereta api itu. Akan tetapi saya yakin dan percaya bahawa laluan jalan raya masih lagi amat relevan, amat penting untuk kegunaan masyarakat.

Walaupun laluan-laluan lain akan dicadangkan, kereta api dan lain-lainnya tetapi saya fikir pentingnya jalan raya, pentingnya lebuhraya antara Kota Bharu ke Kuala Krai itu sudah diterima oleh saya fikir kepimpinan sama ada kerajaan ataupun kami ataupun Kerajaan Negeri Kelantan sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Tuan Pengerusi: Ya, yang depan itu.

6.07 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menimbulkan Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan. Perkara ini jalan di Simpang Tiga di tempat- yang mana menjadi punca

kepada selalu berlakunya banjir. Oleh sebab kerubungannya atau *culvert*nya terlalu kecil. Saya telah pun menimbulkan dua, tiga kali di sini dan di majlis mesyuarat di daerah dan JKR kata tidak ada duit. Jadi hari ini saya minta di Parlimen ini supaya Yang Berhormat Menteri dapat menimbangankan peruntukan kepada projek itu bagi mengelakkan banjir yang sering berlaku.

Kedua, Butiran 02800 iaitu permohonan saya untuk kerajaan dapat memperbaiki atau menaik taraf jalan dari Tanjung Belanja ke Bota dan Bota ke Teluk Sena yang sekarang ini sebenarnya selalu menimbulkan kemalangan kepada pengguna jalan raya kerana jalan yang tidak rata dan sudah lama.

Ketiga, saya juga minta tolong daripada segi naik taraf jalan-jalani ini antara Seri Iskandar dengan Bota yang sering kemalangan berlaku dan ada ketikanya meragut jiwa. Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri atau kementerian untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan yang telah ditimbulkan sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong.

6.09 ptg.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas isu berhubung dengan Butiran 02800 dan juga Butiran 00700, Maksud P.27. Dua perkara ingin saya bangkitkan Tuan Pengerusi.

Pertama, ia berkaitan dengan satu masalah kesesakan trafik, Yang Berhormat Menteri, di kawasan yang dikenali sebagai Taman Putra Permai, Taman Equine di kawasan Puchong.

■1810

Isu ini telah pun saya bangkitkan banyak kali, di mana kita lihat penduduk di tempat itu memang pesat, tempat itu membangun, ramai sangat pembeli rumah baru, projek-projek perumahan baru dan sebagainya. Akan tetapi kita lihat bagaimana infrastruktur daripada segi perjalanan di kawasan itu tidak memadai sehingga setiap hari kita ada trafik jam yang sungguh sesak yang membawa masalah yang sangat besar kepada penduduk-penduduk kawasan itu. Yang Berhormat Menteri, saya telah pun bangkitkan perkara ini dan saya rasa kalau Yang Berhormat juga semak dalam jawapan bertulis yang diberikan- saya rasa minggu lalu, dijawab bahawa sebenarnya kerajaan prihatin berkenaan dengan masalah ini, tahu berkenaan masalah ini dan telah pun juga memperuntukkan juga sejumlah wang lebih kurang RM400 juta untuk masalah ini diselesaikan.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, perkara ini telah pun diberitahu kepada saya banyak kali dalam 2, 3 tahun yang lalu. Setiap kali saya bangun, saya tanya berkenaan masalah ini. Kata okey, kita tahu masalahnya, kita sudah kaji, kita ada pelan, kita sudah susun cara dalam mana kita akan selesaikan masalah ini. Akan tetapi walaupun juga disebut, kosnya pun memang kita tahu berapa banyak. Akan tetapi disebut tidak ada wang. Ini satu perkara yang menjadi masalah kerana kalau kita tahu ada masalah, kita tahu punca masalah, kita tahu bagaimana kita hendak selesaikan, kita tahu kosnya, kenapakah pula kita tidak boleh cari jalan dalam mana kita boleh cari dana untuk kita mulakan projek ini?

Kita tidak perlu untuk mulakan projek itu sekali gus. Mungkin kita boleh buat dalam peringkat di mana masalah ini dapat diselesaikan. Nombor satu, saya ingin tanya, apakah cadangan kerajaan untuk selesaikan masalah ini? Oleh sebab masalah ini cukup membebankan rakyat, *every morning* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. *Every morning you go there, you see the jam*. Memang tidak boleh bergerak.

So, saya minta, adakah rancangan kerajaan untuk selesaikan masalah ini kerana jawapan diberikan kata sudah tahu. *So, what are the steps that the government intend to take, number one*. Bilakah kita mulakan dengan projek ini? Oleh sebab saya rasa rakyat ingin tahu. Kalau kita setiap tahun kata, kita ada masalah, dan kita ada cadangan tapi tidak ada sebarang tindakan diambil, rakyat ingin tahu. Saya ingin tahu sebagai Ahli Parlimen, adakah tindakan yang akan diambil, dan bila?

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, kawasan Puchong ini memang kita a tahu ia 'kubu tol'. Di setiap tempat itu ada tol. Akan tetapi bila kita ada tol, kita hendak kutip daripada pengguna jalan raya, kita kutip tol. Sepatutnya bila kita kutip tol itu, bukan yang saya sokong tol lah, saya memang anti. Akan tetapi bila kita kutip tol itu- bukannya saya sokong tol itu, saya memang anti tol, seharusnya kita jalan yang tidak ada *jam*. Apa yang berlaku di sini kita lihat, kita bayar tol, harga tol itu naik, tapi kalau kita ke Puchong kita tahu, *traffic jam* itu *especially during* waktu sesak, petang dan pagi sehingga memang tidak boleh bergerak langsung.

Perkara ini juga saya bangkitkan sudah beberapa kali, 4, 5 kali. *Every year I bring it up*. Akan tetapi saya hendak tahu apakah tindakan kerajaan? Di negara lain Yang Berhormat Menteri, kita tengok bagaimana ada usaha dibuat mungkin kita boleh selesaikan masalah di mana kita kutip tol. *So, we have the toll collecting booth that causes the problem*. Saya baca kalau tidak silap ada pengumuman dibuat oleh kementerian bahawa di Puchong mereka akan mulakan dengan satu sistem di mana *we have toll booth free*. Maknanya, kita lalu tanpa perlu berhenti. Saya harap bahawa perkara itu dapat menyelesaikan masalah, *but I need to know from* Yang Berhormat

Menteri. Adakah satu strategi dirancang untuk kita selesaikan masalah ini di kawasan Puchong? Adakah strategi itu, dan bilakah strategi ini akan kita laksanakan?

Lastly of course, sekali lagi saya berbalik kepada perkara pokok yang saya bangkitkan *every year*, tol ini. Adakah rancangan daripada pihak kerajaan supaya tol dikurangkan. Yang Berhormat Menteri, kita tidak boleh satu keadaan di mana tol ini dilaksanakan untuk bertahun-tahun, berpuluh-puluh tahun. Saya rasa apa yang perlu kita faham, kerajaan kata bahawa pihak-pihak swasta telah pun belanjakan banyak wang untuk bina jalan raya. Akan tetapi kita perlu ada satu sistem di mana kita lihat tol itu dikurangkan. *As time goes by, toll to come down, because the number of cars increase. So, that is what we want to see.* Adakah cadangan kerajaan supaya kita ada kaji semula? Tahun lalu dikatakan dalam kajian, bagaimana kita ada satu sistem kalau boleh kita ada sistem di mana bayaran tol itu dikurangkan kadarnya. *So*, saya hendak minta daripada Yang Berhormat Menteri, *what is the status of that* kajian? Adakah kita mempunyai harapan supaya tol ini dapat dikurangkan oleh kerajaan yang sedia ada? *So*, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab soalan-soalan tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tenom.

6.15 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga turut ingin membahas dalam peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan P.27, Butiran 05100 - Jalan-jalan Besar di Sabah, yang diperuntukkan sebanyak RM90 juta, 08230 - Pembinaan Jambatan serta 08260 - Naik Taraf dan Memulihkan Jalan, yang dianggarkan pada tahun hadapan sebanyak RM139 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian pada pihak Kementerian Kerja Raya berkenaan dengan jalan-jalan yang ada di kawasan saya yang mana ia merupakan antara jalan utama yang menghubungkan antara daerah dan juga bandar-bandar seperti ke arah Kota Kinabalu.

Seperti jalan Keningau ke Tenom, jalan Tenom ke Kemabong yang saya fikir ini jalan-jalan di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan. Saya fikir perlu diambil perhatian yang mana pada keadaan masa hari ini jalan-jalan ini telah ada di tempat-tempat, beberapa di tempat kilometer telah mengalami kerosakan yang begitu serius sekali sehingga ini boleh menjejaskan kepada para pengguna yang melalui jalan-jalan yang saya sebutkan tadi. Berkenaan dengan jambatan pula, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah perancangan kerajaan kepada jambatan yang ada di

kawasan saya di Parlimen Tenom yang hari ini semakin hari semakin dihakis hakisan air banjir.

Pada masa yang lalu pun juga terjadi dan terdapat sedikit pembaikan yang saya fikir dalam masa jangka panjang pihak kerajaan, terutama kepada pihak kementerian, JKR perlu mengambil langkah secepat mungkin supaya jambatan yang baru dapat dibina. Ekoran daripada itu Tuan Pengerusi, saya fikir ekoran daripada akibat banjir pada masa-masa yang lepas, banyak jalan raya telah runtuh, banyak cerun yang saya fikir telah mendap yang mana sehingga hari ini belum ada apa-apa tindakan. Jadi, saya fikir melalui peruntukan yang dianggarkan pada tahun hadapan, saya fikir Parlimen Tenom ingin meminta daripada pihak kerajaan, terutama kepada pihak JKR supaya dapat memberi keutamaan khusus kepada projek-projek yang bakal dirancang oleh pihak kementerian di kawasan Parlimen saya.

Sehubungan dengan *Pan Borneo* pula, saya fikir saya telah meminta kepada pihak kementerian supaya jajaran ataupun laluan *Pan Borneo* itu juga dapat dimasukkan ke kawasan saya kerana saya fikir laluan tersebut juga melalui Keningau dan Keningau ke Tawau. Jadi, saya minta pihak kementerian supaya menimbang semula tentang laluan-laluan yang saya telah pohon. Oleh sebab saya dapati bahawa apabila ada jalan raya yang bagus, sudah tentu ini memudahkan para penduduk. Terutama orang-orang kawasan saya untuk memasarkan hasil-hasil pertanian sebab kawasan saya merupakan kawasan yang penuh dengan tanaman.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Seputeh, okey. Sokong. Kalau tidak sokong, saya tidak bagi, sokong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya amat simpati pada Yang Berhormat Tenom kerana bila saya belum dilarang masuk ke Sabah, saya pergi ke kawasan Tenom, memang seperti apa yang dia cakap itu. Waktu itu selepas banjir besar, saya masih ingat yang beberapa buah jambatan, jambatan gantung, *hanging bridge* juga telah pun dirosakkan oleh arus sungai. Akan tetapi lama tidak dibaiki semula dan sehingga ada penduduk terpaksa guna bot untuk menyeberangi sungai dan juga banyak jalan dan juga amat teruk. Saya sebenar ambil gambar dan hantar *WhatsApp* kepada Yang Berhormat Tenom. Saya rasa kesal selama ini penduduk, pengundi di Tenom sokong Barisan Nasional. Sampai sekarang banyak jalan rosak, tidak diperbaiki, banjir berlaku, yang semua pertolongan itu begitu lambat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sebab saya sokong Yang Berhormat Tenom. Kena berterima kasih kepada saya.

■1820

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya terima kasih Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Pengerusi: Ini, *support* itu batu api tidak boleh... [*Dewan ketawa*] Sila Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Betul Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Seputeh datang Tenom, kalau mahu datang, datang baik-baik Yang Berhormat Seputeh, kita alu-alukan juga. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Benda-benda Yang Berhormat Seputeh sebut tadi sebenarnya pihak kerajaan terutama Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri, mana-mana Yang Berhormat Seputeh beritahu tadi sebenarnya sudah dilaksanakan. Saya sebut dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, projek-projek yang besar yang saya fikir perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian terutamanya. Jadi Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

6.21 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah Kementerian Kerja Raya, Butiran 00700 dan Butiran 71000. Khususnya tentang pembinaan LPT 2 yang telah lama tertangguh tetapi walaupun siap masih banyak masalah yang dihadapi oleh pengguna pada hari ini. Di antaranya ialah isu keselamatan di mana keadaan permukaan jalan belum sempurna dan rata dan walaupun waktu hujan yang tidak lebat, takungan air telah menyebabkan banyak kemalangan. Perkara ini akan menjadi lebih ketara pada musim tengkujuh daripada November hingga Januari. Kita minta pihak JKR memberi satu kesanggupan untuk mengatasi masalah ini kerana dah berapa lama kita menunggu dan walaupun siap, masih banyak masalah yang asas keselamatan dengan kemalangan yang berlaku disebabkan *drainage*, dengan izin, yang tidak baik.

Kedua Tuan Pengerusi masalah keselamatan dari segi pengawasan keselamatan pencerobohan oleh binatang-binatang ternakan seperti lembu dan juga binatang liar seperti babi hutan dan sebagainya yang sering menyebabkan kemalangan berlaku khususnya pada waktu malam. Isu ini juga masih belum ditangani dengan baik dan masih banyak lagi kemalangan yang serius dan juga yang menyebabkan *minor accidents* atau *injury* masih berlaku dengan *regularity*. Itulah antara perkara yang perlu diberi penekanan di samping daripada kemudahan-kemudahan lain seperti R&R yang baru saja siap tetapi masih banyak lagi kemudahan yang tidak disediakan, kemudahan asas maksud saya.

Ini menyulitkan keluarga-keluarga yang bergerak di LPT 2 terutamanya pada musim cuti sekolah. Ia menjadi satu masalah yang amat besar kerana kemudahan tidak sempurna, kecil dan tidak ada alternatif kerana untuk pergi ke luar ke kampung-kampung atau bandar berdekatan amatlah sukar dan jauh. Ini tanggungjawab pihak berkenaan dan kita minta satu kesanggupan untuk pihak yang bertanggungjawab khususnya JKR untuk memberi kesanggupan bilakah masalah asas seperti keselamatan jalan raya seperti takungan air dan juga pencerobohan binatang liar dan juga ternakan dapat diatasi.

Perkara asas tadi adalah tentang *R&R*. Di mana walaupun tol boleh dikatakan secara penuh telah dikenakan, kadar penuh atau *full rate* telah dikenakan tetapi kemudahan masih jauh dari apa yang sepatutnya. Ini satu sikap di mana rakyat rasa *they have been shot changed*, dengan izin, di mana tidak setimpal dengan kadar yang dibayar dengan apa yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Itulah antara rungutan untuk diambil perhatian oleh pihak berkenaan khususnya Jabatan Kerja Raya. Terima kasih.

6.24 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja, hendak menarik perhatian pihak kementerian mengenai Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan.

Suka saya menarik perhatian pihak Menteri, Jalan Jerantut-Maran, FT 64. Sebenarnya, jalan ini boleh dikategorikan projek terbengkalai kerana ia dimulakan pada tahun 2007 dan sepatutnya siap tahun 2009. Sehingga sekarang masih lagi tak dapat dilaksanakan. Saya bercakap ini bukan kerana nak *highlight*-kan supaya dibuat segera, cuma projek ini apabila ia terbengkalai menimbulkan masalah lain kepada penduduk yang menggunakan laluan ini. Jalan yang terbengkalai ini, apabila musim banjir, laluan untuk ke kawasan yang dihubungi oleh jalan projek terbengkalai ini menyebabkan gangguan untuk kerja-kerja bagi menghantar bekalan barang.

Ia kerana laluan ini melibatkan kawasan Pusat Penyelidikan Tekam ataupun Pusat Penyelidikan Tun Razak, sebuah pusat penyelidikan di bawah FELDA dan juga merupakan tempat percutian, ada *resort* di situ dan melibatkan tiga buah kawasan penempatan FELDA. Jadi apabila projek ini gagal kita siapkan mengikut jadual, seperti mana yang saya katakan tadi menimbulkan masalah bukan sahaja kepada masalah lalu lintas tetapi ketika banjir yang amat menyedihkan bagi kerja-kerja menghantar bekalan. Jadi saya sangat berharap agar projek yang dah kalau nak ikut pilihan raya ini Yang Berhormat Menteri, ini nak masuk pilihan raya kali ketiga dah, projek ini masih lagi belum disiapkan.

Jadi saya memahami bukan projek ini tidak ada tindakan daripada pihak kementerian, ada tetapi kegagalan daripada kontraktor. Kalau tidak silap saya dah dua kali kontraktornya berpindah. Walau apa pun, saya sangat mengharap perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri agar masalah ini dapat diselesaikan supaya rungutan masyarakat di kawasan yang berhampiran yang menggunakan laluan ini dapat diselesaikan. Yang lain-lainnya, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah memberikan perhatian kepada Parlimen Jerantut daripada segi rangkaian jalan yang sepatutnya dinikmati oleh masyarakat di Parlimen Jerantut. Setakat ini, saya merasa sebagai Ahli Parlimen mengucapkan terima kasih atas perhatian yang diberikan oleh pihak kementerian. Cuma yang saya katakan tadi itulah, saya mengharapkan sangat agar diberikan perhatian.

Kepada Butiran 061100 – Pembangunan Kontraktor. Saya juga mengharapkan agar pihak kementerian dapat memberikan pertimbanganlah. Kalau kita lihat dalam tahun 2016, ada RM3.5 juta untuk peruntukan pembangunan kontraktor ini tetapi 2017 langsung tidak ada. Jadi walaupun hendak dipotong, saya rasa wajar juga diberikan peruntukan mungkin sekadar RM1 juta ataupun RM1.5 juta. Sekurang-kurangnya, ada harapan bagi kontraktor-kontraktor ini untuk kita memberikan input agar mereka sentiasa mendapat maklumat terbaru bagi meningkatkan kemampuan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai kontraktor kepada JKR sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itu dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ampang.

6.28 ptg.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada dua perkara sahaja Tuan Pengerusi untuk saya bangkitkan yang telah Butiran 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, bagaimanakah peruntukan ini daripada tahun 2016 RM440 juta turun ke RM44 juta, maknanya ia berkurang sebanyak 90 peratus daripada 2016. Jadi ini kerja-kerja penyelenggaraan jalan persekutuan, adakah dengan penurunan belanjawan, peruntukan ini akan mengakibatkan penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan itu akan menurun dan juga kalau kita lihat terutama jalan-jalan lama, banyak jalannya sudah retak, tepi-tepi jalannya sudah retak dan longkang-longkang di tepi jalan juga tidak diselenggara dengan baik. *Covered* juga banyak yang terbengkalai, terbuka dan sebagainya.

Jadi saya amat kluatir dengan adanya penurunan sebanyak 90 peratus belanjawan ini, mungkin penyelenggaraan tidak akan dapat dikendalikan dengan

berkesan. Ini akan lagi menerukkan keadaan kita di Jalan-jalan Raya Persekutuan yang mana kalau sekarang pun dengan lebu raya pun kita tengok dengan banjirnya, dengan macam-macam. Jadi kalau dengan keadaan ini tidak boleh menyelenggarakan jalan-jalan persekutuan yang ada ini, saya bukan nak sebut kerana Jalan Ampang yang memang Jalan Persekutuan yang dah lama, Jalan Persekutuan yang tualah saya anggap begitu. Jadi jalan-jalan ini lebih diperlukan perhatian. Jadi kalau turun bajet ini sebanyak 90 peratus, saya tidak tahu bagaimana kementerian boleh dapat menampung atau menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang lebih efektif dan berkesan dalam kawasan-kawasan Jalan-jalan Persekutuan ini.

Kedua, ialah Butiran 060900 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan.

Jadi saya dalam kawasan Ampang, Bukit Antarabangsa ialah kawasan yang cerun adalah hotspot, kawasan hotspot di mana ada berlaku kejadian tanah runtuh dan sebagainya.

■1830

Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kerana satu pasukan telah dihantar ke Bukit Antarabangsa untuk buat satu eksperimen- *slope alarm*, yang dianggotai oleh pakar-pakar dari Universiti Loughborough, USM dan juga Unit Cerun dan juga bekerjasama dengan pasukan *Slope Watch*, penduduk Bukit Antarabangsa. Jadi saya harap projek ini akan dapat dipercepatkan dan dapat diperluluskan agar dapat sistem *slope alarm* ini akan dapat membantu penduduk untuk ataupun kementerian sendiri untuk memantau satu sistem penggeraan di mana kita boleh *detect* kemungkinan ada kejadian akan jadi tanah runtuh dan sebagainya.

Ini akan dapat memudahkan selepas kalau ini dapat berjaya dan model ini boleh digunakan di tempat-tempat lain agar kita akan dapat mengurangkan, mengelakkan tanah-tanah runtuh yang terjadi pada ketika ini. Saya juga beberapa kali juga minta agar Unit Cerun ini dinaiktarafkan kepada Bahagian Cerun agar dapat lebih menjalankan tugas dengan lebih menyeluruh, dapat mengendalikan kerja-kerja pembangunan cerun di lebu raya dan juga di pembangunan perumahan, di kawasan-kawasan cerun agar ada SOP, agar *developers* membuat kerja perumahan, bangunan perumahan dalam satu pemantauan yang sangat-sangat ketat dan satu SOP yang mana mereka tidak boleh berlaku cuai. Apabila sekiranya terjadinya tragedi tanah runtuh, mereka ini akan dapat kita pertanggungjawabkan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Tuan Pengerusi: Saya tengok yang tidak selalu bercakap, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Oh, tidak...

Seorang Ahli: Lipis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lipis.

6.32 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya di kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih dan diberi kesempatan untuk sama turut serta dalam perbincangan Perbekalan 2017.

Pertamanya, saya hendak pergi kepada Butiran 60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan, 51000 - Pelbagai Pembinaan dan 80000, 81000. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya kerana saya hendak menyentuh soal jalan CSR iaitu *Central Spine Road*, yang mana telah dibina daripada Merapoh sehinggalah ke Kampung Kechau Tui telah siap dibina sepenuhnya dan telah menjimatkan hampir 20 minit perjalanan jalan raya yang telah disiapkan itu. Sekarang ini dalam proses pembinaan sambungan daripada Merapoh sehinggalah ke Kota Bharu, kalau tak silap saya, ke Kota Bharu dan dari Lipis sehinggalah ke Raub dan Bentong.

Saya hendak bertanya status jalan tersebut. Saya sangat tertarik daripada Bentong, Raub dan Lipis. Saya dimaklumkan daripada Bentong telah dimulakan pembinaan tersebut. Ini sangat-sangat memberi kepentingan kepada kami khususnya penduduk Bentong-Raub-Lipis dan sehinggalah ke masyarakat di negeri Kelantan, sehinggalah ke Kota Bharu. Jalan ini telah lama kami menunggu sebenarnya. Setakat ini walaupun di tengahnya telah siap tetapi walau bagaimanapun, kesesakan jalan itu masih terjadi di antara Lipis-Raub-Bentong khususnya pada musim perayaan. Musim perayaan ini yang menjadikan, menyebabkan sehingga jalan tersebut tidak boleh kereta bergerak kerana disebabkan *jammed*, masyarakat penduduk-penduduk di negeri Kelantan ini pulang berpusu-pusu tak kira sama ada musim perayaan, asal ada sahaja cuti sehari sahaja, mereka akan pulang ke negeri mereka.

Maka ini menyebabkan saya mohon supaya sekiranya bajet masih belum dimasukkan tentang peruntukkan itu, saya mohon jasa baik JKR supaya menyegerakan ataupun mendesak pihak kerajaan dapat menyediakan bajet khususnya daripada Bentong-Raub-Lipis dan sehinggalah ke sambungannya ke negeri Kelantan. Ini kerana kalau tidak dapat menyelesaikan sehingga ke negeri Kelantan, keadaan semasanya adalah sama sahaja. Ini sangat penting untuk kami penduduk. Di samping saya percaya boleh menjana ekonomi kepada masyarakat antara Kelantan, Lipis sehinggalah ke

Bentong dan Kuala Lumpur kerana mempercepatkan perjalanan tersebut, maka perdagangan ini dapat diproses begitu cepat sekiranya jalan ini dapat disiapkan.

Saya hendak pergi kepada tajuk membina jalan-jalan baru yang saya lihat ini mempunyai peruntukan yang agak besar. Saya sudah beberapa kali menyebut jalan antara Lipis, Kerambit ke Jerantut. Mungkin dari Jerantut sambunglah hingga ke Temerloh. Jalan ini telah lama saya sebut dan lama juga Ahli Parlimen Jerantut menyebutnya kerana jalan ini agak berbahaya, agak curam. Turun naik seperti naik *roller coaster*, berliku-liku jalan tersebut dan agak kecil. Ini menyebabkan kami yang hendak ke Kuantan mungkin agak menyukarkan perjalanan sehingga kalau boleh sampai ke Temerloh, dari Temerloh kami sudah boleh naik ke Lebuh raya Pantai Timur. Maka jalan ini saya kira sangat penting yang menyebabkan ada ketikanya berlaku kemalangan. Kalau ribut dan sebagainya, maka berlaku tanah runtuh, berlaku pokok runtuh, kami terpaksa berpatah balik sekiranya perkhidmatan itu lambat sampai ke kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, JKR tetap melakukan *maintenance* di jalan tersebut dan agak tidaklah menjadi kata, berlubang sana, berlubang sini tetapi sangat kecil dan sangat bahaya sahaja. Maka beberapa kali sudah kami sentuh dan pernah satu ketika jalan ini telah dilulus pun dalam peruntukan. Akan tetapi sehingga kini, masih belum berlaku pembinaan. Kami sedar yang mungkin peruntukan ini dibawa ke *Pan Borneo*, mungkin bawa ke lebuh raya-lebuh raya lain. Akan tetapi walau bagaimanapun, janganlah dipinggirkan kepada kami yang agak jauh dari kawasan-kawasan tertentu dan jauh dari pusat perhubungan. Jadi ini masalah yang sering dibangkitkan oleh penduduk setempat. Maka saya mohon jasa baik supaya perkara-perkara seperti ini dipertimbangkan sehabis baik.

Saya juga hendak menyebut beberapa perkara lagi iaitu anggaran, saya hendak sebut juga seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Puchong. Saya hendak sebut saya pun sebenarnya tak suka juga tol ini.

Akan tetapi saya hendak tahu status tol ini. Sebenarnya sampai bila sebenarnya tol ini. Ini saya tengok kalau tol di Lebuh raya Kuching pun sudah ditutup. Sudah ditutup yang saya kira sudah lama tutup. Jadi saya hendak tahu tempohnya. Maknanya kalau daripada, tak apalah, kita sebutlah dari Kuala Lumpur ke Puchong, bilakah jangka hayat tersebut? Adakah dasar-dasar ini yang telah dibina mungkin melalui PFI, maka menyebabkan kita kena tol dan tempoh jangka tersebut. Maknanya sekurang-kurangnya saya ingat kalau tol ini dengan lambakan kereta yang begitu banyak, tak mungkin masih lagi dalam kerugian ataupun masih dalam proses-proses yang menyebabkan tandatangan itu tidak habis-habis sehinggalah menyebabkan kerajaan menanggung

subsidi daripada tol ini sahaja. Ini membebankan juga kerajaan. Oleh sebab itu saya menyokong Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya untuk, saya dengar apa yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Lipis. Apa yang ingin saya bangkitkan beberapa tahun lalu, ada satu cadangan dibuat supaya untuk konsesi-konsesi tol ini, kita tahu apa dia punya daripada segi pengeluaran wang mereka apabila buat projek itu dan kita juga ada dia punya *projection of profit*. So ada cadangan dibuat supaya apabila *profit* mereka sampai satu tahap, maka ia seharusnya dikembalikan kepada kerajaan supaya kalau kenderaan itu banyak di tempat tersebut, tempat itu bangun pesat, maka kalau *profit* dia naik dengan secara mendadak itu, maka jangka konsesi dia diturunkan. Kemungkinan kita boleh cari jalan bagaimana kerajaan boleh kaji atau cara sedemikian itu. Itu satu cara daripada mana kita boleh lihat konsesi-konsesi ini dipendekkan dan jalan-jalan ini dikembalikan kepada rakyat dan tol ini dikurangkan kalau tidak dihapuskan sekali. Apakah cadangan dan pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ya, oleh sebab itu saya sentuhkan soal ini Yang Berhormat Puchong. Sebab saya nampak daripada segi tol ini mungkin peringkat awal penggunaan wang yang begitu besar daripada segi pembinaan dan faktor kewangan ini melonjak naik dan akhirnya dia akan jadi stabil dan seterusnya dia akan menurun kembali.

■1840

Maka masa itulah mungkin kerajaan boleh menyusun dan mengambil alih kembali tol tersebut. Kalau kesesakan mungkin kita boleh lebarkan dan itu kalau dilebarkan mungkin kadar tol itu boleh dikaji semula. Sebab itu saya kira pandangan ini perlu diambil kira sebenarnya menyebabkan dalam keadaan berbagai-bagai perkara yang sering dibangkitkan tidak kira daripada pihak sana ataupun pihak sini sebenarnya, sebab itu kita hendak satu perkara yang mesti ada kerjasama juga antara satu sama lain.

Akhirnya saya hendak bangkitkan satu perkara sahaja lagi. Di mana baru-baru ini saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi peruntukan sebanyak RM1.5 juta untuk membaik pulih Masjid Sultan Mahmud di Lipis, masjid daerah. Akan tetapi malangnya masjid ini telah tidak dapat disiapkan, sudah hampir terbengkalai. Saya hendak tahu statusnya. Adakah kontraktor itu akan meneruskan projek ini? Atau akan ditamatkan kontraknya? Saya berpendapat lebih baik tamatkan kontraknya kerana saya tengok aktivitiya sudah tidak berjalan lagi dan banyak barang-barang ini ditinggalkan.

Maka masjid ini amat penting dan sekarang masjid ini sudah tidak- hari Jumaat sudah jadi kurang pengunjungnya. Maka dalam soal ini saya hendak bertanya juga status daripada JKR bagaimana kadang-kadang kita memilih kontraktor yang membina ini daripada segi sudut macam mana yang hinggakan perkara ini boleh berlaku? Jadi saya rasa... [Disampuk] saya tidak kata kroni. Kalau kroni mungkin dia pilih yang agak baik, yang agak berjaya sebab saya tahu kontraktor ini juga, saya percaya tidak kroni. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan sehingga merah. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Langat.

6.42 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Kepala P.27. Saya sebenarnya tidak jemu memohon daripada kementerian, Jabatan Kerja Raya mengenai masalah kesesakan Jalan Dusun Tua dari Batu 9 sehingga Batu 18 yang saya melihat antara faktornya, pertama daripada segi jalan yang kecil.

Jadi merujuk kepada Butiran 61000 dan 71000 daripada segi menaik taraf jalan dan memperelok jalan yang berjumlah hampir RM930 juta itu, saya harap dapat dimanfaatkan sedikit untuk membesarkan Jalan Dusun Tua itu yang mungkin bukan semua, mungkin bukan keseluruhan jalan tetapi sebahagian yang perlu.

Umpamanya dari Kampung Melaka ke Sungai Serai dan sebagainya supaya perjalanannya lebih licin. Saya mengambil contoh dengan adanya *dual-carriageway* dekat Taman Perkasa dan Nanding situ maka kita nampak lebih selesa kenderaan yang lalu lalang di situ tetapi hanya pendek sahaja, 50 meter.

Faktor yang kedua mungkin kesesakan ini juga disebabkan oleh *traffic light* yang banyak dari Batu 9 sampai Batu 14, dan *alhamdulillah*, Batu 14 telah pun dibina *traffic light* cerdas yang mempunyai sensor dan nampak perjalanannya lebih baik. Sekarang ini yang nampak sesak iaitu di Batu 9, Kampung Melaka yang ada dua *traffic light* di situ. Jadi mungkin pembinaan *traffic light* yang cerdas ini ataupun persimpangan bertingkat, mungkin boleh membantu melicinkan perjalanan.

Saya melihat Butiran 20000 dan 21000 yang berjumlah lebih kurang RM110 juta mungkin boleh juga membantu menaiktarafkan persimpangan di Batu 9 ini. Terakhir punca yang terakhir disebabkan oleh ada aktiviti kuari di Sungai Long yang saya ingat sekurang-kurangnya empat buah syarikat besar yang mengeluarkan batu batan dari persimpangan Sungai Serai itu menyebabkan berlaku jem yang teruk. Walaupun kita sudah menyusun jadual tetapi mereka oleh sebab permintaan yang tinggi maka mereka

terus mengeluarkan batu dengan lori-lori yang besar menyebabkan mengganggu perjalanan. Itu yang mungkin juga satu faktor yang boleh kita ambil pertimbangan. Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gerik.

6.45 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan dalam JKR, Kementerian Kerja Raya ini dalam B.27 bersekali dengan P.27. pertama berkaitan penyelenggaraan jalan.

Pertama soal musim hujan sekarang ini, kita dapati jalan-jalan utama *line* putih itu tidak berapa terang. Saya pernah bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah sama ada bahan yang digunakan itu berkualiti rendah atau macam dulu-dulu kita tahu *line* putih ini bila dipasang di jalan utama dia boleh tahan lama sedikit. Hari ini kadang *line* putih ini seminggu dua minggu dia nampak pudar. Bila musim hujan jalan kita nampak gelap, boleh jadi *accident* kan.

Kedua dalam penyelenggaraan jalan ini, saya memohon supaya diturap semula jalan dari Gerik pergi ke Kelantan kerana ada beberapa bahagian kita melihat sudah mula rosak. Begitu juga jalan dari Gerik pergi ke Pengkalan Hulu lagi teruk fasal ini jalan dari pekan Gerik pergi ke pekan Pengkalan Hulu dan begitu juga jalan dari Gerik pergi ke Baling, jalan baharu kan tetapi tarnya kadang-kadang serupa kita naik kereta kuda.

Kalau begitu pun saya tengok di *Highway PLUS* sendiri, kalau saya naik kereta dari Ipoh pergi ke Kuala Lumpur, saya merasai perbezaan dalam tempoh dua tahun. Kalau dulu kita rasakan kita bawa kereta dalam suasana aman, tetapi hari ini walaupun kita tengok kadang sebulan sekali selalu tukar tar itu, sodok tepi jalan bubuh tar baharu tetapi tar yang baharu ini sebenarnya kualitinya saya rasa agak rendah. Walaupun dikatakan *highway* dalam Malaysia ini nombor satu dalam dunia, tetapi tidak menampakkan jalan itu nombor satu dalam Malaysia.

Perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan jalan baharu yang dalam Jabatan Perdana Menteri pun saya bangkitkan yang mana saya duduk berbincang dengan JKR iaitu membina jalan kampung dari Kampung Pahat pergi ke Kampung Pahit di mana sekarang ini jalan yang ada cukup kecil, saya memerlukan jalan JKR. Cumanya ini antara yang selalu kita buat perbandingan dalam kawasan, kalau kita minta JKR buat perincian sama ada jalan, buat jambatan dan pelbagai lagi ia memerlukan kos yang tinggi.

Umpama kita hendak buat jambatan. Kalau kita hendak satu buah lorong, kalau kita minta JKR buat perincian mencecah lebih daripada RM1 juta tetapi apabila kita

minta PLB buat kadang-kadang tidak sampai RM400,000. Di sinilah saya harap supaya JKR dan lain-lain agensi duduk elok-elok supaya di kawasan luar bandar ini kita boleh dengan peruntukan yang ada ini boleh buat banyak projek. Kalau satu buah jambatan kos sampai RM2 juta hingga RM3 juta tetapi sebenarnya di kampung kita boleh setakat RM300,000, RM400,000 ia pun boleh memberi nikmat yang lebih kepada orang luar bandar.

Maka saya bagi satu contoh, saya minta sudah dekat lima tahun. Jambatan dari Kampung Kerunai menembusi Padang Setar. Titi yang ada la ni titi gantung. Saya minta buat titi secara konkrit cuma laluan satu buah kereta. Bila kita minta daripada kerajaan negeri lulus RM300,000, JKR kata tidak boleh buat mesti kosnya RM1.2 juta.

■1850

Di sini saya merasakan tidak smartnya perancangan yang kita buat di luar bandar. Dengan RM300,000, RM400,000 saya yakin, tetapi saya bukanlah *engineer*, saya bukan tukang buat jambatan yang tahu perinciannya tetapi saya percaya antara orang yang paling kita boleh percayai ialah Kementerian Kerja Raya. Oleh sebab itu apabila di luar bandar tolong bantulah supaya kos jangan terlampau tinggi, jangan terlampau rendah. Biarlah benda itu tadi boleh memberi kebaikan kepada penduduk kampung.

Begitu juga satu lagi jambatan yang kita minta sudah lama, juga di Kampung Lalang, seberang Sungai Perak. Bukan Sungai Perak, Sungai Rui. Sama juga jaraknya lebih kurang saya anggarkan kalau PLB RM400,000. Kalau JKR mungkin RM1.2 juta ataupun naik lagi sampai RM2 juta, RM3 juta. Begitu juga saya berharap semua benda ini dapat kita lihat.

Kemudian daripada segi Butiran 050000 – Sektor Pakar. Sekarang musim hujan, sudah dua, tiga buah tempat tanah runtuh di sepanjang jalan Persekutuan. Diharapkan JKR boleh menyediakan sedikit bajet. Apabila runtuh tanah, kita terus baiki untuk mengelakkan daripada berlakunya lebih teruk kerosakan Jalan Persekutuan. Antaranya saya boleh bagi contoh jalan lepas Nering pergi ke Air Panas, Betong, dia ada runtuh. Tadi pun saya dapat *WhatsApp* fasal hari ini musim hujan di Gerik di mana Kampung Perah pun di jalan JKR tadi runtuh tanahnya.

Jadi ini sama-samalah kita pakat antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri supaya masalah yang berbangkit tadi dapat diselesaikan. Walau apa cerita sekalipun selaku Ahli Parlimen Gerik saya amat berterima kasih kepada Kementerian Kerja Raya walaupun saya tegur perkara-perkara tadi. Akan tetapi sebahagian besar apa yang dinyatakan, apa yang kita minta telah berjaya diluluskan oleh pihak JKR. Cuma sedikit-sedikit komen sahaja yang saya nyatakan tadi, tetapi apa cerita sekali pun

rakyat Gerik tetap berterima kasih kepada Kementerian Kerja Raya kerana telah menyelesaikan banyak jalan, titi dan juga kemudahan infrastruktur yang ada di sana. Sekian, dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Kota Raja.

6.52 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud Bekalan 27 Butiran 030100 – Cawangan Jalan. Saya ingin bertanya tentang penyelarasan di antara Jalan-jalan *Federal* dan jalan negeri. Ada dalam kawasan saya satu buah jalan FT 190 Jalan Kota Raja, bersambung dengan jalan negeri kemudian bersambung balik dengan Jalan *Federal*. Jadi Jalan Kota Raja FT 190 kemudian ada Jalan Kebun iaitu jalan negeri kemudian sambung balik Jalan Kota Kemuning iaitu Jalan *Federal* semula. Jadi di Selangor saya ingat ada lagi satu buah kawasan yang begini ada di Meru, Jalan Meru FT 3217. Selepas itu ada jalan tambahan, jalan negeri B2 kemudian sambung semula dengan Jalan FT 3217 ke Puncak Alam. Jadi saya ingin bertanya keadaan begini, kenapakah tidak diselaraskan? Ini kerana ia jalan yang sama sebenarnya tetapi dijaga ataupun diselenggara oleh dua, satu buah negeri, dan satu lagi Pusat.

Kedua, saya ingin bertanya, dalam penyelenggaraan jalan walaupun ia jalan negeri atau Jalan *Federal*. Di dalam negeri kita ada Jabatan Kerja Raya negeri dan juga di dalam daerah kita ada JKR daerah. Cuma kadang-kadang apabila kita bertanya kepada JKR, sering kita diberi alasan bahawa ini jalan *Federal*, ini jalan negeri. Seolah-olah ia bukan di bawah satu badan ataupun satu buah jabatan, sedangkan JKR itu maknanya ialah satu buah jabatan walaupun negeri dan *Federal*. Jadi adakah di dalam jabatan- JKR negeri itu ada pula seksyen untuk yang jaga Jalan *Federal* dan ada seksyen yang untuk menjaga jalan negeri? Itu yang saya tidak faham.

Begitu juga dengan kontraktor untuk menyelenggarakan jalan. Saya dapati bahawa kontraktor-kontraktor JKR, JKR tidak bertegas dengan kontraktor-kontraktor ini. Parit yang di bawah JKR, di sepanjang jalan JKR tidak diselenggarakan dengan baik kerana kata mereka, mereka hanya mempunyai peruntukan dua kali setahun. Jadi kalau banjir sampai berhimpun mesti dia kata bukan tanggungjawab dia. Jadi lepas tangan di situ kerana dikatakan bukan di bawah tanggungjawab.

Begitu juga dengan pemotongan rumput. Dia hanya potong beberapa kaki daripada jalan dan kemudian kita akan dapat tengok selepas itu lalang di sebelah itu jadi seolah-olah- saya tidak fahamlah kenapa tidak dibersihkan rumput di sepanjang bahu jalan itu. Kerap kali apabila dipotong rumput dimasukkan di dalam sarung plastik dan

sebagainya. Apabila dipotong rumput, dibersihkan, rumput sahaja diambil. Sampah-sampah yang ada selepas yang timbul selepas pemotongan rumput itu tidak dibersihkan. Jadi selepas potong rumput lagi nampak hodoh jalannya kerana sampah itu timbul. Jadi apakah skop kerja kontraktor yang menyelenggara jalan ini?

Seterusnya saya ingin ke Butiran 060600 maksud Bekalan 27 ini di Jalan Kota Raja atau Jalan Kebun ini di Teluk Menegun ada satu buah bangunan. Bangunan ini kepunyaan JKR. Semenjak saya menjadi wakil rakyat di situ bangunan ini pernah di baik pulih ya. Saya tidak tahu sama ada ini rumah untuk pegawai JKR ataupun apa ia? Setelah di baik pulih, kemudian ia jadi orang kata terbiar semula. Jadi adakah bangunan ini tidak boleh digunakan untuk lain tujuan? Ini kerana dalam keadaan rakyat tidak ada rumah hendak duduk dan sebagainya, kita melihat satu aset kerajaan telah orang kata dibiarkan begitu sahaja.

Seterusnya saya hendak tanya sedikit tentang keselamatan jalan-jalan raya. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memantau sama ada satu-satu simpang itu selamat? Saya ada satu buah jalan, simpang dari Jalan Kota Raja masuk ke Taman Alam Impian. Saya diberitahu bahawa simpang ini memang sangat merbahaya, *traffic light*-nya tidak- orang kata tidak *proper*-lah. Ia boleh berlaku *accident*, kemalangan pada bila-bila masa. Tanggungjawab untuk membesarkan jalan dan meletakkan lampu isyarat dan membuat jalan itu selamat kerana di jalan itu hampir dengan- simpang itu ada satu lagi simpang. Jadi kita keluar simpang ini, masuk simpang lagi satu. Ini sangat merbahaya. Jadi Alam Impian ataupun pemajunya IMP masih tidak melakukan apa-apa untuk menjadikan ia satu buah simpang yang selamat.

Jadi saya sudah beberapa kali berhubung dengan JKR daerah dan jawapannya ialah pemaju masih belum mahu buat apa-apa lagi. Jadi siapa yang boleh- saya faham separuh jalan itu adalah mungkin juga di bawah kuasa PBT tetapi belum diserahkan kepada PBT. Akhirnya, pemaju ini dia dapat- dia boleh *escape*. Tidak ada siapa yang boleh ambil tindakan ke atasnya. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

6.59 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya meluahkan perasan rakyat dari Parlimen Kuala Pilah. Pertamanya saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak kementerian, pihak kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya dan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri sendirilah yang begitu prihatin atas luahan

perasaan rakyat di sana. Ini kerana saya hendak bercakap ini terus kepada Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan.

Pertamanya saya hendak ucap terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri telah turun melihat, dengar luahan rakyat di sana dan telah pun menaikkan taraf jalan di antara Seremban ke Kuala Pilah yang selalu disebut sebagai Jalan Bukit Putus. Saya mengucapkan terima kasih kerana sebahagian daripada peruntukan telah dibelanjakan untuk meluruskan jalan atau membesarkan jalan raya di situ dan ini- terima kasihlah.

■1900

Akan tetapi, saya masih melihat bahawa peruntukan yang sedia ada atau sebahagian dari jalan yang diperbaiki itu, yang dinaiktarafkan itu, masih lagi belum dapat menyelesaikan masalah sebenar kesesakan jalan di antara Seremban dengan Kuala Pilah iaitu khususnya di Bukit Putus ini kerana setiap hujung minggu saya melihat kesesakan lalu lintas begitu teruk sekali dan inilah sebenarnya yang pernah dijertikan, yang pernah disuarakan daripada dulu. Sedikit-sedikit nampaknya perubahan itu berlaku tapi saya mahu melihat kalau keadaan begini berterusan, saya takut ini akan menjejaskan sedikit atas kepercayaan rakyat kepada kerajaan kita kerana janji-janji dulu masih belum dapat diselesaikan.

Saya hendak bertanya sama ada, kalaulah keadaan peruntukan itu tidak mencukupi untuk melebarkan jalan yang sedia ada ini, ada tidak alternatif? Ada cadangan dulu daripada pihak kerajaan untuk membina jalan daripada *highway* itu terus melalui Rembau masuk mengikut Seri Menanti dan sebagainya. Ada cadangan itu. Kalau ini boleh menyelesaikan masalah ini, saya mencadangkan pihak kementerian melihat dan memberikan tumpuan khususlah supaya ada alternatif selain daripada jalan Bukit Putus itu, ada jalan lain pula untuk keluar kepada *Federal Highway*.

So, itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ini luahan dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beruas.

7.01 mlm.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya berbahas berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya.

Saya merujuk kepada Butiran 030100 – Sektor Infra. Tuan Pengerusi, saya ingin menanya kepada Kementerian Kerja Raya, peruntukan yang diberikan kepada JKR Manjung, Perak? Ini kerana dalam satu lawatan saya, diberitahu oleh jurutera berkenaan bahawa pada masa itu beliau hanya menerima RM2.5 juta untuk JKR Manjung, dan memang tidak mencukupi kerana Manjung begitu besar, dan ada lebih kurang 250 ribu orang penduduk di sana dan setiap kali ada masalah kita mengadakan

ke Jabatan Kerja Raya, alasannya tidak mencukupi dana. Begitu juga tadi saya pun nampak Yang Berhormat Parit pun mengeluh kerana Jabatan Kerja Raya mengatakan tidak ada dana yang mencukupi. Sebab itu saya memohon agar lebih banyak duit atau wang diperuntukkan untuk daerah Manjung supaya banyak kerja yang perlu dibuat dapat dilaksanakan.

Saya ingin menanya kementerian mengenai projek yang dulu dikatakan diluluskan dalam tahun 2008 yang diumumkan oleh Menteri Pengangkutan pada masa itu Tan Sri Kong Cho Ha yang merupakan juga Ahli Parlimen Lumut berkenaan dengan naik taraf jalan dari Kampung Acheh, Setiawan ke Simpang di Taiping yang dikatakan pada masa itu diluluskan RM600 juta. Saya hendak tanya adakah mana-mana peruntukan di bawah Bajet 2016 ini memperuntukkan wang untuk projek tersebut? Kerana, sudah sekian lama jalan ini terbiar kerana dikatakan akan dibina jalan baru empat buah lorong apabila jalan sedia ada dinaik taraf tetapi sudah tunggu lapan tahun, duit tidak datang.

Apa yang berlaku hanya *patchwork* ataupun pembaikan secara menampal dibuat dan jalan-jalan tersebut tidak diturap semula. Banyak aduan telah dibuat bahawa jalan tersebut memang sangat teruk. Jadi saya hendak dapat penjelasan dan saya berharap apa yang sudah dijanjikan begitu lama akan ditunaikan oleh kerajaan.

Dalam jawapan yang saya dapat daripada Parlimen ini, pihak kerajaan telah memberitahu saya bahawa semua JKR di negara kita ini mendapat dana yang mencukupi. Apabila saya menanya kenapa rancangan berpuluh-puluh bilion untuk MRT, LRT dan sekarang ini lagi diumumkan banyak projek-projek besar lagi yang kerajaan akan laksanakan tetapi JKR-JKR tempatan mengalami masalah kekurangan dana.

Daripada bajet yang dibentangkan, Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa projek-projek yang hendak kerajaan laksanakan di Semenanjung Malaysia untuk membina jalan raya dan jambatan, dikatakan harga projek lebih kurang RM26.037 bilion dan telah dilaporkan bahawa kerajaan telah membelanjakan RM5.756 bilion untuk tempoh masa 2011 hingga 2015. Ini bermaksud setiap tahun kerajaan hanya menggunakan lebih kurang RM1.1 bilion untuk pembinaan jalan raya dan jambatan dan anggaran yang dibuat untuk tahun 2016 ialah RM2.612 bilion dan anggaran untuk tahun 2017 dikurangkan kepada RM2.082 bilion. Sungguh pun anggaran dibuat tapi daripada pengalaman tahun 2011 hingga 2016, hanya RM1.1 bilion hingga RM2 bilion sahaja yang sebenarnya dibelanjakan.

Begitu juga dengan Sarawak, harga projek yang dirancang ialah RM32.722 bilion tetapi untuk tempoh masa 2011 hingga 2015, hanya RM7.179 bilion yang dibelanjakan

dan anggaran untuk tahun 2016 - RM3.31 bilion dan anggaran untuk 2017 dikurangkan lebih kurang RM500 juta kepada RM2.886 bilion.

Adalah jelas bahawa untuk keseluruhan Semenanjung Malaysia, perbelanjaan hanya RM1.1 bilion setiap tahun. Ini menunjukkan begitu kurang sekali peruntukan untuk membina jalan dan jambatan dan penyelenggaraan jalan dan jambatan yang sedia ada. Jadi saya berharap polisi dapat- *review of policy*. Jangan yang asas kita tidak bagi kepada rakyat tapi yang kita bina yang mega-mega.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya status *renovation* yang sedang dibuat untuk Parlimen kita ini. Sudah bertahun-tahun kita belum nampak kesudahan kepada baik pulih Parlimen kita ini dan harap satu laporan boleh dibuat kepada Ahli-ahli Parlimen tentang status baik pulih ini. Kita pun nampak di Parlimen ini masalah *parking*. Kalau sesuai, kalau cukup tanah, harap boleh diperluaskan tempat untuk *parking*, kalau memang tidak cukup, mungkin boleh dipertimbangkan untuk membuat *multiple level parking* untuk Parlimen supaya kita hendak datang ke Parlimen boleh dapat tempat parkir yang mencukupi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

7.08 mlm.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas membawa suara dari Parlimen Sik dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian KKR ini.

Saya tidak mahu membuang, masa saya akan terus kepada poin yang pertama iaitu dalam Maksud Bekalan 27 di bawah Butiran 010000 berkenaan, saya bangkitkan sekali lagi, iaitu berkenaan dengan pemisahan JKR Kuala Muda Sik. Saya minta kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) memberi maklum mengenai status yang terkini yang telah dijalankan. Saya difahamkan bahawa ia dalam proses perkembangan lagi. Oleh itu, saya mohon jasa baik pihak kementerian di pusat dan juga JKR di negeri dapat melaksanakan dengan segera.

Kedua, di bawah Maksud Pembangunan 27 Butiran 02800 berkenaan dengan sebuah jambatan yang merentasi Sungai Muda iaitu Jambatan Jeniang, Sik.

■1910

Saya ingin ingatkan kembali, saya pernah membawa perkara ini sebelum ini dan saya sudah bangkitkan sebelum ini, menyuarakan di mana jambatan ini perlu dibina dan dinaiktarafkan dengan segera sebelum masalah di kemudian hari akan berlaku. Jambatan ini merupakan jambatan yang sempit dan mengundang berlakunya kemalangan. Saya memohon agar KKR atau pun JKR dapat cakna dan mengambil

berat supaya masalah ini dapat diatasi dengan segera sebelum berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

Ketiga, dalam Butiran 60000 – naik taraf jalan raya. Jalan Persekutuan dalam Parlimen Sik perlu dinaiktarafkan dari dua buah lorong kepada empat lorong iaitu jalan dari pekan Jeniang ke pekan Sik. Untuk makluman kementerian, ini bukan kali pertama saya menyuarakan permohonan ini. saya berharap pihak kementerian dapat memandang serius dan memberi perhatian tentang pelebaran jalan ini yang memerlukan perhatian dan sokongan daripada KKR kerana trafik di jalan raya di sini sudah meningkat dengan drastik sekali.

Keempat Tuan Pengerusi, di bawah butiran ini juga, saya minta JKR dapat menambah lampu isyarat di Jalan Persekutuan dalam Parlimen Sik terutama seperti kawasan yang memerlukan seperti simpang tiga Begia, Sik. Hal ini kerana dengan penambahan jumlah kenderaan yang banyak di jalan raya terutama pada waktu puncak dan waktu malam, ia akan memberi kesan kepada pengguna jalan raya dan seterusnya menyebabkan berlakunya kesibukan yang teruk dan mengundang berlaku kemalangan. Memang telah berlaku dua, tiga kemalangan pada tahun ini.

Selain daripada itu, di dalam Butiran 80000, saya ingin Kementerian Kerja Raya mengambil berat isu di satu buah jambatan merentasi jalan negeri, walaupun jalan itu jalan negeri tetapi saya bangkitkan di sini di mana jambatan yang menghubungkan Batu Lima, Sik ke Parit Panjang, Baling perlu dinaiktarafkan, dibaiki dan diperbesarkan. Ini kerana peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya memberi kesan kepada pengguna yang menggunakan jalan tersebut.

Terakhir Tuan Pengerusi, tetapi juga sangat penting ialah jalan daripada Jeniang ke Gurun. Saya terlebih dahulu ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri di Jerai kerana jalan ini merentasi kawasan Parlimen Jerai. Akan tetapi Tuan Pengerusi, penduduk Sik tidak ada jalan lain untuk keluar daripada Parlimen Sik ke utara, dari Sik ke Gurun dan ke utara, ke Alor Star dan Bukit Kayu Hitam melalui jalan ini. Penduduk Sik juga, jika ingin ke selatan dari Sik ke Gurun, ke Pulau Pinang, ke Ipoh dan Kuala Lumpur juga melalui jalan ini.

Sebenarnya saya menerima banyak aduan daripada penduduk Sik. Sebenarnya jalan ini bukan hanya dilalui oleh penduduk Sik tetapi dilalui juga oleh penduduk Baling. Aduan-aduan itu saya terima sama ada saya berjumpa mereka, berhadapan atau di dalam media sosial tetapi dalam media sosial saya tidak menjawab aduan mereka. Masalah jalan ini ialah banyak tempat yang rosak walaupun sekarang dibaiki di tempat-tempat tertentu. Kedua, waktu malam, jalan ini daripada Jeniang ke Gurun ini gelap dan tidak ada *line* putih. Ini akan menyebabkan bahaya dan kemalangan telah berlaku.

Walaupun jalan ini bukan dalam Parlimen saya tetapi saya rasa elok juga saya bangkitkan kerana pengguna-pengguna jalan ini boleh dikatakan 90 peratus adalah dari kawasan saya. Saya ingat setakat itu dahulu Tuan Pengerusi ucapan saya dan permohonan, aduan daripada rakyat Sik. Saya menyokong Bajet 2017 daripada Kementerian Kerja Raya untuk Parlimen Sik. *Wassalam*. Yang Berhormat Sik mohon menyokong sekali lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

7.14 mlm.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat Dan Jejambat. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan Kementerian Kerja Raya tentang kesesakan lalu lintas di persimpangan *New Pantai Expressway* (NPE) atau Jalan Klang Lama dan juga Jalan Templer.

Di mana setiap hari penduduk bukan setakat di Petaling Jaya tetapi di Puchong, di Kinrara dan juga semua pengguna jalan raya mengalami masalah kesesakan lalu lintas di persimpangan NPE, Jalan Klang Lama dan juga Jalan Templer. Saya hendak bawa isu ini kerana persimpangan ini di bawah kawal selia oleh NPE. Dalam sejarah, pembinaan NPE ini, dia membawa kenderaan trafik dari NPE ke Jalan Gasing. Akan tetapi Jalan Gasing keluar ke NPE menggunakan jalan sedia ada. Tidak ada jejambat atau *flyover* dari Jalan Gasing keluar ke Jalan Templer. Oleh sebab itulah sekarang masalah ini, kita tidak boleh bina persimpangan jejantas, *flyover* daripada NPE terus ke Jalan Templer melalui, dulu bulatan, sekarang ini persimpangan Othman dengan Jalan Templer.

Saya hendak minta Kementerian Kerja Raya, bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini kerana kita sudah mengadakan banyak mesyuarat dengan pihak NPE, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan cadangan pun kita sudah bagi. Akan tetapi malangnya tidak ada satu penyelesaian dan cadangan saya supaya hendak menyelesaikan masalah untuk jangka panjang walaupun dalam jawapan saya yang dalam soal lisan. Kementerian kerja raya ada bagi cara-cara penyelesaian tetapi ini hanya untuk jangka masa yang pendek. Membuat laluan terus daripada Taman Maju Jaya ke arah persimpangan Templer pada masa puncak pagi sahaja, menambah jalan susur di persimpangan Gasing daripada satu buah lorong kepada dua buah lorong. Ketiga, melaksanakan laluan kontra dari Jalan Gasing ke NPE pada masa puncak petang sahaja, bermula dari 1 September 2016 dan mengawal aliran trafik semasa

waktu puncak melalui unit pasukan ronda NPE dan juga bantuan daripada pihak PDRM, cawangan trafik.

Ini merupakan penyelesaian jangka masa pendek di mana memang Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama NPE dan juga polis untuk mengawal, untuk menyuraikan trafik pada masa pukul lima sehingga pukul tujuh. Akan tetapi saya hendak minta penyelesaian jangka masa panjang dan saya cadangkan, cadangan ini telah pun dibawa ke mesyuarat dan surat pun telah ditulis kepada Kementerian Kerja Raya. Saya hendak cadangkan supaya di Jalan Penchala, buka satu buah laluan baru masuk dan keluar di sebelah Jalan Templer iaitu Jalan Penchala antara seksyen 2, dengan seksyen 51.

Anggaran kos adalah sebanyak RM40 juta di mana pihak MBPJ bersetuju untuk memperuntukkan RM20 juta dan kita harap pihak NPE dan juga LLM dapat mempertimbangkan keluar setengah RM20 juta juga kerana ini akan boleh menyurai atau untuk mengurangkan trafik di simpang masuk dari NPE ke Jalan Templer. So, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan cadangan ini supaya kita *share cost* RM20 juta, RM20 juta supaya masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Templer ini terutama di persimpangan NPE Jalan Templer dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

7.19 mlm.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas sedikit mengenai keseluruhan pembangunan bajet untuk kementerian ini. Saya lihat jumlah kos untuk pembangunan RM32 bilion.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Beruas tadi bahawa kita lihat bahawa bajet pembangunan pada tahun lepas sekitar RM3.3 bilion keseluruhannya, Sabah, Sarawak campur itu. Pada tahun ini RM2.8 bilion, ini lebih kurang *8 percent*. Jadi saya terfikir bahawa pembangunan penyediaan naik taraf jalan baru dan sebagainya, satu permohonan yang bertambah setiap tahun. Tadi saya dengar di sebelah sana pun, ramai, Yang Berhormat Tenom minat, Yang Berhormat Beruas minta, Yang Berhormat Puchong pun minta.

Jadi keperluan untuk prasarana, jalan naik taraf semua ini satu perkara yang dinamik, setiap tahun ada tambahan.

■1920

Saya yakin jumlahnya akan bertambah bertahun-tahun, di samping program-program berimpak besar kita buat. Contohnya MRT tetapi Puchong sekarang ada MRT, LRT. Saya hendak cerita sedikit Tuan Pengerusi, dahulu saya selalu lalu dekat Puchong itu tahun 80-an, jalannya *single-carriageway* pun *jammed* juga.

Hari ini kita ada lima, enam buah lorong pun *jammed* juga sebabnya pembangunan begitu pesat bila adanya Putrajaya, KLIA dan sebagainya. Tiba-tiba demografi kita berubah dan sudah tentulah *jammed* ini akan berlaku dan ia tetap akan berlaku. Itu sebabnya kita lihat ada perkara-perkara besar yang mesti dibuat dan saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana kita mengambil *bold initiative*, mengadakan MRT, mengadakan pembangunan yang besar, termasuk jalan kereta api dan sebagainya untuk menyelesaikan program untuk jangka *medium* dan *long term*.

Kalau kita lihat pembangunan 20 tahun Klang Valley pun kita sudah nampak. Negara kita ini unik sebab 70 peratus dalam kawasan *urban*, 30 peratus di kawasan luar bandar. Luar bandar pula dengan demografi begitu besar Sabah, Sarawak, kita *reaching for the people*, dengan izin, kita pergi untuk *reach* kepada rakyat kita sebab itu kita buat jalan. Jalan ini tidak murah. Kalau dalam bandar pun mahal, di luar bandar yang jauh, lagi mahal. Itu sebabnya saya lihat strategi *government* untuk *multimodel integrated*-jalan ini, prasarana, amat benar, betul, dalam landasan yang betul. Cuma saya lihat kena diperhalusi bidang-bidang contohnya macam tadi, senggara mesti dilihat dan penambahbaikan. Kalau kita boleh buat perancangan jangka panjang lebih teratur, *insya-Allah* kita akan dapat melihat kedudukan yang selesa.

Bila bercakap tentang perancangan masa depan, bukan semata-mata jalan tetapi juga penempatan. Pembangunan tidak terkawal akan menyebabkan kesesakan, banjir. Contohnya, Penang banyak banjir sebabnya pembangunan yang tidak teratur, contohnya. Jadi, kita lihat kalau ada bajet ini, peratus ini bukan segi *quantum* tetapi daripada segi *percentage*. Kita buat polisi, saya setuju dengan Yang Berhormat Beruas tadi supaya kita seiring dengan tuntutan rakyat dan tuntutan semasa mengenai pergerakan. Satu lagi faktor yang kita kena ambil kira ialah tiap-tiap tahun kita 6,000 ke-7,000 buah kereta baru *on the road* dan ini juga menambahkan lagi kesesakan.

Jadi, kita kena melihat ini secara holistik. Itu sebabnya kalau kita hendak *immediate solution*, sudah tentulah kita kena sokong bajet ini baru kita boleh dapat penyelesaiannya. Keduanya, saya hendak sebut di sini Yang Berhormat Menteri, daripada segi adakah kerajaan berpuas hati dengan sistem penyelenggaraan kita ada. Contoh, kita ada konsesi di selatan, adakah mereka menjalankan pada tahap-tahap yang diharapkan? Apakah kita hendak tambah lagi kebaikan supaya sistem ini dapat

tambah? Tadi ada cerita pasal rumput, ada benarnya. Kadang-kadang dia potong rumput tepi jalan selepas itu tidak ataupun dalam sikit tidak dibuat. Jadi, dalam situasi macam ini adakah kita berpuas hati? Sekiranya tidak, adakah kita hendak menambah baik konsesi yang ada ini supaya mereka menepati hasrat dan tujuan kerajaan mengadakan *outsourcing* untuk penyelenggaraan ini.

Seterusnya, yang terakhir saya hendak sebut tentang tempat saya. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membangunkan Johor Selatan dengan begitu baik. Saya mengucapkan tahniah kepada orang pantai timur sebab sudah ada akan ada ECRL. Bagi sayalah, pendapat saya melalui Klang 88 kilometer, melalui gunung dan terus kawasan yang *flood prone area*, kos itu pada saya amat berpatutan. Saya bangga kalau kita boleh buat terowong 57 kilometer sama macam di *Switzerland*.

Jadi, saya rasa ini satu pencapaian yang besar sebab kalau dululah orang *British* boleh buat jalan kereta api, dia mungkin tembus tetapi dia terpaksa bawa lalu sampai ke Gemas sebab dia kena pecah untuk mengelakkan Banjaran Titiwangsa. Jadi kereta api modal yang paling murah selepas itu jalan. Jadi, kalau soalan Yang Berhormat Tumpat tadi sama ada- bukan Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kuala Krai sama ada kita hendak ada dua- kita kena ada empat-empat, lima-lima, kita multi modal, maknanya kita ada kereta api, jalan, kita kena ada udara, kita kena ada air kalau boleh dan selepas itu paling penting *the last mile*. Macam mana kita hendak menghubungkan supaya sistem yang ada ini memberi keselesaan yang banyak kepada rakyat. Nombor satu, pada kos yang mampu oleh rakyat dan keduanya, prasarana yang baik ini sudah tentulah menarik orang untuk melabur di sini dan ekonomi kita akan berkembang.

Ini contoh yang baik, Taiwan melabur dengan begitu banyak pada tahun 70an, duit dia tidak banyak tapi belanja paling banyak untuk *infrastructure*, jalan, *electricity*, air dan sebagainya. Oleh itu sebab Taiwan maju bersama Jepun, selepas Jepun, Taiwan, selepas itu baru datang Korea dan sebagainya. Kita ikut, kita buat Lebuhraya Utara-Selatan dan sebagainya. Ini sebenarnya memberikan kesan impak yang baik. Itulah yang kita buat dengan program-program ECRL, *high speed train*, dan sebagainya. Itu teruskan, saya sokong. Cuma di tempat saya, saya seperti biasa Tuan Pengerusi, saya mohon sangatlah supaya kerajaan mempertimbangkan untuk menaik taraf jalan dari Kota Tinggi ke Bandar Penawar daripada *single-carriageway* kepada *dual-carriageway* sejauh 42 kilometer.

Oleh sebab ini amat penting kerana kita juga- ini akan menjadi kekangan kepada limpahan pembangunan yang pesat. Oleh sebab kalau jalan, *connectivity and accessibility* tidak baik, maka kita akan terlepas pembangunan ini. Jadi, saya minta kepada kerajaan FT092 ini diberikan peluang untuk dinaiktarafkan segera.

Keduanya, Kota Tinggi ini nama Kota Tinggi, Tuan Pengerusi tetapi pada tahun 2006, Kota Tinggi pun tenggelam. Jadi, salah satu sebabnya kita kena pastikan ada dua buah jambatan. Sebuah jambatan yang merentasi Sungai Kota Tinggi di tengah bandar dan satu lagi jambatan di jalan *bypass* Kota Tinggi yang mana jambatan itu bila dibina jalan itu, bila air naik Tuan Pengerusi, jambatan itu terlampau rendah.

Jadi, ia menyebabkan air itu terkekang, sampah-sampah tertutup dan bila ia *block*, air naik sampai 15 ke-20 kaki. Itu puncunya. Jadi, saya minta kalau boleh jambatan di *bypass* Kota Tinggi ini dapat di *upgrade* kan segera supaya ia bukan sahaja dapat mengelakkan banjir, ia juga membolehkan kapal lalu di bawah, bot dan menghidupkan industri pelancongan di Kota Tinggi. Kedua-dua buah jambatan. Jadi, saya minta kalau boleh berilah pertimbangan dan saya minta Yang Berhormat Menteri JKR tolonglah, saya sudah merayu bertahun-tahun, saya minta tolonglah. Jadi, itu saja Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyokong bajet ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapar.

7.26 ptg.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya ruang untuk berbicara tentang B.27, P.27. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Sektor Infra. Lebih terperinci Butiran 030100 – Cawangan Jalan.

Isu saya ringkas sahaja tentang satu saja Yang Berhormat Menteri iaitu pada 4 November 2016 minggu lepas, satu insiden yang amat mendukacitakan berlaku di Persiaran Astana Klang, Jalan Meru lebih kurang jam 12.30 tengah hari. Di mana di sana ada Projek Pembinaan *West Coast* yang dikenali sebagai Lebuhraya Pesisir Pantai Barat yang dibina dari Klang ke Taiping oleh IJM dan di bawah tanggungjawab Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Sebuah *static crane* telah tumbang dan terhempap ke atas sebuah kereta, mengakibatkan dua orang mangsa iaitu Abd Rahim Abd Rahman 61 tahun, warganegara Malaysia, dan saya difahamkan isterinya Nurhayati 56 tahun, warganegara Indonesia telah meninggal dunia. Saya mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa tersebut.

Persoalan yang berbangkit daripada insiden ini Tuan Pengerusi ialah yang pertama, apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh kontraktor untuk menjaga kebajikan dan keselamatan pengguna jalan raya di lokasi tersebut?

Kedua, adakah pemantauan yang telah dilakukan oleh badan-badan berkuasa, termasuk kementerian supaya memastikan kontraktor-kontraktor mengikut semua langkah keselamatan, garis panduan dan prosedur operasi standard atau SOP?

Ketiga, apakah Kertas Siasatan telah dibuka dan dimulakan oleh pihak kementerian terhadap insiden ini?

Keempat, jika ada siasatan, apakah status atau tahap siasatan yang telah dilakukan setakat ini?

Kelima, adakah siasatan telah dilakukan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau DOSH, dan tahap siasatan yang dilakukan?

Berkaitan dengan DOSH ini, saya juga ingin menanyakan kepada kementerian, adakah dana disediakan untuk jabatan ini? Jika ada, berapa dan untuk perincian apa diberikan kepada jabatan ini?

Soalan terakhir saya Tuan Pengerusi adalah untuk tahun ini insiden kedua yang berlaku hampir sama, adakah komitmen Kerajaan Persekutuan dan kementerian supaya perkara begini, insiden yang meragut nyawa atau mencederakan orang awam dapat dibendung dan diatasi?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

■1930

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tan Sri Pengerusi, dan juga yang menggantikan beliau, Datuk Seri Pengerusi, saya terpaksa meninggalkan Dewan ada satu program *in work* dan saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan walaupun saya tiada di Dewan sebab saya akan semak *hansard* untuk mendapatkan jawapan beliau esok pagi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Pengerusi, cuma sebelum dia pergi, esok ada MQT untuk soalan ini. Ada MQT esok.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

7.31 mlm.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut mengenai butiran jalan raya dan jambatan. Saya meneliti di bawah maksud pembangunan peruntukan yang diperuntukkan untuk jalan raya di jambatan di Semenanjung RM2 bilion secara langsung dan RM2 bilion lebih secara pinjaman. Maka ia RM4 bilion yang diperuntukkan untuk jalan raya dan jambatan di Semenanjung.

Setelah itu, pada masa yang sama untuk Sabah. Perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan untuk jalan raya dan jambatan Sabah RM494 juta dan amatlah dikesali adalah untuk Sarawak peruntukan yang diperuntukkan untuk jalan raya dan jambatan di Sarawak hanya RM299 juta sahaja. Kalau kita meneliti perbelanjaan keseluruhannya yang diperuntukkan untuk jalan raya dan jambatan di Sarawak hanya merupakan enam peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan untuk keseluruhan Malaysia.

Saya telah sebutkan perkara itu di bajet-bajet lalu, 2016, 2015. Saya lihat bahawa tidak ada apa-apa perubahan dari segi peruntukan- *percentage* peruntukan untuk Sarawak berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Saya juga berasa amat kesal adakah Yang Berhormat Menteri merupakan seorang Sarawak? Ada memberi perhatian ke atas ketidakseimbangan peruntukan yang diperuntukkan untuk pembangunan jalan raya dan jambatan.

Kita telah sering beberapa kali mendengar ucapan bukan di Dewan ini, ucapan Ketua Menteri Sarawak kata bahawa, "*What they have we also want to have. They...*" *He was referring to West Malaysia.* Apa yang Semenanjung Malaysia sini ada, kita di Sarawak pun hendak, mahu ada. Ini yang telah berulang kali disebutkan oleh Ketua Menteri Sarawak yang juga merupakan Presiden Parti Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

Adakah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ambil perhatian atau pertimbangan atas nasihat atau teguran Ketua Menteri Sarawak dan kenapa satu kementerian yang di bawah jagaan Menteri Kerja Raya boleh meluluskan dan mencadangkan satu peruntukan untuk pembangunan di bawah portfolio beliau yang begitu tidak adil atau tidak seimbang terhadap Sarawak. Oleh itu, saya minta satu penjelasan atas perkara ini.

Perkara kedua yang saya ingin sebut ialah di Dewan ini adalah..

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching dalam anggaran perbelanjaan persekutuan ini dinyatakan di Sarawak kerajaan hendak melaksanakan projek-projek bernilai RM32.783 bilion. Akan tetapi, sebenarnya setiap tahun hanya menggunakan RM1.4 bilion sahaja untuk pembangunan di sana. Jadi, memang banyak pengumuman projek-projek yang hendak- 372 yang diumumkan di Sarawak ini memang kerajaan tidak ada niat hendak tunaikan janji.

Ini satu politik yang kita kata *is a misleading the public there* dan juga yang dikatakan Ketua Menteri sana hendak tunjukkan kekuatan beliau dengan *reciprocal local*

politics. Bajet ini menunjukkan Sarawak mesti membeli Parti Nasional untuk memastikan RM20 bilion ini dapat disalurkan ke Sarawak, setuju tidak?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Beruas saya anggap ada sedikit kesilapanlah. RM32 bilion ini jumlah pembangunan untuk semua...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Projek-projek di Sarawak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan di Sarawak. Di semua...di bawah pembangunan-pembangunan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *I thought...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jumlah-jumlah anggaran harga projek RM3.2 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah macam mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Akan tetapi walaupun RM3.2 bilion untuk Sarawak yang dibagi kepada kita RM299 juta sahaja. Apa yang saya mempertikaikan adalah di sini. Antara pembangunan peruntukan pembangunan yang dibahagikan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk jalan raya dan jambatan. Kita hanya dapat 6 peratus sahaja. Ini merupakan satu hakikat yang amat tidak adil. Memandangkan kita Sarawak negeri yang terbesar merupakan satu pertiga keluasan Malaysia.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebutkan mengenai *Pan-Borneo Highway*. Kita tahu itu *Pan-Borneo Highway* ini dikawal selia dan dianugerahkan kepada LBU satu Syarikat Lebuhraya Borneo Utara. LBU ini mereka akan mengutip atau menchargekan satu *consultant fee* yang lebih kurang 5.5 peratus daripada jumlah harga kontrak.

Maka, kalau harga kontrak RM10 bilion. Fi mereka akan merupakan RM500 lebih juta. Saya diberitahu bahawa kini *engineer-engineer* orang yang *in charge* dalam LBU telah mengarahkan *engineer* yang membuat *design* untuk pakej-pakej untuk Lebuhraya *Pan-Borneo Highway* di Sarawak meng *overdesign*. *They are directed to over design the road* supaya harga kontrak mereka naikan.

The overdesign sehinggakan itu jalan raya boleh tahan gempa bumi. Kita tahu di Sarawak tidak ada gempa bumi. Kenapa hendak *over design*. Saya tidak mempertikaikan bahawa itu standard jalan-jalan- standard untuk *Pan Borneo Highway* seharusnya *R5 standard, the highest standard*. *But we don't need to over design* kerana akhirnya yang hendak bayar itu wang dari rakyat dan kerajaan yang hendak bayar kontrak itu.

Saya ingin mendapat satu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, sama ada itu adalah benar dan bagaimana Kementerian Kerja Raya hendak mengawal selia atas

design dan pelaksanaan projek itu supaya harga projek, harga kontrak tidak dinaikkan terlampau dan supaya LBU *will not make obscene profit from the 5.5 percent consultant fee* yang dimaktubkan dalam surat perjanjian mereka dengan kerajaan. Sekian, terima kasih.

■1940

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ha, setakat inilah Yang Berhormat. Oh makin ramai, 27 ke-30 orang, cukuplah.

Beberapa Ahli: Cukup, cukup!

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Kita panggil dua orang, satu sini, satu sana. Dua sinilah, tak apa. Lepas itu kita minta Menteri menjawab. Ya, Yang Berhormat Sekijang.

7.41 mlm.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 80000 dan 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Isu jalan di FELDA Redong yang menghubungkan FELDA Redong dan juga FELDA Selancar.

Saya hendak ucap terima kasih kepada pihak JKR kerana telah dapat menyiapkan Jalan FELDA Redong ke FELDA Selancar ini. Kalau dulu ambil masa sampai dua jam untuk sampai antara dua buah lokasi ini, tetapi sekarang jaraknya tinggal 20 minit.

Cuma baru-baru ini bila jalan ini telah siap dengan sepenuhnya, masalahnya bila kebanyakan lori-lori besar yang mengangkut barang-barang dan juga mengeluarkan hasil-hasil ladang melalui jalan FELDA Redong dan FELDA Selancar ini, mereka memasuki jalan di dalam kawasan perkampungan FELDA. Kita telah mengusulkan kepada JKR daerah untuk mencari jalan alternatif baru dan pihak JKR daerah telah pun menyiapkan cadangan bajet dan juga jalan-jalan baru tersebut. Jadi minta kerjasama daripada pihak kementerian untuk melihat bilakah agaknya peruntukan itu boleh diberikan supaya jalan kampung ini tidak dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat. Ini kerana kita tahu di dalam kawasan kampung ini bila melalui jalan dalam kawasan FELDA, dia akan bertembung dengan laluan sekolah dan juga laluan-laluan lain yang dilalui oleh penduduk setempat.

Kemudian untuk Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan.

Saya mohon pihak kementerian melihat jalan-jalan di dalam kawasan FELDA khususnya. Terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana dalam kawasan FELDA itu telah diberikan peruntukan untuk diturap semula jalan-jalan baru. Cuma

permasalahannya ialah jalan menghubungkan antara jalan masuk dari jalan persekutuan hingga ke dalam kawasan tanah rancangan, lebih kurang dalam tujuh hingga lapan kilometer. Kebanyakan jalan-jalan ini diselia senggaraakan oleh syarikat-syarikat konsesi di mana kebanyakan jalan-jalan ini boleh dikatakan rosak teruk dan memerlukan penyelenggaraan. Masalahnya bila kita rujuk dengan pihak konsesi, kebanyakan mereka mengatakan peruntukan tak ada, habis dan sebagainya.

Cuma apa yang merisaukan kami ialah bila jalan itu semakin teruk dan tidak ada peruntukan daripada pihak kementerian kepada konsesi, maka jalan-jalan itu terpaksa dibiarkan begitu sahaja dan akhirnya bila kerosakan itu bertambah teruk, saya terpaksa minta pula kepada JKR untuk menampal jalan-jalan ini. Apabila menampal, ada kerosakan kembali dan berlakunya kemalangan dan akhirnya perkara ini menjadi satu perkara yang berpanjangan. Minta jasa baik daripada pihak JKR supaya dapat memberikan peruntukan tambahan juga kepada syarikat-syarikat konsesi ini untuk mereka melaksanakan penurapan jalan-jalan masuk ke dalam kawasan FELDA.

Butiran seterusnya ialah 89000 – Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek-projek Jalan/Jambatan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, masih adakah lagi isu-isu berkaitan dengan PBT terutamanya di Jalan Jementah-Segamat yang telah pun siap. Saya mendapat aduan ada dua tiga perkara berkaitan dengan isu PBT ini masih lagi belum dapat diselesaikan. Mohon jasa baik daripada pihak kementerian untuk mendapatkan maklumat. Kalau tak dapat secara lisan, mungkin boleh dapat secara bertulis jumlah peruntukan PBT yang telah kita keluarkan untuk menyiapkan Jalan Jementah-Segamat ini.

Seterusnya untuk Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan. Saya minta jasa baik daripada pihak kementerian untuk mendapatkan bilakah penurapan semula dan penaiktarafan Jalan Gemas-Ayer Hitam yang dianggarkan sebanyak RM94 juta kerana sehingga ke hari ini masih belum ada cadangan reka bentuk dan juga tender dikeluarkan untuk Jalan Gemas-Ayer Hitam ini. Juga Jalan Buloh Kasap-Segamat yang dikatakan PBT telah dibuat 30 tahun lalu, tetapi masih lagi belum dapat dilaksanakan sehinggalah ke tahun ini.

Jadi saya hendak dapatkan maklumat daripada pihak kementerian, bila cadangan untuk dibuat reka bentuk ini dan jika telah siap, bila agaknya projek meluruskan Jalan Buloh Kasap ini yang dicadangkan hendak dibuat akan dilaksanakan oleh pihak JKR? Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya panggil Yang Berhormat Bayan Baru, kemudian Yang Berhormat Dungun, selepas itu Menteri menjawablah ya. Maaf yang lain tak dapat.

7.46 mlm.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 010400 – Pengurusan, di bawah Objek Am 40000. Saya hendak minta Menteri jelaskan kenapa RM593 juta itu telah dipotong sehingga RM285,000 sahaja di mana pemotongan itu hampir 99 peratus. Apakah tujuan pengurusan objek tersebut dan kenapa pemotongan begitu besar?

Kedua, isu tentang Jambatan Pulau Pinang di mana kita tahu baru-baru ini ada seorang mangsa yang terjun dari Jambatan Pulau Pinang Kedua iaitu Mohd Shukri Saad di mana beliau membunuh diri di Jambatan Kedua.

Saya hendak minta, kalau boleh kerajaan letakkan notis-notis di atas jambatan tersebut untuk- saya tahu bahawa ada beberapa kes setiap tahun yang ingin membunuh diri di Jambatan Pulau Pinang Pertama dan Jambatan Pulau Pinang Kedua. Ini tempat macam popularlah untuk orang yang ingin membunuh diri dan kita perlu ada sesuatu yang menasihatkan mereka supaya mereka jangan bunuh diri. Letakkan *hotline*kah. Ada di tempat yang lain seperti di *San Francisco, Golden Gate Bridge* adalah tempat popular untuk membunuh diri tetapi mereka ada letak *hotline* supaya *last minute* boleh *stopkan* membunuh diri.

Keduanya Butiran 030300 – Cawangan Kejuruteraan Cerun di mana kita tahu bahawa pemotongan 54 peratus dan juga Butiran 050000 – Sektor Pakar di mana pemotongan itu daripada lebih kurang 30 peratus sampai ke 40 peratus pemotongan. Semua sektor pakar itu dipotong.

Saya nampak pemotongan ini adalah yang cukup drastik. Saya kasihan kepada kementerian kerana kena potong begitu teruk sekali. Akan tetapi saya hendak minta macam mana kerajaan atau kementerian *survive in that kind of situation* kerana kita tahu bahawa projek sama, jalan menjadi lebih banyak, kerja bertambah tetapi pemotongan bajet yang begitu besar.

Saya juga ingin pergi ke Program Khusus di mana Butiran 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia dan juga Butiran 060700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan dan juga Butiran 060900 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan di mana kita pun nampak bahawa pemotongan yang cukup drastik lebih kurang 90 peratus, 92 peratus, 60 peratus berbanding tahun 2014. Contohnya Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Tahun 2014, RM640 juta diberikan untuk tujuan ini tetapi tahun depan, RM50 juta sahaja. Pemotongan *more than 92 percent*.

■1950

Ini adalah pemotongan yang sangat-sangat teruk dan kita tahu bahawa penyelenggaraan jalan raya ini diberi kepada tiga buah syarikat konsesi. Kita tahu bahawa tahun ini adalah, mungkin tahun inilah tahun terakhir untuk 15 tahun konsesi untuk Melati Wangsa, *Road Care* dan juga Selia Selenggara. Jadi, saya hendak minta-dan setiap tahun kita perlu membayar lebih kurang RM200 juta kepada syarikat konsesi. Sekarang dengan hanya RM50 juta sahaja, bagaimana kita boleh membayar syarikat konsesi tersebut. *How do you survive this?*

Saya pun nak tanya kepada Menteri, bahawa sekarang kontrak baru kepada syarikat konsesi ini akan bermula untuk yang baru. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kita sekali lagi akan memberi syarikat-syarikat konsesi.

Soalan pertama, adakah kita akan teruskan memberi *outsourcing* kepada syarikat-syarikat konsesi?

Kedua, adakah kita mahu memberi kontrak yang begitu panjang, kontrak yang lalu 15 tahun. Pada saya, ini tidak masuk akal kerana bagi kontrak yang panjang macam ini, dia tidak akan rasa bertanggungjawab kerana ada 15 tahun lagi, tidak apalah saya buat 'selamba' saja, tidak apa.

Jadi kalau kita memberi kontrak yang selama tiga tahun, lima tahun, ia lebih kompetitif kerana dia perlu menangkan kontrak yang seterusnya. Kalau kita bagi 15 tahun, dia tidak kisah langsung. Saya juga minta supaya kalau boleh ambillah kerja balik untuk kakitangan JKR, sebab kita tahu bahawa dulu 535 orang pekerja kena *lay off* atau bagi kepada syarikat konsesi. Akan tetapi, bagi kepada syarikat konsesi, dia ambil orang 'Bangla' pula untuk jalankan kerja-kerja penyelenggaraan, pemotong rumput dan sebagainya. Kalau kerja itu diambil oleh JKR, maka sebenarnya memberi pekerjaan kepada orang tempatan dan orang tempatan dia punya standard lebih tinggi daripada 'Bangla'. Mereka akan buat kerja dengan lebih betul kerana mereka terpaksa bertanggungjawab kerana mereka dari tempat itu, tempat asal itu. Jadi bagi kepada 'Bangla', dia buat sahaja, tidak kisah kerana akhirnya mereka akan balik ke kampung sendiri. Jadi, saya minta supaya kerajaan pertimbangkan.

Saya juga ingin tanya Butiran 08100 – Bayaran Pampasan Tol. Itu tidak berada kali ini tetapi Menteri umumkan bahawa RM59 juta akan digunakan untuk membayar pampasan tol tahun depan. Jadi, saya hendak minta Menteri jelaskan dari mana duit itu datang kerana saya tidak nampak dan pemotongan dari mana untuk menampung RM59 juta tersebut.

Untuk memperbaiki, Butiran 02800. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi perhatian ke Jalan Tun Dr. Ling Chong Liew daripada jambatan pertama

sehingga ke jambatan kedua di mana jalan tersebut adalah *major road* yang keadaan macam terumbang-ambing, macam terlalu teruk kerana ada pemendapan jalan.

Jadi ini jalan utama kepada semua CEO daripada syarikat-syarikat multinasional. Mereka akan menggunakan jalan tersebut. Ia memberi *confident* yang sangat penting supaya mereka rasa *confident* untuk melabur di Malaysia. Akan tetapi kalau jalan begitu, ia akan nampak macam Malaysia ini tidak ada keyakinan kerana jalan pun begitu teruk. Jadi, saya minta supaya kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menurap supaya pemendapan itu boleh diatasi.

Juga Jalan Sultan Azlan Shah yang telah saya maklumkan, Yang Berhormat Menteri suruh saya minta daripada Kementerian Alam Sekitar, penaiktarafan enam *covered* yang menyebabkan banjir begitu teruk sekali dua hari yang lalu di Pulau Pinang. Di mana pelajar-pelajar SPM terpaksa naik bot untuk ke sekolah menduduki SPM. Sebenarnya tempat itu pun merupakan tempat laluan utama semua orang pekerja yang bekerja di *Free Trade Zone* (FTZ) di mana Bayan Lepas- *most* kilang-kilang internasional, multinasional yang berada di sana. Kalau pekerja lewat datang ke tempat kerja, ia tidak meyakinkan pelabur-pelabur. Jadi saya minta supaya naik taraf enam *covered* itu dia di bawah Kementerian Kerja Raya. Ini aset Kementerian Kerja Raya dan kos pun pula tidak tinggi, hanya RM2.5 juta sahaja. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh tolong pertimbangkan, naik taraf *covered* itu supaya air boleh mengalir dengan cepat dan sekali gus mengurangkan banjir di Bayan Baru.

Last sekali ialah projek P10 di mana sekali lagi adalah projek penaiktarafan jalan di Bayan Baru di mana kontraktor adalah kontraktor JKR dan ini adalah jalan persekutuan. Kita tahu bahawa punca banjir di kawasan Kampung Batu Maung, majoriti Kampung Batu Maung dan juga Taman Iping itu adalah disebabkan oleh jalan tersebut. Kontraktor tidak boleh pakai. Kontraktor yang saya rasa standardnya, kontraktor Kelas 'A' tetapi standardnya macam kontraktor Kelas 'F'. Dia tidak mengadakan pelan perancangan yang betul untuk mengalirkan air, akhirnya menyebabkan semua air masuk ke kampung dan menyebabkan banjir yang sangat-sangat teruk. Saya minta supaya Kerajaan Pusat dan kementerian beri amaran yang tegas kepada kontraktor supaya menyelesaikan masalah ini. Ini bukan kali pertama, ini sudah kali ketiga, keempat tahun ini, semuanya banjir disebabkan oleh projek tersebut.

Ini sahaja daripada saya, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Dungun.

7.56 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat malam. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa di bawah Maksud Pembangunan 27 bagi Kementerian Kerja Raya, dan juga B.27 bagi Maksud yang di bawah kementerian sama.

Pertama, saya nak bangkitkan Butiran 80000 – Pembinaan Jalan-jalan Baru. Ketika kita reka bentuk jalan-jalan baru ini mesti juga diambil kira pengguna-pengguna jalan raya motosikal. Ia melibatkan aspek yang penting kerana ia juga berlaku dalam laporan kemalangan jalan raya yang banyak adalah daripada penggunaan laluan motosikal yang tidak ada pada pembinaan jalan-jalan baru. Seperti mana yang juga pernah berlaku di Jalan Dungun ke Paka, di mana walaupun pembinaan laluan kepada laluan motosikal itu dibuat akhirnya tetapi oleh sebab apabila jalan lama dengan jalan baru sehingga jadi mendap, akhirnya terpaksa ditarik balik pewartaan penggunaan laluan motosikal tersebut. Akhirnya, digunakan oleh semua jenis kenderaan. Jadi, itu adalah sangat penting untuk perkara yang berkaitan dengan Butiran 80000.

Kedua yang juga sangat mustahak ialah di bawah Butiran 60000 iaitu Jalan Dungun ke Kuala Terengganu dari persimpangan Tanjong Jara ke Kuala Terengganu. Jalan yang telah dinaiktarafkan dari laluan satu hala kepada dua hala dan menjadikan pergi balik. Akan tetapi yang mengejutkan ialah jalan ini masih belum siap dengan sempurna kerana satu kilometer dari persimpangan Tanjong Jara itu terpaksa dibuat lencongan untuk menjadi satu hala kerana adanya rumah kedai yang tidak dialihkan. Jadi dalam suasana kenderaan bergerak dalam jarak yang agak laju, dengan itu tiba-tiba terpaksa dilencongan dan akhirnya kadang-kadang menimbulkan masalah pula kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Saya ingin minta supaya ini diberikan perhatian.

Kemudian yang berkaitan dengan jambatan di Kampung Nyior dari jalan melibatkan Jalan Dungun ke Paka. Satu buah laluan jambatan yang sangat sempit sedangkan hubungan yang sepatutnya ada ialah kerana tidak jauh daripada itu laluan jalan dua hala.

■2000

Kemudian selepasnya jalan laluan satu hala. Kemudian jambatan yang sangat sempit. Kemudian disambung dengan laluan satu hala sampai ke Bukit Baung pula. Jadi laluan yang sangat luas menyebabkan kekerapan berlakunya kemalangan. Ini dipohonkan diberikan perhatian oleh pihak kementerian.

Kemudian yang juga saya ingin untuk mendapatkan berkaitan dengan 060600 - Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan dan Kuarters. Banyak kuarters yang ditinggalkan tidak diisi dengan orang yang sepatutnya berada di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Sebahagiannya mungkin tidak diuruskan dengan baik. Jadi perlu kepada satu pemerhatian yang diberikan khusus berkait dengan kuarters ini.

Walaupun penyelenggaraan bangunan gunasama Persekutuan ini sepatutnya di Dungun ada bangunan ini kerana naik taraf majlis daerah kepada majlis perbandaran. Akan tetapi walaupun begitu, masih belum ada bangunan guna sama Persekutuan di Majlis Perbandaran Dungun.

Kedua ialah berkait dengan jalan dari Jabor ke Jerangau, jalan yang sangat sibuk apabila berlakunya kutipan tol di Lebuh raya Pantai Timur 2 atau LPT2. Maka laluan ini menjadi kedua utama sekarang ini dan kadang-kadang apabila berlaku permasalahan di LPT2, jalan ini menjadi lencongan yang sangat sibuk. Saya pohon dibuat baik pulih yang lebih selesa untuk pengguna-pengguna jalan raya bagi laluan Jerangau-Jabor ini.

Akhirnya sebelum saya hendak tutup, saya hendak tanya, bagaimana kedudukan cadangan laluan jalan raya sambungan antara Pasir Raja Dungun Terengganu dengan Ulu Tembeling di Pahang. Adakah ia akan menjadi kenyataan projek tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat Menteri.

8.02 mlm.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepada lebih kurang 30 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Perbekalan Tambahan Bajet 2017.

Saya akan terus pergi kepada jawapan persoalan-persoalan dibangkitkan. Saya kira pembukaan ceritanya sama dengan sewaktu pembukaan peringkat dasar bajet. Jadi Ahli Yang Berhormat yang pertama iaitu Yang Berhormat Kuala Selangor berhubung kait dengan penggantian jambatan yang sempit dan uzur. Saya ingin memaklumkan bahawa program sebegini dimasukkan dalam apa yang dikatakan '*block boat*', dengan izin, di mana projek-projek akan dilaksanakan mengikut keutamaan dan akan dibuat kajian mengikut tahap atau jangka usia jambatan.

JKR akan mengambil maklum apa yang telah disarankan ataupun dipohon oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor berhubung kait dengan perkara tersebut. Berhubung kait dengan MARRIS Negeri Selangor, lebih daripada RM500 juta diperuntukkan secara tahunan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Projek ini adalah untuk tujuannya menyelenggara jalan negeri. Kementerian Kerja Raya memang ada maklumat untuk berapakah peruntukan diberi kepada setiap negeri. Namun daripada segi auditan, ia dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian kita kalau diminta oleh Kementerian Kewangan kita akan membantu daripada segi teknikal *auditing*. Itu yang kita lakukan.

Berhubung kait dengan isu DASH. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa DASH telah pun diluluskan malahan sekarang ini dalam proses pelaksanaan untuk projek tersebut.

Berhubung kait dengan FT 054 dari Sungai Buloh ke Asam Jawa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini sudah pun diluluskan. Tarikh milik tapak sudah pun diserahkan kepada kontraktor yang berjaya dalam proses tender iaitu pada 10 Ogos 2016. Kalau mengikut perjanjian, mesti disiapkan sebelum 9 Ogos 2020. Jalan ini sepanjang menaik taraf jalan sedia ada daripada dua buah lorong kepada dua hala, daripada dua buah lorong dua hala kepada empat buah lorong dua hala sepanjang 30 kilometer.

Dengan menaik taraf tiga buah persimpangan, *add grades* sedia ada kepada *signalize* iaitu di persimpangan Jalan Batu Arang B111, Jalan Parit Mahang B109 dan Jalan Kelab B77 iaitu jalan ke Kampung Kuantan. Surat setuju terima sudah pun kita perolehi. Sekarang ini dalam pelaksanaan dan statusnya setakat ini 1.83 peratus *actual slightly ahead of time* kalau kita mengikut apa yang dijadualkan. Manakala untuk jalan daripada Asam Jawa ke Pekan Kuala Selangor. Ini termasuk dalam pakej *West Coast Expressway*.

Seterusnya ialah berhubung kait dengan tampalan *pothole* yang tidak tahan lama. Kita ada kaedah yang kita katakan *based on our standard operating procedure*, dengan izin. Bila berlaku sahaja jalan yang berlubang, maka syarikat konsesi mesti membuat tampalan sementara dalam tempoh 24 jam. Ini untuk menjamin keselamatan supaya lubang-lubang itu dapat diikuti. Hanya selepas itu barulah apa yang dikatakan tampalan kekal akan dilaksanakan. Ia sebab ada proses untuk kita laksanakan.

Manakala ada beberapa perkara yang dibangkitkan berhubung kait dengan penyelenggaraan jalan. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat membangkitkan tadi. Penambahbaikan apa yang telah kita lakukan sekarang ini untuk akan datang, semua berhubung kait dengan penyelenggaraan jalan adalah diasaskan kepada *performance*

based contract. Buat masa ini mereka laksanakan ada kerja rutin, ada kerja berkala dan ada kerja kecemasan. Bergantung dengan keadaan. Kita tetapkan pada kadar kontrak dan apabila ia dilaksanakan, audit akan dilaksanakan untuk tujuan pembayaran.

Akan tetapi untuk masa depan, kita beralih kepada *performance based contract*. Maksudnya kita akan nilai membuat audit kepada semua keadaan jalan, keadaan perparitan, keadaan sekeliling itu untuk diaudit supaya kita akan ada *database*. Daripada *database* itulah kita akan nilai kan *performance* setiap syarikat konsesi yang telah dilantik untuk penyelenggaraan jalan. Ini peralihan yang sedang kita lakukan. *Insyah-Allah* apabila kontrak baru dilaksanakan, ia mesti berasaskan *performance based contract*. Seterusnya ialah ...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Untuk apa itu?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kontrak itu, penyelenggaraan jalan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Walaupun saya baru bahas, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apakah kontrak yang baru? Berapakah panjang kontrak yang baru dan peralihan? Kontrak yang lama tahun ini habis kan. Jadi tahun depan, bagaimanakah kita beralih kepada itu dan berapakah panjang kontrak yang baru iaitu *performance based contract* tersebut?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ini kita berasaskan kepada apa yang diputuskan di peringkat UKAS di bawah TPU. Sekali lagi diingatkan bahawa Kementerian kita, Kementerian Kerja Raya dan agensi di bawah kita agensi pelaksana. *On the business side* diputuskan di peringkat Unit Kerjasama Awam dan Swasta. Apa yang saya boleh katakan ialah kontrak ini nanti, apa-apa yang baru adalah berasaskan kepada *performance based contract*. Itu penambahbaikan yang kita lakukan.

Manakala Yang Berhormat Bukit Katil membangkitkan ada beberapa perkara. Pertamanya berkaitan dengan Program Pembangunan Kontraktor. Memang benar, dalam bajet yang sedia ada, tidak diperuntukkan perbelanjaan tersebut tetapi kita sudah pun menulis surat kepada MoF untuk memohon dan mengemukakan rayuan supaya program ini diteruskan dan peruntukan diagihkan kepada kita.

Seterusnya ialah berhubung kait dengan bilakah projek menaik taraf Jalan Air Keroh ke Bandar Melaka Fasa 1 Persimpangan Bertingkat MITC dan Persimpangan Bertingkat Peringgit siap.

■2010

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini bermula pada 17 Mac 2014 dan ia dijadualkan siap pada 5 Jun 2018. Manakala kos keseluruhan untuk projek ini ialah RM301.5 juta.

Berhubung kait dengan keretakan bangunan pasar di Melaka. Saya kena maklumkan Yang Berhormat Bukit Katil bahawa projek ini sebenarnya projek di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka di mana pihak PBT telah memanggil IKRAM untuk pemeriksaan struktur bangunan dan isu ini sebenarnya tidak ada hubung kait dengan JKR.

Berhubung kait dengan pampasan iaitu persimpangan bertingkat Peringgit, ada rumah retak dan juga tawaran diberikan untuk membaiki rumah tidak mencukupi. Saya ingin maklumkan bahawa nilai pampasan diperakukan oleh pihak insurans iaitu Takaful Ikhlas bagi lima buah rumah retak ialah sebanyak RM165,000. Manakala pihak kontraktor telah membaik pulih empat buah rumah iaitu Lot 158, Lot 749, Lot 745 dan Lot 309. Manakala pihak insurans juga sedang memperhalusi tuntutan untuk Lot 746. Nilai keseluruhan pampasan pengambilan tanah projek ini ialah RM45.3 juta yang melibatkan 102 lot.

Untuk Yang Berhormat Seremban, isu berhubung kait dengan pampasan- ada beberapa perkara yang dibangkitkan iaitu jalan-jalan yang dipohon dan sebagainya. Jalan ini kita akan perincikan semua permohonan dan kita akan memberi jawapan ini secara bertulis. Manakala untuk peruntukan MARRIS bagi Negeri Sembilan ialah RM246.075 juta. Ini tahun 2015.

Ada yang lain-lain saya akan beri jawapan secara bertulis iaitu untuk permohonan jalan dan juga pembaikan jalan-jalan yang telah diminta. Memang ada peruntukan yang kita laksanakan untuk pembaikan sebanyak- ada lah *detail*, nanti saya bagi secara bertulis.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Menteri, boleh bagi jawapan berkenaan dengan pampasan tol?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Untuk pampasan tol, sebenarnya kalau Yang Berhormat melihat dan mengikuti ucapan- malangnya, masa ucapan bajet, Yang Berhormat ikut keluar juga. Mungkin tidak dengarlah. Diumumkan bahawa peruntukan RM10 bilion di-*reserve*-kan untuk, pertama sekali ialah subsidi dan juga beberapa bayaran lain termasuklah bayaran tol.

Memang benar, untuk tahun 2016, kita peruntukkan RM593.32 juta. Peruntukan ini adalah sentiasa anggaran sebab sebelum kita bayar, ia ada proses. Sebelum bayaran. Maka, kita akan buat audit pada *financial statement* setiap syarikat konsesi

yang layak mendapat tol untuk kita *compare*-kan dengan kelayakan mereka di bawah perjanjian. *Only then*, kita akan *finalize*, dengan izin, jumlah pampasan sebenar.

Tahun 2017, RM59.77 juta. Peruntukan ini sebenarnya termasuk dalam B.11 Butiran 020500 di bawah Kementerian Kewangan. Itu di-*lump*-kan di Kementerian Kewangan iaitu di bawah subsidi dan bantuan tunai.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [*Bangun*]

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ia tidak diserahkan kepada kementerian kita sebab sehinggalah bayaran ini disahkan, barulah mereka akan buat bayaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya ialah berkenaan dengan tahun 2016 iaitu tahun ini. Sebab, Yang Berhormat Menteri telah membuat kenyataan bahawa jumlah pampasan untuk tahun ini lebih kurang RM1 bilion. Adakah itu angka terakhir yang kita telah bayar untuk tahun ini? Sekiranya ya, tolong nyatakan jumlah pampasan yang diberikan kepada setiap syarikat lebuhraya yang telah dibayar. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat kena ingat bahawa tahun 2016 belum habis. Sebab itu saya katakan daripada segi prosedur, bila bulan Disember nanti, kita akan melihat *the detail financial statement* syarikat daripada segi jumlah trafik, jumlah kutipan, baru kita dapat buat berapakah *actual payment compensation* yang perlu dibayar.

Bila kita umumkan dahulu, ada penangguhan tol pada beberapa perkara. Bila kita melaporkan kenaikan untuk tol dalam bandar, kalau kita ingat bahawa bas kita tidak naikkan. Sebab itu sebahagian pampasan adalah untuk bayaran kepada ketidaknaikan tol untuk bas. Sebab, kita merasakan bas diperlukan sebagai *public transport*. Oleh sebab itu untuk bas tidak ada kenaikan tol pada beberapa tahun yang lepas dan termasuklah, *insya-Allah*, tahun 2016, tahun 2017, bas juga tidak ada kenaikan.

Maksimum yang kita anggarkan kurang daripada RM1 bilion. Itu anggaran. *The final*, bila kita dah buat audit kepada semua *the statement of account, the traffic flow and so on*, ada *traffic volume*, barulah kita dapat *firm up what will be the actual figure*. Ini untuk tujuan bajet memang kita minta anggaran, jumlah anggaran yang diperlukan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya bahawa dulu Kementerian Kerja Raya mempunyai kuasa atau peruntukan untuk bayaran pampasan tol. Butiran 080100. Akan tetapi tahun ini, kita nampak bahawa semuanya pampasan atau subsidi ini ditukar tempat ke Kementerian Kewangan. Bukan sahaja daripada KKR tetapi juga daripada Kementerian Kesihatan,

Kementerian Wanita dan sebagainya dan juga *agriculture*. Jadi, adakah ini satu polisi baru di mana semua ini akan disatukan di bawah Kementerian Kewangan atau hanya tahun ini sahaja, tahun depan ada pula bayaran pampasan tol? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Soalan itu saya kira Yang Berhormat patut tanya kepada Menteri Kewangan II sewaktu dia membuat penggulungan tadi. Akan tetapi bagi saya, saya bersetuju sebab sebagai pengawal selia kewangan, so *the accountability*- dan mereka boleh ada *check and balance*. Sebab, dana ini belum dimuktamadkan. Apa-apa pun, yang penting ialah peruntukan. Bila diperlukan, maka mereka akan bayar melalui kementerian kita untuk kita selesaikan kepada apa yang dikomitedkan di bawah perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan dan juga pihak konsesi.

Saya beralih pula kepada Yang Berhormat Limbang. Peruntukan MARRIS untuk negeri Sarawak pada tahun 2015 ialah RM775,884,664. Besar sangat jumlahnya, Tuan Pengerusi. Saya tidak biasa tengok jumlah besar-besar macam ini sebab poket saya tidak sebesar itu. RM775,884,664. Tahun 2014...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Noktahnya di mana itu, Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Noktahnya di mana?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Noktahnya kosong-kosong selepas itu, Tuan Pengerusi. Tahun 2014, RM761,304,657. Tahun 2013, RM710,023,932 dan tahun 2012, lebih kurang RM548 juta. Itu jumlah yang telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Sama juga. Yang Berhormat Limbang memohon supaya kita membuat audit. Sebagaimana saya katakan tadi, audit untuk peruntukan MARRIS dilaksanakan oleh MoF. Akan tetapi, bila diperlukan, kita akan menghantar pakar-pakar kita untuk membantu dalam proses *auditing* tersebut.

Untuk Yang Berhormat Libaran, *Libaran bypass*, tarikh mula projek ialah 13 Oktober 2014, dijangka siap pada 12 Oktober 20- berapa ini? Salah mereka menulis ini-260. Tidak ada 260. Tahun 2016. Kemajuan projek setakat ini ialah 83.4 peratus dan sekarang ini mereka dalam proses permohonan lanjutan masa.

■2020

Jadi maknanya dia patut siap pada 12 Oktober 2016. Skop projek ini 25 kilometer, pelaksanaan secara empat fasa. Projek dijangka siap pada Februari 2017. Baki tiga fasa akan dipohon sebagai projek keutamaan. Jalan Sandakan-Tawau, pelaksanaan terbahagi kepada empat fasa. Anggaran kos ialah RM180 juta, fasa satu

telah pun siap sepenuhnya. Fasa kedua sekarang ini dalam pembinaan dan dijangka siap ada April 2017. Fasa keempat dalam pembinaan. Sekarang ini kedudukannya 81 peratus. Fasa kedua tadi ialah 90 peratus.

Untuk Yang Berhormat Bukit Gantang, ada beberapa perkara dibangkitkan iaitu berhubung kait dengan caj tiga peratus yang di caj oleh PLUS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PLUS menetapkan dasar sistem *point of sales* ini untuk semua R&R di Lebuhraya Utara-Selatan. Dasar tersebut dikenakan sebagai caj tambahan tiga peratus daripada hasil jualan peniaga gerai makan di R&R. Ini bertujuan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan prasarana R&R terbabit dan ia menggantikan kos kenaikan sewaan tetap. Dulu ada kenaikan sewaan tetap tetapi sekarang ini digantikan dengan kaedah tiga peratus. Jadi maknanya sewaan ditetapkan. Sepatutnya tidak ada kenaikan sewaan tetapi dicaj dengan tiga peratus tersebut. Caj tambahan ini sebenarnya telah dibuat perundingan dan juga dengan semua pengusaha gerai dan mereka bersetuju menerusi perjanjian pengendalian gerai bila mereka menandatangani perjanjian tersebut. Sudah pun dipersetujui. Ya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang tiga peratus itu dikenakan memang agak tinggi. Lebih baik sewaan dinaikkan tidak apa. Cuba bayangkan gerai kadang-kadang dia terpaksa bayar sebulan RM3,000. Saya harap Yang Berhormat Menteri mungkin boleh pergi *check* sendiri. Boleh pergi turun sendiri dan bertemu dengan sana.

Kedua, memang perniagaan R&R ini di*warning* oleh pihak PLUS. Malahan mereka hendak tahu siapa yang beri maklumat kepada MP Bukit Gantang. Kalau katakan perjanjian sukar ini orang anggap *wali mujbir*. *Wali mujbir* ini maknanya wali yang dipaksa untuk anak dara yang dipaksa berkahwin oleh ayah dan datuk dia. Ini yang berlaku kepada peniaga PLUS sebenarnya. Sebab itu saya harap, saya minta sangat-sangat supaya Yang Berhormat Menteri campur tangan dalam isu ini. Ini bukan satu isu yang kecil. Ini kerana ada satu gerai bayar RM3,000 tidak munasabah. Ini bukan berniaga dekat KLCC. Ini berniaga dekat R&R. Untuk menolong orang-orang kampung yang berniaga yang agak kecil pendapatan mereka. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Kalau tiga peratus daripada jualan dia dapat bayar RM3,000 maknanya keuntungan dia lebih besar daripada itu. Maknanya hasil jualan lebih besar daripada itu. Maknanya 97 peratus hasil jualan. Ini kerana kalau dia kena bayar RM3,000 untuk tiga peratus, maknanya hasil jualan lebih banyak.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: ...Tuan Pengerusi, sebab itu saya minta supaya- kemudian kedua pula ini, peraturan baru pula...

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Peraturan baru nanti saya akan siasat Yang Berhormat ya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Peraturan baru lagi zalim pula.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Saya akan siasat peraturan baru tetapi yang tiga peratus adalah untuk memastikan bahawa kawasan itu diberikan servis yang terbaik, selesa untuk pengunjung dan sebagainya. Akan tetapi saya akan siasat sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat untuk pastikan apa sebenarnya jumlah keseluruhan yang dikutip daripada tiga peratus yang ditetapkan oleh PLUS ini.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Saya harapkan sangat-sangatlah. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Untuk formula pampasan, saya sudah sebut juga tadi dia *base on traffic* dan sebagainya. Akan tetapi kita sudah buat penambahbaikan daripada generasi pertama. Kalau generasi pertama dulu tol ini dia automatik boleh naik ikut perjanjian tetapi sekarang ini kita sudah kawal. Boleh atau tidak naik sebab kita akan buat audit dulu betul atau tidak dia layak mendapat ataupun tidak layak. Kalau dia tidak layak dapat kita tidak akan izinkan sebagaimana peruntukan dan perjanjian. Akan tetapi kalau dia layak dapat, itu pun kita akan buat audit seperti mana yang saya katakan tadi.

Seterusnya jalan-jalan yang disebut. Kalau menyentuh kepada permohonan jalan, saya tidak akan memberi jawapan secara *detail*. Semua permohonan ini saya akan ambil perhatian dan saya akan membuat *respond* secara bertulis.

Untuk Yang Berhormat Sungai Besar sebab kawasan ini sama macam Sarawak. Agak mencabar untuk membuat jalan di Sungai Besar sebab tanahnya paya gambut. Tanah agak lembut. Bila kenderaan masuk, sebab itu berlaku paip pecah dan sebagainya sebab pergerakan tanah. Akhirnya banyak paip yang pecah dan saya sebenarnya berbangga sebab Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Besar ini amat prihatin. Apa sahaja berlaku dia akan terus *update* saya supaya kita dapat mengambil tindakan bersama. Atas keprihatinan dia juga, maka saya hendak maklumkan bahawa kita baru dapat surat bahawa tambahan untuk membuat paip baru di kawasan itu sebanyak RM72 juta sudah pun diluluskan oleh EPU [*Tepuk*]

Yang Berhormat Parit Sulong, untuk jambatan yang sudah setengah abad tetapi kalau tengok Yang Berhormat Parit Sulong tidak macam orang setengah abad. Nampak muda lagi. Jambatan sahajalah setengah abad. Jadi projek ini *insya-Allah* kita akan meneruskan komitmen kita untuk memohon di bawah peruntukan akan datang.

Untuk Yang Berhormat Seputeh. Yes, Yang Berhormat Seputeh...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, yang lain itu? Bukan satu sahaja saya bawa. Ada banyak lagi.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Projek-projek lain saya kata saya akan buat jawapan secara bertulis.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih. Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Kalau hendak jawab banyak sangat. Semua hendak minta projek. Saya pun kena *check detail* takut nanti ada maklumat yang tidak berapa tepat.

Untuk kesesakan di kawasan Mid Valley, ini sama juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Sebahagian, saya harap akan diselesaikan bila ada Lebuhraya Setiawangsa-Pantai Expressway (SPE) yang sedang dalam pembinaan. Yang ini akan menyambung dari persimpangan bertingkat Taman Melati di MRR2 ke persimpangan bertingkat di Kerinchi. Ini sedang dalam pelaksanaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Besar sudah keluar, Yang Berhormat. Hendak maklumkan kepada orang kampung lah itu... [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Dia hendak maklumkan itu. Akan tetapi sebahagian lagi, Yang Berhormat Seputeh, saya kira kita minta juga kalau kita membuat persimpangan bertingkat, ada sebahagian lagi jalan nanti adalah di bawah pentadbiran PBT. Kita sudah menulis kepada PBT untuk mencadangkan supaya sebahagian dari persimpangan bertingkat yang di bawah kawal selia PBT untuk mereka laksanakan. Ini kerana sebahagian daripada *traffic congestion* disebabkan *bad flow*. Maknanya kalau jalan ini, satu buah jalan ada *bottle neck*, maka akan berlaku *bad flow* dan kita berhubung dengan PBT di kawasan terbabit untuk kita bincangkan secara bersama supaya kita dapat mencari *total solution* kepada permasalahan ini. Kalau kita buat satu, kita hanya *transfer* sebahagian daripada *problem* ke tempat yang lain. Sebab itu kita, *will have to get* PBT untuk bekerjasama dalam hal ini.

Berhubung kait dengan... [*Disampuk*] Yang itu kita kena buat kajian secara terperinci. Terowong, sebab untuk menghubungkan Kuchai Lama ke Lebuhraya BESRAYA, ia telah ditukar pembinaan menggunakan *overpass*. Tidak lagi menggunakan terowong dan ketika ini sedang di peringkat rundingan fasa satu dan fasa dua. Ada dua fasa. Fasa satu dan fasa dua dan ini akan ditanggung oleh syarikat konsesi. Mereka akan buat. Akan tetapi masih dalam peringkat rundingan dan *detail design*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, sidang lepas saya tanya juga dalam rundingan akan kaji, sekarang juga kaji. Sekarang Bajet 2017 akan datang yang mana kita bahaskan kita boleh buat keputusan kerana yang buat syarikat konsesi. Biar mereka buatlah. Saya hanya hendak minta kelulusan cepat daripada Yang Berhormat Menteri sahaja.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Memang kita tidak ada masalah. Kita pun hendak cepat tetapi syarikat konsesi dia kena *come out with all the design* apa semua. Nanti *end of the day* kalau dia takut banyak perkara lain yang kita kena *detail* daripada segi *financial and also* daripada segi teknikal, *you know*. So, kita kena tengoklah apa yang dia cadangkan tetapi daripada segi prinsip memang mereka sudah setuju untuk buat dalam dua fasa.

■2030

Berhubung kait dengan rungutan supaya jangan banyak lagi *development* di sana. Itu *you* kena bincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan lah. Itu bukan dalam bidang kuasa kita. Yang Berhormat Tumpat, projek pembinaan jambatan dan jejambat di jambatan atas rel Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan. Yang ini sudah diluluskan untuk *Rolling Plan* Pertama, dalam perancangan. Kota Baharu-Kuala Krai, Kelantan, yang ini memang sudah diumumkan. Cuma ada beberapa jajaran yang bertindih dengan apa yang dirancang oleh kerajaan negeri.

Jadi, sebab itu kita kena bincangkan dengan kerajaan negeri supaya *the overlapping* perancangan untuk jalan dari Kota Bharu ke Kuala Krai itu dapat kita selesaikan. Kalau tidak, kita akan bazirkan duit untuk buat dua buah jalan untuk satu tujuan. Akan tetapi untuk tahun ini, satu lagi pakej iaitu dari Ketereh sudah pun dimasukkan dan *insya-Allah* dapat diluluskan pada tahun ini. Satu lagi yang dipohon iaitu *flyover* dari Kota Bharu melintasi bulatan Wakaf Baru ke Pengkalan Kubor, Kelantan. Yang ini pun *insya-Allah* dalam tahun depan kita akan proses, tender akan berjalan dan kita jangkakan untuk tiga tahun setengah tempoh pembinaannya...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Dato', terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Tenom, perbaikan cerun, ada beberapa permohonan. Ingin saya maklumkan Yang Berhormat Tenom, reka bentuk untuk Jambatan Sungai Padas telah pun diluluskan. *Insya-Allah* Februari tahun depan diharapkan proses tender ini selesai dan kita dapat berikan surat setuju terima kepada kontraktor yang berjaya dalam tender nanti. Yang lain-lain, jajaran sama ada kawasan *Pan Borneo* akan melalui Parlimen Tenom. Malangnya setakat ini untuk fasa

pertama tidak melalui kawasan Parlimen Tenom. Cuma fasa kedua dan fasa ketiga belum dimuktamadkan jajarannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya mendengar kawasan-kawasan yang dapat diluluskan. Kalau ada kawasan Beluran nanti, bertulis kepada saya Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya, saya akan. Saya tahu Yang Berhormat Tuan Pengerusi tidak dapat berbahas. Kita boleh berbahas di luar nanti. Yang lain-lain, saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Tenom.

Yang Berhormat Kuala Terengganu mengatakan bahawa LPT2 masih tidak selamat daripada segi kedudukan jalannya dan juga ada pencerobohan disebabkan haiwan liar yang masuk ke kawasan tersebut. Saya sendiri sebenarnya sudah pun pergi ke sana. Banyak berlaku dulu dan apa yang kita lakukan ialah untuk melantik IKRAM untuk kita membuat *auditing* jalan tersebut. Daripada *auditing*, saya jangkakan berdasarkan aduan, agak besar masalahnya.

Akan tetapi bila kita membuat *auditing* dengan menggunakan *the latest technology* yang ada oleh IKRAM, maka kita dapati jalan yang beralun hanya sedikit sebenarnya. Kurang daripada 5 peratus. Itu pun kita dah serahkan ambil tindakan sama ada melalui LLM dan juga JKR untuk kita labelkan mana jalan yang beralun dan juga kita tambah baik kawasan saliran parit yang menyebabkan limpahan air ke *highway*. Itu sudah pun dibuat dan untuk itu sekarang ini apa yang dilakukan ialah kita sudah pun melantik syarikat konsesi untuk menyelenggara jalan tersebut. Sebab itu tol untuk LPT2 hanyalah untuk penyelenggaraan *highway* tersebut supaya ia sentiasa berada pada tahap yang kita tetapkan dan kita akan membuat audit kepada apa saja kerja dilaksanakan oleh syarikat konsesi dilantik.

Manakala salah satu cabarannya kawasan ini ialah ada ladang, ada perkampungan. Di situ kita melihat bahawa sebahagian daripada kadang-kadang berlaku, ada orang yang membuka pagar dan ini sebab kadang-kadang haiwan boleh lalu. Apatah lagi kalau kita melihat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi haiwan liar yang boleh menyebabkan pagar terbuka. Kita sudah minta syarikat konsesi untuk ketatkan kawalan dan juga menambah baik jenis pagar yang digunakan. Pada masa yang sama, kita memohon kerjasama daripada PBT dan juga warga penduduk setempat supaya menjadi mata dan telinga kita. Kalau berlaku saja, cepat-cepat untuk hubungi supaya kita boleh ambil tindakan segera untuk memastikan pagar yang telah rosak diperbaiki secepat mungkin. Itu yang telah kita laksanakan.

Yang Berhormat Ampang, berhubung kait dengan cerun. Untuk makluman, di Bukit Antarabangsa tapi Yang Berhormat Ampang tidak ada dalam inilah, saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Ampang.

Yang Berhormat Jerantut, untuk Ahli Yang Berhormat Jerantut, Projek Jerantut-Maran yang terbengkalai. *Insyah-Allah* projek ini sudah pun diluluskan untuk *Rolling Plan* yang kedua 2017 ini iaitu menaik taraf laluan 64 Jalan Benta-Jerantut-Maran fasa pertama, segmen yang ketujuh sepanjang 6 kilometer dengan kos keseluruhan RM71 juta. Jalan ini kita akan naik taraf daripada R3 kepada R5. Yang Berhormat daripada Puchong, *last* sekali lah ya. Fasal / tahu *you* banyak hendak *discuss* dengan saya lepas ini. Saya akan jawab *last* sekalilah Yang Berhormat Puchong.

Untuk Yang Berhormat Gerik, pembaikan cerun juga telah diluluskan dalam *Rolling Plan* yang kedua, Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu kerja-kerja cerun di laluan FT004, seksyen 96. Yang spesifik yang lain, saya akan bagi jawapan secara bertulis.

Untuk Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Langat ada? Seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, di Batu 14, *traffic lights* dan persimpangan sudah kita perbaiki. *Insyah-Allah* untuk Batu 9, kita sudah mendapat kelulusan untuk kita membuat persimpangan di Batu 9.

Untuk Yang Berhormat Kuala Pilah, untuk jalan Seremban-Kuala Pilah, ada 3 fasa. Yang Berhormat Kuala Pilah, nanti saya bagi jawapan secara bertulis ya. Agak *detail* ini.

Yang Berhormat Gerik juga ada membangkitkan berkaitan dengan kualiti cat yang digunakan. Saya akan mengambil serius pandangan Yang Berhormat. Sekarang ini memang sepatutnya ada teknologi baru iaitu *all weather thermoplastic* yang boleh digunakan. Yang ini lebih tahan lama. Cuma daripada segi harga, bila kualiti lebih tinggi, tahan lama, harga pun lebih mahal. Itu saja yang kita kena lihat. Manakala jalan-jalan beralun, *insyallah* kita akan membuat audit untuk memastikan bahawa jalan beralun ini memenuhi standard yang ditetapkan.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, sudah jawab tadi berhubung kait dengan jalan- yang *the highway* itu, yang saya katakan tadi...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Utara]: Tidak ada kaitan itu, NPE.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: lalah NPE.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Utara]: NPE dengan persimpangan NPE, Jalan Klang Lama dengan Jalan Templer.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Itu kita sudah bagi jawapan bertulis dekat *you* dan pada masa yang sama saya kata tadi kita akan...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Utara]: Itu tidak ada penyelesaian jangka panjang.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Tidak, jangka panjangnya kita kena *sit down* dengan Majlis Perbandaran PJ.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Utara]: MPPJ sudah hantar surat tapi pihak kementerian sudah bagi surat untuk *reject* tentang perkara ini. Sebab itulah saya minta mohon.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Setahu saya, saya belum ada tengok lagi surat itu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Utara]: Ada.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Nanti boleh *pass* pada saya surat itu.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Utara]: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Kota Raja, berhubung kait dengan- Yang Berhormat Kota Raja ada?

■2040

Yang Berhormat Kota Raja berkaitan dengan bidang kuasa jalan persekutuan, jalan negeri, jalan PBT dan kita juga ada jalan majlis daerah. Jadi majlis daerah dan PBT di bawah PBT dengan majlis daerah manakala jalan negeri di bawah JKR negeri. JKR negeri untuk penyelenggaraan jalan, mereka akan mohon kepada kerajaan negeri melalui peruntukan MARIS yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan yang di — *manage* atau ditadbir urus oleh kerajaan negeri. Manakala jalan persekutuan menggunakan peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya juga Kerajaan Persekutuan dan juga JKR negeri akan membantu kita untuk memantau pelaksanaan tetapi biasanya kita akan sama ada menerusi syarikat konsesi yang telah dilantik untuk membuat penyelenggaraan dan dikawal selia ataupun dimonitor dengan izin, oleh JKR negeri sebagai agensi sebab di bawah Perlembagaan —kan kita ada *join* apa kan, *this is one of the services* di mana *join* antara federal dengan *state*.

Jadi perbezaannya ialah daripada segi punca kewangan. Punca kewangan ialah kalau negeri akan dapat peruntukan daripada MARIS. Jadi mana jalan negeri tadi termasuk sekejap di jalan persekutuan, masuk balik jalan negeri. Kerajaan negeri dia akan minta peruntukan daripada MARIS dan Setiausaha Kewangan Kerajaan Negeri akan beri peruntukan kepada JKR negeri untuk membuat penyelenggaraan jalan negeri tersebut manakala untuk jalan persekutuan, mereka akan rujuk kepada Kementerian Kerja Raya. Okey?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat, saya bertanya tadi mengenai satu jalan tetapi di antara jalan federal ada jalan negeri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Okey, saya baru sentuh berkaitan dengan daripada segi punca kewangan tetapi daripada segi macam mana jalan itu patut jalan negeri ataupun jalan persekutuan. Biasanya jalan negeri terserah dengan kerajaan negeri sama ada dia hendak serahkan kepada Kerajaan Persekutuan ataupun tidak ataupun kalau dia tidak serah, maka tetap jadi jalan negeri. Dalam keadaan yang tersebut, maknanya negeri hendak *maintain* jalan tersebut sebagai jalan negeri kecuali kalau dia hendak serah kepada kita, dia kena membuat permohonan secara bertulislah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Jadi, pelaksana kepada negeri dan pusat adalah JKR daerah, betul?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Implementation wise*. Makna dia, semua jalan di dalam satu kawasan daerah akhirnya jatuh kepada JKR daerah. Maknanya dialah yang akan tahu mana hendak pergi negeri ataupun pusat, begitu? Cuma saya rasa kadang-kadang tidak ada, *they are not talking or sometimes* negeri, daerah, pusat *not talking* sebab jalan itu dijaga oleh satu jabatan *and yet the implementation*, penyelenggaraan dan sebagainya itu tidak terkoordinasi.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Bagi saya, tak sepatutnya berlaku tetapi kalau dapat diberi maklumat yang lebih terperinci mungkin kita boleh mohon JKR untuk melihat perkara ini. Untuk *maintenance*, sebenarnya untuk syarikat konsesi yang *maintain* jalan termasuklah seperti yang saya katakan tadi ada tiga jenis *maintenance*. Pertama rutin, satu lagi berkala dan ketiga kecemasan. Rutin termasuklah kerja-kerja pemotongan rumput, mencuci longkang dan sebagainya. Memang benar di bawah kontrak sekarang ini untuk kerja rutin, dia ada tempoh tertentu. Misal kata mencuci dalam setahun dua kali, memotong rumput berapa bulan sekali. Itu memang ditetapkan dalam perjanjian dan kalau kita tidak puas hati, kalau Yang Berhormat rasa ada kerja Yang Berhormat nampak tidak puas hati, boleh maklumkan kepada kita. Sebab kita akan hanya membayar mereka kalau mereka memenuhi standard. Di sini yang jurutera daerah akan memainkan peranan untuk membuat pengesahan sama ada kerja telah dilaksanakan mengikut apa yang termaktub dalam perjanjian.

Berkaitan dengan permohonan untuk naik taraf jalan dan sebagainya, saya akan buat secara bertulis. Begitu juga dengan Yang Berhormat Sik minta menaiktarafkan Laluan 67 Sungai Petani – Baling di Simpang FT 67 MK Kuala Muda. Yang Berhormat Sik ada? Bolehlah umum. Dah diluluskan ya.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh keluar minum kopi, Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ha, boleh. Yang Berhormat Kota Tinggi. Dua-dua yang disebut tadi pun boleh diumumkan. Yang Berhormat Kota Tinggi, balik kawasan nanti boleh umum. Dah diluluskan Bajet.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, tolong baca tadi menaiktarafkan kalau saya tidak silap dengar nanti saya *happy* tidak betul. Yang Berhormat Baling – Sungai Petani?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Kuala Muda ke Simpang Baling FT 67 ya?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Bukan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Bukan ke itu?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Tidak betul itu.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ha? Ini jalan lain ya?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Ha, itu jalan lain.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: FT 67, Sungai Petani – Baling dari simpang FT 67.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Saya FT 71.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: 71? Ha, okeylah. Minta maaf. Yang ini saya dicatatkan macam ini, nanti saya semak permohonan Yang Berhormat Sik. Jangan balik karang demam pula Yang Berhormat Sik [*Ketawa*].

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Insyah-Allah*, ubat banyak.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Kota Tinggi, saya akan bagi maklumat terperinci tetapi apa yang Yang Berhormat bahaskan tadi *insyah-Allah* nampaknya ada diperuntukkan untuk kelulusan *Rolling Plan* Kedua. *Detail* nanti kita maklumkan.

Yang Berhormat Beruas, jalan persekutuan FT 60. Projek ini ada beberapa pakej, pakej pertama ialah FT 60 dari Damar Laut ke Changkat Jering. Ini sudah pun masuk tapak pada 1 September 2016 dan kalau ikut perjanjian siap 31 Ogos 2018. Manakala FT 60 dari Damar Laut ke Changkat Jering, Pakej 2A. Yang ini pun 17 Oktober 2016 sudah diserahkan kepada kontraktor dan *expected* kalau ikut perjanjian 16 Oktober 2018, siap. Ini janji BN, jadi kita masih laksanakan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini sudah umum lapan tahunlah jadi terima kasihlah sekurang-kurangnya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Tapi laksana jugalah. Tetapi bukan sebab Yang Berhormat ya. Sebab, sebab...Okey, sekarang ini saya beralih kepada Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Lama dia tunggu Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya lah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebelum itu lagi satu isu, tentang ubah suai Parlimen. Apakah *progress*? Sudah bertahun-tahun pun, hendak tahulah. Tadi saya bangkitkan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sudah bertahun-tahun ke?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya sudah bangkitkan tadi, kalau boleh ada jawapan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Dia ikut jadual yang kita tetapkan. Dia ada banyak fasa dan satu fasa iaitu fasa yang membuat M&E dah pun siap. Dewan Utama dalam *progress and hopefully targeted date* untuk kita tahun depan siap, kita harap dapat dicapai. Dia ada beberapa masalah teknikal yang kita nampak tetapi sekarang ini memang ada —jawatankuasa pun ada, yang diwakili oleh pihak pembangkang pun ada *sit down* sama kita.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ada rancangan tentang *multilevel parking* tidak? Oleh sebab masalah *parking*. Ada rancangan tidak untuk pinda?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang itu apa yang dah dibentangkan dan diluluskan, itu yang kita laksanakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tidak minta JKR bagi satu mungkin sesi taklimat atau *briefing* kepada MP?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada Jawatankuasa Dewan, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh, kami pun Ahli Parlimen. Ya lah, Tuan Pengerusi. Kita semua ini berada di sini sudah terlalu lamalah.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Seputeh, kita memang ada jawatankuasa bersama di mana kita ada wakil daripada pihak pembangkang, wakil daripada BN, wakil daripada Parlimen memang ada duduk tetapi kalau Yang Berhormat hendak *briefing* nanti, kita akan cuba.

Okey, untuk tol. Saya dah katakan bahawa penambahbaikan daripada segi generasi pertama, kedua, ketiga dan sekarang ini yang keempat. Penambahbaikan daripada segi keempat, maknanya perjanjian tol boleh lupus awal, *early determination* kalau mereka dah capai apa yang ditetapkan dalam perjanjian iaitu daripada segi pulangan, *return of investment* mereka sudah dapat maka kita boleh tamatkan perjanjian dan ada *certain* peruntukan, dia ada *profit sharing* dengan kerajaan. Daripada situ yang kita buat penambahbaikan. Kalau dahulu, dia *fixed* terus dan untuk LDP, tempoh akhir LDP ialah 20 ke 30, tarikh luput atau habis tempoh.

■2050

Daripada segi perundingan, memang kita membuat perundingan *as you know*, kalau perjanjian itu sudah termaktub, *LDP is one of the first generation agreement* untuk kita ubahkan apa yang telah terkandung, *is not that easy* sebab kadang-kadang mereka tak bersetuju walaupun kita membuat beberapa perundingan dan tawaran kepada mereka. *End of the day* kalau kita hendak kurangkan, dia minta *extension of time*. *Extension of time is another*— maknanya kita *delay* untuk *solving the problem*. So sebab itu saya kadang-kadang melihat perkara ini kita kena bincang secara lebih besar melibatkan EPU dan juga Kementerian Kewangan sebab ada keputusan dasar yang diperlukan.

The others area yang kita kena lihat ialah untuk LDP, dia *is an open toll system*. *Open toll system* maknanya *public* boleh guna, ada *certain stretches* ini dia tak kenakan tol walaupun dia akses untuk trafik-trafik lain dari taman-taman dan sebagainya boleh gunakan. Cuma kalau dia *pass toll booth*, dia kena bayarlah. Oleh sebab itu dikatakan *open system*. Manakala *close system is like* Lebuhraya Utara-Selatan. *That is close system*. Maknanya orang tak boleh keluar masuk dengan bebas. Mana-mana *you* keluar *you* kena apa, *whereas* LDP, bukan.

So how do we solve the problem? Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa salah satu punca ialah disebabkan kelulusan projek-projek yang begitu banyak. Jadi bila kelulusan projek ini adalah di *submit through* kerajaan negeri, *the local authorities*. Akan tetapi bila diluluskan, kadang-kadang mereka tidak mengambil pertimbangan apakah kemampuan jalan itu boleh menampung dengan kelulusan projek-projek *development*. Itu yang berlaku di kawasan Puchong sebenarnya. Jadi itu sebahagian daripada cabaran. Oleh sebab itu salah satu dulu bila ada *proposal*, salah satunya ialah KIDEX iaitu Kinrara ke Damansara untuk kita leraikan, ada opsyen daripada *the people* untuk lari daripada keadaan yang ada sekarang. Akan tetapi malangnya, kelulusan KIDEX sudah pun dibatalkan. Maka, KIDEX tak ada. Ada *few highway* bila KIDEX dibatalkan, maka ada lagi satu *highway* terpaksa dibatalkan. Ini juga menjejaskan apa yang berlaku di PJ Selatan sebab perancangan keseluruhannya dulu dengan adanya semua *highway* yang kita rancang ini, ia dapat meleraikan trafik.

Pada masa sekarang, kita harapkan banyaklah apa yang dikatakan *the ring road* yang akan meleraikan trafik. Akan tetapi malangnya ada sebahagian tidak diluluskan, maka ia menjejaskan segala perancangan. Akan tetapi yang lebih penting saya kira, kita kena juga beralih kepada *public transport*. *That is why* LRT, MRT supaya nanti ada pilihan kepada rakyat kita. Kita harap ada *migration* daripada menggunakan jalan, orang akan *migrate* kepada *public transport*. Ini kita mengharapkan dapat mengurangkan

traffic jam. Akan tetapi kita pun perlukan pada masa yang sama kerjasama erat dengan PBT sebab kalau PBT...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Meluluskan lagi banyak projek, maka pertumbuhan trafik, *concentration* kepada jalan-jalan tertentu itu akan menjadi cabaran untuk kita selesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang saya hormati, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya dengar apa yang disebut dan ya, memang itu adalah benar. Kawasan Puchong ini ia bangun dengan pesat. *Whether you like it or not, I think* itu menjadi tempat di mana ramai yang beli rumah, pindah *especially those who work in KL*, dia datang daripada sana. Jadi ini sepatutnya menjadi satu perkara dalam rancangan Kerajaan Persekutuan. Ini kerana dalam masa yang akan datang tidak lama lagi, kita akan lihat pembangunan di situ pesat.

Persoalan yang berbangkit adalah ini, kita ada sistem perjalanan di situ sekarang. *So we already have various highways that we are going through it*. Kalau datang ke kawasan Puchong, *you can see for yourself* Yang Berhormat Menteri, *there are many highways and there is a lot of connectivity*. Akan tetapi masalah yang berlaku di situ masalah trafik. Trafik itu berlaku kerana kita lihat bagaimana jalan bertol itu—*there is no study* dalam mana kita boleh ada urusan ataupun aliran, aliran trafik supaya tidak ada trafik. *I understand* seperti mana Yang Berhormat kata tadi kita ada banyak taman-taman dan sebagainya, *that is lot of traffic coming in but there must be a study*. Saya dalam dua tahun yang lalu saya ada minta supaya Kerajaan Persekutuan, *in fact* Tuan Pengerusi, *I also asked* kerajaan negeri supaya satu kajian dibuat. *So to me, this is a problem with both the state and Federal Government must look at*.

Kita perlu satu kajian, *a study that will help find the solution to the problem*. Kalau tidak, kita tidak boleh selesai masalah ini. Kita tidak boleh setakat kita kata okey, PBT jangan luluskan. Itu tidak boleh kerana banyak daripada tanah itu telah pun *they are already earmark for commercial development, if not residential development*. So masalah dia, bagaimana kita hendak uruskan?

Don't forget Yang Berhormat Menteri, Putrajaya *is right next to Puchong*. Di situ kita ada banyak jalan yang besar dan sebagainya tidak bertol. Akan tetapi di Puchong, di mana tempat ramai penduduk sangat, semua kena tol. So kita hendak tanya kenapa boleh berlaku keadaan sedemikian? *You speak about KIDEX and all that, I understand those are areas, those are options that Kerajaan Persekutuan has come with*. Kenapa tidak boleh Kerajaan Persekutuan bina satu jalan raya, satu highway yang tidak bertol *to connect Puchong to other places or removes toll that currently exist in Puchong*. So *these are the areas that I think that is the challenge* yang mana kita harus cari satu jalan untuk menyelesaikan masalah itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih. Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat melihat salah satu pengumuman yang dibuat oleh Mantan Menteri Besar Selangor iaitu Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, salah satu inisiatif yang dia hendak buat dulu ialah untuk membuat naik taraf dan penukaran jalan sehala Seri Kembangan. Diumumkan sebanyak RM36 juta. Sebahagiannya dia hendak buat jalan sehala, kemudian yang lain dia akan buat jalan dua hala. Satu, dia buat— ini *diconfirmkan* pula oleh ADUN Seri Kembangan iaitu Ean Yong yang mengatakan RM36 juta ini akan dibuat, tetapi sampai sekarang dia tak buat. Hanya satu sahaja dia buat. Itu *is partly* kalau dia orang sudah *commit, they should do it*. You boleh bawa kepada peringkat negeri nanti, tanya *what happen to* apa yang telah diluluskan RM36 juta.

Saya dimaklumkan hanya dua sahaja dibuat dalam lingkungan satu untuk membuat *U-turn*, jalan jadi *one way* sahaja *to convert and the rest* itu, sekarang ini *they put the blame also* macam apalah, kepada Kerajaan Persekutuan. Walhal yang *commit* itu mereka. *So in another words, I think what we should do* dengan izin, ialah untuk *sit down together* buat perancangan dan bagaimana kita hendak mencari penyelesaian ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, itu saya setuju. *In fact a packages correct* Yang Berhormat Menteri, kerja-kerja telah pun dimulakan di Seri Kembangan. *I am there. That is actually the different area. Seri Kembangan is actually towards Seri Serdang*. Apa yang kita bincang sekarang berkenaan dengan isu khususnya di kawasan Kinrara, selepas *itu going into areas of Equine Park. Those are the areas we are very-very hope, heavily populated and all that, but I think* saya mengalu-alukan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. *In fact we are prepared to sit and work because we need to find some kind of solutions to reform because otherwise a next few months, next few years I think this forum is going to reach* tahap yang memang ia tidak boleh diselesaikan. *So we are prepared to discuss it and of course anyway I can cooperate as MP, I am prepared to sit with you as well*.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Sebab salah satu puncanya ialah sebahagian jalan juga di bawah PBT hendak masuk ke taman-taman. Kalau jalan itu tak di-*upgrade that will cause a bad floor* kepada *highway* sebab laju *highway* hendak keluar, jalan sangkut sebab di dalam jalan taman-taman ini ada *traffic light*, banyak simpang dan sebagainya. *That also contribute to the traffic congestion*. Oleh sebab itu *the solution is we have to sit down bersama dan find the total solution to it*. Baik kerajaan negeri, *we have to focus on the people. Alright*. Bandar Kuching...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja tentang KIDEX.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri komen sikit tentang KIDEX. Yang Berhormat Menteri kata KIDEX telah dibatalkan tetapi saya pun terima bahawa ada berita bahawa *group* yang lain telah tukar sedikit *alignment* KIDEX dan mereka telah *submit* satu *proposal* baru untuk membina lebuh raya yang lebih kurang sama dengan KIDEX kepada kementerian. Bolehkah Yang Berhormat Menteri *confirm* adakah perancangan tersebut? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Saya tak tahu berhubung kait dengan perkara itu. Kalau adapun cadangan, dia kena melalui proses yang sama iaitu penilaian di peringkat UKAS, penilaian di peringkat Kementerian LLM dan penilaian di peringkat kerajaan negeri.

■2100

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Maksudnya Menteri sudah terimalah ada cadangan tersebut, perancangan tersebut.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Saya kata saya tidak tahu, kalau adapun, kena melalui proses yang sama. Akhirnya perlu dilulus ataupun tidak, kata pemutusnya di peringkat MTES Negeri Selangor.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi boleh saya hanya– minta maaf Yang Berhormat Menteri. Tadi juga dibangkitkan berkenaan dengan soalan trafik di Taman Putra Permai dan Taman Equine. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang saya terima minggu lalu, dia kata ada peruntukan RM400 *million* tetapi memang tidak ada dana untuk teruskan dengan projek tersebut. *So in other words*, sudah dikenal pasti masalah itu, sudah juga dikenal pasti **top**..... dalam mana kita hendak selesaikan tapi hanya tidak ada dana.

Jadi cadangan yang saya bawa Yang Berhormat Menteri, *can we try and find a way where we can do it* secara berperingkat. So, kalau kita tidak boleh cari RM400

million for one particular, is it possible to ask the ministry to look back at it and see whether we can break it down, so at least we can start moving on the project Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: *Study* kita sudah buat, memang betul anggaran untuk projek ini RM400 juta tapi kemudian kita tidak *proceed because of the announcement by* Kerajaan Negeri Selangor bahawa dia akan buat dengan kos RM36 juta. *That will be the* fasa apa. So kalau...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau dia sudah *totally different area*.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sama, sama...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Totally different area*.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: ...Di Sri Kembangan Jalan Putra Permai.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Totally different areas. The one* Yang Berhormat Menteri *talking about is down the road. It's further down.* Akan tetapi di sini kita– *what we are talking about is the one in front of Giant, in front of Equine Park there, so I hope* Yang Berhormat Menteri *put on the record*.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: *Let me check on the detail* lah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Perhaps* Yang Berhormat Menteri *can communicate with me I can also assist to settle that problem*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh bincang di luar Yang Berhormat ya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Okey, Yang Berhormat Bandar Kuching, kalau kita hendak melihat dari segi bajet, kita tidak dapat melihat dari satu skop berapa peruntukan untuk Kementerian Kerja Raya tapi kena melihat pada keseluruhan. Makna ,berapa peruntukan di KKLW, berapa peruntukan di kementerian-kementerian lain *then you lump sum only then it will be a fair argument* lah.

Kedua, mengapa peruntukan untuk kita ini hanya yang *diallocate* di bawah peruntukan pembangunan Kementerian Kerja Raya untuk Sarawak. Jumlahnya kita lihat dari segi anggaran untuk tahun ini. Ini tahun ini sahaja, tetapi kita kena tengok siling. Kalau kita tengok siling antara Sabah dengan Sarawak lebih kurang sama. Silingnya lebih kurang sama tapi sebab bergantung dengan apa yang boleh dilaksanakan tahun ini sebab itu bajet diperuntukkan. Sebab kita buat *value engineering*, kita buat apa yang boleh dilaksana.

Kalau kita melihat di Sarawak sahaja di samping apa yang diumumkan, kita ada Jambatan Batang Lupar, kita ada *few* jambatan lagi yang kita akan buat. Itu ada semua peruntukan yang ditetapkan. Dia ada peruntukan *based on* tahunan. Kalau kita lihat Sarawak, Sabah secara purata dapat RM3.3 bilion dari segi kos projek. Sudah pasti

yang diperuntukkan untuk Sarawak, RM299 juta untuk sembilan projek iaitu projek yang sebahagiannya sudah siap, sebahagian lagi ada projek dalam perancangan ataupun dalam pelaksanaan.

Peruntukan ini berdasarkan unjuran berapa yang boleh dibelanjakan setiap tahun. Akan tetapi yang penting tengok berapa peruntukan siling untuk Rancangan Malaysia Kesebelas keseluruhannya. Okey...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Saya berasa sedikit keliru tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri kerana apa dana yang harus dikeluarkan oleh kerajaan harus diluluskan dalam Dewan ini. Di bawah Kementerian Kerja Raya, di sini pembangunan peruntukan untuk Pembangunan adalah jelasnya kita hanya dapat RM299 juta sahaja dan Sabah terdapat RM494 juta. Manakala di sini Semenanjung Malaysia terdapat RM2 bilion, dua ribu lebih juta secara langsung dan dua ribu lebih juta lagi secara pinjaman.

Oleh itu peruntukan Pembangunan di bawah Kementerian Kerja Raya untuk tahun 2017 ini adalah RM4 bilion lebih untuk Semenanjung, manakala untuk Sarawak hanya RM299 juta. Ini merupakan satu ketidakseimbangan terhadap kita sini. Lain yang disebutkan kalau tidak termaktub dalam buku bajet ini, bagaimana kita hendak mengeluarkan duit untuk membiayai projek-projek yang disebutkan tadi.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Itu yang saya katakan tadi, kalau kita hendak lihat kita kena lihat kepada keseluruhan. Berapa pula peruntukan untuk luar bandar negeri Sarawak berbanding dengan Semenanjung. Itu semua kena tengok...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ya tahu. Saya telah tengok tapi...

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: ...Baru kita dapat keseluruhan, jangan melihat pada hanya satu kementerian.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Bukan sahaja ini, yang telah kita dimaklumkan oleh Menteri Kewangan dua hari lalu bahawa tahun lalu kita- Sarawak pun terdapat daripada keseluruhan peruntukan Pembangunan, kita dapat lima peratus sahaja. Kita dari Sarawak dapat lima peratus sahaja daripada keseluruhan peruntukan untuk Pembangunan. Ini yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan II dua tahun lalu. Kalau Yang Berhormat Menteri Kerja Raya hendak sebut keseluruhannya, apa yang sudah *diconfirm* oleh Menteri Kewangan bahawa kita Sarawak dapat lima peratus sahaja.

Sekarang di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri, Kementerian Kerja Raya juga kita enam peratus sahaja lebih kurang sama walaupun kita hendak lihat keseluruhannya atau satu kementerian sahaja.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Ya, peruntukan itu saya juga diingatkan bahawa tidak termasuk apa yang kita buat di bawah Pan Borneo ya. *It's over and on top the normal* peruntukan yang kita terima. Memang biasanya inilah jumlah yang kita terima tapi yang penting saya kira kena lihat dalam *bigger perspective*. Seterusnya untuk Pan Borneo, saya hendak katakan bahawa Yang Berhormat mengatakan bahawa LBU sebenarnya adalah mewakili kerajaan untuk *manage the project*. Mereka mengenakan *fees* dan *fees* mereka ini boleh dipotong sekiranya mereka tidak melaksanakan mengikut terma yang telah ditetapkan.

Untuk tujuan kewangan, projek ini dilaksanakan secara tender kepada semua kontraktor. Sebab itu dari segi *governancenya*, kita ada Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Kos Kontrol ataupun *Change Committee* yang dipengerusikan salah satu oleh KSN, dua dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. *Technical Committee* dalam itu ada JKR Sarawak, ada Ministry of Infra Sarawak dan juga JKR. Untuk *check and balance*, Kementerian Kerja Raya hanya memainkan peranan sebagai *checker* dan sebagai *checker* kita sudah melantik *independent checking engineers* yang akan membuat segala audit untuk meluluskan bayaran, untuk melihat dari segi kualiti kerja dan sebagainya supaya ia ada *check and balance*.

Manakala kewangan akan dikontrol oleh Kementerian Kewangan, akan disalurkan *direct* kepada kerajaan negeri mengikut *certification* yang telah disahkan melalui proses tuntutan dan disahkan oleh jawatankuasa yang telah meluluskan. Jadi, tidak timbul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi untuk secara sinis mengatakan bahawa ada proses seolah-olah ingin menguntungkan sesuatu pihak. Ini tidak. Sebab komitmen kita, apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan ialah *based on the siling*. Siling ditetapkan kalau ia *burst*, makna *the PDP will be penalized* ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya ada terima maklumat bahawa LBU, Syarikat LBU iaitu syarikat yang dilantik untuk *manage the contract*. Saya terima maklumat bahawa LBU ada minta atau mengarahkan *engineer* itu *over design the road*. Bagaimana kementerian akan buat kawal selia bahawa *the road do not over design*.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Itu yang saya katakan tadi ada Jawatankuasa Teknikal yang akan melihat kesemua.

■2110

Kalau dia *over design*, *the cost will overrun*. *When cost overrun*, PDP yang akan kena penalti. *So, that is why the ceiling is set. There is a ceiling which is already set. So,*

tidak ada timbul kecuali you dapat berikan betul-betul bukti siapa dan apa, kita akan membuat siasatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Sudah habis Tuan Pengerusi. Yang lain, saya sudah katakan tadi mana yang permohonan projek...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Spesifik.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:...saya akan beri jawapan secara bertulis. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua 30 orang wakil rakyat yang telah terlibat dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Termasuk Beluran dan Kuala Krau.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Termasuk Beluran dan termasuk juga Tuan Pengerusi juga, sudah juga menyuarakan beberapa hasrat beliau. Jadi terima kasih, yang lain saya akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM964,390,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM964,390,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,896,112,900 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM4,896,112,900 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]

**Maksud B. 20 [Jadual] -
Maksud P. 20 [Anggaran Pembangunan 2017] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Giliran Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Ranau.

9.11 mlm.

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sini ingin merujuk kepada Butiran 010100 – Kemajuan Industri Komoditi dan Perladangan, Butiran 040000 – Lembaga Koko Malaysia dan Butiran 060000 – Lembaga Lada Malaysia.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, di negeri Sabah selalunya banyak rakyat yang berminat untuk menanam lada hitam. Malangnya kos untuk memulakan penanaman ini adalah perlu mahal. Sebagai contoh untuk membeli biji benih lada hitam ini, satu pokok kadang-kadang pembekal dia akan menjual dengan harga di antara RM12 hingga RM15. Jadi bayangkan Tuan Pengerusi, kalau kita membuka satu hektar tanah dengan jumlah pokok lada hitam 1,000. Ini bererti kos benih dia sendiri pun sudah RM15,000. Di samping itu, kita juga memerlukan bahan-bahan lain seperti kayu *to support the plant*. Kayu ini juga satu batang kosnya di antara jumlah RM15 hingga RM20.

Jadi ertinya keseluruhan kos untuk satu hektar lebih kurang RM30,000. Jadi apa yang saya maksudkan di sini Tuan Pengerusi ialah kita minta kementerian yang kadang-kadang untuk memberikan subsidi, bukan sahaja kepada benih lada hitam itu tetapi juga bahan-bahan yang digunakan untuk menanam lada ini supaya lebih banyak petani kita yang dapat menceburkan dalam penanaman lada hitam di negeri Sabah.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai dengan jalan perladangan. Di negeri Sabah banyak petani yang telah menanam kelapa sawit, menanam koko, getah dan yang lain-lain. Akan tetapi masalahnya ialah mengenai dengan jalan perladangan. Kadang-kadang mereka tidak dapat mengangkut hasil mereka itu kerana ketiadaan jalan atau jalan tidak dapat dilalui. Jadi ini juga saya memohon kementerian yang berkenaan supaya perbanyakkan peruntukan untuk sama ada memperbaiki ataupun membina jalan perladangan di sini supaya ini akan memudahkan petani-petani sama ada yang berkebun ataupun yang menanam kelapa sawit, menanam getah ataupun koko dapat mengeluarkan hasil mereka dengan mudah.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai dengan industri hiliran. Di Sabah kita adalah merupakan sebagai pengeluar koko, barangkali yang terbanyak di Malaysia pada masa kini. Saya telah difahamkan bahawa kualiti ia ini pun setanding dengan koko yang kita import dari luar negara. Malangnya pada masa kini Tuan Pengerusi, masih kurang industri hiliran mengenai dengan perkara ini. Jadi saya fikir, saya minta kementerian untuk melihat supaya dibina banyak industri hiliran ini supaya kita dapat mengoptimumkan penggunaan bahan-bahan ini termasuk koko dan

juga kelapa sawit. Jadi saya fikir inilah yang saya ingin nyatakan di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

9.16 mlm.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan izin / *will just get straight to the point*, tidak payah kita lewat-lewat ini. B.20 – Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Saya merujuk kepada Butiran 010100, kod 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Pertanyaan saya adalah kenapakah pada tahun 2016, peruntukan RM13 juta ini jatuh kepada RM4 juta sahaja? Ini merupakan potongan sebanyak 70 peratus. Apakah kesan potongan drastik perbekalan ini? Apakah item-item yang telah dipotong daripada perkhidmatan bekalan?

Saya juga merujuk kepada Butiran 010200, kod 40000 – Pemberian dan Bayaran Tetap. Pada tahun 2016, RM17 juta diperuntukkan. Pada tahun 2017 cuma daripada RM17 juta ini dipotong 99 peratus kepada RM36,000 sahaja. Pemberian apa yang telah berlaku dengan potongan ini? Ini adalah *extraordinary*.

Saya juga merujuk kepada Butiran 070300, kod 40000 juga pemberian. Ini merupakan isu penting sebab ia ialah kempen lawan anti minyak sawit daripada peruntukan RM10 juta pada tahun 2016. Ini merupakan satu peruntukan yang kecil bukan besar. Ia jatuh ke RM1.5 juta sahaja, kenapa potong 85 peratus. Adakah ini satu potongan yang tidak masuk akal, terlalu drastik? Ini kerana industri sawit mempunyai satu nama yang sangat buruk di *Europe*, di Eropah. *We are under constant attack from environmentalist* dengan izin, *we have never presented a proper explanation why our oil is better than Indonesia*. Akan tetapi sekarang kempen ini kena potong 85 peratus. Industri sawit ini RM60 bilion setahun eksport dia. Kenapakah kita tidak menggunakan duit yang secukupnya untuk menjaga nama baik industri ini? Tahun depan potong lagi.

Baik, perkara terakhir saya ialah P.20 iaitu MPOB. Butiran 11101 di mana Yang Berhormat Jasin, kawan baik saya telah – tanyalah pada dia sebab dia jadi *chairman* baru. Peruntukan *chairman* baru kita kena potong lagi daripada RM8.7 juta setahun kepada RM6.5 juta setahun, jatuh 25 peratus. Tolong beri *explanation* yang baik, saya hendak dengar. Saya lihat banyak ini potongan untuk industri sawit ini. Banyaknya potong benda yang buat kerja iaitu bajet untuk pengurusan, bajet yang betul-betul ada agenda. Akan tetapi apabila kita lihat Butiran 94000 – NKEA. Saya ingat PEMANDU ini tidak ada cerita, masih ada NKEA. Semua orang kena potong tetapi NKEA ini tambah daripada RM61 juta, *RM61 million allocated in 2016*, tambah kepada RM79 juta pula .

Apakah butiran NKEA ini di mana kempen lawan minyak, anti minyak kena potong ke RM1.5 juta? Akan tetapi NKEA ini naik RM79 juta. Apakah kegunaan NKEA ini? Adakah ia untuk bayar, beli aset kah, bayar konsultan kah? Ini nampaknya Kementerian ini nampaknya terbaliklah.

■2120

Jadi saya minta kalau boleh Menteri beri jawapan yang terperinci. Kalau boleh, malam ini. Kalau tidak boleh, tolong bagi tulisan yang terperinci sebab kita rasa industri sawit ini terlalu besar, terlalu penting kepada negara kita. Perlu memberi satu penjelasan yang baik kenapakah bajet ini terbalik. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi. Sebentar ya, berapa orang lagi? Okey, empat orang. Eh, sudah makin ramai bangun. Yang Berhormat Kota Tinggi.

9.20 mlm.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya pergi terus kepada butiran yang sama yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi iaitu Butiran 11101 – MPOB dan merujuk juga kepada Butiran 94000 – NKEA.

Saya, Tuan Pengerusi, berada di Paris dan Brussels sewaktu kempen untuk meletakkan 300 Euro per tan levi *on* kelapa sawit. *Alhamdulillah*, saya *attribute to* kita punya *former* DG dan MP Kuala Kangsar yang telah berjaya melaksanakan program yang baik untuk menolak sampai *latest*, saya dengar *France Parliament* tolak

Akan tetapi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya itu betul kerana kita kena melihat isu kelapa sawit ini dalam konteks yang agak berbeza. Dulu kita kempen *against the nutritional value of* kelapa sawit, konon *cancerous or not, but that one MPOB done a good job*, kita dapat tolak ini dan *that is not the issue* sekarang. Isu sekarang yang timbul ialah *deforestation* dan *sustainability*.

Apa yang saya hendak sebut sini, pelobi-pelobi ini cuba menindakkan eksport kelapa sawit yang besar ke *Europe*— saya difahamkan *seven million from our side and another 15 from Indonesia*— dengan mengubah *goal post*. Jadi apabila di ubah *goal post* ini, ini yang masalah. Jadi kita terpaksa bergantung pada RSPO punya standard dan juga ada *new campaign* yang dijalankan oleh *even among the RSPO* punya *members*, iaitu *no palm oil label*. Ini *two prongs strategy* ini akan menyebabkan kita ada

masalah. Jadi, saya minta kerajaan melihat keperluan sama ada MPOB kah ataupun melalui NKEA kah, supaya bajet untuk kita menangani isu ini lebih besar.

Saya juga difahamkan kerajaan mengerakkan satu kerangka lebih besar bersama dengan *another biggest producers* iaitu Indonesia, dengan izin, melalui CPOPC iaitu *Council of Palm Oil Producer Countries*. Saya hendak tahu sejauh manakah CPOPC menangani isu ini? Yang penting saya hendak sebut sini, kita ada 500,000 *smallholders* dan Indonesia ada *two and half millions smallholders would be directly affected*. Jadi saya ingat CPOPC ini bagus dan kita harap kementerian ini akan melihat mungkin ada keperluan untuk— jadi mintalah lebih sikit supaya bajet kita ditengok balik.

Keduanya perkara yang saya hendak sebut sini, Tuan Pengerusi, ialah baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke China, kita dulu eksport *up to 1.6 millions tonne of CPO*. Now ini dia dah tinggal 1.08, dah *reduce about 900,000 tonne*. *This somehow would effect the price*. *Lately ini, price* naik itu *probably because of the low yield*, maknanya stok rendah dan sebagainya, tapi kita hendak benda ini *sustainable*.

Jadi saya minta Menteri, kita harap China akan *improve the import* dan yang lebih penting di sini, kalau kita dengan CPOPC kita buat MSPO dan ISPO sekali, kita kena ada standard kita sendiri. Kalau kita bergantung kepada mereka, dia akan *change goal post all the time*. Untuk pengetahuan, kita hendak *share*, kita ini *palm oil* ada RSPO atau *Roundtable on Sustainable Palm Oil* tapi *for the...* Tapi kita *sustainable* sebab kita tanam pokok 30 tahun. Kita ada flora *and* fauna tersendiri untuk *palm oil*. Tapi untuk mereka, mereka tanam pokok *cash crop*. *Cash crop* ini langsung hutan habis tapi dia tidak adapun RSPO *equivalent*. Yang dia ada hanya *good agriculture practice* sahaja. Jadi, *is not fair*.

Jadi saya minta kerajaan kena melihat ini dengan serius supaya CPOPC ini kita perkasakan. Kita punya jualan luar negara kita kena perhebatkan supaya *increase* kita punya *sale* dan yang paling penting, kita punya MSPO atau ISPO, *Indonesian Sustainable Palm Oil*, dan *Malaysia Sustainable Palm Oil* ini mesti kita ada standard kita sendiri supaya kita dapat *counter RSPO, the only one* yang dia *refer* sekarang. Kita jangan terikut sangat dengan RSPO *because* niat dia sebenarnya bukan untuk kita tapi untuk dia sebenarnya. Jadi saya minta kerajaan tengok kita kena *establish* kita punya standard dengan Indonesia. *We are the two biggest producer, 85 percent of the production, we should have say something*.

Satu lagi, kita juga *engage sustainable* ini dengan *consumer*, bukan setakat *producer* dan *middleman*. Sekarang ini kita berdepan dengan *the middleman* dan

senang-senang sahaja dia buat *no palm oil label*. Saya diberitahu ada RSPO punya member ini, *logistic* member dia juga buat *no oil palm label which is unfair to us*.

Jadi saya minta kita kena tengok balik ini dan kalau perlu ada pengkhususan dan beri bajet yang tertentu, saya minta kementerian tulis dan saya minta Kementerian Kewangan atau Yang Berhormat Menteri tengok balik ini. *I am sure some initiative has been taken into action*. Cuma, kita minta benda ini kena *hasten* sebab kita kena melihat perubahan yang berlaku sekarang dan paling bimbang ialah *the livelihood of half a million smallholders* dekat Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

9.26 mlm.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Butiran 030000 dan Butiran 030100.

Sekarang ini peruntukan yang kita telah dapat untuk tahun 2017 adalah yang terendah sejak lima tahun kebelakangan ini iaitu hanya RM446.9 juta berbanding dengan RM651 juta pada tahun 2016. Kementerian ini juga mempunyai bajet pembangunan yang lebih besar daripada belanja mengurus. Ini adalah agak luar biasa kalau dibandingkan dengan kementerian-kementerian yang lain.

Soalannya di sini, Tuan Pengerusi, adalah apakah status sekarang ini *Tun Razak Rubber Research Center, United Kingdom* yang telah dimulakan pada tahun 1938 di bawah nama *British Rubber Producers Research Association* di mana Malaysia pada masa itu dan beberapa ketika telah menjadi *leaders in world rubber research and also producer?*

Kita ingin tahu apakah status *Tun Razak Rubber Research Center* ini dan adakah kerajaan masih serius untuk menjalankan *research* untuk menjadi *leaders among the rubber producers* memandangkan bajet telah dikurangkan? Juga, apakah status tentang bangunan yang dipunyai oleh *Tun Razak Rubber Research Center* ini yang dulu kita miliki?

Itulah di antara apa yang kita ingin sedikit penjelasan kerana kita rasa kita masih perlu kekal *to maintain our position and our status or prestige in the world of rubber research and also rubber producing community*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya terpandang Yang Berhormat Lipis.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia bangun yang paling tinggi. Yang Berhormat Lipis lah ya.

9.28 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih diberi kesempatan. Saya hendak bercakap terus kepada poin saya iaitu Butiran 030000 – Lembaga Getah Malaysia dan Butiran 11101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Semasa pembentangan bajet pada tahun 2015 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan satu inisiatif yang amat baik sekali bagi kebajikan pekebun-pekebun kecil iaitu sebanyak RM100 juta peruntukan. Hasil daripada insentif tersebut, kerajaan dapat mengurangkan beban para penoreh getah sekurang-kurangnya pada keadaan yang harga masih lagi tidak menentu. Sekarang ini agak boleh tahan sedikit, sudah boleh mencecah pada RM2.70 ke RM3.00 sekilo bagi skrap.

Bagi mengukuhkan industri ini, maka saya dapati di Parlimen saya masih lagi ramai yang tidak mempunyai akses untuk mendaftar sebagai penerima IPG ini. Soalan saya, apakah sebarang mekanisme dilakukan bagi memastikan pekebun kecil kawasan saya ini turut sama mendaftar agar mereka dapat menikmati insentif tersebut?

■2130

Saya difahamkan bahawa peruntukan insentif pengeluaran getah pada tahun 2016 berjumlah RM200 juta dan sehingga sekarang cuma dibelanjakan RM56 juta sahaja. Jadi saya berpendapat bahawasanya, adakah kementerian bercadang untuk menaikkan insentif pengeluaran getah atau pun IPG ini agar dapat menampung ekonomi mereka ini. Mungkin lebih daripada RM200 juta ini dapat disalurkan serba sedikit insentif ini kepada mereka agar manfaatnya kepada pekebun kecil bagi yang harga yang tidak menentu ini.

Selain daripada itu, saya juga mendapat sedikit rungutan daripada tuntutan IPG ini, terkesan apabila mereka tidak dapat menikmati insentif tersebut. Oleh itu persoalan saya yang timbulnya adalah kementerian boleh mengkaji semula syarat-syarat yang melayakkan penoreh yang menoreh bukan dalam tanah sendiri. Ini rungutan yang kerap dilakukan dan mungkin kawasan saya agak luas dari segi pekebun-pekebun getah ini maka saya mohon supaya pihak kementerian mengkaji dalam soal ini supaya mereka juga dapat menikmati seperti tuan-tuan tanah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah keputusan kajian yang dijalankan oleh Lembaga Getah Malaysia dengan Kementerian Kerja Raya berhubung penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya? Tahun lepas kita hebat memperkatakan akan ada satu kajian getah ini akan dijadikan sebagai pengganti bitumen untuk membina jalan raya dan didapati peringkat awalnya ia mendatangkan hasil yang lebih baik daripada bitumen tar yang telah dijalankan oleh kedua-dua pihak. Ini bagi menjamin *survival* penoreh-penoreh getah.

Saya merujuk kepada Butiran 11101 - Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi bahawasanya kita mestilah bersama untuk memastikan harga sawit ini stabil. Saya juga turut terlibat bersama dengan Yang Berhormat Kota Tinggi dan kita merakamkan ucapan tahniah kepada bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar iaitu arwah Datuk Wan Mohammad Khair-ill Anuar yang telah berjuang bersungguh-sungguh bagi memastikan kestabilan harga sawit.

Saya masih ingat lagi tarikh tersebut iaitu pada 4 hari bulan, saya ingat 4 hari bulan sahaja, waktu sebelum *crash* helikopter itu. *Alhamdulillah* sekarang diganti oleh isteri beliau sendiri dan kita berjuang waktu itu selama lebih kurang lapan hari di Paris, Brussels dan kita berjumpa dengan semua *Senate* di Europe dan akhirnya kita berjaya, daripada kenaikan cukai per metrik tan lebih kurang 300 euro akan dinaikkan, akan dikenakan pada negara kita. Pasti harga sawit tidak akan stabil dengan kenaikan *tax* sedemikian rupa tetapi keputusannya akhirnya kita berjaya melobi di sana dan kita dapat mempertahankan harga yang sedia ada pada pasaran sekarang ini. Inilah sebenarnya, saya hendak merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Wan Mohammad Khair-ill Anuar bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar, hadiah terakhir beliau kepada kita sebelum *crash* itu berlaku. *[Tepuk]* Ini hadiah yang terakhir beliau kerana dapat melaksanakan tugas yang sangat penting itu.

Persoalan saya dari segi Butiran 11101 ini iaitu penggunaan minyak sawit B7 dalam penghasilan minyak diesel yang telah digunakan semenjak tahun 2015. Baru-baru ini pula kerajaan berhasrat untuk melaksanakan B10 pada awal tahun 2017 ini bagi memastikan permintaan minyak sawit ini dalam pasaran global berterusan dan meningkat. Oleh itu persoalan saya, berapakah setakat ini sumbangan minyak biodiesel B7 ini terhadap ekonomi negara? Adakah dengan penggunaan minyak B7 ini telah meningkatkan tahap permintaan minyak sawit di negara kita, seterusnya berjaya

meningkatkan taraf ekonomi pengusaha-pengusaha sawit di negara kita khususnya *smallholders* yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi seramai lebih kurang 600,000 orang lebih, *smallholders*. Di antara 500,000 ke 600,000 lebih *smallholders* yang berada dalam negara kita ini.

Kalau ini berjaya, bererti kita dapat mempertahankan dan menstabilkan harga sawit kita. Selain daripada itu, adakah pihak kementerian akan melakukan kerjasama dengan syarikat-syarikat automotif tempatan mahu pun luar negara berkenaan dengan kajian kesesuaian B10 ini dalam sektor pengangkutan kita? Itu sahajalah persoalan saya, Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ramai lagi? Saya kira, dua orang dari pembangkang. Kalau boleh dua juga dari BN. Sila Yang Berhormat Alor Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah, *sorry*.

9.36 mlm.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Walaupun 10 minit, tidak cukup 10 minit pun tidak mengapa.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kepala B.20, Butiran 040000 – Lembaga Koko Malaysia. Tuan Pengerusi, pada tahun 1980, keluasan ladang koko di Semenanjung Malaysia adalah 37,713 hektar. Keluasan tanah pekebun kecil pula berjumlah 19,632 hektar. Jumlah kedua-duanya ialah 57,345 hektar. Manakala pada tahun 2016, keluasan ladang koko dan pekebun kecil telah menjunam kepada 654 hektar dan 3,447 hektar masing-masing.

Kedua-duanya berjumlah hanya 4,101 hektar. Di Sabah pula pada tahun 1980, terdapat 39,761 hektar ladang koko dan 18,223 pekebun kecil yang merangkumi 57,984 hektar keseluruhannya. Pada tahun 2016, keluasan ladang koko dan pekebun kecil telah merosot kepada 225 hektar dan 6,847 hektar masing-masing yang dihitungkan kepada jumlah 7,072 hektar. Keluasan tanah pekebun kecil telah menjadi lebih besar daripada keluasan ladang-ladang di Sabah pada tahun tersebut. Di Sarawak pada tahun 1980, keluasan ladang koko adalah 97 hektar sahaja manakala pada tahun 2016, tidak lagi wujud ladang koko di Sarawak. Begitu juga pekebun kecil koko di Sarawak juga telah merosot daripada 8,429 hektar pada tahun 1980 kepada 6,949 hektar pada tahun 2016.

Daripada rekod didapati bahawa jumlah keluasan tanah ladang koko yang paling giat diusahakan adalah pada tahun 1989 iaitu 201,615 hektar. Bagi pekebun kecil koko

pula, keluasan tanah yang paling tinggi adalah pada tahun 1991 iaitu 216,037 hektar. Tahun 1989 merekodkan keluasan tanah ladang dan pekebun kecil koko yang paling tinggi iaitu 414,236 hektar. Manakala tahun 2012, merekodkan 749 hektar ladang koko dan 10,999 hektar pekebun kecil berjumlah 11,748 hektar iaitu paling rendah dalam sejarah industri koko di negara.

Hasil pengeluaran koko pada tahun 1980 merupakan 36,500 tan berbanding dengan hanya 1,729 tan pada tahun 2015. Hasil pengeluaran koko yang paling tinggi dicatatkan pada tahun 1990 iaitu 247,000 tan dan paling rendah pada tahun 2015 iaitu 1,729 tan sahaja. Ini menunjukkan kejatuhan yang mendadak dalam pengeluaran koko di negara kita dalam tempoh 15 tahun kebelakangan ini. Sabah merupakan negeri pengeluar koko yang utama. Hasil pengeluaran koko yang paling tinggi di Sabah adalah pada tahun 1990 iaitu 145,000 tan. Pada tahun 2015, hasil pengeluaran koko di Sabah hanya 664 tan iaitu lebih rendah daripada Semenanjung Malaysia iaitu mencatatkan 720 tan.

■2140

Sarawak juga mencatatkan rekod pengeluaran paling rendah pada tahun 2015 iaitu hanya 345 tan sahaja. Semua statistik ini membuktikan bahawa industri koko telah menguncup di negara ini, kebelakangan ini. Apakah sebab dan puncanya?

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berapakah jumlah hasil pendapatan daripada penjualan koko yang kita peroleh dari tahun 1990 sehingga 2015? Berapakah jangkaan pendapatan daripada penjualan koko pada tahun 2016? Negara-negara manakah menjadi pembeli utama produk-produk koko dari Malaysia? Apakah negara-negara sasaran baru? Nyatakan juga produk-produk koko yang dieksport ke luar negara.

Tuan Pengerusi, Lembaga Koko Malaysia ditubuhkan di Parlimen di bawah Akta 343 yang diluluskan pada bulan Julai 1988. Lembaga Koko Malaysia mula beroperasi secara rasmi pada 18 Julai 1989. Objektif utama lembaga ini adalah untuk membangunkan industri koko di Malaysia dan menghadapi persaingan di pasaran global dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri tetapi fakta-fakta perangkaan membuktikan keadaan yang sebaliknya. Selepas penubuhan Lembaga Koko Malaysia, keluasan kawasan penanaman koko di negara kita telah menguncup dengan drastik. Jumlah ladang dan pekebun kecil telah berkurangan dengan begitu mendadak. Pada masa yang sama, hasil pengeluaran daripada industri koko juga telah berkurangan. Dalam kata lain, saya berpendapat Lembaga Koko Malaysia telah gagal mencapai matlamat penubuhannya.

Tuan Pengerusi, penyelidikan dan pembangunan R&D merupakan antara aktiviti utama Lembaga Koko Malaysia. Berapakah R&D yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Koko

Malaysia sejak penubuhannya? Apakah hasil penemuan daripada segi teknologi baru yang diperkenalkan setakat ini? Berikut adalah beberapa persoalan untuk dijawab Menteri. Apakah promosi-promosi yang telah dijalankan oleh Lembaga Koko Malaysia di peringkat antarabangsa dan di pasaran domestik untuk memajukan industri ini?

Nyatakan juga kejayaan-kejayaan promosi Lembaga Koko Malaysia di pasaran antarabangsa. Adakah Program *Malaysia Cocoa & Chocolate Day* anjuran Lembaga Koko Malaysia dianggap berjaya? Jika ya, nyatakan pencapaiannya. Sejauh manakah program pembuatan coklat buatan tangan telah berjaya? Berapa ramai kah usahawan coklat buatan tangan dihasilkan oleh Lembaga Koko Malaysia? Nyatakan bilangan mengikut negeri. Apakah bantuan dan galakan-galakan yang diberikan oleh Lembaga Koko Malaysia kepada mereka?

Saya juga ingin mendapatkan maklumat mengenai bilangan pengilang coklat dan konfeksi koko di negara kita. Apakah produk-produk selain daripada coklat yang dihasilkan oleh industri koko dengan bantuan Lembaga Koko Malaysia? Malaysia kini adalah negara pengisaran koko yang ketujuh terbesar di dunia, berapakah hasil pengisaran koko pada tahun 2015 dan jangkaan hasil dari tahun 2016? Berapakah pengisar koko yang berdaftar dengan Lembaga Koko Malaysia?

Tuan Pengerusi, adakah industri koko dianggap sebagai satu industri komoditi yang mempunyai potensi yang tinggi? Pendapatan eksport koko dan produk koko negara mencecah RM2.7 bilion sehingga Jun 2016. Tahun lalu, industri koko membawa hasil eksport sebanyak RM5.02 bilion iaitu paling tinggi dicapai dalam sejarah industri koko negara. Jika industri ini dilihat mempunyai potensi yang tinggi, kenapakah peruntukan dalam Bajet 2017 dikurangkan RM20.9 juta iaitu dari RM46.6 juta pada tahun 2016, kepada RM25.7 juta?. Saya tidak nampak logiknya, minta penjelasan daripada Menteri. Memandangkan pasaran dunia untuk kelapa sawit dan getah telah merosot, adakah kerajaan akan mengatur strategi untuk menggantikan komoditi-komoditi yang merosot ini dengan koko? Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membuka lebih banyak tanah-tanah baru untuk mengusahakan penanaman koko. Jika ya, di mana dan jumlah keluasan yang dipertimbangkan. Berapakah penggunaan domestik koko di Malaysia berbanding dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara maju? Apakah usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan penggunaan domestik produk-produk hasil daripada koko? Kementerian juga mempunyai wawasan untuk menjadikan Malaysia antara negara pengeluar terbesar dunia bagi produk-produk berasaskan koko menjelang tahun 2020, adakah wawasan itu boleh dicapai dalam empat tahun lagi?

Saya juga difahamkan bahawa pengeluaran bagi tanaman koko di kawasan penanaman baru di Malaysia adalah rendah berbanding dengan negara-negara lain. Pengeluaran koko di negara kita ialah kurang daripada 300 kilogram sehektar setahun berbanding dengan negara-negara lain yang mampu menghasilkan lebih daripada 600 kilogram sehektar setahun, kenapakah keadaan ini berlaku? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Lembaga Koko Malaysia untuk meningkatkan produktiviti? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Sik.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rompin tadi tidak bangun ya? Saya nampak. Sila Yang Berhormat Rompin.

9.45 mlm.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam B.20, Butiran 050000 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Saya percaya bahawa industri kayu dan *furniture* dalam Malaysia bukanlah satu industri yang *sunset industry*. Akan tetapi boleh dikembangkan lagi sebagai suatu industri yang berdaya maju. Sebagaimana suatu ketika dahulu industri perkayuan *plywood* dan *furniture* memberikan pendapatan yang begitu tinggi kepada eksport negara. Satu ketika dahulu industri *furniture* telah berkembang pesat dan mampu mengeksport kita punya *furniture* sampai ke Amerika, Taiwan dan negara China. Akan tetapi nampaknya dengan pengurangan peruntukan yang diberikan pada tahun depan, RM21 juta sahaja berbanding dengan tahun 2016 sebanyak RM132 juta. Satu penurunan yang sangat ketara dan membimbangkan kita.

Saya bimbangkan industri ini akan terus menjadi industri yang tidak mendapat perhatian kepada kerajaan. Walhal ia boleh lagi dikembangkan dan di *downstream* yang lebih banyak boleh kita fikirkan bagi meningkatkan *high value added* daripada industri perkayuan dalam negara kita. Jadi, saya berharap kerajaan akan menimbangkan semula dan memberikan satu peruntukan yang lebih besar kepada industri ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

9.47 mlm.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja di bawah perkara B.20, Butiran 020000 – Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN). Kita lihat peruntukan yang diberikan kepada

jabatan ini berkurangan. Kalau 2016 – RM26 juta, tahun depan diturunkan kepada RM19.5 juta. Begitu juga dalam P.20, pembangunan Lembaga Kenaf dan Tembakau ini daripada RM21 juta kepada RM14 juta, makna ada penurunan. Persoalan saya adakah ini tanda-tanda bahawa industri kenaf khususnya, tidak berkembang atau berkurangan dan tidak mempunyai masa depan? Itu soalan saya. Adakah ini yang berlaku atau adakah di sana perkembangan lain? Bermakna, keluasan tanah yang lebih banyak, pengeluaran yang lebih banyak, pemprosesan yang lebih baik dan dapat dieksport ke luar negara. Kalau ada, bolehkah pihak kerajaan memberikan sedikit gambaran supaya boleh kita galakkan program ini. Supaya lebih ramai lagi petani-petani di bawah sana atau pengusaha-pengusaha dalam industri kenaf ini boleh bersemangat untuk memajukan industri ini. Oleh kerana kita tahu tembakau, kita cuba mengurangkan sebanyak mungkin pengeluaran tembakau di negara kita.

Itu tentang kenaf. Kemudian tentang getah. Saya ingin menyokong Yang Berhormat Kuala Lipis tadi tentang penoreh-penoreh getah yang bukan memiliki tanah getah ini. Jadi, bagaimanakah kita boleh membantu penoreh-penoreh ini yang bekerja di ladang yang dimiliki oleh orang lain? Jadi, bagaimanakah bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada mereka yang menoreh? Memang ini pun golongan yang kita sasarkan kerana mereka ini selalunya yang miskin ialah yang menoreh. Tuan tanah ini selalunya lebih berada, lebih kaya. Mungkin tidak memerlukan bantuan sebagaimana penoreh-penoreh ini. Jadi, bagaimanakah pengagihan bantuan kepada penoreh-penoreh getah ini, khususnya kita tahu apabila tiba musim tengkujuh berlaku, bulan 11, bulan 12, bulan satu, ada peruntukan RM200 sebulan. Jadi, adakah mereka ini—bagaimanakah prosedur dan caranya untuk membolehkan mereka ini mendapat pemberian daripada kerajaan ini?

■2150

Seterusnya tentang P.20, Butiran 00519 – Pembangunan Sumber Pertumbuhan Baru : Sago. Kita lihat di sana dalam peruntukan ini ada sago. Saya ingin mencadangkan supaya ada kita fikirkan tentang industri kelapa. Kita hidupkan semula untuk mengganti misalnya tempat-tempat yang ditanam tembakau yang dahulu itu atau mengganti getah itu sendiri. Tanaman kelapa yang lebih teratur, lebih kemas kita adakan *master grand plan* untuk Malaysia ini boleh menjadi satu negara pengeluar kelapa dan hasil-hasil daripada kelapa yang besar di ASEAN ini.

Jadi ini mestilah dibincangkan di peringkat kementerian dan bentuk program yang besar pembangunan sumber baru menghidupkan yang lama tetapi membesarkan kembali, menghidupkan kembali. Ini kerana kita tahu betapa banyaknya sekarang ini kesedaran kita bahawa banyak hasil daripada kelapa ini boleh kita prosesnya dan boleh

mengganti banyak minyak misalnya, minyak makan. Kita tahu minyak kelapa ini adalah suatu minyak yang cukup berzat dan kurang mudaratnya kepada tubuh kita. Banyak lagi daripada pokok kelapa ini batangnya, daunnya kita dapat usahakan untuk benda-benda yang lain.

Satu lagi yang saya nampak ialah yang dikatakan tentang misal kata tanah-tanah yang dahulunya tanah tembakau ini mungkin agak sesuai juga kita tanam tempat itu ialah jagung. Kita tahu ada juga proses usaha untuk pihak kerajaan untuk menanam jagung bijirin dan usaha ini sudah dimulakan di Terengganu secara besar-besaran. Akan tetapi, bagaimana pula dengan jagung-jagung yang manis, yang sedap, yang dimakan oleh secara masak terus atau makan terus tanpa dimasak. Ini jagung yang mana harganya mahal dan juga boleh kita fikirkan untuk mengganti tempat-tempat yang tanam tembakau. Mungkin kalau kenaf itu tidak berjaya, maka inilah dua benda yang kita boleh tumpukan iaitu kelapa dan juga jagung.

Satu lagi yang akhir sekali saya ingin menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rompin tentang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Kita lihat di sana itu ada penurunan daripada peruntukan. Walau bagaimanapun ada dalam peruntukan dalam peruntukan yang disediakan ini kerajaan pada tahun depan akan membuat pinjaman sebanyak RM70 juta untuk pembangunan. Jadi, saya hendak tahulah apakah projek yang hendak dilakukan oleh peruntukan RM70 juta ini, untuk buat apa. *Insyah-Allah* saya harap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan kepada kita. Kita percaya sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Rompin bahawa ini adalah suatu industri yang kita kena cuba tengok dan kita hidupkan kembali. Ini kerana kita lihat misal kata di negara jiran kita mereka mempunyai industri kayu juga, kayu jati, perabot-perabot jati dan mereka dapat import dan mendapat eksport ke Malaysia begitu banyak sekali.

Jadi begitulah juga kita ada kayu-kayu daripada kayu *rubber tree* daripada getah. Kita lihat harga kayu getah menurun dan mungkin tiada siapa hendak menebang kayu getah ini. Maka mesti kena hidupkan kembali industri ini supaya kayu-kayu getah yang kita tebang itu boleh dibuatkan perabot dan lain-lain kegunaan daripada kayu getah itu sendiri. Jadi itulah sahaja terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai. Lepas Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Sik. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

9.54 mlm.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pendek ya Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya ingin menyentuh Butiran 030100 dan Butiran 11001 – Lembaga Getah Malaysia. Seperti mana yang kita tahu Malaysia adalah pengeluar kelima terbesar di dunia dan banyak penyelidikan dan pembangunan inovasi getah asli mampu meningkatkan permintaan serta penawaran kita. Jadi pada ketika ini Malaysia kekal sebagai pengeluar sarung tangan terbesar di dunia hasil daripada inovasi terhadap penggunaan getah ini. Dengan mengkomersialkan beberapa teknologi seperti mesin penyemai benih, mesin bahan tanaman dan kenderaan memungut *latex* dan meningkatkan tahap mekanisasi dalam operasi ladang dan mengurangkan kebergantungan tenaga buruh.

Bagaimana kerajaan hari ini menghadapi turun naik harga getah saya ingin menentukan bahawa Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah 2016 sebanyak RM194 juta kepada 388,111 individu adalah bagaimana kerajaan membantu. Satu lagi ialah mempelbagaikan kegunaan getah itu sendiri dengan penyelidikan serta pembangunan yang dilaksanakan. Seperti contoh pembuatan sarung getah *biodegradable* mesra alam. Seperkara lagi ialah penggunaan getah beku (*cup lump*) dalam pembinaan jalan raya yang dijangka dapat menyumbang kepada sasaran peningkatan penggunaan domestik getah sebanyak 10 peratus setahun. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian sejauh manakah penyelidikan telah dijalankan bagi perkara ini? Bilakah ia dapat dikomersialkan? Oleh sebab inilah yang memberi peluang kepada peningkatan permintaan getah dan penggunaan getah di dalam negara. Jadi kita dapat membantu petani-petani kita.

Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Kecil (RISDA) bakal mengeluarkan serum berasaskan getah untuk digunakan dalam penghasilan produk kosmetik. Jadi, kajian ini telah dijalankan bersama Lembaga Getah Malaysia terhadap pengeluaran protein daripada pokok getah yang boleh dijadikan serum. Pertanyaan saya apakah mekanisme lain yang telah dirancang oleh kementerian bagi membantu golongan ini dalam menghadapi turun naik harga getah pada masa hadapan?

Tuan Pengerusi satu perkara lagi bagaimana kementerian dapat membantu mereka yang mengusahakan getah ini. Ini kerana kementerian juga menggalakkan pekebun kecil getah yang mempunyai lebih tanah untuk mengusahakan dua tanaman seperti lada, pisang dan sebagainya yang mempunyai permintaan yang lebih tinggi di

pasaran. Bagi membantu menghadapi harga getah yang tidak menentu. Bagi mereka yang tidak mempunyai pilihan tanah, bagaimana kerajaan akan menolong?

Butiran kedua ialah 11101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MOPB) di bawah Maksud Pembangunan Anggaran Peruntukan 2017 sebanyak RM6.5 juta dan Butiran 070300 – Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Sawit merupakan perkara eksport kita yang sangat penting dan kita menghadapi contohnya masalah Kempen Anti Minyak Sawit yang mana dikatakan lemak tepu minyak sawit ini meningkatkan paras kolesterol dan juga menyebabkan satu punca penyakit. Di mana mereka di barat mengatakan ia juga menyebabkan penyakit kanser dan mencadangkan alternatif menukar kepada penggunaan minyak sawit dengan minyak kacang soya dan minyak bunga matahari.

Saya ingin menyatakan hari ini bahawa konsep penyakit hari ini telah berubah. Masa yang diberikan sangat pendeklah kalau kita hendak terangkan sebenarnya apakah penyebab kanser, apakah penyebab sakit jantung, apakah penyebab diabetes, apakah penyebab sebenarnya obesiti. Ini semua adalah ruang lingkup kepada masalah inflamasi dalam badan, *inflammation* dan ketidakseimbangan nisbah di antara omega-6 dan omega-3 dalam badan kita. Asid lemak tepu ini menyebabkan keradangan yang melampau. Jadi apa yang saya hendak nyatakan di sini bahawa bijirin-bijirin seperti minyak kacang soya dan minyak bunga matahari mempunyai kandungan omega-6 yang tinggi, yang boleh menyebabkan tahap keradangan yang tinggi. Ini boleh menyebabkan penyakit-penyakit kronik yang wujud sekarang dalam dunia hari ini.

Jadi bukan semata-mata kerana kolesterol tinggi orang kena sakit jantung. Tuan Pengerusi, kolesterol tinggi berapa orang yang mati kerana kolesterol tinggi? Lebih daripada 50 peratus mereka yang kena serangan jantung kolesterolnya normal. Ubat-ubat yang diberikan untuk menurunkan kolesterol, kolesterol pun tidak turun sebenarnya. Berapa orang yang makan ubat kolesterol tetapi kolesterolnya turun? Jadi saya tidak ada masa untuk panjangkan perbahasan ini tetapi saya hendak nyatakan bahawa Kempen Anti Minyak Sawit ini sebenarnya adalah *out of date*. *Truly speaking* dengan izin *it is out of date*. Sebenarnya minyak tepu adalah penting antara minyak sawit adalah penting mengeluarkan vitamin dan juga menurunkan keradangan.

Ini kerana penggunaan minyak tepu digoreng ataupun diminum dan sebagainya akan memudahkan omega-3 dimasuki dalam tisu badan. Omega-3 adalah omega anti radang, anti inflamasi. Ini akan menyebabkan badan jadi lebih sihat, menurunkan kadar penyakit kronik, penyakit-penyakit yang menyebabkan inflamasi. Jadi ini perkara penting yang saya hendak sebutkan dalam Kempen Anti Minyak ini...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Bangun] Sikit, sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sekijang bangun.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Hari ini bila Donald Trump menang di US kita yakin dia pasti akan menolak minyak kelapa sawit kita. Jadi, apa pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai? Terima kasih.

■2200

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sebenarnya sama ada dia hendak menang atau hendak kalah, tetapi kenyataan sains hari ini tidak dapat disangkal. Sains hari ini telah menyatakan bahawa penyakit-penyakit kronik bukan disebabkan oleh kolesterol semata-mata. Kolesterol yang telah teroksidasi dengan kerosakan saluran darah kita disebabkan inflamasi, inilah yang menyebabkan penyakit-penyakit kronik. Jadi, cerita Trump hendak menang atau hendak kalah, itu bukan perkara penting di sini.

Tuan Pengerusi, saya hendak tumpukan sedikit lagi bahawa imej bagaimana kementerian hari ini memulihkan imej minyak masak sawit di pentas antarabangsa. Apakah bentuk kempen yang telah dilaksanakan oleh negara setakat ini? Ini kerana, ini pandangan terkini tentang sains. Kalau kita tak ajukan perkara ini, besarkan perkara ini bahawa pentingnya minyak tepu sebenarnya dalam memasukkan Omega 3 ke dalam tisu kita, maka kita tak akan tewas, kan? Apa yang dikatakan minyak matahari, minyak soya adalah baik, adalah sebenarnya tidak betul. Tuan Pengerusi, saya tengok Tuan Pengerusi dah senyum itu, maknanya suruh saya berhentilah. Saya pun faham. Terima kasih banyak kerana bagi saya peluang. Bagan Serai menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sik, lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

10.01 mlm.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Sik ucapkan kepada Tuan Pengerusi. Walaupun suruh Yang Berhormat Bagan Serai berhenti, tetapi bagi Sik bercakap lagi. Saya tak mahu buang masa, ingin terus kepada Maksud Pembangunan 20, Butiran 11001 – Lembaga Getah Malaysia (LGM). Harga getah sekerap sekilo pada masa ini adalah dalam lingkungan RM2. Jadi bagi mengatasi harga pasaran getah yang tidak menentu, Sik menyambut baik usaha murni kerajaan yang memberi insentif pengeluaran getah LGP sebanyak RM250 juta kepada pekebun kecil getah. Bagi warga Sik, berita ini adalah menggembirakan. Walau bagaimanapun, kita mengharap pelaksanaannya

mestilah cekap supaya jangan jadi bila bagi RM200 juta, hanya RM56 juta sahaja kita guna.

Hal ini kerana harga jual getah sekerap yang rendah tidak dapat menampung kos hidup seharian sesebuah keluarga penoreh getah. Sekarang pula musim hujan, harga getah pula jatuh macam hujan turun lebat. Saya merasa bimbang apabila melihat keadaan penoreh getah begini. Namun dengan adanya insentif seperti yang telah dinyatakan, dapatlah meringankan beban para penoreh getah ditambah lagi dengan bantuan musim tengkujuh RM200 sebulan kepada pekebun kecil dan penoreh. Walaupun sedikit, kita bersyukur dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan. Sebelum saya pergi kepada butiran lain...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Sik, Simpang Renggam.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Ya, sila.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya tumpang sedikit. Untuk kita bantu meningkatkan harga getah ini, sebenarnya kita mempunyai teknologi yang agak bagus iaitu *rubberized*. Apakah Yang Berhormat Sik bersetuju dengan saya, kita sepatutnya boleh menjadikan *rubberized* ini yang boleh ganti *tarmac* iaitu jalan yang sedia ada dengan gunakan *rubberized* ini dan ia sebagai satu polisi kerajaan. Saya percaya ia boleh bantu meningkatkan harga getah ini. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Masukkan ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam di dalam ucapan saya dan saya sangat setuju dengan cadangan itu.

Sebelum saya teruskan kepada butiran lain, saya ingin bertanya kepada kerajaan, sejauh manakah kementerian iaitu peranan LGM ingin membuat satu penambahbaikan kepada penggunaan dan juga meningkatkan harga pasaran getah seperti yang pertama, penggunaan di tempat-tempat yang sesuai dengan produk getah seperti *fire hydrant* yang digunakan di lapangan terbang dan juga di stesen-stesen kereta api yang digunakan di setengah-setengah tempat di stesen-stesen antarabangsa.

Kedua, saya juga ingin bertanya kepada kementerian iaitu bilakah pelaksanaan Model Ekonomi Baru Pekebun Kecil yang dilancarkan oleh LGM. Jadi antara perkara-perkara penting di dalam Model Ekonomi Baru Pekebun Kecil ini ialah yang pertama di antara perkara penting, ada banyak perkara penting tetapi saya hendak sebutkan di sini yang pertama, pekebun kecil akan terlibat dalam aktiviti memproses getah iaitu proses *cup lump* untuk menghasilkan getah krip larutan protein seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan air bersih yang merupakan sumber pendapatan

mereka berbanding dengan hanya satu sumber sahaja iaitu penjualan *cup lump* jika mereka mengamalkan kaedah konvensional.

Kedua, larutan protein. Larutan protein digunakan asas kepada pengeluaran protein dan *quebrachitol* dalam bentuk serbuk atau *powder*. Untuk pengetahuan kita semua, larutan protein ini harganya dalam satu liter ialah lebih kurang RM150 dan juga *quebrachitol* ini satu kilogram *powder* dia lebih kurang RM500. Larutan protein boleh digunakan untuk mengeluarkan makanan haiwan untuk menggantikan protein daripada kacang soya dan jagung. Manakala protein daripada *quebrachitol* dalam bentuk serbuk merupakan bahan asas dalam industri pembuatan makanan haiwan, farmaseutikal dan kosmetik. Penggunaan larutan protein boleh menggantikan jagung dan kacang soya yang diimport dari luar negara khususnya dalam pengeluaran bahan makanan haiwan ataupun import *substitution*. Jadi saya harap kementerian boleh bagi tahu kita bila akan dilaksanakan ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah Pembangunan 20 Butiran 11101 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Di kawasan saya juga telah menjalankan penanaman kelapa sawit walaupun masih dalam skala yang kecil iaitu lebih kurang 10 peratus. Namun, ini merupakan prospek masa hadapan yang cerah memandangkan kawasan Sik adalah kawasan pertanian. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memohon agar Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dapat merancang, menyelaraskan dan membuat banyak program khusus seperti mengadakan kerjasama sebagai contohnya kerjasama di antara LGM dan juga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Dicadangkan supaya MPOB membuat kajian di mana hasil daripada kajian mungkin mendapati tanah yang ditanam getah boleh diganti dengan kelapa sawit.

Tuan Pengerusi, yang ketiga ialah Pembangunan 20 Butiran 11300 – Lembaga Lada Malaysia. Saya memohon supaya satu cawangan pejabat Lembaga Lada Malaysia dibina di Utara Semenanjung agar dapat meningkatkan lagi nilai tambah dalam sektor komoditi di Utara termasuk kawasan saya. Perkara ini sangat penting kerana sektor perusahaan perladangan dan komoditi merupakan mata pencarian bagi rakyat yang bekerja sebagai pekebun dan penoreh seperti masyarakat di kawasan saya dan di luar bandar Utara Semenanjung.

Kebetulan pula terdapat tanaman lada di kawasan saya iaitu di Sik dalam skala yang besar. Saya juga dapati terdapat lagi kawasan-kawasan di Utara Semenanjung yang menanam lada hitam dalam skala yang besar juga. Oleh itu, saya tekankan supaya penyelidikan lada hitam ditumpukan juga di kawasan Utara Semenanjung. Dalam Mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen kawasan saya, MP3 kawasan Sik, saya merancang untuk menjadikan lada hitam sebagai tanaman di dalam

kampung. Tuan Pengerusi, sekalian dulu. Terima kasih banyak-banyak. Sik mohon menyokong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekalian? Wang Kelian?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Sekian. Sekian, Yang Berhormat. Sekian dahulu.

Seorang Ahli: Ada tiga minit lagi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Ha, ada lagi?

Seorang Ahli: Habis sudah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling.

Seorang Ahli: Eh, Yang Berhormat Baling? *[Dewan ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri. Ahli yang tiada dalam Dewan, jawapan bertulis.

10.08 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beberapa orang wakil rakyat yang telah berhujah dan membuat pertanyaan berhubung dengan kementerian MPIC. Ada sembilan orang wakil rakyat.

Yang Berhormat Ranau telah menimbulkan beberapa perkara tentang penanaman koko dan juga lain-lain tanaman. Bantuan untuk pekebun yang ingin menanam lada iaitu melalui Skim Tanaman Baharu Lada dengan kadar RM26,000. Kerajaan telah memperuntukkan RM26,000 bagi sehektar tanah yang ditanam dengan lada dan ini memang berjalan dan sudah pun berjalan. Walaupun pada tahun 2017 peruntukan ini telah dikurangkan, tetapi pengurangan ini adalah sama rata dengan kementerian-kementerian yang lain iaitu lebih kurang 30 peratus peruntukan tahun ini telah dikurangkan.

■2210

Jadi bagi lada, kerajaan telah memperuntukkan sekian banyak RM26,000 bagi sehektar untuk pekebun-pekebun yang ingin menanam lada. Jalan ladang. Jalan ladang ini memang kerajaan akui bahawa jalan ladang ini memang penting sebabnya sekiranya kita ada tanaman kelapa sawit ataupun getah dan lain-lain, kalau jalan tidak ada, maka ia akan membantutkan pengeluaran hasil daripada ladang-ladang ini.

Maka kerajaan telah memperuntukkan RM12 juta untuk tahun depan. Walaupun peruntukan ini telah merosot berbanding dengan tahun ini, tahun depan RM12 juta berbanding dengan tahun 2016 tetapi kerajaan akan, MPIC akan berusaha sedaya-upaya untuk melayan semua permohonan untuk membuat jalan ladang di kebun-kebun atau ladang-ladang yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan lain-lain komoditi.

Seterusnya Yang Berhormat Ranau juga bertanya tentang makmal perintis. Kerajaan telah berhubung dengan *downstream*. Kerajaan telah membangunkan sebuah makmal perintis coklat di Pusat Bioteknologi Koko (KKIP) Sabah. Makmal perintis ini bertujuan untuk membekalkan blok coklat kepada usahawan coklat buatan tangan di Sabah bagi mengembangkan hasil pembuatan coklat bantuan tangan di Sabah. Di bawah RMKe-11, kerajaan telah melaksanakan projek Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko. Projek ini adalah berkonsepkan *farm to table*.

Untuk makluman Dewan ini, ada tiga kawasan yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sebagai projek rantaian kluster ini iaitu di Ranau, Sabah, di Serian, Sarawak dan juga di Jerantut, Pahang. Kawasan-kawasan ini telah dikenal pasti sebab kesesuaiannya untuk diadakan penanaman koko. Koko ini sebenarnya memang, pada sebelum ini memang ia adalah satu tanaman yang amat menguntungkan tetapi pada tahun 90-an, 1990 ia menghadapi banyak masalah. Oleh sebab itu ramai daripada pekebun-pekebun koko telah berpindah kepada tanaman-tanaman lain seperti kelapa sawit.

Oleh sebab itu apabila harga koko meningkat di pasaran dunia, maka sekarang kerajaan mula memperkenalkan semula penanaman koko ini tetapi penanaman koko ini ramai pekebun yang telah serik dengan penanaman koko. Mereka masih lagi waswas untuk menyahut permintaan kerajaan ataupun cadangan kerajaan untuk menanam semula koko.

Seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya telah mempersoalkan tentang penurunan, pengecilan peruntukan yang telah ditawarkan kepada MPIC dan juga dalam bidang-bidang MPIC yang lain. Sebenarnya perkara ini memang bukan MPIC sahaja yang dikurangkan tetapi kementerian-kementerian yang lain juga dikurangkan lebih kurang 30 peratus daripada peruntukan yang lalu. Akan tetapi kerajaan ataupun MPIC akan berusaha sedaya-upaya untuk melaksanakan program-program yang telah dirancang untuk memastikan dengan menggunakan tumpuan-tumpuan ataupun memberi keutamaan-keutamaan kepada bidang-bidang yang penting supaya dapat membantu rakyat dengan sebaiknya.

Yang Berhormat Kelana Jaya juga bertanya berhubung dengan Bajet 2017 secara umumnya mengalami pengurangan sebanyak 30 peratus. Seperti yang

dikatakan tadi, memang semua Kementerian pun dikurangkan peruntukan masing-masing sehingga 30 peratus dalam Bajet 2017.

Yang Berhormat Kelana Jaya juga bertanya berhubung dengan Kempen Anti Minyak Sawit. Sebenarnya kempen ini terus dijalankan dengan kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan juga Majlis Minyak Sawit Malaysia dengan juga Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri. Jadi ini telah diusahakan. Aktiviti-aktiviti promosi minyak sawit ini juga dibiayai melalui kutipan ses minyak sawit mentah yang dihasilkan.

Jadi sebetulnya wang ataupun kutipan yang diperolehi, didapati daripada ses minyak sawit ini juga membantu untuk MPOC melaksanakan program-program untuk menangkis Kempen Anti Minyak Sawit yang berlaku di Eropah. Dalam tempoh yang sama, MPOB juga menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dengan institusi-institusi penyelidikan di dalam dan luar negara mengenai kelebihan minyak sawit. Aktiviti ini juga akan dibiayai oleh kutipan ses.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya bangun.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh beritahu kita berapakah ses yang dikutip itu. Kalau tidak ada angka, boleh bagi secara bertulis. Sebelum itu Menteri dah beritahu kita tentang potongan 30 peratus itu, saya minta itu butiran. Bagi kita, penting untuk kita membuat analisis sama ada butiran yang dipotong itu penting atau tidak. Kalau boleh itu secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansor: Ya, butiran-butiran itu sebab ia terperinci, kita tiada di dalam tangan saya sekarang ini. Maka kita akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Lipis... Yang Berhormat Lipis ada?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Timbalan Menteri, soalan saya tentang NKEA, kenapa naik ke RM79 juta itu. Ia ditambah, semua perkara lain dipotong tetapi ini bertambah. Jadi kalau boleh bagi butiran tentang perkara itu secara bertulis, saya boleh terima. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansor: Ya, kita akan beri jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Lipis bertanya tentang usaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah. Jadi LGM telah melaksanakan pelbagai program untuk memastikan pekebun-pekebun kecil getah ini dapat dibela nasib mereka di mana harga getah di pasaran begitu rendah. Jadi kerajaan telah menggunakan sistem ataupun, Kementerian telah melaksanakan program IPG di mana harga telah ditetapkan, harga

ataupun paras harga pengaktifan ataupun PHP telah dikenakan, telah dilaksanakan oleh kementerian iaitu RM5.50 untuk SMR 20 dan juga RM2.20 bagi *cup lump*.

Jadi ini bertujuan untuk membantu peladang-peladang getah. Apabila harga getah turun daripada RM5.50 ataupun turun daripada paras RM2.20, maka kerajaan akan membayar yang selebihnya. Jadi itu telah dilaksanakan dengan baik, cuma sekarang ini belum semua pekebun kecil menuntut bantuan ini, mungkin juga disebabkan mereka tidak tahu bahawa perkara ini sedang berjalan, bantuan-bantuan ini. Akan tetapi LGM berusaha sedaya-upaya untuk menyebarkannya ke seluruh negara melalui media massa seperti radio, surat khabar dan juga sembang waru dilaksanakan seterusnya untuk memastikan seluruh rakyat yang menanam getah ini akan mengetahui bahawa kemudahan IPG ini ada diadakan oleh LGM.

■2220

Yang Berhormat Lipis juga menyentuh berhubung dengan B7. B7 ini ialah di mana minyak diesel ini dicampurkan dan diadun dengan minyak kelapa sawit dan menghasilkan biodiesel. Jadi sekarang ini kita telah menggunakan B7 dan akan diperkenalkan juga B10 di penghujung tahun ini. B7 ini sebenarnya ia baik sebabnya ia akan menggunakan banyak minyak kelapa sawit di dalam negara ini.

Jadi dengan terlaksananya B7, kerajaan telah menggunakan 352,000 metrik tan minyak kelapa sawit yang digunakan. Kita menjangkakan akan bertambah besar lagi penggunaan minyak kelapa sawit ini apabila B10 diperkenalkan pada hujung tahun ini. Jadi itu adalah baik untuk peladang-peladang kelapa sawit sebabnya ia akan memastikan harga minyak kelapa sawit itu akan stabil ataupun kalau tidak ia akan naik daripada harga pasaran.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Lipis. Sila, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian melalui Yang Berhormat Menteri. Saya ingin sedikit bertanya persoalan yang saya bangkitkan berkenaan dengan kajian daripada LGM berkenaan dengan getah yang akan dijadikan bitumen untuk membina jalan raya. Saya tengok sudah terlepas daripada getah. Tidak ada jawapan tadi. Jadi saya ingin bertanya kembali, adakah setakat ini kajian ini telah dilakukan dan *survival* untuk dilaksanakan.

Satu lagi LGM ada membuat kajian daripada getah ini boleh dijadikan sebahagian daripada bitumen. Adakah ia benar dan kajian itu kalau boleh telah

dihasilkan mungkin boleh untuk menstabilkan harga getah dan boleh kita bercakap kepada kestabilan harga komoditi getah ini.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya baru ingin menjawab berhubung dengan *rubberized road*. Tidak sempat saya menjawab, dia telah tanya semula. Ya sebenarnya *rubberized road* ini memang kita perkenalkan sebabnya kajian saintis-saintis kita daripada LGM telah mendapati bahawa *rubberized road* ini adalah baik. Sebabnya dia punya *maintenance* murah walaupun kos pembinaan *rubberized road* ini adalah mahal sedikit tetapi dia punya *maintenance* kurang.

Jadi inilah yang akan diperkenalkan dan setakat ini sudah lima kilometer jalan telah dibina untuk kajian untuk memastikan ia benar-benar menguntungkan. Jadi yang ini memang akan dilaksanakan dan kita menganggarkan bahawa sekiranya MOU telah ditandatangani di antara LGM dengan JKR untuk memastikan semua jalan JKR ini akan menggunakan sistem *rubberized road* ini. Kalau ini yang berlaku, maka kita anggar bahawa harga getah akan meningkat sebab penggunaannya akan bertambah sebab kita banyak membina jalan-jalan di seluruh negara.

Ya Yang Berhormat Batu Gajah. Ada Yang Berhormat Batu Gajah? Ada, ada. Sebetulnya penanaman komoditi-komoditi yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah itu sebenarnya komoditi-komoditi ini bergantung kepada kesesuaian tanah. Kita tidak juga boleh tanam sesuka hati kita sebab ia mungkin tidak akan menghasilkan tanaman ataupun hasil yang baik.

Jadi kadangkala memang tidak boleh kita tukar daripada kelapa sawit mungkin tidak sesuai ditukar daripada sesuatu tanaman dan ditukar dengan koko. Kita tahu harga koko memang meningkat iaitu di pasaran iaitu RM9,000 satu metrik tan. RM8,000 atau RM9,000 satu metrik tan memang amat baik sekali penanaman koko ini dihidupkan semula. Akan tetapi ia juga bergantung kepada kesesuaian tanah untuk menanam koko.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Yang Berhormat Menteri, belakang. Kanowit, Kanowit. Berkenaan dengan penanaman komoditi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini Yang Berhormat Putatan tidak ada sebab dia adalah Pengerusi Lembaga Koko Malaysia. Beliau telah melawat tempat saya dalam tahun ini, awal tahun ini dan berjanji untuk memberi pelbagai bantuan untuk pekebun kecil menanam semula koko-koko. Akan tetapi malangnya apabila saya bertanya kembali beliau berkata peruntukan sudah tidak ada lagi.

Yang Berhormat Menteri, saya melihat peruntukan yang diberi kepada Lembaga Getah, Lembaga Lada, MPOB, Lembaga Koko memang tidak mencukupi dalam RM18 juta, RM14 juta, RM24 juta. Jadi soalan saya adalah adakah bantuan-bantuan yang selalu diberi dalam setiap tahun kepada pekebun kecil ini daripada segi bantuan benih,

anak benih, bantuan baja, bantuan naik taraf jalan dan sebagainya adakah perkara ini termasuk dalam peruntukan yang besar iaitu NKEA. Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Seperti yang kita tahu seperti yang saya nyatakan awal-awal tadi bukan kementerian kita sahaja, bukan Kementerian MPIC sahaja yang mengalami kekurangan peruntukan tetapi kementerian-kementerian yang lain juga. Apa yang penting bagi kita ialah kita akan rombak semula semua usaha kita ataupun perancangan kita dan menyesuaikan rancangan kita dengan peruntukan yang ada. Dalam pada itu, MPIC juga meminta dan merayu kepada Kementerian Kewangan supaya peruntukan-peruntukan ini ditambah di mana yang amat memerlukan.

Yang Berhormat Pasir Puteh bertanya tentang penanaman kelapa yang dimakan. Jadi sebetulnya soalan ini harus ditujukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Penanaman kelapa makan ini bukan di bawah Kementerian MPIC.

Yang Berhormat Pasir Puteh juga bertanya berhubung insentif-insentif yang telah diberi kepada penanam-penanam getah. Jadi seperti yang saya maklumkan tadi, insentif yang diperkenalkan oleh MPIC berhubung dengan penanaman getah adalah IPG. Jadi IPG ini diberi di mana harga di pasaran telah turun dan ia akan ditambah. Selebihnya akan ditambah oleh kerajaan.

Begitu juga bantuan *one-off* yang bernilai RM500. Ini adalah juga disebabkan kejatuhan harga getah. Pada musim tengkujuh RM200 diberi oleh kerajaan pada tiga bulan pada musim tengkujuh iaitu bulan Oktober, November dan Disember, diberi oleh kerajaan kepada penanam-penanam getah.

Yang Berhormat Kuala Terengganu bertanya tentang Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC) di UK. Jadi, kerajaan masih mengekalkan pemilikan ke atas bangunan TARRC atau bangunan Tun Abdul Razak Research Centre di UK. Sebetulnya bangunan atau *research centre* ini telah membantu kepada kita, kepada Kerajaan Malaysia untuk memperkenalkan penggunaan-penggunaan hasil getah di negara-negara Eropah. Ia masih lagi dalam pemilikan Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa kali sekianlah. Saya tengok Yang Berhormat Gerik pun sekian, Yang Berhormat Sik pun sekian.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Semua mengantuk Tuan Pengerusi, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu belum Yang Berhormat Tenggara lagi kata sekian. *[Ketawa]*

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Itu yang malangnya kalau penghabisan yang menjawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *[Ketawa]*
Yang lain jawapan bertulis Yang Berhormat.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur: Ya, saya kira Tuan Pengerusi semua isu telah dijawab dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan di atas Belanjawan 2017 di Dewan yang mulia ini terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Bagi mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab di sini, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap semua isu supaya industri komoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Sekian terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apabila petik nama Yang Berhormat Tenggara barulah Yang Berhormat hendak berhenti. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM161,283,500 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM161,283,500 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM285,608,500 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM285,608,500 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 10 November 2016. Bersetuju kah tidak bersetuju?

Beberapa Ahli: Setuju. *[Ketawa]*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.33 malam]